

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KESAN PENGURUSAN BENCANA TSUNAMI AKIBAT
PENYERTAAN NGO DAN ULAMA TERHADAP
BANTUAN SERTA KETERDEDAHAN DI ACHEH**



**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
24 MEI 2017**

**KESAN PENGURUSAN BENCANA TSUNAMI AKIBAT
 PENYERTAAN NGO DAN ULAMA TERHADAP
 BANTUAN SERTA KETERDEDAHAN DI ACHEH**



**Tesis yang diserahkan kepada
Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,
Universiti Utara Malaysia,
untuk memenuhi bagi Ijazah Doktor Falsafah**

KEBENARAN MERUJUK

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan daripada Universiti Utara Malaysia untuk mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:



ABSTRAK

Kajian ini didorong oleh isu yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat semasa dan selepas kejadian bencana Tsunami di Achen. Oleh kerana kajian ini secara khusus ingin mengetahui pelbagai kesan positif dan negatif dalam pengurusan bencana Tsunami, maka daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue telah dipilih disebabkan dekat dengan punca Tsunami. Kajian ini bertujuan untuk menyiasat kesan pengurusan bencana akibat penyertaan komuniti terhadap bantuan kemanusiaan dan keterdedahan di Aceh semasa dan selepas pengurusan bencana. Ia bermula dengan fasa-fasa dalam pengurusan bencana serta penglibatan *NGO* dan Ulama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah etnografi dalam mengumpul data melalui temubual dan pemerhatian. Sampel kajian adalah sebanyak 23 orang yang terdiri daripada mangsa Tsunami, bekas pekerja *NGO*, Ulama dan pihak kerajaan. Analisis data yang digunakan adalah analisis data kualitatif yang diproses menggunakan perisian NVivo 11. Kajian mendapati empat tema utama iaitu: Pertama, tema pengurusan bencana memperolehi 59 rujukan terhadap kesan seperti amaran awal, penyelarasan bantuan dan penerima manfaat. Kedua, tema penyertaan komuniti memperolehi 52 rujukan terhadap kesan pemerkasaan masyarakat dan kearifan tempatan. Ketiga, tema bantuan kemanusiaan memperolehi 44 rujukan terhadap kesan program *cash for work* dan program kaunseling. Keempat, tema keterdedahan memperolehi 47 rujukan terhadap kesan kekaratan akidah dan kedangkalan akidah. Kajian ini telah menyumbang kepada pembinaan satu kerangka konseptual terhadap usaha pengurusan bencana di masa depan. Kajian ini juga boleh menjadi rujukan kepada pihak kerajaan Aceh untuk mengurus bencana Tsunami dengan lebih berkesan terutama dengan kehadiran pihak komuniti asing dan *NGO* asing semasa pengagihan bantuan kerana di sebalik kesan positif, terdapat juga kesan negatif yang menggugat kemampunan Islam dalam persekitaran masyarakat di Aceh.

Kata Kunci : pengurusan bencana, penyertaan komuniti, *NGO*, Ulama, bantuan kemanusiaan dan keterdedahan.

ABSTRACT

This study is motivated by issues surrounding the victims and community during and after the Tsunami disaster in Aceh. In order to identify various positive and negative impacts of Tsunami disaster management, two areas that are located in the proximity of Tsunami, the Western Aceh and Simeulue Islands have been chosen. The aim is to investigate the impact of disaster management ensuing from community involvement in the humanitarian aids and their vulnerability in Aceh. It begins with the phases in disaster management and the involvement of NGOs and Muslim scholars. It applies a qualitative approach utilizing ethnography method by collecting data through interviews and observations. 23 people comprising Tsunami victims, ex-NGO volunteers, muslim scholars and government servants were chosen as samples. NVivo 11, the qualitative data analysis software, was used to analyze the data. The finding reveals four important themes: First, the disaster management theme with 59 references on the effects of early warning, coordination of aids and beneficiaries. The next theme is community engagement with 52 references on the impacts of community empowerment and local wisdom. Thirdly, the humanitarian assistance theme with 44 references on the effects of cash for work and the counseling programme. The fourth theme identifies vulnerability with 47 references on rustiness and shallowness of aqidah. This study has contributed to the establishment of a conceptual framework to be used to guide disaster management in the future. Besides, it can also be a reference to the government of Aceh in managing Tsunami disaster more effectively, especially with the presence of foreign communities and foreign NGOs during the distribution of aids which may not only bring positive, but also negative consequences since it may obscure the sustainability of Islam among the community of Aceh.

Keywords: disaster management, community participation, NGOs, scholars, humanitarian assistance and vulnerability.

PENGHARGAAN

Segala puji dan rasa syukur kepada Allah SWT, atas limpahan rahmatNya jualah penyelidik boleh menyiapkan tesis ini. Penyelidik juga merakamkan terima kasih yang tiada terhingga kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung. Tanpa ada sokongan dan bantuan sahabat serta kerabat, maka tesis ini tidak mungkin selesai. Terutamanya, penyelidik menjunjung setinggi-tinggi penghargaan kepada penelia kedoktoran iaitu Prof. Madya Dr. Norsiah Mat daripada Kolej Pengurusan Perniagaan Universiti Utara Malaysia, di atas segala tunjuk ajar, khidmat nasihat, kerjasama dan sokongan beliau pada semua peringkat dalam menyiapkan tesis ini. Berkat bimbingan beliau merupakan satu pengajaran yang amat bernilai kepada penyelidik. Seterusnya, penyelidik hantarkan doa kepada Allahyarham Ayahanda Drs. Haji. Usman Muhammad dan Allahyarhamah Ibunda Hajjah Saidah Mahmud yang telah membesar dan membimbang penyelidik sebelum mereka menjadi salah satu mangsa bencana tsunami di penghujung tahun 2004. Selain itu kepada isteri tercinta Nurfajri dan buah hati penyelidik Daffa Rokan Ramadhan yang selalu memberikan sokongan dan semangat kepada penyelidik untuk boleh menyelesaikan pengajian Doktoral Falsafah ini. Terima kasih juga kepada saudara kandung penyelidik, seperti Dra.Marlinda, Ir.Nasrita, Mulyana.SP, Hirnawati.SE dan Hajat Saputra.SE. Akhir sekali terimakasih kepada ayah dan ibu mertua Haji.Idrus Abdullah, Hajjah. Nelly Rustam dan keluarga di Malaysia seperti Encik Rodzi sekeluarga, Pak Long Rahman sekeluarga, H.Ramli MS (Bupati Aceh Barat), Prof. Dato“ Dr Fakhrudin bin Abdul Mukti. Datin Zahara, Dr. Abdullah Sani, Siddiq, Letkol Dadank Alex, Mawardi, Edy Sofyan, Tim Asistensi Bupati Terpilih serta bang bahagia, elsa, dek-ubit. Tidak lupa kepada sahabatku Allahyarham Syahnuran Hasan.SH yang telah memberikan pelbagai nasihat untuk penyelidik. Tidak ketinggalan juga kepada para Student Acheh Planner dan orang-orang yang tidak disebutkan untuk mereka semua karya ini penyelidik dedikasikan.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN TAJUK	i
KEBENARAN MERUJUK	ii
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
GLOSARI	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Batasan Kajian.....	15
1.8 Definisi Terma.....	16
1.8.1 Pengurusan Bencana	16
1.8.1.1 Fasa Pencegahan.....	16
1.8.1.2 Fasa Tindak Balas Kecemasan	16
1.8.1.3 Fasa Pemulihan Dan Pembinaan	17
1.8.2 Penyertaan Komuniti	17
1.8.2.1 <i>Non Goverment Organization</i>	17
1.8.2.2 Ulama.....	17
1.8.3 Bantuan Kemanusiaan	18
1.8.3.1 Bantuan Kewangan.....	18
1.8.3.2 Bantuan Psikologis	18
1.8.4 Keterdedahan	18
1.8.4.1 Keterdedahan Sosioekonomi	19
1.8.4.2 Keterdedahan Sosiobudaya.....	19
1.9 Organisasi Kajian.....	19
BAB 2 ULASAN KESUSASTERAAN	21
2.1 Pengenalan.....	21
2.2 Pengertian Bencana dalam Perspektif Konvensional	21
2.3 Pengertian Bencana dalam Perspektif Islam.....	26
2.4 Konsep Pengurusan Bencana.....	31
2.4.1 Fasa Pencegahan	34
2.4.2 Fasa Kesiapsiagaan	36

2.4.3	Fasa Tindak Balas Kecemasan	39
2.4.4	Fasa Pemulihan Dan Pembinaan.....	41
2.5	Teori Penyertaan Komuniti.....	44
2.6	Penyertaan <i>Non Goverment Organisation</i>	49
2.7	Penyertaan Ulama.....	54
2.8	Konsep Bantuan Kemanusiaan.....	61
2.8.1	Teori Keterdedahan.....	64
2.9	Kesimpulan.....	69
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	70
3.1	Pengenalan.....	70
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	70
3.2.1	Kaedah penyelidikan kualitatif	72
3.2.2	Reka Bentuk Protokol Penyelidikan	76
3.3	Kaedah Pengumpulan Data.....	81
3.3.1	Pemilihan Partisipan	81
3.3.2	Persampelan	89
3.3.3	Unit Analisis	90
3.3.4	Pemerhatian Penyertaan.....	91
3.3.5	Dokumen Sekunder.....	92
3.3.6	Keesahan	93
3.3.6.1	Pernyataan Penyelidik Sebagai Instrumen.....	93
3.3.6.2	Keesahan Partisipan.....	95
3.4	Batasan dan Delimitasi	96
3.5	Kaedah Analisis Data	97
3.5.1	Model Analisis Data	98
3.5.1.1	Perisian NVivo 11.....	101
3.5.1.2	Membuat Projek.....	103
3.5.1.3	Import Data Ke Dalam Projek	104
3.5.1.4	Klasifikasi Sumber Dan Partisipan.....	105
3.5.1.5	Pengekodan (<i>Coding</i>)	105
3.5.1.6	Pembentukan Hierarki Nod	107
3.5.1.7	Kedalaman Analisis	108
3.5.1.8	Keputusan Laporan	109
3.6	Kesimpulan.....	110
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	111
4.1	Pengenalan.....	111
4.2	Profil Kawasan Penyelidikan.....	111
4.2.1	Profil Acheh Barat (<i>Meulaboh</i>)	114
4.2.2	Profil Kepulauan Simeulue (<i>Sinabang</i>)	115
4.3	Tema Pertama : Pengurusan Bencana.....	117
4.3.1	Subtema Fasa Pencegahan Bencana	121
4.3.1.1	Amaran Awal.....	123
4.3.2	Subtema Fasa Tindak Balas Kecemasan	128
4.3.2.1	Penyelarasaran Bantuan.....	130
4.3.3	Subtema Fasa Pemulihan dan Pembinaan	135
4.3.3.1	Penerima Manfaat	137
4.4	Tema Kedua : Penyertaan Komuniti.....	142
4.4.1	Subtema Penyertaan <i>NGO</i>	147

4.4.1.1	Pemerkasaan Masyarakat.....	149
4.4.2	Subtema Penyertaan Ulama	158
4.4.2.1	Kearifan Tempatan	160
4.5	Tema Ketiga : Bantuan Kemanusiaan	171
4.5.1	Subtema Bantuan Kewangan	175
4.5.1.1	Program <i>Cash For Work</i>	177
4.5.2	Subtema Bantuan Psikologis	187
4.5.2.1	Program Kaunseling	189
4.6	Tema Keempat : Keterdedahan	199
4.6.1	Subtema Keterdedahan Sosioekonomi	203
4.6.1.1	Kekaratan Akidah	205
4.6.2	Subtema Keterdedahan Sosiobudaya.....	214
4.6.2.1	Kedangkalan Akidah	216
4.7	Sentimen Positif dan Negatif.....	229
4.8	Kesimpulan.....	235
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN		236
5.1	Penjelasan	236
5.2	Perbincangan.....	236
5.2.1	Kesan Pengurusan Bencana Mengikut Fasanya	238
5.2.2	Kesan Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Bencana	240
5.2.3	Kesan Bantuan Kemanusiaan Dalam Pengurusan Bencana	242
5.2.4	Kesan Keterdedahan Selepas Pengurusan Bencana Tamat	244
5.2.5	Model Konseptual.....	247
5.3	Implikasi Kajian.....	252
5.4	Cadangan Kajian.....	254
5.5	Kesimpulan.....	257
RUJUKAN		260
SENARAI LAMPIRAN.....		272
Lampiran B1 : Borang Persetujuan Penyelidikan		273
Lampiran B2 : Protokol Penyelidikan.....		276
Lampiran B3 : Peta Provinsi Aceh.....		280
Lampiran B4 : Diari dan Catatan Penyelidik		284
Lampiran B5 : Gambaran Tsunami, Tempat Perlindungan dan Peserta.....		288
Lampiran B6 : Data Sekunder.....		294
Lampiran B7 : Data Hasil Perisian NVivo 11.....		303

SENARAI JADUAL

NO	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Jumlah Mangsa dan Kerugian Impak Bencana Tsunami di Aceh	2
Jadual 2.1	Jenis-Jenis Penyertaan	48
Jadual 3.1	Partisipan mengikut kod dan Jantina	84
Jadual 3.2	Profil Mangsa di Aceh Barat dan Kepuluaan Simeulue	85
Jadual 3.3	Profil bekas pekerja NGO, jawatan dan lamanya bekerja	86
Jadual 3.4	Profil Ulama berikut Nama Sekolah Pondok dan Jawatan di MPU	87
Jadual 3.5	Profil pihak Kerajaan Aceh	88
Jadual 4.1	Matriks Coding pada Tema Pengurusan Bencana di Aceh	119
Jadual 4.2	Matrik Coding pada Tema Penyertaan Komuniti	145
Jadual 4.3	Matrik Coding pada Tema Bantuan Kemanusiaan di Aceh	173
Jadual 4.4	Matrik Coding pada Tema Keterdedahan	201
Jadual 4.5	Sentimen Positif dan Negatif pada Kesan Pengurusan Bencana	230



SENARAI RAJAH


NO	TAJUK	MUKA SURAT
	Rajah 1.1 Komitmen dan Peruntukan dalam Pembinaan di Aceh	3
	Rajah 2.1 Kategori Bencana Mengikut Sebabnya	24
	Rajah 2.2 Kitaran Pengurusan Bencana	32
	Rajah 2.3 Konseptual Keterdedahan	65
	Rajah 2.4 Faktor-Faktor Keterdedahan	67
	Rajah 3.1 Model Analisis Data	99
	Rajah 3.2 Petikan Sumber Folder	104
	Rajah 3.3 Petikan Atribut yang diberikan kepada Nod Peserta	105
	Rajah 3.4 Petikan Coding jalur and penjelasan teks	106
	Rajah 3.5 Petikan Struktur Hirarki pada Nod Utama	107
	Rajah 3.6 Petikan Matrix Coding Queries	108
	Rajah 3.7 Petikan pencarian query perkataan	109
	Rajah 4.1 Tema Pengurusan Bencana Mengikut Fasa-Fasanya di Aceh	118
	Rajah 4.2 Coding Referensi pada Tema Pengurusan Bencana di Aceh	120
	Rajah 4.3 Coding Referensi pada Subtema Fasa Pencegahan	122
	Rajah 4.4 Pokok Perkataan pada Amaran Awal	123
	Rajah 4.5 Coding Referensi pada Subtema Fasa Tindak Balas Kecemasan	129
	Rajah 4.6 Pokok Perkataan Penyelarasian Bantuan	131
	Rajah 4.7 Coding Referensi dalam Subtema Pemulihan dan Pembinaan	136
	Rajah 4.8 Pokok Perkataan Penerima Manfaat	138
	Rajah 4.9 Tema Penyertaan Komuniti semasa Pengurusan Bencana Tsunami	144
	Rajah 4.10 Coding Referensi dalam Tema Penyertaan Komuniti	146
	Rajah 4.11 Coding Referensi dalam Subtema Penyertaan <i>NGO</i>	148
	Rajah 4.12 Pokok Pemeriksaan Masyarakat	149
	Rajah 4.13 Coding Referensi dalam Subtema Penyertaan Ulama	159
	Rajah 4.14 Pokok Perkataan Kearifan Tempatan	160
	Rajah 4.15 Tema Bantuan Kemanusian dalam Pengurusan Bencana	170
	Rajah 4.16 Coding Referensi dalam Tema Bantuan Kemanusiaan	174
	Rajah 4.17 Coding Referensi dalam Subtema Bantuan Kewangan	176
	Rajah 4.18 Pokok Perkataan Program <i>Cash For Work</i>	177
	Rajah 4.19 Coding Referensi dalam Subtema Bantuan Psikologis	188
	Rajah 4.20 Pokok Perkataan Program Kounseling	189
	Rajah 4.21 Tema Keterdedahan Selepas Pengurusan Bencana Tamat	200
	Rajah 4.22 Coding Referensi dalam Tema Keterdedahan	202
	Rajah 4.23 Coding Referensi dalam Subtema Sosioekonomi	204
	Rajah 4.24 Pokok Perkataan Kekaratan Akidah	205
	Rajah 4.25 Coding Referensi dalam Subtema Sosiobudaya	215
	Rajah 4.26 Pokok Perkataan Kedangkalan Akidah	216
	Rajah 4.27 Coding Referensi Sentimen Positif dan Negatif	229
	Rajah 5.1 Kerangka Konseptual	247

SENARAI SINGKATAN

ADB	Asian Development Bank
ADRA	Adventist Development and Relief Agency
AFSC	American Friend Service Commite
AINGOs	Autonomous or Independent NGOs
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BAPPEDA	Badan Perencanaan Pembangunan Daerah
BAPPENAS	Badan Perencanaan Pembangunan Nasional
BRR	Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi
BPBD	Badan Penanggulangan Bencana Daerah
BPS	Badan Pencatatan Statistik
CA	Cristian Aid
CCF	Cristian Children's Found
CFI	Child Fund International
CI	Caritas Internasional
CRS	Catholic Relief Services
DOM	Daerah Operasi Militer
DONGO	Donor organized NGO
FONGO	Foreign NGO
GAM	Gerakan Aceh Merdeka
GONGO	Government Organized NGO
GRDP	Gross Regional Domestic Product
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
IFRCS	International Federation of Red Cross
IOM	International Organisation Migration
IRW	Islamic Relief Worldwide
MTI	Medical Team International
MSF	Médecins Sans Frontières
MUI	Majelis Ulama Indonesia
MoU	Memorium of Understanding
MPU Acheh	Majelis Permusyawaratan Ulama
NGO	Non Government Organisation
NKRI	Negara Kesatuan Republik Indonesia
OXFAM	Oxford Committee for Famine Relief
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PP	Peraturan Pemerintah
POLRI	Poilisi Republik Indonesia
POL PP	Polisi Pamong Praja
POL WH	Polisi Wilayatul Hisbah
SATLAK PB	Satuan Pelaksanaan Penanggulangan Bencana
SKB Menteri	Surat Keputusan Bersama Menteri
TNI	Tentara Nasional Indonesia
UMCOR	United Methodist Committee on Relief
UNDP	United Nations Development Programme
UNHCR	United Nations High Commissioner for Refugees
UUPA	Undang Undang Pemerintah Acheh
WV	World Vision

GLOSARI

Pengurusan Bencana	Disaster Management
Penyertaan Komuniti	Community Participation
Bantuan Kemanusiaan	Humanity Aid
Keterdedahan	Vulnerability
Kearifan Tempatan	Local Wisdom
Fasa Pencegahan	Prevention Phase
Fasa Tindak Balas Kecemasan	Emergency Response Phase
Fasa Pemulihan	Recovery Phase
Fasa Pembinaan	Development Phase
Persampelan Bermatlamat	Purposive Sampling
Tebatan	Mitigation
Pemerkasaan Masyarakat	Community Empowerment
Kos Sara Hidup	Living Cost
Amaran Awal	Early Warning
Birokrasi	Bureaucratic
Penyelarasan	Coordination
Darurat Militer	Military Emergency
Peluang Pekerjaan	Employment Opportunities
Penerima Manfaat	Beneficiaries
Kekaratan Akidah	Rustiness of aqidah
Kedangkalan Akidah	Shallowness of aqidah



Universiti Utara Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi terma serta susun atur kajian. Perbincangan kajian bermula dengan menjelaskan pelbagai permasalahan terhadap proses pengurusan bencana tsunami akibat daripada penyertaan komuniti semasa pengagihan pelbagai bantuan kemanusiaan di Aceh. Seterusnya, menjelaskan pelbagai kesan keterdedahan yang tercetus dalam persekitaran mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana tsunami tamat di Aceh. Berasaskan daripada huraian permasalahan kajian, maka dibina huraian persoalan mengapa kajian ini perlu dilakukan, selepas itu objektif kajian, skop kajian, batasan kajian dan definisi terma serta juga menjelaskan susun atur dalam tesis ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bencana tsunami merupakan bencana alam yang tidak boleh dijangka atau melebihi had kesedaran manusia, seperti contoh kejadian gelombang tsunami pada penghujung tahun 2004 di Aceh. Kejadian bermula dari gempa bumi 8.9 Skala Righter yang berpusat pada 18.6 batu pada lautan dalam di Samudera Hindi, dengan titik paksi koordinat geografinya iaitu 3.32 darjah utara dan 95.85 darjah timur. Gempa bumi yang berlaku telah mencetuskan gelombang tsunami dengan kelajuan air laut mencapai 500 Km/Jam (Martin, 2005). Kesan gelombang tsunami yang

berlaku telah menyebabkan 173,741 mangsa yang mati dan 703,518 mangsa yang berpindah serta mencetuskan kerosakan prasarana seperti perumahan, sekolah, tempat kesihatan, pasar, masjid serta pelbagai binaan kerajaan. Untuk maklumat lebih jelas terhadap impak gelombang tsunami yang berlaku pada penghujung tahun 2004 di Aceh, sila lihat Jadual 1.1

Jadual 1.1


Jumlah Mangsa dan Kerugian Impak Bencana Tsunami di Aceh

Bil	Impak Tsunami	Jumlah	Keterangan
1.	Mati	173,741	Didapat dalam lima daerah di Aceh
2.	Hilang	63,512	Mangsa yang tidak didapati
3.	Masyarakat berpindah	703,518	Terdapat di tujuh daerah distrik
4.	Rumah rosak berat	142,371	Terdapat di lima daerah distrik
5.	Rumah rosak ringan	N/A	
6.	Sekolah hilang / rosak	2,000	
7.	Masjid rosak	15	120 masjid rosak ringan di lima daerah
8.	Pasar rosak	N/A	
9.	Hospital dan klinik rosak	122 unit	Hospital 8 unit dan klinik 114 unit di lima daerah
10.	Lebuhraya hilang / rosak	3,000 KM	
11.	Titi hilang / rosak	120 titi	
12.	Pertanian rosak	90,000 Ha	70.000 Ha tanah pertanian, 20.000 Ha tambak ikan

Sumber : BRR (B.Setiawan, 2007)

Jadual 1.1, mengesahkan bahawa impak kejadian gelombang tsunami tidak sahaja mencetuskan kepada mangsa mati dan hilang, tetapi telah juga membuat kerosakan kepada pelbagai sektor. Sektor pertama, kerosakan prasarana perumahan masyarakat yang mengalami kerosakan paling teruk. Sektor kedua, kerosakan prasarana ekonomi seperti kehilangan tempat usaha dan mata pencaharian. Sektor ketiga, kerosakan sarana sosial seperti terhentinya pelbagai aktiviti pendidikan, pentadbiran dan sosiologikal lainnya. Sektor keempat, kerosakan prasarana kawasan seperti terputus rangkaian lebuhraya, komunikasi dan telekomunikasi. Menurut laporan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (2005), kerosakan dan kerugian yang disebabkan oleh kejadian bencana tsunami mencecah angka RM 19,070,475,000.00 atau setaraf dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) tahun 2003 untuk Provinsi Aceh.

Melihat impak bencana tsunami, ia bukan satu usaha yang mudah untuk dilakukan sendiri oleh pihak Kerajaan Pusat dan pihak Kerajaan Negeri Aceh dalam usaha pemulihan dan pembinaan. Oleh sebab itu pihak Kerajaan Pusat sangat mengharapkan pelbagai bantuan daripada pelbagai komuniti antarabangsa. Sebagai tindakannya adalah dikeluarkan satu surat keputusan seperti Peraturan Pemerintah (PP) Nombor 2 Tahun 2006 terhadap tatacara pengurusan bencana tsunami dan penglibatan pihak komuniti Antarabangsa di Aceh. Usaha ini dilakukan sebagai mempercepatkan usaha pemulihan dan pembinaan selepas kejadian bencana tsunami (Deputi Sekretaris Kabinet Bidang Hukum, 2008). Keputusan Kerajaan Pusat Nombor 2 Tahun 2006, telah membuka ruang yang sangat luas kepada komuniti Antarabangsa untuk boleh melaksanakan pelbagai misi kemanusiaan di Aceh. Untuk mengetahui pelbagai komitmen dan peruntukan bajet dalam pengurusan bencana tsunami oleh pihak Kerajaan Pusat, institusi asing, *NGO* dan penderma, sila lihat Rajah 1.1



Rajah 1.1
Komitmen dan Peruntukan dalam pembinaan di Aceh
Sumber : Bappenas (2006)

Berasaskan Rajah 1.1, komitmen dan peruntukan bajet dalam pengurusan bencana tsunami di Aceh tidak sahaja terhad kepada usaha pemulihan dan pembinaan seperti semula jadi, bahkan telah membina yang lebih baik daripada sebelum berlakunya gelombang tsunami. Menurut laporan World Bank (2007), pelbagai sumbangan kewangan yang diperuntukkan dan diagihkan semasa pengurusan bencana di Aceh telah direkod dengan nilai mencecah RM 27,855,750,000.00 dengan butiran RM 8,142,450,000.00 diagihkan langsung oleh pihak *NGO*. Selain itu, RM 9,428,100,000.00 diagihkan langsung oleh pihak *GOI (Goverment of International)* dan terakhir RM. 9,856,650,000.00 diagihkan langsung oleh pihak penyumbang lainnya. Sumbangan kewangan tersebut digunakan dalam melakukan pemulihan dan pembinaan di Aceh, seperti penggunaan kewangan dalam sektor pembinaan perumahan mangsa, pemulihan prasarana ekonomi dan juga pembinaan pada sektor sosiologikal yang rosak.

Menurut hujah Masyrafah dan McKeon (2008), pengurusan bencana tsunami yang dilakukan pada tahun 2005 sehingga tahun 2009, telah melibatkan sebanyak 2,200 aktiviti projek kemanusiaan, dengan butiran 1,643 projek atau 75 peratus (75%) dilaksanakan oleh beberapa kumpulan *NGO*. Selain itu, 397 projek atau 18 peratus (18%) dilaksanakan oleh pihak agensi Kerajaan Pusat melalui BRR (*Badan Rehabilitasi dan Rekonstruksi*). Selepas itu 152 projek atau tujuh peratus (7%) dilaksanakan oleh *NGO* tempatan yang dipercayai oleh pihak *NGO* asing dan BRR Aceh. Projek kemanusiaan yang dilaksanakan semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh merupakan aktiviti projek terbesar di dunia yang pernah dilakukan oleh pelbagai komuniti Antarbangsa. Hal ini menjelaskan pengurusan bencana tsunami di Aceh tidak sahaja melibatkan satu pihak sahaja (*Kerajaan Pusat*) tetapi dilakukan

oleh pelbagai komuniti Antarbangsa. Oleh itu, untuk mendapat satu maklumat terhadap pengurusan bencana tsunami, maka dilakukan penyelidikan secara penerokaan bermula dari fasa-fasa seperti dalam kitaran pengurusan bencana. Seterusnya melakukan penyelidikan kepada penyertaan komuniti seperti komuniti Antarbangsa dan tempatan semasa pengurusan bencana di Aceh. Keputusan kajian ini adalah untuk mengetahui kesan-kesan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunaki di Aceh. Selain itu, keputusan kajian ini bukan bermatlamat mencari kesalahan pihak tertentu, tetapi sebagai usaha penambahbaikan kepada pihak kerajaan supaya sebarang tindakan yang harus dilakukan pada masa depan boleh melakukan pengurangan terhadap risiko bencana.

1.3 Permasalahan Kajian

Pengurusan bencana adalah usaha untuk mengelakkan potensi kerugian daripada satu kejadian bencana dengan menyediakan pertolongan dan bantuan kepada mangsa yang terjejas bencana. Tindakan yang dilakukan dalam pengurusan bencana bermula daripada usaha pencegahan, tindak balas kecemasan dan pemulihan serta pembinaan selepas kejadian bencana (Mustafa, 2007). Pengurusan bencana tidak boleh berkesan jikalau tiada penglibatan komuniti yang merupakan pelakon utama dalam pengurusan bencana. Menurut laporan pihak Badan Perencanaan Pembangunan Nasional (*Bappenas*) (2006), jumlah penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh mencecah 133 negara, 435 *NGO* dan 4,478 tentera asing. Hal ini belum termasuk para pekerja dari luar daerah Aceh yang sengaja masuk untuk mendapatkan pelbagai pekerjaan dari pihak *NGO* yang melaksanakan aktiviti di Aceh (*Bappenas*, 2006). Penyertaan komuniti seperti *NGO* dalam pengurusan bencana merupakan salah satu elemen penting disebabkan semua tindakan yang

digunakan adalah menggunakan kaedah partisipatif kepada penerima faedah dalam setiap perancangannya (Vebry, Manu, & Berman, 2007). Selain itu, tindakan yang kerap dilakukan adalah membantu usaha memperkasakan masyarakat dalam mempertahankan pelbagai hak keperluan seperti contoh pendidikan, kesihatan serta sebagai penghubung masyarakat dengan pihak kerajaan (Pandey & Okazaki, 2005). Penyertaan *NGO* dalam pengurusan bencana tidak sahaja dalam mengagihkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa, tetapi mereka turut mengambil bahagian dalam usaha pemulihan dan pembinaan seperti contoh membantu dalam menguatkan beberapa institusi tempatan supaya boleh mengatasi pelbagai kesukaran yang dihadapi selepas kejadian bencana (Diamond, 2001).

Melihat semula ke belakang, pengurusan bencana yang dilaksanakan daripada tahun 2005 sehingga 2009 mengesahkan penyertaan komuniti seperti *NGO* telah membawa pelbagai kesan positif terhadap usaha memulihkan kehidupan sosioekonomi. Hal ini dibuktikan banyaknya bantuan modal usaha dan pelbagai peralatan usaha kepada masyarakat yang terjejas bencana tsunami di Aceh. Menurut hujah Erwansyah, Awang, dan Jusof, (2011), penyertaan *NGO* terutama *NGO* asing semasa pengurusan bencana tsunami telah membawa kesan positif kepada sosioekonomi mangsa dan masyarakat di Aceh. Namun demikian, menurut Anggun Susilo, (2007), penyertaan *NGO* terutama *NGO* Asing telah juga membawa satu kesan negatif kepada mangsa dan masyarakat di Aceh seperti contoh kerap didapati masyarakat yang suka meminta-minta bantuan, tumbuhnya budaya hedonisme, kerap tercetusnya kecemburuhan sosial dan kerap terjadi konflik antara sesama masyarakat serta semakin menurunnya bilangan masyarakat yang mematuhi kepada qanun daerah terhadap pelaksanaan Syariah Islam di Aceh.

Menurut Dadek (2013), kesan negatif yang berlaku semasa pengurusan bencana tsunami dikeranakan setiap projek yang dibina telah menjadikan mangsa dan masyarakat sebagai objek dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan oleh *NGO*. Selain itu adanya ketidakseimbangan semasa pengurusan bencana tsunami terhadap pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Namun demikian, kesan sampingan yang tercetus semasa pengurusan bencana tsunami salah satunya disebabkan daripada kebiasaan masyarakat yang terlampau cepat akrab sesama pihak asing berlainan agama dan budaya. Kebiasaan ini telah mencetuskan satu keimbangan dalam masyarakat Aceh tersebut. Kebimbangan semakin bertambah dengan kehadiran *NGO* asing yang bermotif keagamaan dalam usaha membantu mangsa di Aceh. Menurut laporan Badan Penanggulangan Bencana Daerah (*BPBD*) (2010), dari 435 *NGO* Antarbangsa dan Nasional yang ada di Aceh, terdapat 44 *NGO* Antarbangsa/asing yang kumpulannya berdasarkan motif keagamaan yang berbeza dengan agama yang dianut oleh keseluruhan masyarakat Aceh. Kehadiran beberapa *NGO* asing yang memiliki motif keagamaan tentu boleh mencetuskan satu keimbangan terutama terhadap kemampuan agama Islam di Aceh.

Kehadiran kumpulan *NGO* asing yang bermotif keagamaan telah mendapat kebenaran dari pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Aceh, disebabkan matlamat kehadiran *NGO* asing itu hanya mengagihkan pelbagai bantuan kemanusiaan kepada mangsa tsunami supaya boleh kembali kepada asas kehidupan semula. Matlamat tersebut tentunya dibagikan kebenaran oleh pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Aceh, tetapi jika ada di luar niat asal maka ia boleh membawa permasalahan baharu dalam kehidupan masyarakat. Sebagaimana pepatah yang dipopularkan oleh Friedman (1975) “*There's no such thing as a Free Lunch*”,

maknanya tidak mungkin ada yang memberikan dengan cara percuma tanpa ada satu perkara lain yang diinginkan. Kebimbangan itu bukan satu yang berlebihan, mengingat bantuan yang diagihkan adalah membantu usaha memulihkan mangsa yang lemah atau yang terjejas bencana seperti di Aceh. Namun demikian, menurut hujah Uthman (2005) bahawa segala daya upaya yang dilakukan pihak komuniti asing adalah menyediakan pelbagai bantuan kemanusian dan kemudahan secara ekonomi kepada mangsa dan masyarakat yang lemah supaya mudah dilakukan satu pengaruh sesuai dengan keinginannya (*kedangkalan akidah*). Pendapat ini disokong oleh hujah Shamrahayu A Aziz (2013) bahawa satu motif supaya kompas kepercayaan masyarakat dan keimanan ummah Islam yang menghala ke arah kerohanian boleh diubah dengan meletak dan membuka pelbagai ruang logik yang lebih besar seperti bantuan secara ekonomi.

Kedua-dua hujah yang dihuraikan itu telah menjadi kenyataan dalam kehidupan mangsa dan masyarakat semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami di Aceh. Seperti ungkapan peribahasa Melayu “*Sudah Jatuh Ditimpa Tangga*” maknanya sudah berturut-turut masyarakat Aceh mendapati kesusahan yang bermula daripada konflik vertikal, bencana tsunami dan telah juga berlaku keterdedahan selepas pengurusan bencana tsunami. Keterdedahan seperti kekaratan dan kedangkalan akidah tidak mudah berlaku di Aceh, jikalau pelaksanaan Qanun Syariah Islam diiktiraf oleh Kerajaan Aceh daripada tahun 2002 boleh dilaksanakan dengan baik. Namun demikian, kenyataan yang berlaku adalah pelaksanaan Qanun Syariah Islam sebagai usaha menjaga akidah masyarakat, belum mampu manghalangi pelbagai kesan sampingan yang tercetus semasa pengurusan bencana tsunami. Hal ini dibuktikan dengan didapati pelbagai kes yang berlaku di Aceh.

Menurut laporan Polis Wilayatul Hisbah (2011) daripada penghujung tahun 2009 telah didapati 60 kes kedangkalan akidah yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Kes kedangkalan akidah merupakan kes terhadap orang Islam yang telah berpindah keyakinan atau dimisionariskan (*dibaptis*) daripada agamanya (*Islam*) kepada agama kristian atau lainnya. Kes kedangkalan akidah boleh berpunca daripada terbukanya akses masuk yang luas kepada pihak misionaris melalui komuniti asing seperti *NGO* semasa melaksanakan aktiviti pengurusan bencana tsunami di Aceh (Arida Sahputra, 2012).

Menurut hujah Yusuf Al-Qardhawi (2015), Aceh merupakan salah satu kawasan yang dijadikan sasaran misionaris dan telah dilakukan secara terang-terang oleh pihak asing melalui bantuan kemanusiaan. Tindakan ini tentu sangat bertentangan dengan Qanun Nombor 5 Tahun 2000 terhadap pelaksanaan Syariah Islam di Aceh. Selain itu telah melanggar Surat Keputusan Bersama (SKB) antara Menteri Agama Indonesia dengan Menteri Dalam Negeri Indonesia terhadap larangan penyebaran agama yang tidak boleh dilakukan kepada orang dan kumpulan yang sudah memeluk atau memiliki agama lain dengan cara memberikan barang mahupun apa bentuk bantuan yang diagihkan (Syahrizal, 2015). Hal ini bermakna, tidak dibenarkan mempengaruhi orang yang telah memiliki agama supaya boleh berpindah kepada agama lain atau bertukar kepada kepercayaan yang telah dimiliki sebelumnya. Permasalahan lain semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami, telah didapati kes penyakit HIV/AIDS di Aceh. Menurut laporan Jabatan Kesihatan Republik Indonesia (2015), didapati 277 kes penyakit HIV/AIDS yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Hal ini bermula daripada tahun 2005 sehingga tahun 2014. Untuk maklumat lebih jelas sila Jadual 1.2

Jadual 1.2


Sebaran HIV/AIDS daripada tahun 2005 sehingga 2014 di Aceh

Bil	Tahun	Jenis Kes		Keterangan
		HIV	AIDS	
1.	2005	-	2	Permulaan komuniti asing
2.	2006	3	4	dan <i>NGO</i> asing masuk ke
3.	2007	5	7	Aceh
4.	2008	2	9	
5.	2009	-	19	Selepas masa tamat
6.	2010	7	18	pengurusan bencana di Aceh
7.	2011	27	33	
8.	2012	7	26	
9.	2013	27	47	
10.	2014	10	24	
Jumlah		88	189	Direkod sampai Juni 2014

Sumber : Departemen Kesihatan Republik Indonesia (2014)


Jadual 1.2 mengesahkan kes penyakit HIV/AIDS bermula daripada tahun 2005 iaitu permulaan kehadiran pelbagai komuniti asing dan *NGO* asing di Aceh. Kejadian ini tentu tidak elok mengingat Aceh merupakan daerah Serambi Mekah. Selain itu, perubahan perilaku masyarakat terutama dalam persekitaran anak muda yang merasakan bebas telah menjadi permasalahan baharu. Menurut laporan Polisi Wilayah Hisbah (2013), terdapat 211 kes khalwat/mesum (*pergaulan sex bebas*) yang kerap dilakukan oleh masyarakat terutama anak remaja pada tahun 2014 di Aceh. Fenomena tersebut menggambarkan telah ada satu pergeseran dalam corak kehidupan masyarakat kepada pola kehidupan yang tidak sesuai dengan Syariah Islam di Aceh. Menurut Walikota Banda Aceh (*District Office*) Illiza Sa“aduddin Djamal (2014), pelbagai kes yang berlaku dalam persekitaran masyarakat boleh disebabkan daripada kebiasaan masyarakat yang sangat terbuka kepada orang asing atau kepada kaum-kaum pendatang semasa pengurusan bencana (Harahap, 2011). Sepatutnya perkara ini tidak boleh berlaku disebabkan Aceh merupakan satu kawasan yang memiliki ramai para Ulama dengan jumlah yang mencelah 14,806 Ulama (*Tengku*) di Aceh (BPS Aceh, 2010).

Penglibatan Ulama dalam kehidupan masyarakat di Aceh sejak dahulu telah membawa perubahan kepada amalan sosiobudaya Islam yang kuat, ia bermula daripada kejayaan Kerajaan Samudera Pasai iaitu satu kerajaan Islam pertama di Nusantara. Peranan Ulama khususnya Ulama Aceh pada masa itu tidak terhad kepada mengajarkan Al-Quran tetapi juga menuntun masyarakat supaya terhindar dari berbagai permasalahan yang tidak baik. Selain itu para Ulama Aceh juga berperanan menjaga dan mencegah corak kehidupan masyarakat daripada perbuatan yang boleh melanggar kepada akidah Islam (Muhammad Chirzin, 2010). Penglibatan golongan Ulama boleh dilihat daripada bagaimana para Ulama melindungi, menuntun, membina dan mendidik masyarakat serta membantu masyarakat dalam kesusahan. Selain itu, penglibatan golongan Ulama tidak sahaja dalam pembinaan umat tetapi juga turut serta dalam usaha pengurangan risiko terhadap bencana seperti contoh memberikan nasihat dan amaran supaya masyarakat boleh menjaga keseimbangan alam sekitar dengan tidak merosaknya.



Peranan Ulama dalam pengurangan risiko seperti bahaya bencana boleh dilihat daripada peranan Ulama di Kepulauan Simeulue. Peranannya bermula daripada membawa syair dalam bentuk cerita yang mengandung nasihat dan amaran kepada masyarakat. Tradisi ini dalam kehidupan masyarakat di daerah Kepulauan Simeulue disebut dengan Smong iaitu satu konsep kearifan tempatan sederhana yang berfungsi sebagai alat sosialisasi dalam usaha pengurangan risiko bencana. Ulama di daerah Kepulauan Simeulue memainkan peranannya dalam memberikan perlindungan kepada masyarakat dengan kerap menyampaikan bahaya tsunami seperti air laut yang surut secara tiba-tiba, bau asin dari arah laut, berhembus angin dingin dari arah laut, banyak ikan menggelepar di pantai, dari kejauhan tampak gelombang putih dan

suara gemuruh. Oleh itu diminta kepada masyarakat untuk boleh berlari menjauhi pantai sambil berteriak “smong...smong...” ia satu usaha dalam memberitahukan kepada masyarakat yang lain. Suara teriakan tersebut merupakan satu mesej kepada masyarakat agar boleh menyelamatkan diri daripada bahaya gelombang tsunami. Penyampaian cerita yang mengandung nasihat kerap dilakukan oleh para Ulama, sehingga membawa satu kesan positif kepada masyarakat. Hal ini boleh dibuktikan dengan kejadian bencana tsunami daripada penghujung tahun 2004, telah ramai masyarakat Kepulauan Simeulue selamat daripada bahaya gelombang tsunami. (McAdoo, Dengler, Prasetya, dan Titov, 2006). Menurut laporan Kerajaan Aceh (2006), hanya terdapat tujuh mangsa yang mati berbanding 78,128 masyarakat yang selamat daripada bencana gelombang tsunami di Kepulauan Simeulue. Ramainya masyarakat yang selamat daripada bahaya gelombang tsunami telah memberikan satu bukti bahawa tindakan Ulama di Kepulauan Simeulue memiliki nilai penting dalam menjaga dan melindung masyarakat daripada bahaya gelombang tsunami.



Berasaskan pelbagai fenomena yang berlaku, maka dalam penyelidikan ini juga secara khas melakukan satu usaha mengenalpasti pelbagai kesan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami di Aceh. Selain itu juga mengetahui pelbagai tindakan yang dilakukan oleh penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana di Aceh dan satu penyertaan Ulama di daerah Kepulauan Simeulue. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberikan satu gambaran bahawa usaha pengurusan bencana tsunami yang dilaksanakan bukan sahaja membawa kesan positif tetapi juga mencetuskan kepada kesan negatif yang boleh menjadi satu bentuk keterdedahan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Bahagian seterusnya akan membincangkan dalam persoalan dan objektif kajian.

1.4 Persoalan Kajian

Untuk mendapatkan pelbagai jawapan daripada kesan positif dan negatif yang telah berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami akibat penyertaan *NGO* dan Ulama terhadap bantuan serta juga bentuk keterdedahan yang berlaku di Aceh, maka telah dibina pelbagai soalan seperti berikut :

1. Bagaimanakah kesan pengurusan bencana tsunami mengikut fasa-fasa (*pencegahan, tindak balas kecemasan dan pemulihan & pembinaan*) yang dilaksanakan di Aceh ?
2. Bagaimanakah kesan penyertaan komuniti dan ulama semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh ?
3. Apakah bentuk bantuan kemanusiaan yang kerap diagihkan dalam persekitaran mangsa tsunami di Aceh ?
4. Apakah kesan keterdedahan selepas pengurusan bencana tsunami dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh ?

1.5 Objektif Kajian

Secara umum kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kepada pelbagai kesan semasa pengurusan bencana tsunami dan juga perkara lain yang telah dirumuskan dan sesuai daripada soalan-soalan kajian di atas. Manakala untuk objektif kajian telah dibina dan direka adalah seperti berikut :

1. Menganalisis pengurusan bencana tsunami terutama pada fasa pencegahan, fasa tindak balas kecemasan, fasa pemulihan dan pembinaan di Aceh.
2. Menganalisis kesan penyertaan komuniti seperti *NGO* asing dan ulama semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh.
3. Menganalisis kesan bantuan kemanusiaan dalam pengurusan bencana yang dilaksanakan pada persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh.
4. Menganalisis kesan keterdedahan yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana tsunami di Aceh.

1.6 Skop Kajian

Supaya kajian ini boleh terfokus, maka skop penyelidikan pertama adalah mencari data pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan semasa pengurusan bencana mengikut fasa-fasa yang dilakukan di Aceh. Skop kedua meneroka pelbagai tindakan yang dilakukan oleh penyertaan komuniti seperti *NGO* asing dan Ulama semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh. Skop ketiga, meneroka pelbagai bantuan kemanusiaan yang disaluti dalam bentuk program dan dilaksanakan pihak *NGO* asing pada persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Skop kempat, meneroka pelbagai bentuk keterdedahan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami tamat di Aceh. Untuk maklumat lebih jelas, sila lihat tumpuan huraihan seperti berikut :

1. Memberikan tumpuan kepada para mangsa, bekas pekerja *NGO* asing dan pihak Kerajaan Aceh seperti Satuan Pelaksana Penanggulangan Bencana (*Satlak PB*) semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh.
2. Memberikan tumpuan kepada para bekas pekerja *NGO* asing dan para Ulama yang berada dalam Majelis Permusyawaratan Ulama (*MPU*) dalam melaksanakan aktiviti semasa pengurusan bencana di Aceh.
3. Memberikan tumpuan kepada para mangsa yang merasakan pelbagai program kemanusiaan yang diedarkan oleh pihak *NGO* asing semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh.
4. Memberikan tumpuan kepada kesan perubahan yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di kawasan yang terjejas bencana selepas pengurusan bencana tsunami di Aceh.

1.7 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidikan hanya terhad kepada para mangsa tsunami yang terdapat dalam persekitaran tempat penampungan mangsa tsunami yang terdapat pada di daerah Aceh Barat dan Kepulauan Simeulue. Selain itu juga kajian ini terhad kepada para bekas pekerja *NGO* asing yang pernah terlibat semasa pengurusan bencana tsunami dan para Ulama yang terdapat dalam kumpulan Majelis Permusyawaratan Ulama (*MPU*) di daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue. Seterusnya, maklumat daripada pihak Kerajaan Negeri Aceh adalah terhad kepada pejabat pentadbiran yang berhubungan dengan pengurusan bencana seperti Satuan pelaksana Pengurusan Bencana (*Satlak PB*), Jawatan Dinas Syariah Islam dan Polisi Syariah Islam yang menjalankan pelaksanaan Syariat Islam di daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue pada Provinsi Aceh.

1.8 Definisi Terma

Seksyen ini adalah untuk mendedahkan pelbagai makna yang terkandung dalam perkataan utama sebagaimana yang telah digunakan dalam penyelidikan ini.

1.8.1 Pengurusan Bencana

Pengurusan bencana adalah satu proses sistematik yang menggunakan keputusan pentadbiran organisasi, kepakaran operasi dan keupayaan untuk melaksanakan tindakan strategi dalam pengurangan kesan daripada satu kejadian bencana (Mustafa, 2007; Lettieri, Masella, & Radaelli, 2009). Terdapat empat fasa dalam pengurusan bencana seperti fasa pencegahan, fasa tindak balas kecemasan, fasa pemulihan dan pembinaan.

1.8.1.1 Fasa Pencegahan

Fasa pencegahan adalah satu tindakan mula yang direka dan dirancang untuk usaha mencegah daripada impak bahaya bencana mahupun yang membawa malapetaka kepada kehidupan masyarakat dan juga persekitarannya (Ishak, 2004).

1.8.1.2 Fasa Tindak Balas Kecemasan

Fasa tindak balas kecemasan adalah satu tindakan yang dilakukan sebelum dan selepas kejadian bencana berlaku, baik berhadapan secara langsung maupun tidak secara langsung seperti usaha menyelamat mangsa dan juga melindungi mangsa daripada pelbagai kesan bencana yang berlaku (Ishak, 2004).

1.8.1.3 Fasa Pemulihan Dan Pembinaan

Fasa pemulihan dan pembinaan adalah satu proses yang dilakukan oleh kumpulan organisasi dalam menyediakan bantuan kepada mangsa untuk boleh kembali hidup kepada peringkat semula selepas kejadian bencana. (Ishak, 2004).

1.8.2 Penyertaan Komuniti

Penyertaan komuniti adalah penglibatan daripada kumpulan ataupun orang dalam satu aktiviti untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang berlaku, seperti usaha membina sosioekonomi dan sosiobudaya kepada masyarakat yang lebih baik daripada sebelumnya (Hossain, 2013).

1.8.2.1 *Non Goverment Organization*

Badan-badan bukan kerajaan (*NGO*) adalah satu kumpulan organisasi yang bukan untuk mendapatkan keuntungan sendiri (*Non Profit*), hanya bertindak dalam melakukan pelbagai perkhidmatan kemanusiaan kepada masyarakat serta ikut membawa pelbagai bentuk aspirasi masyarakat kepada pihak kerajaan (Roka, 2012).

1.8.2.2 Ulama

Ulama ditakrifkan orang yang memiliki pengetahuan agama Islam yang luas, ahli ilmu dan memiliki intelektual (Muhammad Chirzin, 2010). Tindakan para ulama adalah untuk membina dan memperkuatkan persatuan umat Islam, supaya umat Islam boleh mengekalkan diri daripada pelbagai bahaya serangan asing yang ingin merosakkan akidah Islam dalam persekitaran masyarakat (Taher, 2000).

1.8.3 Bantuan Kemanusiaan

Bantuan kemanusiaan diertikan satu usaha pertolongan yang diagihkan, baik itu secara bantuan fizikal mahupun bukan fizikal kepada mangsa dan masyarakat yang lebih lemah dan memerlukan satu pertolongan (Maarif, 2009).

1.8.3.1 Bantuan Kewangan

Bantuan kewangan diertikan satu bentuk pertolongan dan bantuan yang kebanyakannya adalah diberikan kepada kumpulan dan juga perorangan yang sedang mengalami krisis finansial atau memerlukan satu pertolongan daripada segi pendapatan (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2008).

1.8.3.2 Bantuan Psikologis

Bantuan psikologis diertikan satu bentuk pertolongan yang diberikan kepada kumpulan dan juga orang yang sedang mengalami krisis mental atau memerlukan sokongan untuk boleh memulakan kehidupan yang lebih baik (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2008).

1.8.4 Keterdedahan

Keterdedahan ditakrifkan satu keadaan yang tidak lazim berlaku dan boleh memberikan satu kesan negatif kepada orang mahupun kumpulan disebabkan daripada satu perubahan-perubahan yang berlaku (Hossain, 2013).

1.8.4.1 Keterdedahan Sosioekonomi

Keterdedahan sosioekonomi adalah satu keadaan daripada kerapuhan ekonomi pada kehidupan seperti kekurangan dalam kesejahteraan masyarakat yang boleh meningkatkan kemiskinan dan mencetuskan pelbagai risiko kepada satu bencana (Kasperson, 2005).

1.8.4.2 Keterdedahan Sosiobudaya

Keterdedahan sosiobudaya diertikan satu keadaan kerapuhan masyarakat dalam menghadapi pelbagai ancaman yang boleh membawa kerosakan kepada tradisi dan keyakinan dalam kehidupannya (Kasperson, 2005).

1.9 Organisasi Kajian

Bab Satu - Membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, batasan kajian, definisi terma dan diakhiri dengan susun atur kajian.

Bab Dua - Menjelaskan teori dan konsep yang bertautan dalam kajian ini seperti pengertian bencana, konsep pengurusan bencana, teori penyertaan komuniti, pengertian *NGO*, pengertian Ulama dan konsep bantuan kemanusiaan serta diakhiri konsep keterdedahan.

Bab Tiga – Menghuraikan kaedah penyelidikan kualitatif dan reka bentuk kajian serta usaha dalam pengumpulan data yang diperolehi semasa penyelidikan berikut proses analisis data yang dilakukan melalui satu perisian NVivo 11.

Bab Empat – Menghuraikan kawasan penyelidikan seperti Distrik Acheh Barat dan juga Distrik Kepulauan Simeulue. Selain itu, menghuraikan pelbagai dapatan kajian yang telah dilakukan sesuai dengan objektif kajian yang telah dianalisis melalui satu perisian NVivo 11.

Bab lima – Menghuraikan perbincangan, cadangan dan juga kesimpulan daripada dapatan kajian yang telah dilakukan. Selain itu, dapatan kajian boleh memberi satu hala tuju kepada usaha membina kepada konsep pengurusan bencana yang lebih baik di masa hadapan.



BAB 2

ULASAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan

Bab dua membincangkan pengertian bencana dan konsep pengurusan bencana mengikut fasa-fasanya. Selain itu, ia menjelaskan teori penyertaan komuniti dan konsep bantuan kemanusiaan. Terakhir, ia menjelaskan konsep keterdedahan. Perbincangan dalam bab ini dimulai dengan pelbagai pengertian bencana, baik dari persepektif konvensional dan pandangan Islam. Selain itu ia menjelaskan konsep pengurusan bencana mengikut fasa-fasa serta penyertaan komuniti seperti *NGO* dan Ulama. Seterusnya ia menjelaskan bentuk bantuan kemanusiaan yang diagihkan dan keterdedahan yang boleh berlaku dalam kehidupan masyarakat daripada pelbagai faktor seperti keterdedahan politik, persekitaran, sosioekonomi dan juga keterdedahan sosiobudaya serta diakhiri dengan huraian kesimpulan pada bab dua.

2.2 Pengertian Bencana dalam Perspektif Konvensional

Bencana kerap dertiakan sebagai satu kejadian buruk yang berlaku secara tiba-tiba dan kejadiannya tidak boleh dijangka serta di luar daripada kawalan manusia (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2008). Kesan sampingan daripada bencana ialah mencetuskan mangsa dan kerosakan fizikal, kerugian harta benda, gangguan ekonomi, gangguan kesihatan, gangguan psikologik dan akibatnya mengganggu fungsi penting dalam persekitaran kehidupan masyarakat (McEntire, 2001; Alcantara Ayala, 2002; Maarif, 2009; Ginige, Amaratunga, & Haigh, 2009). Menurut *World*

Health Organization (2014), tiga keadaan yang boleh ditakrifkan sebagai satu kejadian bencana, iaitu : 1). Kejadian atau gangguan serius yang berlaku kepada komuniti mahupun masyarakat sehingga boleh menyebabkan kerugian seperti kerugian material, kerugian ekonomi dan juga kerosakan daripada persekitaran; 2). Kejadian atau situasi yang melampaui daripada kapasiti komuniti sehingga memerlukan satu bala bantuan luar daripada taraf Nasional mahupun taraf Antarbangsa; 3). Kejadian yang menggambarkan satu kejadian dan boleh dimaknakan secara spasial dan juga geografis, tetapi menuntut kepada pemerhatian dalam menghasilkan satu bukti yang boleh berlaku disebabkan ada komponen yang boleh membawa bahaya seperti komponen pencetus (*Trigger*), ancaman (*Threat*), dan komponen keterdedahan (*Vulnerability*). Jikalau komponen-komponen tersebut boleh bersama-sama bekerja secara sistematik, maka boleh mencetuskan satu risiko bahaya mahupun bencana kepada komuniti (McEntire, 2001).


Proses berlakunya satu bencana bermula daripada ancaman, pencetus dan keterdedahan. Hal ini boleh berlaku bukan sahaja bersifat tunggal tetapi boleh berlaku secara jamak, baik secara sendirinya mahupun secara paralel sehingga kejadian bencana yang berlaku boleh membuatkannya lebih kompleks (McEntire, 2001). Menurut Bramantyo Djohamputro (2006), maklumat bencana sebahagian besar kerap dikategori kepada risiko dan juga dikaitkan dengan adanya maklumat supaya kebarangkalian berlaku bencana boleh dijangka dan dicegah. Maknanya jika sedikit maklumat yang didapati, maka komuniti itu lebih sukar untuk menjangka atau mengukur kesan yang tercetus sehingga menyebabkan ketidakpastian. Sebaliknya, jikalau besar maklumat didapat oleh komuniti, maka risiko daripada pencetus, ancaman dan keterdedahan secara langsung lebih mudah dijangka mahupun dicegah

dalam mengurangkan kesan yang berlaku. Bencana dalam realiti kehidupan sehari-hari kerap berlaku disebabkan oleh adanya satu perubahan yang boleh disebabkan secara semula jadi mahupun daripada perbuatan manusia yang mencetus kepada pelbagai kerugian, seperti harta benda dan juga jiwa manusia. Kesan lainya adalah boleh merosakkan pelbagai struktur sosial dalam persekitaran kehidupan masyarakat sehingga mencetuskan kepada keterdedahan.

Menurut *Austrian Development Agency* (2009), bencana merupakan kejadian yang secara tiba-tiba boleh berlaku dan kesannya boleh menganggu kepada fungsi-fungsi dalam kehidupan komuniti. Kesan yang tercetus adalah hilangnya nyawa, rosaknya prasaran, harta benda dan mengangu kepada perkhimatan penting lainnya. Akibatnya boleh membuat masyarakat semakin lemah dan membawa kepada situasi keterdedahan. Keterdedahan boleh berpunca dari keadaan persekitaran seperti perubahan keadaaan fizikal, sosial dan ekonomi sehingga mudah berlaku tekanan dinamik secara dalaman mahupun luaran. Tekanan dalaman pada awamnya disebabkan dari masyarakat yang tidak memiliki pelbagai akses sumberdaya, struktur dan kekuasaan serta ditambah dengan keadaan kehidupan yang tidak stabil. Sedangkan tekanan luaran disebabkan pengaruh daripada asing yang boleh menyebabkan kepada satu tekanan perubahan. Oleh itu, dalam usaha mengurangkan keterdedahan dalam persekitaran masyarakat, maka perlu meningkatkan pelbagai kapasiti daripada komuniti terhadap usaha pengurangan kesan yang berlaku.

Kejadian bencana secara umum kerap dibahagikan kepada dua pengelasan iaitu : Pertama, bencana sebagai kejadian semulajadi (*Natural Disaster*); Kedua, bencana sebagai kejadian hasil buatan manusia (*Man Made Disaster*) (Shaluf, Ahmadun, &

Said, 2003; Osorio & Hurych, 2004; Shaluf & Ahmadun, 2006). Adapun kedua pengelasan bencana tersebut, sila dilihat daripada Rajah 2.1



Rajah 2.1
Kategori Bencana Mengikut Sebabnya
Sumber : Ginige et al,(2009)

Rajah 2.1 menjelaskan bencana terbahagi kepada dua pengelasan iaitu bencana alam dan bencana buatan manusia. Bencana alam boleh ditakrifkan sebagai satu kejadian yang proses berlakunya tidak boleh dijangka oleh manusia atau sifatnya secara mendadak dengan kesan sampingan dicetuskan adalah sangat merosak. Sementara itu bencana buatan manusia boleh ditakrifkan satu kejadian yang disebabkan oleh interaksi daripada pelbagai faktor yang tercetus secara tiba-tiba dan boleh menyebabkan satu malapetaka kepada manusia (Shaluf et al., 2003).

Bencana buatan manusia memiliki satu sistem yang berlaku secara kompleks dengan membawa satu kesan sampingan yang saling berkaitan. Bencana buatan manusia merupakan satu kejadian bencana yang boleh melampaui daripada batas-batas geografis dan memiliki trans-generasi yang saling bekaitan antara satu sama lainnya. Kesan sampingan yang tercetus daripadanya boleh merosak kepada struktural dalam sendi kehidupan masyarakat yang seterusnya menyebabkan kepada kejadian konflik. Kedua bencana seperti bencana alam dan bencana buatan manusia boleh berlaku jika adanya beberapa faktor, seperti faktor pencetus (*trigger*), faktor ancaman (*threat*) dan faktor keterdedahan (*vulnerability*). (McEntire, 2001). Menurut Badan Nasional Penanggulangan Bencana (2012), terdapat tiga jenis bentuk bencana seperti berikut :

- 1). Bencana alam iaitu ia merupakan serangkaian kejadian yang disebabkan oleh alam seperti gempa bumi, tsunami, gunung meletus, banjir, kekeringan, angin topan dan tanah runtuhan;
- 2). Bencana bukan alam iaitu ia merupakan satu kejadian yang disebabkan oleh serangkaian kejadian bukan semula jadi, seperti kegagalan teknologi, kegagalan modernisasi, epidemi dan wabak penyakit;
- 3). Bencana sosial iaitu ia merupakan serangkaian kejadian yang disebabkan oleh perbuatan manusia seperti konflik sosial antara kumpulan ataupun antara komuniti dan juga pengganas (BNPB, 2012).

Merujuk kepada pelbagai pengertian bencana daripada perspektif konvensional, maka boleh diambil kesimpulan bahawa kejadian bencana adalah satu kejadian yang masa berlakunya tidak boleh dijangka oleh manusia dan kesannya adalah sangat

teruk yang mencetuskan mangsa, kerugian harta dan mengakibatkan kerosakan pelbagai struktur sosial dalam kehidupan masyarakat yang terjejas bencana.

2.3 Pengertian Bencana dalam Perspektif Islam

Untuk memahami bencana daripada perspektif Islam, maka perlu memahami proses bagaimana berlakunya bencana. Menurut Solihu (2007), segala yang terdapat di alam semesta ini telah diciptakan oleh Allah SWT secara hati-hati dan diukur secara kualitatif mahupun secara kuantitatif. Hal ini bermakna qadar atau miqdar (*ukuran*) dan mizan (*keseimbangan*) telah semua dijangka. Pada asasnya alam (*bumi dan langit beserta isinya*) diciptakan Allah SWT untuk berkhidmat kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi, tetapi pada masa yang sama manusia dan alam adalah sama kedudukan di hadapan yang Maha Pencipta. Dengan demikian, meski pada awalnya alam ini memang secara sengaja diciptakan untuk berkhidmat kepada manusia tetapi tidak bererti manusia boleh berbuat sesuka hati kepada alam, mahupun manusia merasa sebagai tuan yang berkuasa sehingga boleh melakukan eksplorasi atau perosakan alam, sehingga kesannya boleh mencetuskan kepada bencana yang menimpa manusia itu sendiri (Solihu, 2007).

Perkataan bencana boleh dilihat dalam Al-Quran seperti perkataan musibah, bala, dan fitnah. Perkataan musibah pada mulanya satu lemparan (*Al-ramiyyah*), tetapi kemudian penggunaannya lebih dikhaskan kepada kefahaman kepada satu kejadian yang boleh membawa bahaya (Quraish Shihab, 2007). Menurut Alwi (2002), perkataan musibah memiliki dua makna iaitu : 1) Sebagai satu kejadian yang menyedihkan; 2) Sebagai satu kejadian malapetaka yang menimpa kepada manusia.

Daripada kedua-dua penjelasan, musibah adalah satu bencana yang boleh menimpa kepada seluruh manusia. Sedangkan perkataan bala pada asalnya bermakna tampak, berlakunya bala boleh menampakkan kepada kualiti keimanan seseorang yang terjejas daripada satu kejadian. Pengunaan perkataan bala boleh diertikan sebagai satu ujian, sehingga dengan adanya kejadian bala boleh menguji mana-mana orang beriman mahupun orang-orang yang sama sekali tidak beriman kepada Allah SWT. Seterusnya perkataan fitnah merupakan satu cobaan yang diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai satu amaran. Jika amaran itu tidak dihiraukan oleh manusia maka akan dijatuhkan satu tindakan yang lebih keras. Berasaskan kepada huraian perkataan fitnah bahawa setiap kejadian fitnah tidak sahaja ditimpakan kepada orang-orang yang kafir/zalim, tetapi boleh menimpa kepada mereka yang taat kepada-Nya (Quraish Shihab, 2007).

Oleh yang demikian, kesimpulan yang boleh dirumuskan ialah, kejadian musibah boleh berlaku jika itu disebabkan oleh adanya kesalahan manusia atau perilaku manusia itu sendiri. Sedangkan kejadian bala adalah sebagai satu keniscayaan yang dijatuhkan oleh Allah SWT, walaupun tanpa adanya kesalahan manusia itu sendiri. Seterusnya, kejadian fitnah adalah satu kejadian yang dijatuhkan oleh Allah SWT dan juga boleh menimpa kepada orang-orang yang bersalah mahupun kepada orang yang tidak bersalah. Namun demikian, daripada ketiga-tiga perkataan itu, perkataan yang kerap digunakan dalam Al-Quran adalah perkataan musibah iaitu sekitar 50 ayat yang terdapat dalam Al-Quran. Mengikut hujah Moch Syarif Hidayatullah, (2009), perkataan musibah yang terdapat dalam Al-Quran tidak sahaja kerap mengacu kepada tercetusnya musibah sebagai sebab daripada bencana alam. Perkataan musibah dalam Al-Quran juga boleh mengacu kepada satu kejadian

walaupun skala kecil dan impaknya kecil tetap sahaja disebut sebagai satu musibah. Selepas itu, menurut Moch Syarif Hidayatullah (2009), perkataan musibah yang disebut sebagai bencana dalam Al-Quran boleh dimakna kepada tiga kumpulan. Adapun tiga kumpulan penjelasan terhadap bencana adalah seperti berikut :

1. Bencana yang berlaku sebagai satu ujian, sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

"Mengapa ketika ditimpa bencana (pada Perang Uhud), padahal kalian telah mengalahkan dua kali lipat musuh-musuhmu (pada Perang Badar), kalian berkata, 'Darimana datangnya (bencana berupa kekalahan) ini?' Katakanlah, 'Itu (berasal) dari (kesalahan) dirimu sendiri.' Allah Mahakuasa atas segala sesuatu" (QS Ali Imran [3] : 165).

2. Bencana yang berlaku sebagai satu siksa yang diakibatkan oleh perilaku zalim, sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

"Perumpamaan harta yang mereka nafskahkan di dalam kehidupan dunia ini, seperti angin yang mengandung hawa yang sangat dingin, yang menyapu tanaman kaum yang menganiaya diri sendiri, lalu angin itu merusaknya. Allah tidak menganiaya mereka, tetapi mereka lah yang menganiaya diri mereka sendiri" (QS Ali Imran [3] : 117).

3. Bencana yang berlaku sebagai akibat daripada perilaku maksiat, sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

"Ketika mereka melupakan apa yang diperingatkan kepada mereka, Kami (Allah) menyelamatkan orang-orang yang melarang dari perbuatan jahat dan Kami timpakan kepada orang-orang yang lalim siksaan yang keras, disebabkan mereka selalu berbuat maksiat" (QS Al-A'raf [7]:165).

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Ali Imran Ayat 165 bahawa kaum muslimin memperoleh hukuman yang disebabkan oleh kesalahan mereka dan juga disebabkan derhaka kepada Rasulullah SAW sehingga mereka tertimpa bencana. Seterusnya

dalam tafsir Ibnu Katsir pada Surah Ali Imran Ayat 117 bahawa lenyapnya buah-buahan dari lahan atau kebun tersebut disebabkan oleh dosa-dosa yang dilakukan oleh mereka. Selepas itu, tafsir Ibnu Katsir pada Surah Al-A'raf Ayat 165 menegasakan bahawa orang-orang yang ber-*nahi munkar* itu selamat, sedangkan orang-orang yang berbuat aninya itu binasa. Berasaskan penjelasan tersebut, maka boleh diambil kesimpulan bahawa parameter dalam mengukur kejadian bencana adalah sebagai satu ujian dan boleh juga sebagai satu siksa. Jika kejadian bencana itu disebabkan oleh kesalahan yang tidak disengaja, maka kejadian bencana adalah sebagai satu ujian kepada orangnya dan untuk mengukur seberapa besar kadar keimanan seseorang tersebut. Sebaliknya, jikalau bencana berlaku disebabkan oleh perilaku manusia itu sendiri seperti contoh perbuatan maksiat, zalim, dan tidak beriman, maka kejadian bencana yang berlaku adalah sebagai satu siksa yang tertimpa daripada perbuatannya sendiri.

Dalam Al-Quran juga didapati pelbagai Surah dan Ayat yang secara jelas mengungkap pelbagai kejadian bencana alam seperti Taufan/banjir (*Al-Ankabut* [29] : 14); Rajfah/Gempa bumi (*Al-Ankabut* [29] : 37); Hasib/Angin ribut (*Al-Qamar* [54] : 34); dan Sayhah/Letupan besar (*Hud* [11] : 67, 94) (Abdul Kabir Hussain Solihu, 2007). Berasaskan kepada Surah dan Ayat dalam Al-Quran, kerap kejadian bencana dikaitkan dengan peristiwa yang pernah berlaku pada masa dahulu seperti masyarakat dan negeri-negeri yang telah dimusnahkan oleh satu kejadian bencana. Hal ini boleh dilihat daripada pelbagai kejadian bencana alam yang berlaku kepada Kaum Nabi Nuh, Kaum Nabi Aad (*Nabi Hud*), Kaum Tsamud (*Nabi Shaleh*), Kaum Nabi Ibrahim dan juga penduduk Maydan (*Nabi Syu'aib*). Berasaskan kejadian-kejadian yang telah di maklumatkan dalam Al-Quran daripada pelbagai Surah dan

Ayat, terdapat Surah dan Ayat yang secara khas boleh menerangkan terhadap satu kejadian bencana seperti berikut :

1. Pertama, Surah At-Taghaabun, sebagaimana Allah SWT telah berfirman:

“Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui tiap-tiap sesuatu” (At-Taghaabun [64] : 11)

2. Kedua, Surah Al-Hadiid, sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah” (Al-Hadiid [57]:22)

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah At-Taghaabun Ayat 11 bahawa sungguh mengagumkan orang mukmin itu, tiadalah Allah SWT memutuskan satu keputusan baginya kecuali adalah kebaikan belaka kepadanya, jikalau ianya tertimpa musibah maka haruslah bersabar dan kepada yang mendapat kesukaan maka harus bersyukur. Sedangkan pada Surah Al-Hadiid Ayat 22 yang dimaknakan dalam tafsir Ibnu Katsir adalah semua musibah yang berlaku di antara langit dan bumi, maka telah berada di dalam kitab Allah SWT (*Lauh Mahfuz*) sebelum terciptanya manusia.


Berasaskan Surah dan Ayat tersebut bahawa berlakunya bencana membawa makna yang berbeza kepada orang yang mengalaminya mahupun yang tidak mengalaminya. Kepada orang yang tidak terjejas daripada bencana adalah satu bentuk amaran dan boleh dijadikan satu asas muhasabah. Penjelasan daripada pelbagai Surah dan Ayat

yang terdapat dalam Al-Quran menunjukkan bahawa kejadian bencana adalah sebagai satu ujian yang ditimpakan oleh Allah SWT kepada manusia untuk mengukur tingkat keimanan melalui alam sebagai makhluk-Nya. Ia juga boleh menunjukkan kekuasaan dan kekuatanNya agar manusia harus selalu mematuhiNya. Sebagaimana yang telah difirmankan dalam Al-Quran bahawa adanya kesalahan yang dibuat oleh manusia merupakan akibat daripada perilaku yang merosak dan tindakan yang tidak beriman serta engkar kepada Allah SWT, sehingga kejadian yang berlaku merupakan daripada perbuatan manusia itu sendiri.

2.4 Konsep Pengurusan Bencana


Konsep pengurusan bencana merupakan satu tindakan terhadap usaha dalam mengurangkan pelbagai risiko daripada bahaya bencana. Tindakan yang dilakukan bermula dengan usaha menghalang, mempersiapkan, tindak balas kecemasan dan juga usaha kepada pemulihan serta pembinaan selepas kejadian bencana berlaku. Ia dilakukan sebelum, semasa dan juga selepas bencana berlaku (Nasution, 2007; Hon Anna Bligh MP, 2010). Matlamat daripada konsep pengurusan bencana adalah untuk mengelakkan pelbagai potensi kerugian daripada satu kejadian bencana dengan memberikan jaminan bantuan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana dan juga usaha mengambil pelbagai tindakan pemulihan serta pembinaan selepas kejadian bencana (Mustafa, 2007). Konsep pengurusan bencana boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu pencegahan, kesiapsiagaan, tindak balas kecemasan, pemulihan dan pembinaan (Kruahongs, 2008; Lettieri, Masella, & Radaelli, 2009; Karunasena & Rameezdeen, 2010).

Konsep pengurusan bencana bermula dengan memaklumkan satu amaran kepada pihak awam supaya boleh melakukan pemindahan, mencari perlindungan dan menyelamat mangsa. Tindakan itu perlu dilakukan sebagai satu perancangan persediaan yang berkesan dalam berhadapan dengan satu bencana di masa hadapan (Kruahongs, 2008). Tindakan dalam kitaran pengurusan bencana boleh membawa kepada kesiapsiagaan yang lebih besar dan boleh mengurangkan pelbagai risiko yang lebih teruk. Oleh itu, kitaran dalam pengurusan bencana memiliki empat peringkat iaitu fasa pencegahan (*Prevention Phase*), fasa kesiapsiagaan (*Preparedness Phase*), fasa tindak balas kecemasan (*Emergency Response Phase*), dan fasa pemulihan dan pembinaan (*Recovery & Development Phase*). Rajah 2.2 menunjukkan empat peringkat kitaran dalam konsep pengurusan bencana.



Rajah 2.2
Kitaran Pengurusan Bencana
Sumber : Warfield, (2002)

Rajah 2.2, menjelaskan kitaran pengurusan bencana bermula daripada fasa pencegahan yang merupakan satu usaha permulaan dalam merancang dan menghalang berlakunya satu musibah yang lebih teruk mahupun sebagai satu usaha untuk menghindari daripada pelbagai cabaran bahaya. Seterusnya fasa kesiapsiagaan merupakan satu aktiviti kepada persediaan jangka pendek seperti perancangan pemindahan atau satu sistem amaran supaya masyarakat boleh mengetahui tanda-tanda berlakunya satu bahaya bencana. Fasa tindak balas kecemasan yang merupakan aktiviti selepas bencana berlaku seperti mengedarkan pelbagai bantuan kecemasan, mencari dan menyelamat serta membersihkan kawasan selepas bencana berlaku. Penarafan terakhir adalah fasa pemulihan dan pembinaan yang merupakan sebarang aktiviti untuk membawa masyarakat kepada keadaan semula atau normal kembali selepas kejadian bencana seperti membina perumahan, memberi geran atau pelbagai kemudahan bantuan kepada mangsa yang terjejas bencana dan pelbagai tindakan supaya mangsa boleh bertahan selepas kejadian bencana (Kruahongs, 2008).



Menurut perspektif Islam, pengurusan bencana bukan bermakna suatu tindakan untuk mencegah mahupun melawan apa yang sudah ditentukan oleh Allah SWT, tetapi adalah sebagai satu tindakan untuk mengurangkan mahupun meminimakan pelbagai kesan sampingan yang boleh tercetus dari satu kejadian bencana tersebut. Kejadian bencana merupakan sebuah ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, secara ikhlas mahupun tidak bahawa kejadian itu tetap berlaku. Bencana alam memang sudah merupakan keputusan Allah SWT, maka sesiapapun tidak mempunyai pilihan untuk mengelaknya. Bagaimanapun, tidaklah bermakna tiada ruang untuk menghindar dan peluang dalam berhadapan dengan kejadian terok yang boleh sahaja berlaku.

Meskipun itu bukan satu jaminan sepenuhnya, kerana setiap bencana memiliki rahasia dan misterinya tersendiri. Seperti masalah gempa bumi, masyarakat yang berada di kawasan yang kerap berlaku gempa bumi mesti harus mendengar apa nasihat para ahli terhadap rumah tahan gempa. Selepas itu masalah gelombang tsunami, masyarakat juga harus mendengar dan mengamalkan nasihat daripada para cerdik pandai supaya boleh cepat menyelamatkan diri daripada bencana tersebut. Maknanya masyarakat harus mendengar nasihat daripada para ilmuwan dan para cerdik pandai mahupun orang yang telah dianugerahi oleh Allah SWT kemampuan membaca penanda alam. Oleh itu, masyarakat dan pihak kerajaan perlu melaksanakan sebagaimana kitaran pada pengurusan bencana seperti fasa pencegahan, fasa kesiapsiagaan, fasa kecemasan dan fasa pemulihan dan pembinaan, sehingga boleh meminimalkan risiko dan juga kesan yang boleh berlaku.

2.4.1 Fasa Pencegahan

Fasa pencegahan boleh ditakrifkan satu tindakan yang sengaja direka untuk menghalang atau mengelak daripada berlakunya sesatu kejadian dengan usaha mengurangkan risiko yang membawa kesan bahaya kepada masyarakat (Healt Disaster Management, 2002; Hon Anna, 2010). Usaha untuk mengurangkan risiko bencana bermula daripada tindakan pembinaan sektor fizikal mahupun bukan fizikal. Pembinaan dalam sektor fizikal seperti pembinaan dinding penghalang di sepanjang sungai, pembinaan terusan saliran, pembinaan tembok untuk mengelak berlakunya tsunami di pesisir pantai dan lain-lainnya. Sedangkan pembinaan bukan sektor fizikal seperti peningkatan kesedaran kepada masyarakat terhadap kemampuan untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran bencana, pembinaan sistem amaran awal

terhadap bahaya tsunami dengan menggunakan isyarat bahaya dan tindakan lainnya dalam usaha mengelak daripada pelbagai bahaya bencana yang boleh berlaku (Ishak, 2004). Usaha pencegahan telah juga terdapat dalam Al-Quran daripada Surah Al-Alaq Ayat 1-5. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya”. (Al-Alaq [96] : 1-5)

Menurut tafsir Ibnu Katsir daripada Surah Al-Alaq Ayat 1-5 bahawa terkandung amaran yang menggugah manusia kepada asal mula penciptaan manusia, iaitu dari *alaqah*. Dan bahawa di antara kemurahan Allah SWT ialah telah mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya. Hal ini bererti Allah SWT telah memuliakan dan menghormati manusia dengan ilmu. Berasaskan Surah Al-Alaq Ayat 1-5, menjelaskan semua umat Islam diminta untuk selalu membaca dan memahami isi terhadap kandungan dalam Al-Quran. Membaca bukan semata-mata membaca apa yang tertulis dalam Al-Quran sahaja, tetapi juga harus boleh memahami bagaimana alam semesta dan membaca kehidupan yang sedang berlaku. Selain itu, belajar sangat diwajibkan untuk setiap umat Muslim, bahkan dianjurkan secara langsung dalam Al-Quran dan juga dalam Sunnah Nabi. Hal ini bermatlamat untuk menganalisis pelbagai pendapat yang memberikan tumpuan kepada logik dan juga bukti saintifik terutama terhadap isu-isu yang bukan daripada ibadah seperti satu kejadian seperti bencana alam maupun bencana yang disebabkan oleh perbauatan manusia (Jusmaliani, 2008).

2.4.2 Fasa Kesiapsiagaan

Fasa kesiapsiagaan boleh ditakrifkan sebagai satu tindakan yang membolehkan pihak kerajaan, organisasi, masyarakat dan individu untuk segera bertindak balas dengan cepat dan berkesan terhadap situasi kecemasan dalam usaha mengurangkan pelbagai kesan sampingan daripada kejadian bencana. Tindakan itu boleh secara langsung mahupun tidak langsung dengan matlamat untuk mengurangkan pelbagai penderitaan kepada mangsa yang terjejas bencana (Disaster Management, 2002; Ishak, 2004). Tindakan yang diambil adalah memastikan setiap individu dan masyarakat sedar, cekap dan bersedia untuk apa-apa yang boleh berlaku termasuk dalam penggunaan semua-sumber serta perkhidmatan yang diperlukan dalam menanggung pelbagai impak daripada kejadian bencana (Hon Anna, 2010). Selain itu, sebagai usaha menjangka pelbagai risiko yang boleh mencetuskan mangsa dan kerugian harta benda. Oleh itu, kesiapsiagaan merupakan satu bahagian yang tidak boleh dipisahkan dalam pengurusan bencana. Hal ini bermakna untuk memberikan satu maklumat terhadap kejadian bencana yang boleh berlaku bila-bila masa dalam persekitaran masyarakat. Maka itu adalah cara yang terbaik dalam melakukan usaha mengelak daripada pelbagai risiko sebelum berlaku dengan usaha mengembangkan kapasiti operasional dalam fasa kesiapsiagaan.

Aktiviti dalam mempersiapkan komuniti supaya cekap dalam berhadapan dengan bencana sudah perlu dilakukan. Adapun usaha yang perlu dilakukan dalam mengurangkan besarnya risiko adalah tindakan pencegahan yang boleh mencetuskan bahaya. Namun demikian tindakan pencegahan pengurangan risiko bencana tersebut adalah memperkuat kumpulan komuniti yang boleh terdedah bencana dengan

kefahaman atau usaha memperkuat fizik melalui langkah-langkah membina. Tindakan kesiapsiagaan bencana di sudut lain dianggap penting kerana bencana boleh berlaku tiba-tiba dan tanpa dijangka oleh manusia itu sendiri. Namun demikian matlamat kesiapsiagaan adalah untuk memastikan bahawa pelbagai pemegang keputusan harus memiliki kapasiti dan juga siap siaga dengan pelbagai situasi kecemasan serta cepat memberikan tindakan bantuan yang berkesan (Austrian Development Agency, 2009).

Berasaskan perspektif Islam terhadap tindakan kesiapsiagaan dalam berhadapan kejadian bencana. Ia boleh dilihat daripada nasihat Nabi Yusuf AS kepada raja Mesir dan juga dari kisah Nabi Nuh AS, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Al-Quran. Nasihat Nabi Yusuf AS kepada raja Mesir melalui mentafsirkan satu mimpi yang disampaikan kepada raja bahawa negara Mesir akan mengalami kejadian tujuh tahun kemarau kering. Maka tindakan yang diusahakan oleh Nabi Yusuf AS adalah meminta kepada raja supaya seluruh rakyat Mesir bersiap-sedia dalam bercucuk tanam dengan bersungguh-sungguh selama tujuh tahun berturut-turut. Hal ini merupakan sebagai usaha dalam berhadapan dengan musim kemarau. Adapun nasihat Nabi Yusuf AS, sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Yusuf menjawab : "Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit daripada bahagian yang kamujadikan untuk makan. Kemudian datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). "Kemudian datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)". (Yusuf [12] : 47-49)

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Yusuf Ayat 47-49 bahawa betapapun banyaknya hasil yang kalian peroleh daripada kalian di musim subur selama tujuh tahun itu, kalian harus membiarkan hasilnya pada bulir-bulirnya, supaya boleh disimpan untuk masa yang lama dan menghindari kebusukan. Dan makanlah dalam kadar minima, jangan berlebih-lebihan supaya jumlah makanan boleh menampung di musim kemarau selama tujuh tahun. Berasaskan Surah Yusuf menjelaskan perlu adanya persedian dan itu merupakan satu tindakan untuk membina sistem amaran awal supaya membolehkan masyarakat untuk selalu membuat satu persediaan. Pembinaan sistem amaran awal bukanlah melawan kuasa Allah SWT, itu hanya sebagai satu usaha untuk mencegah dan lebih bersiap sedia daripada apa sahaja yang boleh berlaku. Selepas itu Al-Quran juga telah menganjurkan kepada manusia untuk memiliki satu perancangan kepada siaga yang mengarah kepada manusia untuk membuat satu persedian dalam mengurangkan kesan sampingan serta melakukan pemulihan semula jadi selepas kejadian bencana berlaku. Surah Al A'raaf Ayat 64, menjelaskan bagaimana Nabi Nuh AS telah menyiapkan segalanya untuk boleh berhadapan dengan kejadian bencana banjir besar seperti menyiapkan pelbagai bekalan logistik dan juga prasarana dalam usaha kesiapsiagaan serta membuat satu kapal besar yang boleh menampung ramai orang dan ternak untuk dibawanya.

Tindakan yang dilakukan oleh Nabi Nuh AS membuktikan bahawa sudah semestinya masyarakat selalu berupaya untuk siap siaga dalam berhadapan dengan satu kejadian bencana kerana bencana tidak hanya semata-mata merupakan satu takdir yang tidak boleh ditolak. Seperti kisah yang berlaku pada Nabi Nuh AS, yang memberikan satu pelajaran penting kepada manusia untuk melakukan tindakan kesiapsiagaan. Tindakan kesiapsiagaan harus tetap dilakukan meskipun tindakan itu tidak boleh

membuat manusia menjadi takabur. Ketakaburan pernah ditunjukkan oleh Qan'an yang merupakan putra Nabi Nuh AS, di mana beliau tidak mahu mengikut ajakan Nabi Nuh untuk naik ke atas kapal. Padahal Nabi Nuh AS sudah melarangnya tetapi beliau tidak mendengarkan nasihat dan perintah daripada sang ayah, impaknya adalah Qan'an juga merupakan orang-orang yang telah ditenggelamkan.

2.4.3 Fasa Tindak Balas Kecemasan

Fasa tindak balas kecemasan boleh ditakrifkan sebagai aktiviti semasa operasi untuk mengurangkan kesan selepas kejadian bencana berlaku. Aktiviti itu dilakukan secara langsung dalam memberikan pertolongan kepada mangsa baik sebelum maupun selepas bencana berlaku (Hon Anna, 2010). Menurut Ishak (2004), fasa tindak balas kecemasan adalah satu tindakan awal yang dilakukan dalam menyelamatkan mangsa dan masyarakat daripada kawasan bencana. Ia merupakan sasaran utama semasa fasa tindak balas kecemasan. seperti pencarian, penyelamatan, penyediaan makanan, tempat tinggal sementara dan pemberian bantuan serta perubatan. Hal ini merupakan peringkat mula dalam usaha tindak balas kecemasan dan ia memerlukan masa yang sangat singkat selepas berlakunya bencana (Ishak, 2004). Selain itu, fasa tindak balas kecemasan bermatlamat untuk memberikan satu kemudahan kepada mangsa yang terjejas bencana untuk boleh mendapatkan pelbagai keperluan asas, seperti bantuan logistik, makanan, air bersih dan juga tempat perlindungan sementara. Secara operasional, apa yang berlaku daripada fasa tindak balas kecemasan termasuklah aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- 1) Mengendalikan mangsa bencana termasuk mengubur mangsa yang mati dan juga merawat mangsa yang luka-luka;
- 2) Pengendalian perpindahan mangsa;
- 3) Pemberian bantuan semasa kecemasan;
- 4) Perkhidmatan kesihatan;
- 5) Penyiapan tempat perlindungan sementara (Ishak, 2004).

Berasaskan kepada perspektif Islam, fasa tindak balas kecemasan bencana juga boleh dilihat dalam Al-Quran seperti yang didapat daripada Surah Al-Maidah Ayat 2. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran, dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat sekannya”. (Al-Maidah [5] : 2)

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Al-Maidah Ayat 2 bahawa Allah SWT memerintahkan kepada hamba-hamba-Nya yang beriman untuk saling menolong dalam berbuat kebaikan iaitu kebijakan dan meninggalkan hal-hal yang mungkar, hal ini dinamakan ketakwaan. Berasaskan Surah Al-Maidah Ayat 2 di atas menjelaskan bahawa setiap manusia tidak pernah akan rugi selama mereka masih mahu menegakkan nilai-nilai saling tolong-menolong dan memberikan bantuan, di samping beriman dan juga beramal shalih. Saling tolong-menolong dalam persaudaraan harus menjadi satu sifat kepada orang mukmin dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini juga ditegaskan dalam Surah At-Taubah Ayat 71. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”. (At-Taubah [9] : 71)

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah At-Taubah Ayat 71 bahawa sebagian daripada mereka saling bantu dan saling mendukung dengan sebaian lain. Perumpamaan orang-orang mukmin dalam keakraban dan kasih sayangnya sama dengan satu tubuh. Apabila salah satu anggotanya merasa sakit, maka sakitnya itu menjalar keseluruhan tubuh sehingga merasa demam dan tidak dapat tidur. Berasaskan Surah At-Taubah Ayat 71 bahawa tindak balas kecemasan mengesahkan bahawa perlu adanya umat manusia untuk saling memberikan usaha pertolongan sesamanya.

2.4.4 Fasa Pemulihan Dan Pembinaan

Fasa pemulihan dan pembinaan ditarifkan sebagai satu tindakan yang dilakukan selepas bencana berlaku. Ia bermatlamat untuk memulihkan mahupun memperbaiki keadaan hidup para mangsa kepada keadaan semasa sebelum kejadian bencana (Moe & Pathranarakul, 2006). Proses pemulihan dan pembinaan boleh memakan masa lima sehingga sepuluh tahun kerana ia melibatkan masa pemulihan fizikal mahupun masa pemulihan bukan fizikal (Ishak, 2004). Fasa pemulihan dan pembinaan bermatlamat untuk mengembalikan dan memulihkan pelbagai fungsi binaan yang mendesak seperti pemulihan perumahan, tempat ibadah, binaan sekolah dan infrastruktur sosial serta prasarana perekonomian. Matlamat utamanya adalah untuk memperbaiki pengkhidmatan awam sehingga keadaan penarafan yang memadai. Sedangkan proses pembinaan adalah sebagai satu usaha dalam membangun kembali

kawasan-kawasan yang rosak daripada kejadian bencana. Adapun matlamatnya iaitu tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan pelbagai komuniti dalam melakukan perbaikan, permodenan, pengukuhan sistem dan program-program terhadap pembinaan sosial masyarakat selepas kejadian bencana (Ishak, 2004).

Pembinaan prasarana haruslah dimulai selepas selesainya penyesuaian tata ruang dengan matlamat utama adalah untuk membina kembali kawasan yang terjejas bencana. Tentunya usaha itu harus diselaraskan secara baik dengan pihak kerajaan, seperti contoh melakukan tindakan kecemasan dengan mengutamakan keselamatan manusia dan harta bendanya, membentuk tempat-tempat pencegahan bencana, melakukan pendataan terhadap faktor penyebab mencetusnya bencana mahupun besarnya peluang mangsa yang menderita untuk bahan tindakan, berikutan penyelaras dengan institusi-institusi yang memiliki hubungan kerjasama, memantau situasi dan perkembangan bencana serta kemajuan yang dicapai daripada usaha pencegahan dengan segera menetapkan program pemulihan seperti sektor fizikal, sosial, dan ekonomi.

Berasaskan perspektif Islam, tindakan pemulihan perlu diberi perhatian, iaitu meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap sebab akibat dan cara tindakannya supaya tidak menghadapi risiko yang sama, menghargai tradisi budaya dan kearifan tempatan untuk mengelakkan berlaku konflik dan bencana, dan mewujudkan kesabaran serta harapan untuk bangkit semula tanpa mengurangkan kesediaan untuk membuat pembetulan diri berikutan instropeksi di masa hadapan (Jusmaliani, 2008). Kunci lain yang boleh mempercepatkan usaha pemulihan selepas bencana adalah menjaga diri untuk tetap berada pada jalurnya. Dengan makna lain, seseorang harus

tetap konsisten dalam melaksanakan apa yang menjadi kewajiban dan menjauhi apa yang dilarang oleh Allah atau perkataan lain ialah taqwa. Tidak hanya itu, perilaku taqwa mampu memartabatkan seseorang pada kesempurnaan kemanusiaan. Perilaku taqwa bermanfaat untuk memulihkan sisi kemanusiaan yang terjejas selepas kejadian bencana.

Selain itu, Allah SWT telah menjamin dan memberikan jalan keluar kepada semua kesulitan hidup yang dihadapi. Seterusnya, Allah SWT juga telah berjanji bahawa selalu membuka pintu-pintu rezeki dari jalan yang tak terduga kepada orang yang memiliki perilaku taqwa kepada Allah SWT. Apabila mahu menambahkan perilaku itu dengan sifat kepasrahan yang disertai dengan pelbagai usaha dan doa, maka yakinlah Allah SWT akan mencukupkan keperluan manusia. Siapa yang pasrah kepada Allah, niscaya dia akan mencukupi keperluannya (*QS Ath-Thalaq [65] : 23*). Kerapnya hanya persoalan masa sahaja dan bila boleh berlaku serta di mana akan berlaku. Setiap adanya kesulitan pasti ada kemudahan selepasnya. Manusia memang tidak boleh menolak bencana namun hanya boleh mengurangkan kesannya, itu pun jikalau Allah SWT mengkehendakinya. KehendakNya pun pasti diiringi oleh kehendakNya yang lain, meskipun mulanya nampak menyusahkan tetapi pada akhirnya akan menyenangkan. Allah SWT tidak pernah memberikan satu kejadian bencana melebihi daripada kadar yang sanggup ditanggung oleh manusia. Hikmah di sebalik satu kejadian bencana adalah menumbuhkan satu rasa kesedaran yang diikuti dengan perasaan optimis kerana semua yang Allah SWT berikan itu sudah tentu memiliki makna dan Allah SWT juga telah menyiapkan segala hikmah selepas kejadian bencana. Melalui usaha pengurusan bencana sebagai satu tindakan dalam mengurangkan pelbagai risiko yang lebih teruk, semua orang pasti tidak

mengharapkan berlakunya bencana tetapi sesuai sunnatullah tidak jarang yang tidak diinginkan justeru boleh menjadi yang banyak memberikan faedah pada kemudian hari.

Seterusnya bukankah sebahagian besar daripada ubat-ubatan justeru memiliki rasa yang tidak disukai oleh manusia, namun semua merupakan sunatullah. Maknanya, yang tidak menyenangkan bukanlah tidak baik atau sebaliknya yang menyenangkan boleh membawa sesatu masalah. Secara keseluruhan penjelasan terhadap konsep pengurusan bencana mengikut fasanya, maka boleh dirumuskan keseluruhan tindakan yang dilakukan bukanlah satu jaminan keberkesanannya jikalau hanya dilaksanakan oleh satu pihak sahaja. Oleh itu, diperlukan satu penyertaan pelbagai komuniti dalam setiap fasa semasa pengurusan bencana seperti penyertaan kumpulan masyarakat, individu, dan *NGO* serta penglibatan para ulama. Penyertaan komuniti bermatlamat untuk memastikan pengurusan bencana mengikut fasanya boleh berjalan dengan baik dan berkesan. Adapun matlamat pengurusan bencana adalah untuk mencegah, menyelamatkan dan mengurangkan pelbagai penderitaan mangsa yang terjejas bencana.

2.5 Teori Penyertaan Komuniti

Penyertaan komuniti boleh ditarifkan sebagai penglibatan orang atau kumpulan komuniti untuk menyokong dalam pencapaian matlamat serta ikut bertanggungjawab kepada kumpulannya. Menurut Dwininggrum (2011), penyertaan komuniti terbahagi kepada dua iaitu penyertaan secara sukarela dan penyertaan bersifat untuk menunjukkan. Penyertaan secara sukarela adalah penyertaan yang ikhlas dan dimotivasikan kepada manfaat yang diperolehi daripada individu yang suka kepada kehidupan

bermasyarakat. Sedangkan penyertaan yang bersifat menunjuk-nunjuk adalah penyertaan yang dilakukan untuk kepentinggan kumpulan dan tidak secara ikhlas (Dwininggrum, 2011). Menurut Cornwall (2011), penyertaan komuniti boleh diklasifikasikan, seperti 1). *Citizen Power*, 2). *Tokenism*, dan 3). *Non Participation*. *Citizen Power* adalah satu bentuk penyertaan di mana didapat satu pengagihan hak, tanggung jawab dan kuasa antara masyarakat dan pihak kerajaan dalam membuat satu keputusan. Seterusnya, *Tokenism* adalah satu bentuk penyertaan formaliti yang membolehkan masyarakat mendengar dan memiliki hak untuk mengundi, tetapi pandangan mereka belum boleh menjadi satu bahan dalam membuat satu keputusan. Terakhir, Penyertaan *Non Participation* adalah satu bentuk penyertaan yang hanya dijadikan sebagai satu objek sahaja (Cornwall, 2011). Berasaskan pelbagai penjelasan ini maka boleh disimpulkan bahawa penyertaan komuniti merupakan satu penglibatan secara aktif daripada satu orang maupun sekumpulan komuniti yang secara cekap dan sedar terlibat secara sukarela dalam memulakan satu program seperti pembinaan, perancangan, pelaksanaan dan pengawasan serta penilaian terhadap masyarakat. Menurut hujah Sumampouw (2004), terdapat lima prinsip penyertaan komuniti seperti berikut :

1. Kesaksamaan dan perkongsian (*Equal Partnership*). Semua orang atau sekumpulan orang memiliki kemahiran, kebolehan dan inisiatif serta hak untuk menggunakan inisiatif dalam setiap proses kepada membina dialog tanpa mengira peringkat dan struktur setiap pihak.
2. Ketelusan (*Transparency*). Penglibatan pelbagai pihak yang secara murni ikhlas sehingga meningkatkan komunikasi terbuka berupa bentuk dialog.

3. Kesaksamaan kuasa (*Sharing Power/Equal Powership*). Pelbagai pihak yang terlibat untuk mengimbangi pengagihan kuasa dan juga untuk mengelakkan satu dominasi.
4. Kesaksamaan Tanggungjawab (*Sharing Responsibility*). Pelbagai pihak memiliki tanggung jawab yang jelas dalam semua proses kerana adanya kesamaan semua kuasa (*Sharing Power*) dan penglibatan dalam proses membuat keputusan.
5. Memperkasakan (*Empowerment*). Penglibatan pelbagai pihak tidak lepas daripada segala kekuatan dan kelemahan yang dimiliki semua pihak, sehingga melalui penglibatan aktif dalam semua proses aktiviti, berlaku satu proses saling belajar dan saling memberi antara satu sama lainnya.

Daripada lima prinsip penyertaan komuniti tersebut di atas, penyertaan komuniti perlu memiliki satu kemahiran, ketelusan dan saling membina komunikasi yang lebih baik serta perlu ada kesaksamaan yang terbahagi sama rata. Penyertaan-penysertaan itu, tentu boleh meningkatkan kadar yang lebih baik dalam penglibatannya. Selain itu penyertaan komuniti juga boleh dikelaskan dalam pelbagai bentuk iaitu seperti berikut :

1. Penyertaan dalam wang adalah satu bentuk penyertaan kepada mempercepatkan usaha kepada mencapai keperluan kepada yang memerlukan bantuan;
2. Penyertaan harta adalah satu bentuk penyertaan dalam menyumbang hartanah dan kerapnya dalam bentuk alat kerja atau perkakas;

3. Penyertaan tenaga adalah satu bentuk penyertaan yang dibahagikan dalam pelaksanaan usaha-usaha untuk menyokong kerjaya program yang ditugaskan oleh organisasi;
4. Penyertaan kemahiran adalah satu bentuk penyertaan untuk memberi dorongan kepada masyarakat dengan matlamat untuk melibatkan diri kepada aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kebajikan masyarakat;
5. Penyertaan idea adalah satu bentuk penyertaan dalam bentuk sumbangan pendapat, pemikiran yang membina, baik untuk mengatur program atau memudahkan pelaksanaan program serta juga untuk menjadikannya satu kenyataan dengan memberikan pengalaman dan pengetahuan dalam usaha membina aktiviti-aktiviti;
6. Penyertaan sosial adalah satu bentuk penyertaan sebagai tanda bulatan (*circle sign*) daripada kawan seperti perhimpunan sosial, penyertaan menghadiri pelbagai majelis dan lain-lainnya;
7. Penyertaan dalam proses membuat keputusan adalah satu bentuk penyertaan yang terlibat pada setiap perbincangan dalam rangka mengambil satu keputusan yang berkenaan dengan matlamat untuk kepentingan bersama;
8. Penyertaan representatif adalah satu bentuk penyertaan yang dilakukan dengan cara memberikan satu amanah/mandat kepada timbalannya yang duduk pada kumpulan itu, (Sumampouw, 2004).

Berasaskan pelbagai penjelasan bahawa penyertaan komuniti tidak sahaja terbatas kepada penglibatan orang mahupun kumpulan secara langsung, tetapi boleh daripada

penyertaan melalui pelbagai bentuk seperti penyertaan melalui wang, penyertaan melalui idea-idea dan juga penyertaan melalui keterwakilan daripada komuniti dalam mengambil pelbagai tindakan serta keputusan. Sedangkan menurut Sekretariat Bina Desa (1999), penyertaan komuniti telah dikenalpasti sebanyak tujuh jenis penyertaan, seperti penyertaan pasif/manipulatif, penyertaan dengan cara memberikan maklumat, penyertaan melalui perundingan, penyertaan untuk inisiatif materi, penyertaan fungsional dan juga penyertaan interaktif serta penyertaan diri sendiri. penjelasan tentang penyertaan komuniti seperti yang dimaklumtak oleh Sekretariat Bina Desa, dijelaskan dalam Jadual 2.1

Jadual 2.1
Jenis-Jenis Penyertaan

Bil	Tipologi	Karakteristik
1.	Penyertaan pasif/manipulative	<ul style="list-style-type: none"> 1. Mereka terlibat dengan cara memaklumkan apa yang sedang mahupun telah berlaku; 2. Pengumuman satu pihak oleh pentadbiran atau yang melaksanakan projek tanpa memberi sebarang perhatian kepada sambutan orang ramai; 3. Maklumat yang ditukarkan adalah terhad kepada golongan profesional di luar daripada objek.
2.	Penyertaan dengan memberikan maklumat	<ul style="list-style-type: none"> 1. Mereka yang terlibat dengan cara untuk menjawap persoalan penyelidikan seperti dalam soal selidik atau sebagainya; 2. Orang ramai tidak memiliki peluang untuk menyertai dan mempengaruhi proses penyelesaian; 3. Keputusan kajian tidak dibincangkan dengan masyarakat
3.	Penyertaan melalui perundingan	<ul style="list-style-type: none"> 1. Mereka yang terlibat dengan cara perundingan; 2. Orang luar untuk mendengar sahaja dan membina sendiri pandangannya yang kemudian menentukan masalah dan penyelesaian dengan mengubah tanggapan masyarakat; 3. Tidak ada peluang untuk bersama membuat keputusan; Para profesional tidak bertanggungjawab kepada pendapat umum (<i>sebagai input</i>) untuk mengambil tindakan.
4.	Penyertaan untuk insentif material	<ul style="list-style-type: none"> 1. Mereka yang terlibat dengan menyediakan sumber-sumber seperti tenaga buruh, gaji, pampasan, dan sebagainya; 2. Mereka yang tidak terlibat dalam percubaan atau proses-proses pembelajaran; 3. Mereka tidak memiliki sumbangan untuk meneruskan aktiviti yang dilakukan ke atas insentif yang disediakan / diterima
5.	Penyertaan fungsional	<ul style="list-style-type: none"> 1. Mereka yang terlibat dengan menubuhan satu kumpulan untuk mencapai matlamat yang berkenaan dengan projek itu; 2. Pembentukan kumpulan (<i>kerapnya</i>) selepas pelbagai keputusan penting selepas dipersetujui; 3. Pada mulanya, kumpulan masyarakat sangat bergantung kepada pihak luar (<i>fasilitator, dan lain-lain</i>) tetapi sudah tiba masanya.

6. Penyertaan interaktif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mereka yang terlibat dalam analisis yang membawa kepada perancangan aktiviti-aktiviti dan penciptaan institusi sosial yang baharu atau mengukuhkan wujud institusi yang telah ada; 2. Penyertaan ini mungkin cenderung untuk melibatkan kepada kaedah interdisipliner yang cuba mencari kepelbagaian perspektif dalam proses pembelajaran berstruktur; 3. Kumpulan masyarakat yang memiliki peranan kawalan ke atas keputusan mereka, sehingga mereka harus menyumbang untuk penyelenggaraan aktiviti-aktiviti.
7. Pengembangan diri sendiri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mereka yang terlibat dengan mengambil inisiatif secara bebas (<i>tidak dipengaruhi / tekanan pihak luar</i>) untuk menukar sistem atau nilai-nilai yang mereka miliki; 2. Mereka yang membina hubungan dengan institusi lain untuk mendapatkan bantuan teknikal dan sumber yang diperlukan; 3. Mereka yang memegang kawalan ke atas penggunaan sumber yang ada.

Sumber: Sekretariat Bina Desa (1999)

Pada asasnya, penyertaan komuniti tidak ada yang memberikan satu jaminan bahawa pelbagai aktiviti yang dilakukan boleh berlanjutan melalui satu penyertaan sahaja. Kerjayanya sangat bergantung kepada jenis kaedah dalam penerapan yang dilakukan. Secara am, penyertaan komuniti tidak selalu berkesan jikalau dilakukan oleh satu pihak sahaja tetapi perlu mendapatkan pelbagai sokongan daripada pihak lain. Sementera itu penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana sangat berbeda disebabkan tindakan yang dilakukan hanya untuk memberikan satu pertolongan kepada mangsa dan tidak sama sekali mencari satu keuntungan, seperti contoh penyertaan *NGO* dalam pengurusan bencana yang telah banyak membantu memberikan pelbagai pertolongan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana.

2.6 Penyertaan *Non Goverment Organisation*

Non Goverment Organization (NGO) ditakrifkan sebagai satu organisasi bukan kerajaan yang matlamat utamanya tidak mencari keuntungan materi atau mencari

kepentingan kumpulan, dengan melakukan pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat dalam bentuk kemanusiaan dan membawa pelbagai aspirasi masyarakat kepada pihak kerajaan. *NGO* ditubuhkan secara sukarela oleh kumpulan masyarakat baik skala tempatan mahupun skala antarabangsa dengan matlamat mengangkat kebajikan masyarakat (Roka, 2012). Menurut Suharko (2003), Penyertaan *NGO* merupakan satu kumpulan formal yang bebas daripada campur tangan daripada pihak kerajaan dan ia bukan mencari keuntungan serta pertubuhannya bersifat sukarela dengan menganalisis pelbagai isu-isu seperti contoh pembinaan masyarakat sampai kepada akar umbi dan untuk menyokong individu hidup berdikari mahupun masyarakat yang lebih baik.

Menurut Heyzer (2004), terdapat tiga jenis bentuk *NGO* yang boleh dilaksanakan seperti 1). *NGO* dalam bidang bukan politik iaitu satu bentuk penyertaan untuk memperkasakan masyarakat dalam bidang sosioekonomi; 2). *NGO* dalam bidang politik iaitu satu bentuk penyertaan dalam wahana merapatkan dan juga mempersatukan masyarakat dengan pihak kerajaan; 3). *NGO* dalam bidang pendidikan dan advokasi iaitu satu bentuk penyertaan dalam memperkasakan masyarakat dalam mendapatkan pengetahuan dan juga kesamarataan hak sebagai masyarakat. Manakala, menurut Suharko (2003), terdapat empat bentuk *NGO* seperti berikut :

1. *Government Organized NGO (GONGO)* iaitu *NGO* yang muncul kerana mendapat sokongan daripada kerajaan, baik berupa dana mahupun kemudahan dan berperanan menjayakan program-program kerajaan;

2. *Donor Organized NGO (DONGO)* iaitu *NGO* yang ditubuhkan oleh kalangan lembaga-lembaga penderma, baik yang bersifat pelbagai hala dan sepihak. *NGO* seperti ini kerapnya ditubuhkan untuk mewujudkan program daripada sponsor atau sang penderma itu;
3. *Autonomous or Independent NGO (AINGO)* iaitu *NGO* yang berkembang dalam masyarakat yang sifatnya bebas secara kewangan dan memiliki kepedulian yang sangat luas terhadap pelbagai perkara dalam kehidupan sehari-hari;
4. *Foreign NGO (FONGO)* iaitu *NGO* yang ada di luar negeri. Kehadirannya sebagai usaha dalam menyediakan pelbagai bantuan dan kehadirannya sudah tentu harus mendapat izin daripada negara atau di mana tempat *NGO* itu melakukan aktiviti atau beroperasi.

Menurut Santoso (2007) terdapat dua bentuk *NGO* yang kerap hadir dalam masyarakat iaitu *NGO* Operasional dan *NGO* Advokasi. *NGO* Operasional iaitu satu kumpulan yang matlamat utamanya adalah merancang dan melaksanakan pelbagai projek pengembangan. *NGO* operasional dalam aktivinya kerap mengerakkan sumberdaya dalam bentuk kewangan, material dan juga tenaga relawan untuk melaksanakan projek dan program-programnya. Sedangkan *NGO* Advokasi iaitu satu kumpulan yang matlamat utamanya adalah mempertahankan dan memelihara satu isu khas dan bekerja untuk mempengaruhi satu keputusan atau tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. *NGO* Advokasi pada asasnya berusaha meningkatkan kesedaran (*awareness*) dan bekerja melalui satu kempen serta tidak melaksanakan satu program.

Bagaimanapun menurut Budiwan (2005), kedua-duanya *NGO* ini kerapnya melibatkan kepada empat orientasi seperti orientasi amal, perkhimatian, pengembangan dan juga pemerkasaan. Untuk maklumat lebih jelas, sila dilihat penjelasan seperti berikut :

1. Orientasi amal (*Charitable*) iaitu *NGO* yang aktivitinya kerap memberikan perkhidmatan dalam pemberian keperluan makanan kepada orang miskin, pakaian, ubat-ubatan, perumahan, sekolah dan lainnya. Ia juga melakukan aktiviti bantuan bencana alam atau bencana akibat perbuatan manusia.
2. Orientasi perkhidmatan iaitu *NGO* yang aktiviti memberikan perkhidmatan kesihatan dan juga pendidikan yang programnya direka oleh *NGO*.
3. Orientasi pengembangan iaitu *NGO* yang aktivitinya melibatkan projek kelola sendiri (*self help projek*) dengan cara memberi bantuan wang, peralatan, bahan-bahan, tenaga kerja dan lainnya.
4. Orientasi pemerkasaan iaitu *NGO* yang aktivitinya membantu orang miskin untuk mengembangkan kefahaman yang lebih baik terhadap faktor sosial dan faktor ekonomi.

Penyertaan *NGO* tetap memiliki orientasi yang ingin dicapai. Oleh itu, dalam pelaksanaan *NGO* kaedah fleksibiliti dengan pelbagai pihak kerap dijalankan. Hal ini yang belum mampu ditembusi oleh pejabat rasmi daripada pihak kerajaan. Kaedah fleksibiliti yang dilaksanakan *NGO* telah mampu menyelesaikan pelbagai perkara yang tidak mungkin dilakukan oleh pihak kerajaan, seperti contoh kedekatan dengan masyarakat dan mampu mengikut pelbagai budaya dalam persekitaran masyarakat. Penyertaan *NGO* menjadi semakin penting dan telah berkembang secara maju dan pesat terutama sebagai pilar daripada arkitek terhadap program kemanusiaan. Hal ini

kerap dilakukan oleh negara-negara barat yang telah menjadi rumah kepada *NGO* Antarabangsa. Setakat ini terdapat 3,000 sehingga 4,000 *NGO* yang telah beroperasi dan kerap beroperasi di peringkat Antarabangsa, seperti *CARE*, *Catholic Relief Services (CRS)*, *Médecins Sans Frontières (MSF)*, *Oxfam*, *International Organisation Migration (IOM)*, *RED Cross*, *Mercy Corp*, *Save the Children*, *World Vision* dan lainnya (Stoddard, 2003).

Menurut Edward (2000), pesatnya perkembangan pelbagai *NGO* antarabangsa tercetus daripada adanya pelbagai konferen yang dilaksanakan oleh Persatuan Bangsa Bangsa Bersatu dengan matlamatnya untuk membahas era millenium dan perubahan kehidupan secara global. Adapun agenda yang dilakukan oleh *NGO-NGO* ialah agenda yang berkenaan dengan isu seperti biodiversiti, pembangunan yang berkemampuan dan lain-lainnya (Van Roy, 2000). Selain itu pesatnya perkembangan *NGO* juga boleh disebabkan oleh adanya pelbagai pihak penderma (*donor driven*) yang telah memberikan kepercayaan kepada pihak *NGO* untuk mengagihkan sebarang bantuan kemanusiaan kepada masyarakat yang memerlukan (Suharko, 2003). Menurut Stoddard (2003), tumbuhnya kepercayaan kepada pihak *NGO* disebabkan ramai *NGO* menggunakan dua kaedah tradisional seperti kaedah minimalis dan kaedah maksimalis. Kaedah minimalis iaitu sattu penyertaan *NGO* seperti contoh *NGO* gerakan Bulan Sabit (*Red Cross*) yang berasaskan pada komitmen kemanusiaan, kesaksamaan dan kebebasan. Kaedah maksimalis iaitu penyertaan *NGO* yang lebih bersedia melibatkan diri kepada pihak kerajaan untuk melihat keserasian asas antara matlamat kemanusiaan dan juga kesinambungan daripada satu pembangunan yang dilakukan.

2.7 Penyertaan Ulama

Perkataan Ulama ditakrifkan sebagai satu perkataan yang ditujukan kepada orang yang memiliki pengetahuan, ahli ilmu dan memiliki intelektual serta ahli dalam pengetahuan agama Islam (Muhammad Chirzin, 2010). Perkataan Ulama juga sepadan dengan perkataan ulul albab dalam Al-Quran iaitu sebagai orang yang arif (Basyar, 2007). Menurut Muhammad Chirzin (2010), perkataan Ulama terdapat dalam Al-Quran daripada pelbagai Surah, seperti Surah Asy-Syu'ara Ayat 197; Surah Fathir Ayat 28; Surah Al-Baqarah Ayat 269; Surah Al-Ahzab Ayat 45-47; dan juga terdapat dalam Surah At-Taubah Ayat 111-112. Adapun penjelasan terhadap Ulama yang terkandung dalam Al-Quran daripada Surah Asy-Syu'ara Ayat 197.


Sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Bukankah itu satu bukti bagi mereka bahawa para Ulama Bani Israil sudah mengetahuinya sebagai satu kebenaran” (Asy-Syu'ara,, [26] : 197)

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Asy-Syu'ara Ayat 197 bahawa tidakkah cukup kepada mereka adanya saksi yang benar akan hal tersebut melalui Ulama Bani Israil yang menjumpai penyebutan Al-Qur'an di dalam kitab-kitab mereka yang biasa mereka pelajari. Berasaskan Surah Asy-Syu'ara ayat 197 menjelaskan bahawa banyak daripada kalangan Ulama Yahudi yang mengakui ajaran Nabi Muhammad SAW, yang ajarannya semua datang daripada Allah SWT (Muhammad Gazali, 2000). Selain itu, penjelasan terhadap perkataan Ulama juga didapat daripada Surah Fathir Ayat 28, sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Dan demikian pula diantara manusia, binatang melata dan hewan ternak, terdiri daripada pelbagai macam warna. Sungguh yang benar-benar takut kepada Allah diantara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama; mereka yang berpengetahuan. Sungguh Allah Maha Perkasa, Maha Pengampun ” (Fathir [35] : 28).

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Fathir Ayat 28 bahawa Ulama itu ada tiga iaitu Ulama yang mengetahui tentang Allah SWT dan mengetahui perintah Allah SWT; Ulama yang mengetahui tentang Allah SWT, tetapi tidak mengetahui perintah Allah SWT; dan Ulamayang mengetahui tentang perintah Allah SWT, tetapi tidak mengetahui Allah SWT. Orang yang alim (ulama) yang mengetahui tentang Allah SWT dan mengetahui tentang perintah Allah SWT ialah orang yang takut kepada Allah SWT. Berasaskan Surah Fathir Ayat 28 menjelaskan kepada mereka yang memiliki pengetahuan mendalam dan memiliki rasa takut kepada Allah SWT. Penjelasan itu merupakan permulaan dari satu kearifan yang disebabkan rasa takut sama dengan penghayatan dan rasa cinta kepada Allah SWT. Penghayatan semua keindahan dunia lahir dan dunia batin, sesungguhnya itu adalah yang luar biasa (*Allah Maha Perkasa*) serta penuh cinta yang disebabkan rahmat dan kasih sayang-Nya (*Maha Pengampun*). Sedangkan perkataan daripada ulul albab (*orang yang arif*) terdapat dalam Surah Al-Baqarah Ayat 269. Sebagaiman Allah SWT telah berfirman:



“Allah memberi hikmah kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan barang siapa diberi hikmah, ia telah memperoleh kebaikan melimpah; tetapi yang dapat mengambil pelajaran hanya orang yang arif” (Al-Baqarah 2 : 269).

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Al-Baqarah Ayat 269 bahawa sesungguhnya terdetik di dalam hatiku bahawa hikmah itu adalah pengetahuan mengenai agama Allah SWT dan merupakan perkara yang dimasukkan oleh Allah ke dalam hati manusia sebagai rahmat dan karunia-Nya. Sebagai penjelasannya dapat dikatakan bahawa engkau menjumpai seorang lelaki pandai dalam urusan duniawinya jika ia memperhatikannya, sedangkan engkau jumpai yang lainnya lemah dalam masalah agama dan mendalaminya. Sedangkan Surah Al-Ahzab Ayat 45-47 menjelaskan

bahawa golongan Ulama adalah sebagai pewaris Nabi dan sebagai penerus terhadap tugas-tugas Nabi di dunia dalam membawa satu kabar gembira, memberi satu amaran dan mengajak kepada seluruh umat manusia untuk tidak pernah mengingkari kebesaran Allah SWT, serta memberi satu penerangan kepada umat agar selalu beriman kepada Allah SWT. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Wahai Nabi! Sungguh Kami mengutus engkau sebagai saksi, sebagai pembawa kabar gembira dan pemberi peringatan. Dan sebagai orang yang mengajak kepada Allah dengan izin-Nya, dan sebagai pelita pemberi cahaya. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang beriman, bahawa mereka memperoleh karunia yang besar daripada Allah” (Al-Ahzab [33] : 45-47).

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Al-Ahzab Ayat 45-47 bahawa Allah SWT tidak akan mewafatkannya sebelum Dia menegakkan agama yang bengkok menjadi lurus kembali melaluiinya, sampai mereka mahu mengatakan “Tidak ada Tuhan selain Allah SWT”, dengan kalimah ini dia dapat membuka mata yang tertutup, telinga yang tersumbat dan hati yang terkunci.

Dalam Surah At-Taubah Ayat 112 bahawa Allah SWT menjelaskan bahawa golongan Ulama adalah sebagai penjaga terhadap moralitas umat manusia dalam pengawasan segala aspek kehidupan umatnya. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Mereka yang bertaubat kepada Allah, mereka yang mengabdi, mereka yang memanjatkan puji, mereka yang mengembara di jalan Allah; mereka yang rukuk, mereka sujud; mereka yang menganjurkan kebaikan dan mencegah kejahatan dan menjaga diri terhadap ketentuan-ketentuan Allah; sampaikanlah berita gembira kepada mereka yang beriman ” (At-Taubah [9] : 112).

Berasaskan tafsir Ibnu Katsir pada Surah At-Taubah Ayat 112 bahawa Ayat ini menyebutkan sifat orang-orang mukmin yang pengorbanan jiwa dan harta benda mereka diterima Allah SWT, mereka mempunyai sifat-sifat yang baik dan pekerti yang agung. Menurut Muhammad Gazali (2000), perkataan Ulama juga terdapat dalam pelbagai hadis yang menyatakan bahawa Ulama sebagai pewaris Nabi yang mewarisi ilmu (*agama*), sifat dan perilaku para Nabi. Selepas itu, sebutan Ulama sebagai golongan pewaris para Nabi juga diterangkan dalam pelbagai riwayat, seperti Riwayat Abu Daud, Riwayat al- Tirmidhi, Riwayat Ibnu Majah, Riwayat Ibnu Hibban dan Riwayat al-Baihaqi. Seterusnya, penjelasan Ulama sebagai pembaiki masyarakat telah dihuraikan dalam Riwayat Ibnu 'Abd al-Barr. Penjelasan Ulama pemberi syafa'at telah dihuraikan dalam Riwayat Ibnu Majah. Penjelasan Ulama sebagai pemegang amanah para Rasul terdapat dalam Riwayat al-Dailami dan Musnad al-Firdaus. Penjelasan Ulama sebagai pemegang amanah Allah SWT di atas permukaan bumi terdapat dalam Riwayat Ibnu 'Abd al-Barr. Sedangkan yang terakhir, penjelasan Ulama umpamanya sebagai lampu-lampu atau bintang-bintang dilangit terdapat dalam Riwayat Ahmad. Demikian juga tinta Ulama dikatakan lebih berat daripada darah para syuhada terdapat dalam Riwayat al-Tirmidhi.

Menurut Quraish Shihab (1994), Ulama adalah orang yang memiliki pengetahuan kawniyyah (*fenomena alam*) dan qur'aniyyah. Keberadaan Ulama yang memiliki pengetahuan kawniyyah dan qur'aniyyah adalah Ulama yang selalu memikirkan penciptaan langit dan bumi agar bertasbih kepada Allah SWT. Sebagaimana Allah SWT telah berfirman :

“Sebenarnya, Al-Qur'an itu adalah ayat-ayat yang nyata di dalam dada orang-orang yang diberi ilmu”(Q.S. al-„Ankabut [29] : 49).

Menurut tafsir Ibnu Katsir pada Surah Al-,,,Ankabut Ayat 49 bahawa Al-Qur'an adalah ayat-ayat yang jelas yang menunjukkan kepada perkara yang hak, di dalamnya terkandung perintah, larangan dan kebaikan, dihafal oleh semua Ulama. Allah SWT telah memberikan kemudahan kepada mereka untuk membacanya, menghafalnya dan menafsirkannya. Dengan demikian, Ulama memiliki ilmu *kawniyyah* dan *qur'aniyyah* dan juga memiliki perilaku yang mendekati kepada perilaku Nabi dalam erti lainnya memahami serta mengamalkan pelbagai Sunah Nabi (Quraish Shihab, 1994). Menurut Hatta Abdul Malik (2010), Ulama yang menjadi pewaris Nabi adalah Ulama yang memiliki pelbagai kriteria sebagaimana karakteristik Nabi atau setidaknya mendekatinya. Ulama yang menjadi pewaris Nabi juga merupakan golongan ulama yang dipilih oleh Allah SWT, disamping mereka juga telah diakui oleh masyarakat sebagai seorang ulama. Seorang ulama harus juga berinteraksi yang kuat dengan umatnya baik secara individu maupun secara keseluruhan sehingga Ulama kerap mengetahui pelbagai perkembangan atau kelemahan dalam perilaku umatnya baik yang bersifat personal maupun secara kolektif.

Menurut Ali Maschan Moesa (2007), Ulama sebagai pewaris Nabi juga memiliki dua makna seperti makna pertama memiliki pengetahuan yang mendalam dan makna kedua memiliki moral yang boleh dicontohi atau ditauladani oleh seluruh umatnya. Interaksi golongan ulama dengan umatnya juga tidak terlepas daripada adanya konteks dalam Al-Quran serta juga Hadits seperti memberikan satu khabar gembira, memberikan peringatan untuk selalu menyeru kepada Allah SWT, memberikan penerangan kepada kaumnya yang dalam kegelapan, membacakan dan mengajarkan Al-Quran kepada umatnya serta menyucikan umatnya daripada kehidupan yang melanggar akidah Islam. Ulama yang dipilih oleh Allah SWT sebagai pewaris Nabi

jika dilihat daripada pelbagai karakteristik Nabi maka sukar untuk dicarinya. Namun demikian bukan bererti tidak ada dan tidak mungkin dicapai. Pencapaian menjadi golongan ulama yang dipilih untuk menjadi pewaris Nabi juga tidak melalui satu proses yang mudah (Hatta Abdul Malik, 2010).

Berasaskan sosiologi penyertaan ulama dalam kehidupan masyarakat adalah sebagai satu struktur sosial dalam menjalankan fungsinya yang sesuai dengan status yang dimilikinya. Jikalau mereka melakukan fungsinya dengan baik maka akan terbentuk kehidupan masyarakat yang seimbang, harmonis dan sepada. Ulama adalah pemimpin kepada orang yang mengikut tindakan dan tingkah lakunya serta juga memimpin masyarakat disekitarannya untuk mengelakkan daripada perkara yang tidak baik dalam kehidupan mereka. Sesungguhnya ulama bukan pemimpin rasmi yang dilantik atau ditentukan oleh organisasi tertentu dan ianya adalah seorang pemimpin yang tidak formal. Ulama hanya sebagai pemimpin agama dalam kehidupan masyarakat dan bukan kerana dilantik oleh institusi rasmi (Taher, 2000). Sesungguhnya kenyataan permulaan peranan Ulama boleh dikesan di kawasan seperti sekolah pondok, madrasah, majlis taklim, mahupun di masjid dan surau-surau (Mohhamad Iskandar, 2001). Secara nyata telah memberikan penjelasan bahawa para tengku (*penyebutan ulama dalam bahasa Aceh*) yang secara tidak rasmi diakui sebagai pemimpin masyarakat. Gelaran Tengku atau Ulama menunjukkan pengakuan yang tulus daripada masyarakat atas kepemimpinan mereka dalam persekitaran kehidupan masyarakat di Aceh (Basyar, 2007). Ulama juga dituntut untuk membimbing masyarakat dipersekitarannya supaya terhindar daripada pelbagai permasalahan yang tidak baik dalam kehidupan mereka.

Ulama juga dituntut untuk selalu membawa masyarakat dalam mencegah daripada perbuatan-perbuatan yang ingkar dan melanggar Akidah Islam. Selain itu, Ulama juga memiliki tugas dan tanggungjawab untuk menyampaikan syiar Agama Islam melalui pendidikan mahupun melalui dakwah di setiap tempat, sehingga boleh membuat satu perubahan dalam pengetahuan (*cognitive*), perilaku (*affective*) dan keterampilan (*psychomotoric*) kepada setiap individu umat Islam itu sendiri (Muhammad Chirzin, 2010).

Berasaskan pelbagai penjelasan terhadap Ulama, boleh disimpulkan bahawa Ulama merupakan orang yang berpengetahuan dan memiliki ahli sains serta intelektual kerana pakar dalam ilmu Islam. Di samping itu, Ulama adalah sebagai pewaris Nabi dan penerus terhadap tugas-tugasnya di dunia iaitu membawa khabar gembira, memberi amaran dan juga mengajak umat untuk tidak menafikan perintah Allah SWT serta memberi penerangan supaya selalu beriman kepada Allah SWT. Seterusnya ulama sebagai penjaga moralitas umat dalam pengawasan segala aspek kehidupan umatnya, Ulama sebagai pembaiki masyarakat, Ulama sebagai pemegang amanah Rasul dan Allah SWT. Oleh yang demikian, penglibatan Ulama dalam pengurusan bencana amalah penting kerana selain memberikan amaran kepada masyarakat dan juga sebagai usaha mencegah daripada perbuatan-perbuatan yang boleh membawa musibah dan bencana. Selain itu, penyertaan ulama boleh sebagai pengawal selia terhadap usaha pengagihan pelbagai bantuan kemanusiaan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana. Hal ini perlu dilakukan sebagai usaha dalam mencegah rosaknya akhlak dan akidah daripada mereka yang sengaja bertindak secara tidak bertanggungjawab.

2.8 Konsep Bantuan Kemanusiaan

Berasaskan Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2008), bantuan boleh diertikan sebagai satu bentuk pertolongan yang kebanyakannya diberikan kepada kumpulan dan juga orang yang sedang mengalami satu krisis atau memerlukan pertolongan. Terdapat empat jenis bantuan iaitu bantuan teknikal, hibah, program, pinjaman pembinaan, dan bantuan kemanusiaan. Menurut Maarif, (2009), bantuan kemanusiaan merupakan satu usaha pertolongan yang diberikan baik dalam bentuk sarana, tenaga, wang dan juga bentuk lainnya yang dikumpulkan daripada pelbagai pihak untuk diagihkan kepada pihak yang memerlukan. Hal ini sebagai tanggapan terhadap satu usaha dalam mengendalikan keadaan krisis kemanusiaan selepas kejadian bencana mahupun lainnya. Bantuan kemanusiaan tidak semestinya berbentuk logistik, tenaga dan wang sahaja tetapi juga boleh dalam bentuk teknologi mahupun pelbagai nasihat teknikal kepada penerima faedah (Maarif, 2009). Matlamat utama bantuan kemanusiaan adalah untuk melindungi nyawa dan mengurangkan pelbagai penderitaan mangsa serta melindungi maruah manusia selepas krisis kemanusiaan dengan matlamat berpandukan kepada kesaksamaan. Bantuan kemanusiaan juga kerapnya sebagai tindakbalas terhadap krisis-krisis kemanusiaan yang disebabkan oleh bencana alam mahupun bencana buatan manusia. Krisis kemanusiaan yang disebabkan oleh bencana alam seperti contoh kejadian bencana banjir, kebakaran hutan, taufan, gempa bumi dan gelombang tsunami serta kemarau yang panjang. Sedangkan krisis kemanusiaan yang disebabkan oleh kejadian bencana buatan manusia seperti contoh perperangan, perpindahan populasi dan juga kerosakan persekitaran daripada perbuatan manusia.

Objektif utama bantuan kemanusiaan adalah untuk menyelamatkan nyawa, meringankan pelbagai penderitaan mangsa dan juga menjaga maruah manusia. Oleh itu bantuan kemanusiaan sangat berbeza daripada bantuan pembinaan yang bermatlamat untuk mengendalikan faktor asas sosioekonomi. Bantuan kemanusiaan diagihkan dalam tempoh masa enam bulan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas oleh satu kejadian krisis. Adapun peruntukanya seperti membahagikan bantuan asas air minuman, makanan, tempat perlindungan dan pelbagai kemudahan kesihatan serta perubatan. Oleh itu organisasi kemanusiaan dalam Bangsa-Bangsa Bersatu (*PBB*) kerap sahaja membahagikan bantuan kemanusiaan pada kawasan konflik (Bjorgo, 2013). Menurut protokol tambahan Konvensi Geneva pada tahun 1977, bahawa bantuan kemanusiaan diagihkan tidak boleh memihak supaya tidak membeza dan merugikan satu pihak (Henckaerts, 2005). Ketidakberpihakan merupakan satu syarat penting dalam capaian kepada masyarakat awam yang terkena impak daripada semua sisi konflik mahupun bencana. Selain itu bantuan kemanusiaan juga harus segera bertindakbalas secara langsung terhadap keperluan-keperluan mangsa dan masyarakat yang memerlukan bantuan. Seterusnya karakteristik dalam mengagihkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa dan masyarakat harus melihat kateristik budaya tempatan. Hal ini sebagai tindakan yang harus menjadi perhatian dan sangat diperhitungkan demi kepentingan awam serta menghindari daripada pelbagai permasalahan (Henckaerts, 2005).

Untuk menjamin keberkesanan dan keberterusan program dalam bantuan kemanusiaan, semua tindakan dalam bantuan kemanusiaan yang didana harus sesuai dengan piawaian minimum yang telah ditetapkan dan terkandung dalam Piagam Kemanusiaan serta piawaian minimum dalam tindakbalas bencana (Ocha, 2008).


Satu prinsip penting daripada bantuan kemanusiaan dalam situasi bencana adalah tidak melakukan satu tindakan yang berbahaya (*sensitivitas konflik*). Hal ini sebagai usaha menghindari daripada kesan negatif dan intervensi. Intervensi merupakan satu kesan yang tidak diinginkan dalam prinsip bantuan kemanusiaan yang harus diperiksa secara kritis supaya terhindar daripada tercetusnya konflik. Perkara itu harus dikenal pasti dan dielak serta dilemahkan agar kesan negatif daripadanya dapat dikurangkan. Bantuan kemanusiaan diasaskan daripada prinsip kepaduan, penyelarasan dan integrasi, sebagai penyelarasan antara organisasi antarabangsa, kerajaan, masyarakat awam dan komuniti yang terkena impak daripada kejadian (Ocha, 2008). Bantuan kemanusiaan boleh digunakan untuk masa krisis atau masa kecemasan dan harus diagihkan secara neutral, kemandirian dan ketidakberpihakan kepada mana-mana kumpulan mahupun perorangan. Hal ini bermakna bantuan kemanusian yang diagihkan tidak mengambilkira kebangsaan, agama, jenis kelamin, etnik atau faham politik.

Berasaskan daripada pelbagai penjelasan bahawa bantuan kemanusiaan boleh disimpulkan sebagai tindak balas untuk melindungi nyawa, mengurangkan penderitaan dan melindungi kehidupan masyarakat. Peruntukan bantuan pada asasnya membahagikan air minum, makanan, tempat tinggal sementara dan pelbagai kemudahan lainnya. Matlamat bantuan kemanusiaan adalah untuk menyelamatkan mangsa daripada impak bencana. Bantuan kemanusiaan tidak boleh berat sebelah dan membeza-bezakan, manakala bantuan tidak serasi dengan prinsip-prinsip kemanusiaan, maka ia boleh mencetuskan keterdedahan dan menyebabkan permasalahan yang membawa kesan sampingan kepada masyarakat.

2.8.1 Teori Keterdedahan

Keterdedahan boleh ditakrifkan satu keadaan yang ditentukan oleh pelbagai faktor penyebab seperti faktor fizikal, faktor sosial dan faktor ekonomi serta juga faktor persekitaran yang proses berlakunya boleh membawa kepada kelemahan kehidupan dalam masyarakat (Ginige et al, 2009; Mallick, Rahaman, & Vogt, 2011). Menurut Weichselgartner (2001), konsep keterdedahan telah digunakan lebih daripada satu dekad sejak dimula ada konsep Timmerman yang digunakan dalam bidang risiko, bahaya dan perubahan global alam sekitar serta ditambah sebagai satu kajian terhadap kesan daripada pembangunan (Cannon, 2000). Konsep keterdedahan yang pada permulaannya berkembang dalam pelbagai disiplin ilmu sosial seperti psikologi, sosiologi dan komunikasi serta digunakan juga dalam unit analisis mikro. Selepas itu konsep keterdedahan telah diperluaskan kepada keterdedahan tataran institusi dan juga keterdedahan dalam kawasan (Cannon, 2000).

Keterdedahan secara amnya merupakan satu rangkaian keadaan individu dan masyarakat yang tidak boleh menyesuaikan diri terhadap impak daripada satu perubahan yang berlaku (Olmos, 2001; Fussel & Klein, 2006). Dengan makna lainnya, keterdedahan merupakan sisa-sisa daripada kesan yang berlaku dalam satu aktiviti yang pernah dilakukan dan ia disebabkan oleh tindakan manusia serta kesannya boleh juga mencetuskan satu bencana alam. Oleh itu, untuk memahami dengan lebih lanjut konseptual kajian terhadap berlakunya keterdedahan, sila rujuk Rajah 2.3



Rajah 2.3

Konseptual Keterdedahan

Sumber : Kasperson (2005)

Berasaskan Rajah 2.3, terdapat empat faktor yang boleh membawa kepada keterdedahan dalam persekitaran kehidupan masyarakat seperti berikut :


1. Keterdedahan fizikal (*Physical Vulnerability*) iaitu merujuk pada suseptibilitas persekitaran binaan atau sebagai pendedahan;
2. Keterdedahan sosial (*Social Vulnerability*) iaitu meliputi tahap celik huruf dan pendidikan, infrastruktur kesihatan, keamanan dan keselamatan, akses kepada asas hak asasi manusia, sistem kerajaan, keadilan sosial, nilai-nilai tradisional, istiadat dan keyakinan ideologi serta sistem organisasi kolektif secara keseluruhan;

3. Keterdedahan ekonomi (*Economic Vulnerability*) iaitu mensifatkan orang kurang berasib baik dalam kelas atau kasta, etnik minoriti, wanita muda dan tua yang kurang berasib baik terutamanya terhadap tempat tinggal yang merupakan keperluan dan asas yang penting;
4. Keterdedahan persekitaran (*Environmental Vulnerability*) iaitu merujuk kepada kemasuhan pelbagai sumber asli kehidupan (Kasperton, 2005).

Menurut Benson dan Twigg (2007), kajian keterdedahan bermatlamat untuk mengenal pasti pelbagai kumpulan yang terdedah dalam satu kawasan; Untuk mengenal pasti pelbagai faktor yang membuat mereka tergolong sebagai kumpulan yang terdedah serta menganalisis bagaimana mekanisme pengaruh daripada faktor-faktor itu; Menilai keperluan dan kapasiti kumpulan itu; Terakhir, meyakinkan bahawa setiap keputusan, program, dan aktiviti pembinaan yang dilakukan sebagai usaha menurunkan bentuk keterdedahan.

Universiti Utara Malaysia

Kaedah konsep keterdedahan adalah memberi tumpuan kepada penunjuk kepada satu kelakuan manusia atau pembinaan yang salah urus (Alcantara Ayala, 2002 ; Cardona, 2003). Penunjuk keterdedahan lainnya juga boleh disebabkan oleh pengaruh seperti contoh mata pencarian dan hilangnya pekerjaan (Blaikie, Cannon, Davis, & Wisner, 1994). Selain itu tekanan pembolehubah fizikal dan teknologi mahupun impak daripada perubahan sikap budaya (McEntire, 2001). Tambahan pula penunjuk seperti perubahan dalam struktur politik, sosial dan ekonomi serta proses dalam persekitaran (Pelling & Uitto, 2002). Untuk maklumat lebih lanjut terhadap faktor-faktor daripada keterdedahan, sila rujuk Rajah 2.4 seperti berikut :



Rajah 2.4

Faktor-Faktor Keterdedahan

Sumber : Pelling & Uitto (2002)

Berasaskan Rajah 2.4, terdapat lima faktor-faktor yang boleh mencetuskan kepada keterdedahan dalam kehidupan masyarakat seperti berikut :

1. Faktor politik, memberi kesan yang boleh membawa satu bencana seperti kegagalan memberi perkhidmatan yang baik dan tidak mampu mengelak rasuah dalam birokrasi merupakan kegagalan yang boleh membawa satu keterdedahan.
2. Faktor ekonomi, kerap bersepadau dalam struktur politik dan boleh menyumbang satu keterdedahan dan bencana seperti contoh kurangnya kesejahteraan masyarakat boleh meningkatkan kemiskinan dan juga mencetuskan pelbagai risiko serta membawa satu bencana.

3. Faktor sosial, kerap disamakan dengan terpinggirnya satu komuniti atau menyekat akses individu daripada sumber-sumber masyarakat seperti merosak rangkaian sosial dan sistem pendukung yang boleh membawa keterdedahan dalam persekitaran masyarakat.
4. Faktor budaya, merupakan satu pergeseran kepada nilai-nilai tradisi yang ada dalam masyarakat dan ia boleh membawa impak keburukan dan bencana.
5. Faktor persekitaran, kerapkali dengan usaha manusia yang selalu mengesplorisasikan alam yang berlebihan sehingga boleh mencetuskan kepada kerapuhan daripada persekitaran dan boleh menyebabkan berlakunya bencana (Pelling & Uitto, 2002).

Berasaskan pelbagai penjelasan bahawa keterdedahan boleh berlaku jika terdapat satu perubahan daripada faktor fizikal, faktor sosial, faktor ekonomi dan faktor persekitaran. Keterdedahan dalam faktor fizikal merujuk pada suseptibiliti persekitaran binaan. Keterdedahan dalam faktor sosial meliputi kurangnya pendidikan, infrastruktur kesihatan, keamanan dan keselamatan, keadilan sosial, nilai tradisional, istiadat serta keyakinan ideologi. Keterdedahan dalam faktor ekonomi menyifatkan kepada orang yang kurang bernasib baik dalam kelas mahupun kasta, etnik minoriti, wanita muda dan tua yang kurang bernasib baik, dan terutamanya dalam menyediakan tempat tinggal yang merupakan keperluan dan asas yang penting. Terakhir, keterdedahan dalam faktor persekitaran merujuk kepada kemusnahan pelbagai sumber semulajadi.

2.9 Kesimpulan

Pengurusan bencana menurut fasa-fasanya boleh berlaku dengan adanya penyertaan komuniti. Penyertaan komuniti seperti *NGO* dan Ulama dalam melaksanakan aktivitinya melalui pelbagai kaedah penyertaan. Penyertaan *NGO* boleh membantu dalam memperkasakan masyarakat dalam perkara mempertahankan hak dan keperluan asas serta mendidik dan membimbing. Penyertaan Ulama adalah penting dalam memberikan pelbagai petunjuk dan memandu masyarakat dengan matlamat mengatasi pelbagai permasalahan yang ada dalam persekitaran. Sedangkan bantuan kemanusiaan merupakan satu usaha meringankan pelbagai penderitaan mangsa daripada satu kejadian bencana. Bagaimanapun setiap perubahan yang berlaku boleh membawa kesan negatif kepada mangsa dan masyarakat yang mencetus kepada keterdedahan.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga dalam kajian ini menjelaskan pelbagai kaedah seperti reka bentuk penyelidikan, kaedah penyelidikan kualitatif, pemilihan partisipan, persampelan, unit analisis, reka bentuk protokol penyelidikan, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data, pemerhatian penyertaan, dokumen sekunder, kesahan, batasan dan delimitasi serta kesimpulan. Selain itu dalam kajian ini juga menjelaskan pelbagai profil partisipan yang terlibat semasa penyelidikan seperti mangsa tsunami, bekas pekerja *NGO* asing, para Ulama dan pihak Kerajaan Acheh. Seterusnya menjelaskan bagaimana usaha pengumpulan data yang dilakukan dan analisis data yang dilaksanakan melalui perisian NVivo 11 serta diakhiri dengan kesimpulan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan kualitatif digunakan untuk mencari idea-idea daripada individu dan juga pengalaman secara subjektif (Klein, Tellefsen, & Herskovitz, 2007). Ia sebagai usaha mendapatkan satu kefahaman secara mendalam terhadap isu dan fenomena serta untuk mengetahui bagaimana dan mengapa isu dan fenomena itu boleh berlaku (Tetnowski & Damico, 2001). Hal ini berasaskan kepada persoalan bagaimana dan apakah yang telah dinyatakan pada soalan kajian. Maka kaedah kualitatif adalah paling sesuai untuk menjawab pelbagai soalan dalam kajian ini (Malina, Nørreklit, & Selto, 2011, Williams & Gunter, 2006). Terdapat tiga ciri utama dalam penyelidikan

kualitatif iaitu sumber data yang dimiliki harus bersifat semula jadi di mana penyelidik harus boleh faham terhadap fenomena sosial secara berterusan dalam realiti kehidupan yang akan disiasat. Penyelidik juga merupakan salah satu instrumen yang penting dalam penyelidikan terutama semasa pengumpulan data dan juga sebagai pentafsiran data. Hal ini bermakna para penyelidik harus boleh memahami keadaan yang sedang disiasat. Bentuk perhatian kepada objek penyelidikan harus bersifat emik yang bermakna penyelidik boleh menyediakan pemerhatian lebih kepada perkara yang sedang disiasat dengan berasaskan kepada perspektif yang diselidik bukan berasaskan kepada perspektif penyelidik itu sendiri (Bungin, 2001).

Penyelidikan kualitatif yang dilakukan dalam kajian ini menggunakan kaedah etnografi. Kaedah etnografi boleh disebutkan sebagai satu kaedah yang menunjukkan kepada pelbagai ciri khas dalam satu penyelidikan kualitatif. Oleh itu ia harus membina dan menyusun teori yang merupakan pernyataan awam serta menyatakan hubungan secara regular (*berulang kembali*) dalam dunia luar atau disebut dengan hukum mahupun dalil, sehingga boleh membuat satu ramalan terhadap kajian ini. Kaedah etnografi dipilih dalam penyelidikan ini bagi memudahkan kefahaman terhadap pelbagai isu dan fenomena yang berlaku terutama dalam persekitaran kehidupan mangsa dan masyarakat semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami di Aceh. Untuk menjawab pelbagai soalan yang telah dijelaskan dalam persoalan kajian pada bab I, maka penyelidikan lebih memfokuskan kepada pelbagai usaha tindakan seperti pengumpulan pelbagai data dan analisis data serta usaha mendedahkan pelbagai tatacara pengutipan data dalam reka bentuk kualitatif. Hal ini dilaksanakan sebagai usaha menunjukkan proses pengendalian data daripada sebelum, semasa dan juga selepas penyelidikan yang telah dilakukan. Di samping itu

penyelidikan ini juga turut menjelaskan pelbagai kaedah dalam metodologi yang boleh digunakan dalam melaksanakan pelbagai ulasan dan laporan. Pengumpulan daripada pelbagai data semasa penyelidikan harus sesuai dengan objektif-objektif kajian yang telah dibuat dalam bab satu daripada kajian ini.

3.2.1 Kaedah penyelidikan kualitatif

Penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah yang kerap digunakan oleh para penyelidik. Pelbagai kaedah yang digunakan adalah sesuai dengan keadaaan dan juga karakteristik semasa penyiasatan serta sesuai dengan objektif kajian yang dibina. Pelbagai kaedah dalam penyelidikan kualitatif seperti kajian kes (*case study*), kajian etnografi (*ethnographic study*), teori dibumikan (*grounded teori*) dan juga kajian tindakan (*action research*) serta kajian campuran (*mix method*). Kajian kes (*case study*) merupakan satu kajian untuk menyiasat suatu fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan secara realiti dan juga menyiasat pelbagai aktiviti dalam konteks sosial di mana fenomena atau kejadian itu berlaku (Cutler, 2004). Kajian kes memiliki satu kekuatan iaitu untuk meneroka pelbagai fenomena secara komprehensif dan sebagai usaha untuk mendapatkan kefahaman terhadap keadaan kehidupan sebenarnya dengan menggunakan pelbagai sumber data yang telah didapati semasa melakukan penyelidikan (Baxter & Jack, 2008; Mohd Noor, 2008).

Kajian etnografi (*ethnographic study*) merupakan satu kajian terhadap satu kejadian mahupun pengalaman penyelidik yang pernah berlaku dalam persekitarannya (Legg, 2010; Turner & Fozdar, 2010). Kajian etnografi harus membuat para penyelidik secara langsung melakukan kutipan data, pemerhatian secara langsung dan

temubual dengan partisipan serta meminta maklumat daripada pakar ahli (Sandru, 2009). Kajian etnografi memiliki pelbagai kekuatan yang berguna dalam memahami secara lebih mendalam dan boleh mengawal secara makro dan mikro (Ng & White, 2005). Kajian etnografi memiliki kelemahan seperti contoh mengambil masa penyelidikan yang lebih lama dalam mengumpulkan data dan boleh mencetuskan pelbagai kesukaran kepada penyelidik seperti kurang diterima dalam persekitaran komuniti semasa melakukan penyelidikan (Goulding, 2005; Ng & White, 2005).

Kajian teori dibumikan (*grounded teori*) merupakan satu kajian untuk membina satu teori yang dibumikan berdasarkan kepada data-data itu sendiri dan bukan dalam hipotesis yang telah disediakan (Tollin & Jones, 2009). Kajian teori dibumikan boleh mengumpulkan data daripada pelbagai sumber seperti temu bual, pemerhatian dan dokumen sekunder (Bowen, 2006). Kajian teori dibumikan menggunakan kaedah induktif sebagai teknik utama untuk teori yang dihasilkan daripada analisis data (Brady & Loonam, 2010; Tollin & Jones, 2009). Kekuatan teori dibumikan adalah bermula dengan cepat dan serta-merta, jikalau para penyelidik bersedia dan juga baik dalam mendedahkan perasaan atau proses pemikiran orang (Goede & De Villiers, 2003). Walau bagaimanapun teori dibumikan juga memiliki kelemahan seperti tidak boleh mewajarkan kepada penyelidik untuk meninggalkan kerja lapangan (Jabar, Sidi, Selamat, Abdul Ghani, & Ibrahim, 2009).

Kajian tindakan (*action research*) merupakan satu kajian yang memberikan tumpuan kepada konteks-konteks tertentu. Kajian tindakan kerapnya juga menjurus kepada melibatkan campur tangan penyelidik dalam mengendalikan soalan-soalan penyelidikan. Oleh itu memerlukan usaha penyelidik dan pengamal untuk boleh kerja

secara erat bersama-sama sepanjang proses projek dilakukan (Hartmann, Fischer, & Haymaker, 2009). Kekuatan dalam kajian tindakan boleh memberikan manfaat terhadap usaha mencari penyelesaian kepada isu praktikal dan untuk menyempurnakan pengetahuan atau teori yang boleh digunakan dalam pelbagai jenis kaedah terhadap kutipan data. (French, 2009). Tetapi seperti kajian-kajian yang lain, kajian tindakan juga memiliki kelemahan seperti memerlukan penyelidik untuk memuat perbuatan aktif semasa mengambil bahagian dengan para pakar kumpulan ataupun organisasi dan keputusannya tidak boleh umum kepada kes-kes lain (French, 2009).

Kajian campuran (*mix method*) merupakan satu proses penyelidikan dengan menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang lebih berkenaan daripada isu atau kejadian tertentu semasa usaha temubual secara mendalam dan prosesnya tidak terlibat dalam pemerhatian (Yarwood, 2007). Kekuatan kajian campuran adalah memiliki tingkat kepercayaan kerana menggunakan pelbagai sumber data berganda dan menyediakan maklumat secara lebih luas (Meijer, Verloop, & Beijaard, 2002). Tetapi, kajian campuran juga memiliki pelbagai kelemahan seperti sangat bergantung kepada banyak gerak hati daripada penyelidik dan sukar untuk meniru serta kredibilitinya sangat bergantung kepada jaminan penyelidik itu sendiri (Iwasaki, 2008).

Berasaskan kepada pelbagai kaedah penyelidikan kualitatif yang mungkin dikaji, maka kajian ini telah memilih kaedah etnografi. Hal ini disebabkan keselesaan untuk boleh mendapatkan markah-markah penting semasa dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang disiasat. Selain itu, penyelidik yang juga merupakan salah seorang

dari pada individu terjejas bencana tsunami dan telah merasakan dan melihat bagaimana kejadian yang pernah berlaku sehingga dengan pertimbangan kepada sensitiviti mangsa telah dijadikan satu perhatian utama. Seterusnya pemilihan kaedah kajian etnografi boleh memudahkan dalam menyiasat pelbagai isu dan fenomena yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat semasa serta selepas pengurusan bencana tsunami tamat. Sementara itu kaedah kajian etnografi dalam penyelidikan pengurusan bencana adalah sangat jarang dilaksanakan. Maka itu penyelidikan ini perlu melakukan kaji selidik terhadap kesan-kesan yang berlaku di persekitaran mangsa dan masyarakat dengan kaedah etnografi.

Kejadian yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat boleh memiliki markah penting untuk mengetahui isu dan fenomena yang tercetus semasa pengurusan bencana terutama terhadap isu keterdedahan. Intihan dalam kajian ini secara tidak langsung mahupun langsung boleh mendapatkan pelbagai kesan-kesan positif dan negatif semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan untuk mengetahui dan menyelidik secara mendalam terhadap kesan yang berlaku melalui satu kaedah kajian etnografi dengan adanya penglibatan penyelidik kepada persekitaran mangsa dan masyarakat. Keseluruhan tindakan adalah usaha untuk mendapatkan kefahaman terhadap pelbagai isu dan fenomena yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami di Aceh.

Kajian etnografi juga bermatlamat untuk mendapatkan kefahaman perspektif budaya, kumpulan, deskripsi kelakuan dan pandangan mengapa kelakuan itu boleh berlaku (Brewer, Selden, & Facer II, 2000). Menutut Blaikie (2000). Para penyelidik kualitatif melihat dunia sosial sebagai satu proses dan bukan statik kerana itu bidang

yang diminati adalah proses sosial daripada ciri individu dan hubungan antara konsep abstrak. Etnografi mencari pandangan dalam fenomena manusia atau budaya manusia dan dianggap sebagai kaedah yang sesuai untuk mencapai matlamat daripada penyelidikan yang dikaji (Brink & Edgecombe, 2003). Kekuatan etnografi didapat daripada peranan yang dimainkan oleh penyelidik dalam mengenalpasti kelakuan budaya atau sosial melalui pemerhatian dan kemudian mempertanyakan makna kelakuan melalui temubual secara mendalam serta juga pemerhatian (Brink & Edgecombe, 2003). Di dalam kajian etnografi, sumber utama data adalah tafsiran peserta yang diperolehi melalui naratif semasa proses temubual (Blaikie, 2000).

3.2.2 Reka Bentuk Protokol Penyelidikan

Reka bentuk protokol penyelidikan dalam kajian ini terdiri daripada beberapa soalan yang digunakan oleh penyelidik dalam menjawab pelbagai isu-isu semasa dan selepas pengurusan bencana tamat di Aceh. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lihat pelbagai soalan yang diajukan bagi menjawab persoalan kajian pertama seperti kesan pengurusan bencana mengikut fasa-fasa, iaitu :

1. Cuba saudara jelaskan keadaan sebelum dan selepas bencana tsunami ?
2. Bagaimana tanggapan saudara terhadap pengurusan bencana di Aceh ?
3. Adakah tindakan-tindakan yang dilakukan sesuai dan pantas semasa pengurusan bencana dilaksanakan ?
4. Apakah kesan yang berlaku semasa pengurusan bencana di Aceh ?

Berasaskan kepada rekabentuk protokol penyelidikan pada persoalan kajian yang pertama. Pada soalan 1, 2, dan 3 adalah berkenaan dengan fasa-fasa yang terdapat dalam pengurusan bencana. Jawapan kepada soalan-soalan ini dijangka dapat memberi gambaran terhadap usaha pengurusan bencana yang dilakukan di Aceh. Soalan 4 pula bermatlamat untuk mengetahui pelbagai kesan positif dan negatif semasa pengurusan bencana di Aceh. Jawapan daripada soalan-soalan ini boleh memberi gambaran yang jelas terhadap sentimen-sentimen yang berlaku dalam persekitaran masyarakat dan pihak yang terlibat semasa pengurusan bencana di Aceh.

Persoalan kajian kedua adalah kesan penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana di Aceh terutama pada Distrik Aceh Barat dan Distrik Kepulauan Simeulue adalah seperti berikut :

1. Apakah saudara terlibat secara langsung semasa pengurusan bencana di Aceh, (*kalau ada mohon penjelasannya*) ?
2. Cuba saudara jelaskan pelbagai tindakan yang dilakukan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat ?
3. Bagaimana tanggapan saudara terhadap proses pengurusan bencana yang dilakukan di Aceh ?
4. Bagaimana usaha saudara boleh bekerjasama dengan mangsa dan masyarakat ?


Merujuk kepada rekabentuk protokol penyelidikan daripada persoalan kajian kedua, soalan 1, bermatlamat untuk mengetahui penyertaan komuniti seperti *NGO* dan Ulama semasa pengurusan bencana di Aceh. Jawapannya boleh memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat terhadap penglibatan komuniti semasa pengurusan bencana daripada tahun 2005 sehingga 2009. Soalan 2, bermatlamat untuk mengetahui pelbagai tindakan yang dilakukan oleh komuniti seperti *NGO* asing dan para Ulama dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Soalan 3, bermatlamat untuk mengetahui pelbagai pandangan peserta terhadap proses pengurusan bencana yang dilaksanakan di Aceh. Soalan 4, bermatlamat untuk mengetahui usaha yang dilakukan oleh komuniti seperti *NGO* asing dalam menjalin hubungan dengan masyarakat semasa pengurusan bencana di Aceh.

Persoalan kajian ketiga adalah bentuk bantuan kemanusiaan yang diagihkan oleh *NGO* terutama *NGO* asing dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami di Aceh adalah seperti berikut :

1. Bantuan apa sahaja yang pernah saudara agihkan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat ?
2. Cuba saudara jelaskan bentuk program yang dilaksanakan bersama *NGO* asing dalam persekitaran mangsa dan masyarakat ?
3. Apakah program yang dilaksanakan oleh *NGO* asing memiliki halangan dan kendala pada persekitaran mangsa dan masyarakat ?
4. Apakah program yang dilaksanakan boleh mencetuskan pelbagai kesan kepada mangsa dan masyarakat di Aceh?

Berasaskan daripada rekabentuk protokol penyelidikan terhadap persoalan kajian yang ketiga, soalan 1, bermatlamat untuk mengetahui pelbagai bentuk bantuan yang diagihkan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Soalan 2, bermatlamat untuk mengetahui pelbagai bentuk program dalam bantuan kemanusiaan yang pernah dilaksanakan dalam persekitaran mangsa bersama dengan *NGO* asing. Soalan 3, bermatlamat untuk mengetahui apakah program-program yang dilaksanakan menghadapai permasalahan semasa dilaksanakan kepada mangsa dan masyarakat. Soalan 4, bermatlamat untuk mengetahui adakah program dalam bantuan kemanusiaan yang dilakukan memberi impak kepada mangsa dan masyarakat yang telah dibantu.

Persoalan kajian keempat adalah untuk mengetahui faktor-faktor perubahan yang boleh mencetuskan keterdedahan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana tamat di Aceh adalah seperti berikut:



1. Bagaimanakah keadaan selepas pengurusan bencana tamat di Aceh ?
2. Apakah ada kesan perubahan kepada mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana tamat seiring bantuan berakhir di Aceh ?
3. Cuba jelaskan faktor-faktor penyebab perubahan itu ?
4. Apakah perubahan yang berlaku itu telah mencetuskan kesan negatif yang boleh membawa kepada permasalahan baharu di Aceh ?

Berasaskan kepada rekabentuk protokol penyelidikan terhadap persoalan kajian yang keempat, soalan 1, bermatlamat untuk mengetahui pandangan para peserta terhadap

keadaan selepas pengurusan bencana tamat di Aceh. Soalan 2, bermalamat untuk mengetahui bentuk perubahan yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana tamat dan seiring tidak adanya lagi bantuan yang diagihkan oleh *NGO*. Soalan 3, bermalamat untuk mengetahui apa sahaja faktor yang boleh menyebabkan berlakunya perubahan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Soalan 4, bermalamat untuk mengetahui bentuk perubahan yang boleh merosakkan kehidupan masyarakat di Aceh serta bentuk perubahan yang juga mencetus kepada keterdedahan dalam masyarakat di Aceh yang majoritinya beragama Islam.

Protokol penyelidikan pada asasnya ditulis dalam bahasa Melayu. Namun demikian, disebabkan para peserta merupakan orang Aceh, maka satu terjemahan dalam bahasa Aceh dilakukan. Tindakan ini adalah supaya para peserta merasa lebih selesa untuk menjawab pelbagai soalan yang diajukan semasa penyelidikan. Proses temubual dalam bahasa Aceh juga direkodkan dengan menggunakan rakaman pita dan selepas itu disalin asalnya ke dalam versi bahasa Melayu. Akhir sekali versi yang disemak semula daripada terjemahannya itu digunakan untuk penulisan dan laporan dalam dapatan kajian ini. Selain itu, penyelidikan ini juga membuat satu borang persetujuan (*lihat Lampiran B1, Borang Persetujuan Penyelidikan*). Borang persetujuan penyelidikan meliput nama peserta dan juga identiti peribadi peserta (Seperti contoh : nombor telefon dan alamat e-mel). Matlamat daripada borang persetujuan penyelidikan adalah untuk meminta para peserta mengambil bahagian secara sukarela dalam kajian ini. Semua peserta diminta juga untuk tanda tangan borang persetujuan sebelum proses temubual dilakukan.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini berbentuk kualitatif iaitu pengumpulan data melalui teknik primer dan teknik sekunder. Data primer diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang dibina khas dalam mengutip data. Data yang dikumpulkan adalah temubual berstruktur, iaitu berpandukan kepada soal selidik yang dijalankan dengan menggunakan protokol penyelidikan yang terdiri daripada pelbagai soalan utama. Setiap peringkat analisis kaedahnya berbeza dalam pengumpulan data, seperti temubual merupakan kaedah pengumpulan data untuk individu dan bukan untuk organisasi (Williams, 2005). Tindakan ini sangat sesuai disebabkan unit analisis dalam kajian ini adalah kepada mangsa dan masyarakat, bekas pekerja *NGO* asing, ulama dan pihak Kerajaan Negeri Aceh. Manakala data sekunder diperolehi daripada pembacaan bahan bercetak, seperti buku, karya ilmiah, jurnal, laporan penyelidikan, majalah dan juga surat khabar serta laporan dari pihak Kerajaan Negeri Aceh terhadap proses pengurusan bencana tsunami di Aceh. Matlamat pengumpulan data sekunder ialah untuk membolehkan penyelidik mendapat apa-apa bahan yang boleh memberikan gambaran kepada subjek yang disiasat.

3.3.1 Pemilihan Partisipan

Para peserta yang dijadikan partisipan dalam kajian ini ialah mangsa, bekas pekerja *NGO* asing, Ulama dan pihak Kerajaan Negeri Aceh. Pemilihan kawasan Aceh Barat sebagai fokus penyelidikan disebabkan ia merupakan kawasan yang paling teruk terkena bencana tsunami dan ia sudah mewakili keempat kawasan seperti

Banda Aceh, Aceh Besar dan Calang yang sama terkena bencana tsunami. Pemilihan Kepulauan Simeulue pula disebabkan ia merupakan satu kawasan yang paling dekat dengan punca gempa bumi yang mencetuskan kepada gelombang tsunami, tetapi hanya melibatkan tujuh mangsa mati berbanding ribuan masyarakat selamat. Keunikan tersebut telah menjadi salah satu pertimbangan pemilihan Kepulauan Simeulue dalam penyelidikan ini.

Berasaskan letak geografis Kepulauan Simeulue, ia berada dilautan dalam Samudera Hindi di atas persimpangan tiga palung terbesar dunia iaitu lempeng Asia dengan Australia dan Samudera Hindi. Kejadian gelombang tsunami disebabkan oleh gempa bumi 8,9 Skala Righter atau tepatnya 160 KM dari Kepulauan Simeulue dengan ke dalam gempa 30 KM di bawah permukaan laut. Berasaskan maklumat daripada masyarakat bahawa gelombang di daratan Aceh setinggi 15 Meter dengan kelajuan 98 feet. Menurut McCann (1987), Kepulauan Simeulue sebelum tsunami 2004 telah pernah berlaku tsunami serupa iaitu tahun 1861 dan 1907. Kejadian gempa yang berlaku pada tahun 1891 lebih dahsyat daripada tahun 2004, ia dilihat daripda batu yang terbawa oleh gelombang tsunami di daratan Kepulauan Simeulue. Jikalau dilihat gelombang tsunami yang berlaku di Kepulauan Simeulue hanya setinggi 7 (*tujuh*) meter, ia berbeza dengan ketinggian gelombang di daratan Aceh. Namun demikian, gelombang yang berlaku di Kepulauan Simeulue juga sangat merosak, tetapi disebabkan oleh kawasan penduduk di Kepulauan Simeulue berdekatan dengan bukit sehingga masyarakat lebih cepat berlari ke bukit-bukit. Hal ini tidak berlaku di daratan Aceh, di mana bandar-bandar yang terkena gelombang tsunami berada dipesisir pantai dan tidak ada perbukitan. Oleh itu, penyelidikan perlu mengenalpasti bagaimana kejadian yang sebenarnya berlaku di Kepulauan Simeulue.

Subjek dalam penyelidikan ini ialah seramai 23 peserta yang telah disyorkan sebagai partisipan. Ia terdiri daripada tujuh mangsa tsunami, lima bekas pekerja *NGO* asing, lima ulama, enam daripada pihak kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan bencana dan pelaksanaan Syariah Islam di Aceh. Pemilihan peserta sebagai partisipan dilakukan menggunakan teknik persampelan bermatlamat (*Purposive Sampling*) iaitu penyelidik telah mengenalpasti para peserta yang memiliki kualiti maklumat untuk boleh dijadikan sebagai asas dalam laporan penyelidikan. Tindakan pemilihan persampelan bermatlamat dilakukan dengan mempertimbangkan tingkat sensitiviti yang terdapat dalam persekitaran kehidupan mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Pemilihan persampelan bermatlamat sebagai usaha menghindari daripada pelbagai permasalahan semasa pengutipan data dalam persekitaran mangsa dan masyarakat.

Peserta yang terlibat sebagai partisipan adalah mangsa dan masyarakat di tempat perlindungan (*rumah bantuan*). Sementara itu, bagi peserta yang merupakan bekas pekerja *NGO*, penyelidik telah memilih peserta yang berkhidmat lebih daripada satu *NGO* terutama pada *NGO* asing, seperti *Mercy Corps (NGO1)*, *Christian Children's Fun (NGO2)*, *International Catholic Migration Commission (NGO3)*, *Catholic Relief Service (NGO4)*, *OXFAM (NGO5)*, *Caritas Australia (NGO6)*, *World Relief (NGO7)* dan *World Vision (NGO8)* serta *IOM (NGO9)*. Pemilihan *NGO* asing tersebut adalah disebabkan lamanya mereka berkhidmat di daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue. Manakala peserta yang terdiri daripada Ulama, penyelidik hanya memilih ulama yang terdapat dalam kumpulan Majlis Permusyawaratan Ulama (*MPU*) Aceh. Terakhir, untuk pihak kerajaan, penyelidik telah memilih pemegang keputusan di Distrik Aceh Barat dan Distrik Kepulauan Simeulue seperti Pengarah

Dinas Syahriat Islam, Pengarah Pengurusan Bencana Daerah serta Ketua Polisi Syariah Islam. Untuk memudahkan proses penganalisaan, semua peserta telah diberikan kod oleh penyelidik seperti M1, M2, M3, M4, M5, M6, dan M7 adalah kod untuk identiti mangsa tsunami. Sementara itu, kod bekas pekerja *NGO* asing adalah N1, N2, N3, N4 dan N5. Manakala kod untuk identiti Ulama adalah U1, U2, U3, U4 dan U5. Terakhir adalah kod untuk identiti daripada pihak kerajaan seperti K1, K2, K3, K4, K5 dan K6. Penggunaan kod dilakukan penyelidik sebagai usaha melindungi dan juga menjaga kerahsiaan peserta yang terlibat dalam penyelidikan ini serta untuk memudahkan proses membuat laporan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk senarai para partisipan berikutkan kodnya dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1

Partisipan mengikut kod dan Jantina

Bil	Kode	Nombor Peserta Mengikut Jantina		Jumlah
		Lelaki	Wanita	
1.	M	5	2	7
2.	N	4	1	5
3.	U	5	-	5
4.	K	5	1	6
Total		19	4	23

Sumber : Penyelidik

Jadual 3.1 mengesahkan bahawa 19 peserta adalah lelaki dan empat peserta adalah wanita. Majoriti peserta adalah lelaki disebabkan peserta lelaki lebih mudah ditemui dan mudah untuk dilakukan proses temubual berbanding dengan peserta wanita. Hal ini juga sebagai usaha untuk mengelak daripada permasalahan. Sebagaimana sedia maklum, ramai yang mengaku mangsa tsunami sehingga berasaskan pengalaman penyelidik dan perasaan penyelidik, maka peserta yang dipilih boleh mewakili kajian ini. Oleh sebab itu, untuk kepentingan kajian diperlukan senarai partisipan yang telah dijadikan peserta dalam kajian ini. Untuk memudahkan penyelidikan maka para

peserta tersebut boleh mengenal situasi dalam persekitaran penampungan mangsa dan masyarakat. Semua tindakan yang dilakukan untuk mendapatkan kefahaman terhadap pelbagai kesan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami terutama dalam persekitaran masyarakat yang terjejas bencana. Untuk maklumat lanjut terhadap profil mangsa, sila rujuk Jadual 3.2 seperti berikut :

Jadual 3.2

Profil Mangsa di Aceh Barat dan Kepulauan Simeulue

Bil	Kod Partisipan	Nama Tempat penampungan	Pekerjaan
1.	Kod M1	Blang Beurandang	Nelayan
2.	Kod M2	Pasie Masjid	Buruh Binaan
3.	Kod M3	Ujong Tanoh Darat	Peniaga
4.	Kod M4	Leuhan	Petani
5.	Kod M5	Air Dingin	Buruh Binaan
6.	Kod M6	Teluk Dalam	Peniaga
7.	Kod M7	Teluk Dalam	Nelayan

Sumber : Penyelidik

Jadual 3.2 menjelaskan bahawa para peserta terdiri daripada mangsa dan masyarakat yang dipilih dalam penyelidikan ini adalah peserta yang tidak memiliki satu pekerjaan tetap atau boleh disebut sebagai pekerja bebas. Pemilihan peserta diasaskan daripada lamanya mangsa dan masyarakat tinggal dalam persekitaran penampungan yang telah dibina oleh pihak *NGO* dan juga pihak kerajaan melalui Badan Rehabilitasi Rekonstruksi (*BRR*) Aceh. Pertimbangan lain dalam pemilihan peserta juga diasaskan kepada pengalaman peserta terhadap situasi yang pernah berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami, bukan diasaskan daripada pengalaman orang-orang lain. Sedangkan peserta daripada bekas pekerja *NGO* asing, penyelidik telah memilih peserta yang memiliki kedudukan dan juga lamanya para peserta yang bekerja dalam setiap kumpulan *NGO* asing semasa pengurusan bencana

tsunami dilakukan dari permulan tahun 2005 sehingga tahun 2009. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap profil bekas pekerja *NGO* asing, sila rujuk Jadual 3.3

Jadual 3.3

Profil bekas pekerja NGO asing, Jawatan dan lamanya bekerja

Bil	Kod Partisipan	Pengalaman Bekerja dengan <i>NGO</i> asing		
		Kod Organisasi	Jawatan	Lama bekerja
1.	Kod N1	<i>NGO</i> 1	Sukarelawan	2005-2006
		<i>NGO</i> 2	Fasilitator Program	2006-2008
		<i>NGO</i> 3	Penolong Kanan	2008-2009
2.	Kod N2	<i>NGO</i> 9	Kakitangan kanan	2003-2006
		<i>NGO</i> 4	Fasilitator Program	2006-2007
3.	Kod N3	<i>NGO</i> 7	Sukarelawan	2005-2007
		<i>NGO</i> 1	Kakitangan kanan	2007-2008
		<i>NGO</i> 3	Penolong Kanan	2008-2009
4.	Kod N4	<i>NGO</i> 5	Kakitangan kanan	2005-2006
		<i>NGO</i> 6	Fasilitator Program	2006-2008
5.	Kod N5	<i>NGO</i> 8	Sukarelawan	2005-2006
		<i>NGO</i> 9	Kakitangan kanan	2006-2008
		<i>NGO</i> 2	Fasilitator Program	2008-2009

Sumber : Penyelidik

Berasaskan Jadual 3.3, mengesahkan bahawa peserta yang dipilih dalam penyelidikan ini merupakan bekas pekerja *NGO* asing yang memiliki akses penting dalam intitusinya. Di samping itu pemilihan peserta yang diasaskan daripada pengalaman bekerja yang lebih daripada satu kumpulan *NGO* asing. Hal ini sudah tentu menyediakan pelbagai maklumat penting dalam menjawab soalan yang berkaitan dengan kesan semasa pengurusan bencana di Aceh. Sementara itu profil Ulama Aceh dalam penyelidikan ini merupakan peserta yang terdapat dalam kumpulan Majlis Permusyawaratan Ulama (*MPU*) Aceh. Penentuan kumpulan *MPU* disebabkan ia merupakan suatu lembaga rasmi yang ditubuhkan oleh pihak

Kerajaan Aceh dan keseluruhan peserta juga mempunyai sekolah pondok. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap profil Ulama, sila rujuk Jadual 3.4 seperti berikut :

Jadual 3.4

Profil Ulama berikutan Nama Sekolah Pondok dan Jawatan di MPU

Bil	Kod Partisipan	Nama Sekolah Pondok	Jawatan di MUI/Dayah
1.	Kod U1	Bustanul Ulum Aceh Barat	Ketua/Pimpinan Dayah
2.	Kod U2	Darul Aitami Aceh Barat	Wakil Ketua/Pembina Dayah
3.	Kod U3	Serambi Aceh Simeulue	Ketua/Pimpinan Dayah
4.	Kod U4	Bustanul Mu'arif Simeulue	Anggota/Pimpinan Dayah
5.	Kod U5	Raudhatus Salam Simeulue	Anggota/Pimpinan Dayah

Sumber : Penyelidik

Berasaskan Jadual 3.4, ia memberikan gambaran bahawa para Ulama yang dipilih dalam penyelidikan ini merupakan para Ulama yang mempunyai jawatan penting dalam kumpulan Majlis Permusyawaratan Ulama (*MPU*) di daerah. Selain itu para Ulama yang dipilih juga mempunyai sekolah pondok yang dipimpin serta memiliki pengaruh dalam persekitaran masyarakat terutama di Distrik Aceh Barat dan Distrik Kepuluan Simeulue. Manakala profil peserta daripada pihak Kerajaan Negeri Aceh yang dijadikan sebagai partisipan dalam penyelidikan ini adalah pihak jabatan yang memiliki tanggung jawab semasa pengurusan bencana dan juga pelaksanaan Syariah Islam di Aceh. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap profil peserta dari pihak Kerajaan Negeri Aceh dalam penyelidikan ini, penyelidik memilih jabatan yang terdapat pada Provinsi Aceh, Distrik Aceh Barat dan juga Distrik Kepulauan Simeulue, sila rujuk Jadual 3.5 seperti berikut :

Jadual 3.5

Profil pihak Kerajaan Aceh

Bil	Kod Partisipan	Nama Pejabat	Jawatan
1.	Kod K1	Dinas Syariah Islam Aceh Barat	Pengarah
2.	Kod K2	Dinas Syariah Islam Simeulue	Pengarah
3.	Kod K3	Kantor Polisi Syariah Islam Aceh Barat	Pengarah
4.	Kod K4	Kantor Polisi Syariah Islam Provinsi Aceh	Pengarah
5.	Kod K5	BPBD Distrik Aceh Barat	Pengarah
6.	Kod K6	BPBD Provinsi Aceh	Pengarah

Sumber : Penyelidik

Merujuk Jadual 3.5, ia memberikan gambaran bahawa peserta daripada pihak kerajaan yang dijadikan partisipan adalah pihak-pihak yang memiliki kuasa terhadap usaha pengurusan bencana dan pelaksanaan Syariah Islam di daerah. Mengikut pelbagai penjelasan terhadap profil partisipan yang dipilih dalam penyelidikan ini, maka tindakan yang tepat dilakukan adalah menggunakan kaedah etnografi. Kaedah etnografi yang dilakukan adalah dengan penglibatan langsung penyelidik itu sendiri dengan membahagikan pengalaman kepada peserta dan sebagai usaha menggali isu dan fenomena yang sedang berlaku. Kaedah ini sudah tentu boleh mendapatkan maklumat penting disebabkan peserta dan penyelidik juga pernah merasakan pelbagai kejadian semasa dan selepas pengurusan bencana tamat. Secara keseluruhan kajian ini bukan untuk memandang rendah apa-apa bantuan yang telah diedarkan oleh *NGO* terutama *NGO* asing semasa pengurusan bencana tsunami, tetapi untuk memberikan sumbangan kepada proses pengurusan bencana yang lebih baik di masa hadapan. Seperti ungkapan pribahasa Melayu “*tak ada gading yang tak retak*”, bermakna sebaik-baiknya tindakan, program dan bantuan kemanusiaan boleh juga membawa kesan negatif kepada masyarakat.

3.3.2 Persampelan

Dalam penyelidikan kualitatif, persampelan bertujuan untuk mewakili populasi (Yuknis, 2010). Persampelan tidak berkebarangkalian (*Non Probability Sampling*) terdiri daripada persampelan mudah (*simple sampling*), persampelan bermatlamat (*Purposive Sampling*), pensampelan bola salji (*Snowball sampling*), dan persampelan kuota (*Quota Sampling*). Sedangkan pensampelan berkebarangkalian (*Probability Sampling*) terdiri daripada persampelan rawak mudah (*Simple Random Sampling*), persampelan rawak sistematik (*systematic random sampling*), dan persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*) (Berg, 2001). Menurut hujah Miles dan Huberman (1994), sampel kualitatif kerapnya bermatlamat untuk bukan secara rawak. Maka, teknik persampelan tidak berkebarangkalian (*Non Probability Sampling*) adalah lebih sesuai berbanding teknik persampelan berkebarangkalian (*Probability Sampling*).

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah memutuskan untuk menggunakan persampelan tidak berkebarangkalian (*Non Probability Sampling*) iaitu persampelan bermatlamat (*Purposive Sampling*). Teknik persampelan ini sesuai dalam sampel kajian ini iaitu dengan sengaja memilih individu-individu yang pernah merasakan dan terlibat semasa pengurusan bencana di Aceh. Individu yang pernah bekerja dengan *NGO* asing dan telah dikenalpasti adalah sejumlah lima orang, individu dari pihak kerajaan yang dikenalpasti oleh penyelidik ialah sejumlah enam orang, individu mangsa sejumlah tujuh orang, individu Ulama yang dipilih ialah sejumlah k lima orang. Proses penentuan sampel adalah berdasarkan penilaian penyelidik terhadap siapa-siapa yang boleh memenuhi persyaratan untuk dijadikan sampel dalam penyelidikan (Tongco, 2007).

3.3.3 Unit Analisis

Unit analisis yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah merujuk kepada cara konseptualisasi penyelidikan dalam memberi tumpuan kepada tahap-tahap pelaku dalam pelbagai sistem (Williams, 2005). Pada asasnya, unit analisis dan unit pemerhatian adalah satu dan ianya sama (Di Gregorio & Davidson, 2007). Unit analisis yang dipilih sangat bergantung kepada jenis penyelidikan yang muhupun dilakukan dan juga dianalisis, seperti contoh penyelidik mungkin berkeinginan untuk menganalisis individu-individu, proses, mahupun perbedaan antara pertubuhan-pertubuhan (Baxter & Jack, 2008). Sementara itu, unit analisis yang boleh dilakukan adalah merujuk kepada proses temubual mahupun daripada diari penyelidikan, perkataan-perkataan mahupun frasa yang telah ditaip dalam bentuk transkrip temubual dan telah diproses dalam bentuk catatan.

Menurut hujah Schellens dan Valcke (2006), setiap maklumat yang lengkap boleh dipilih sebagai unit analisis untuk pengekodan mahupun mengkategorikan data-data itu. Unit analisis merupakan faktor utama yang perlu dipertimbangkan penyelidik dalam rekabentuk penyelidikan, kerana ia memiliki satu fokus yang lebih jelas dalam kajian. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik bermatlamat menyiasat pelbagai kesan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tamat. Hal ini boleh dilakukan oleh pihak kerajaan, *NGO* mahupun para Ulama dan mangsa semasa pengurusan bencana di Aceh. Maka itu, unit analisis dalam kajian ini adalah individu-individu yang pernah merasakan dan juga pernah terlibat dalam usaha pengurusan bencana di Aceh bermula daripada tahun 2005 sehingga tahun 2009.

3.3.4 Pemerhatian Penyertaan

Pemerhatian penyertaan adalah penglibatan diri penyelidik sepenuhnya dalam kumpulan seperti mengamati aktiviti-aktiviti individu dan aspek fizikal daripada situasi yang sedang diselidik. Kaedah pemerhatian berguna untuk menyiasat kesan-kesan yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat semasa dan selepas pengurusan bencana. Berasaskan kaedah pemerhatian, penyelidik diharuskan menjadi sebahagian daripada kumpulan (Gentile, 2009). Selain itu penyelidik harus juga mempunyai akses dalam kumpulan atau persekitaran yang disiasat (Berg, 2001). Pemerhatian penyertaan dianggap sebagai kaedah yang sesuai disebabkan lebih luas daripada pemerhatian bukan penyertaan (Gentile, 2009). Oleh itu penyelidik tidak sahaja melakukan temubual dengan para peserta tetapi juga boleh mengawasi aktiviti-aktiviti dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang disiasat.

Terdapat pelbagai kekuatan dan kelemahan daripada pemerhatian penyertaan. Kekuatan pemerhatian penyertaan dianggap lebih luas daripada pemerhatian bukan penyertaan kerana penglibatan penyelidik sebagai peserta dalam subjek kajian. Pemerhatian penyertaan boleh menghabiskan masa dalam mengamati perilaku peserta dan persekitaran tanpa had (Nurani, 2008), penyelidik boleh menyemak kembali apa kejadian yang boleh berlaku dalam kumpulan mahupun persekitaran yang disiasat sehingga penyimpangan data boleh dikurangkan (Tsai, 2009). Kelemahan, pemerhatian penyertaan ialah mencetuskan rasa curiga para peserta dan rasa tidak selesa dengan kehadiran penyelidik (Nurani, 2008). Sedangkan, pemerhatian bukan penyertaan mungkin tidak boleh mendapatkan kefahaman yang lebih jelas terhadap isu dan fenomena yang sedang berlaku itu (Househ, 2008).

3.3.5 Dokumen Sekunder

Penyelidikan ini telah mendapatkan pelbagai data menengah (*sekunder*) melalui buku-buku, direktori, jurnal, tesis, dan juga pelbagai risalah. Berkaitan senarai data penyertaan komuniti seperti *NGO* terutama *NGO* asing, senarai data mangsa dan senarai data Ulama diperolehi daripada Badan Pencatatan Statistik (*BPS*) Aceh. Penyelidik juga mencari pelbagai kesusasteraan yang berkenaan dengan pemahaman bencana, pengurusan bencana dengan peringkatnya, penyertaan komuniti, penglibatan *NGO*, peranan Ulama, bantuan kemanusiaan dan juga proses berlakunya keterdedahan. Keseluruhannya diperolehi oleh penyelidik melalui buku-buku, jurnal dan juga tesis. Dokumen sekunder merupakan sumber data yang diperolehi oleh penyelidik secara tidak langsung melalui media perantara.

Dokumen sekunder amnya berupa bukti, nota mahupun laporan lepas yang telah tersusun di dalam arkib (*data dokumentari*) yang diterbitkan dan yang tidak diterbitkan. Penggunaan data sekunder yang diperlukan penyelidik boleh mempercepatkan carian dan juga penghematan masa serta kos. Selepas kaedah carian data sekunder, maka langkah seterusnya adalah melaksanakan penapisan dan pengumpulan data. Penapisan dibuat untuk mendapatkan data sekunder yang sesuai, manakala yang tidak sesuai boleh dibuang. Selepas penapisan selesai, maka pengumpulan data boleh dilaksanakan. Data yang telah terkumpul perlu ditarafkan terlebih dahulu terutama yang berkenaan dengan kualiti dan kecukupan data. Jikalau kualiti data dianggap baik, maka data itu boleh digunakan untuk menjawab isu yang diselidiki. Jikalau data tidak boleh digunakan untuk menjawab isu, maka carian data sekunder harus dibuat lagi oleh penyelidik dengan strategi yang sama.

3.3.6 Keesahan

Keesahan (*Validity*) kerap dianggap dan digunakan dalam kajian kuantitatif. Namun demikian menggunakan istilah keesahan data untuk kajian kualitatif bagi mendapatkan kepercayaan daripada dapatan kajian juga penting (Golafshani, 2003). Menurut Groenewald (2004), terdapat dua kriteria yang kerap ditemui dalam membina keesahan data iaitu pernyataan penyelidik sebagai instrumen dan keesahan partisipan dalam kajian. Sekyen selanjutnya adalah menyediakan pelbagai maklumat yang terperinci daripada kedua-dua kriteria keesahan data daripada kajian kualitatif dalam penyelidikan ini.

3.3.6.1 Pernyataan Penyelidik Sebagai Instrumen

Semasa penyelidikan kualitatif, interpretasi yang terbina secara ilmiah dalam satu pengalaman boleh menjadi instrumen utama dalam kajian ini dan boleh sebagai elemen penting daripada pengesahan data (Creswell, 1998). Memandangkan penyelidik juga merupakan salah seorang mangsa tsunami di Aceh, penyelidik boleh melihat dan merasakan bagaimana kejadian yang berlaku daripada mula berlakunya bencana gelombang tsunami sehingga semasa dan selepas pengurusan bencana di Aceh. Penyelidik juga melihat dan merasakan keadaan yang berlangsung bermula dalam fasa pencegahan, fasa tindak balas kecemasan, fasa pemulihan dan pembinaan yang dilakukan semasa pengurusan bencana di Aceh. Penyelidik juga turut terlibat dalam pelbagai aktiviti kemanusiaan dan merasakan pelbagai tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan serta pihak *NGO* asing dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami.

Berasaskan pengalaman penyelidik sebagai sesorang mangsa tsunami, telah menjadikan satu kekuatan dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan markah-markah yang penting kepada dapatan kajian. Hal ini disebabkan penyelidik juga memiliki kefahaman bagaimana keadaan dan isu yang berlaku di persekitaran mangsa dan masyarakat semasa tempat penampungan. Selain itu penyelidik juga telah memerhatikan bagaimana tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan pihak *NGO* terutama *NGO* asing semasa proses pengurusan bencana tsunami di Aceh. Selain itu, penyelidik pernah terlibat bekerja dalam *NGO* asing sehingga pola yang dibina oleh *NGO* asing telah penyelidik faham. Seterusnya penyelidik telah bersama-sama dengan mangsa tsunami di dalam tempat penampungan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Hal ini disebabkan penyelidik tidak lagi memiliki tempat tinggal yang terkena gelombang tsunami. Oleh itu, berasaskan daripada pengalaman yang dirasakan dan pemerhatian penyelidik semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami, maka penyelidik boleh bertindak sebagai satu instrument dalam memperkuat dapatan kajian. Namun demikian, agar tidak tercetusnya sudut pandang subjektif maka penyelidik telah melibatkan peserta yang boleh menjadi sumber dan mengetahui kejadian seperti penyelidik rasakan.

Pengalaman yang dirasakan oleh penyelidik sebagai mangsa tsunami boleh menjadi asas dalam mengetahui bagaimana usaha pengurusan bencana tsunami yang dilakukan. Kekuatan daripada pengetahuan penyelidik memudahkan kefahaman terhadap pebagai permasalahan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana. Dapatan dalam kajian ini boleh dijadikan satu rujukan dalam usaha penambahbaikan proses pengurusan bencana dan juga mengurangkan kesan yang boleh membawa bencana dalam persekitaran mangsa dan masyarakat.

3.3.6.2 Keesahan Partisipan

Keesahan partisipan memerlukan untuk berkongsi penerangan tekstur-struktural dengan setiap partisipan untuk mengesahkan sama atau tidak keterangan yang disampaikan oleh pengalaman partisipan terhadap isu dan fenomena yang berlaku (LaRocco, 2011). Dalam penyelidikan ini, penyelidik menghantar kembali deskripsi tekstur-struktural daripada masing-masing peserta melalui alamat e-mail. Penyelidik juga meminta peserta untuk mengkaji dan memeriksa sama ada keterangan yang telah disampaikan kepada penyelidik adalah tepat. Penyelidik juga meminta apa-apa penambahan atau pembetulan dari keterangan yang perlu pengesahan sehingga tidak berlaku salah faham makna daripada petikan perbualan dengan partisipan. Keesahan partisipan boleh membantu untuk memastikan bahawa persepsi mereka juga mempengaruhi penyelidikan (Golafshani, 2003).

Telah disahkan seramai 23 peserta yang dijadikan sebagai partisipan dalam memberikan maklum balas terhadap keterangan yang telah dibina dan dirancang oleh penyelidik. Keseluruhan partisipan telah mengesahkan bahawa keterangan itu merupakan pengalaman mereka dan dikenalpasti tidak salah tafsir. Jikalau terdapat salah faham akan dibaiki dan dibincangkan semula oleh penyelidik dengan para peserta. Peserta juga bersetuju apabila penyelidik memetik pernyataannya untuk mewakili pengalaman tertentu. Pengesahan peserta daripada penerangan tekstur-struktural adalah untuk memastikan bahawa pengumpulan data dan analisis adalah menunjukkan pandangan peserta terhadap kesan pengurusan bencana dan penyertaan komuniti dalam bantuan kemanusiaan serta keterdedahan yang berlaku berdasarkan daripada pengalaman peserta itu sendiri.

3.4 Batasan dan Delimitasi

Penyelidikan ini adalah menggunakan persampelan bermatlamat (*purposive sampling*). Tindakan ini dilakukan untuk mengenalpasti sampel yang dipilih dan disengajakan dalam mendapatkan pelbagai maklumat yang berkualiti (Tongco, 2007). Penggunaan persampelan bermatlamat disebabkan penyelidik telah mengenal pasti peserta-persta yang akan disiasat dan sangat sesuai dengan kajian ini. Namun demikian, persampelan bermatlamat juga memiliki beberapa batasan iaitu persampelan bermatlamat tidak boleh dipakai untuk penggolongan secara statistik (Tongco, 2007). Selain itu penggunaan persampelan bermatlamat tidak memberikan kesempatan untuk semua anggota populasi untuk dipilih dan disiasat oleh penyelidik. Pertimbangan penyelidik, ramai mangsa dan masyarakat yang mengaku sebagai mangsa tsunami, tetapi ia bukanlah mangsa sebenarnya.

Dalam penyelidikan ini, pengalaman yang dimiliki penyelidik sebagai seorang mangsa tsunami telah memberi satu kemudahan untuk menemukan pelbagai calon peserta sebagai partisipan, sehingga tidak berhadapan masalah. Menurut Giorgi (2006), untuk mendapatkan respon daripada partisipan, penyelidik memiliki hak istimewa untuk mengesahkan makna daripada pengalaman yang telah disampaikan. Selain itu penyelidik boleh sebagai alat keesahan yang diberikan keahlian dalam usaha analisis data yang didapati semasa melakukan penyelidikan di tempat yang disiasat. Dalam pandangan ini, Giorgi (2006) mengesahkan bahawa keutamaan penyelidik adalah boleh mengatasi pelbagai keterbatasan untuk mendapatkan seratus peratus masukan daripada partisipan yang dilakukan semasa temu bual.

3.5 Kaedah Analisis Data

Analisis data kualitatif melibatkan proses pengekodan data yang dikumpul semasa penyelidikan dan seterusnya dianalisis (Bryman & Bell, 2007). Berbeza dengan data kuantitatif, data kualitatif kerapnya dalam bentuk perkataan-perkataan dan ia bukan data berangka (Basit, 2003; Crofts & Bisman, 2010). Data perkataan mesti teratur untuk boleh membenarkan penganalisaan data. Pengekodan data boleh menggunakan kedua-dua kaedah manual dan juga elektronik (Basit, 2003). Menurut hujah Basit (2003), pilihan untuk menggunakan kaedah manual dan elektronik sangat bergantung kepada saiz projek, masa yang ada dan juga kepakaran penyelidik. Untuk analisis data kualitatif dengan sistem komputer hanya boleh direkodkan persamaan dalam teks-teks, manakala penyelidik boleh menilai makna daripada teks dalam dunia sebenar (Crofts & Bisman, 2010). Analisis kualitatif yang sistematik terdiri daripada tiga tahap pengekodan, seperti memecahkan data dan pengabstrakan, kondensasi kod yang terhasil ke dalam kategori, memperolehi pembinaan teori untuk digunakan secara akademik dan empirikal. Menurut hujah Miles dan Huberman (1994), analisis kualitatif data terdiri dari tiga aktiviti analisis aliran serentak, seperti pengurangan data, paparan data, kesimpulan dan pengesahan. Berikut adalah penjelasan kepada aktiviti analisis data kualitatif berdasarkan pandangan Miles dan Huberman (1994), seperti berikut :


1. Pengurangan data merupakan proses dalam memilih, memberi tumpuan, memudahkan, pengabstrakan, dan juga mengubah data;
2. Paparan data merujuk kepada teratur, perhimpunan di maklumat yang sebenarnya sesuai dengan gambaran kesimpulan dan tindakan;

3. Memaparkan pelbagai jenis matriks, grafik, carta, dan rangkaian yang berguna untuk dianalisis. Format paparan didorong daripada persoalan kajian dan konsep yang telah dibina dan kerap dipersembahkan dalam bentuk kod;
4. Data yang dianjurkan juga membolehkan penyelidik untuk menarik dan mengesahkan kepada kesimpulan;
5. Koleksi data dalam kajian berasaskan kepada pelbagai sumber, seperti diari penyelidikan, dokumen menengah, kaset pita, transkrip temu bual, video dan gambar-gambar.

Dalam menyusun dan menguruskan data kualitatif, penyelidik telah memilih untuk menggunakan satu perisian analisis data yang kerap digunakan dalam kajian kualitatif iaitu perisian NVivo 11. Penggunaan perisian NVivo 11 dilakukan sebagai usaha memudahkan dalam memetakan pelbagai jawapan yang disampaikan oleh para peserta. Selain itu perisian NVivo 11 juga boleh memudahkan penyelidik dalam menentukan tema, subtema dan kategori yang di dapati dalam penyelidikan ini.

3.5.1 Model Analisis Data

Kaedah analisis data kualitatif yang digunakan pada kajian ini adalah model analisis data Hahn, (2008). Analisis data model Hahn adalah satu usaha memberikan gambaran jelas terhadap analisis data kualitatif yang digunakan dalam penyelidikan ini. Penyelidikan ini memutuskan untuk menggunakan kaedah manual dan elektronik (*iaitu perisian*) di mana analisis data tidak ditentukan oleh besar saiz peserta (*besar atau kecil*) (Basit, 2003). Kajian ini pada amnya menggunakan data pengekodan yang dicadangkan sesuai dengan model Hahn (2008), sila rujuk Rajah 3.1



Rajah 3.1
Model Analisis Data
 Sumber : Hahn, (2008)

- Tahap 1 : Pengekodan permulaan atau pengekodan terbuka ;
- Tahap 2 : Pengekodan fokus atau pembinaan kategori ;
- Tahap 3 : Paksi atau pengekodan tematik ;
- Tahap 4 : Konsep Teori.

Bagi pengekodan tahap 1, 2, dan 3 yang digunakan dalam model analisis data Hahn, penyelidik harus mengumpulkan pelbagai tema, subtema dan juga kategori dan terakhir adalah tahap 4 iaitu mengembangkan satu teori yang boleh digunakan dalam kajian selanjutnya. Namun demikian syarat awal pada tema-tema yang terdapat dalam penyelidikan harus ditapis terlebih dahulu supaya boleh digunakan dalam menulis satu keputusan laporan.

Tahap pertama, iaitu fasa permulaan dalam pengekodan pada kualitatif (*dirujuk sebagai pengekodan awal atau pengekodan terbuka*) yang bermatlamat untuk mengurangkan pelbagai data-data yang tidak sesuai dengan kajian ini. Data-data yang didapati semasa penyelidikan boleh lebih terkawal dan juga boleh menekankan pelbagai teks-teks dalam transkrip temubual yang seterusnya boleh digunakan dalam proses pengekodan pada tahap 2.

Tahap kedua, iaitu fasa untuk memperbaiki lagi data yang didapati semasa penyelidikan. Tahap ini merupakan satu pengekodan atau pembinaan kategori yang tertumpu dengan menggunakan satu perisian. Penyelidik boleh mengkategorikan tema-tema penting dan dimasukkan ke dalam format jadual dengan menggunakan perisian NVivo 11. Tahap 2 pengekodan memberikan data yang lebih besar daripada pengekodan seperti pada Tahap 1. Pengekodan tahap 2, jadual dalam bentuk format notepad yang telah direka dalam kertas cetakan, manakala untuk analisis data boleh dilihat dengan cepat dan mudah melalui satu perisian NVivo 11.

Tahap ketiga merupakan fasa untuk menghaluskan tema-tema yang juga dirujuk sebagai pengekodan paksi atau pengekodan tematik. Untuk kajian ini, tema-tema yang sudah halus dan telah ditaraf dalam format jadual dengan menggunakan analisis perisian NVivo 11, yang mana kod yang telah ditapis cukup untuk dilakukan penulisan laporan pada kajian ini. Oleh kerana itu, keputusan daripada dapatan kajian dalam penyelidikan ini harus berdasarkan kepada data-data yang berasal daripada pengekodan tahap 3.

Tahap keempat merupakan satu fasa dalam usaha pembinaan teori. tahap ini bermatlamat untuk membina teori-teori daripada data yang telah dianalisis oleh penyelidik berdasarkan tahap-tahap yang telah dilalui. Seterusnya, tema, subtema dan kategori yang didapati harus diteliti kembali untuk pembinaan teori yang sesuai. Oleh sebab itu dalam pembinaan teori, ia harus melalui tahap 1, 2, dan 3, sehingga tahap 4 bagi membolehkan reka konseptual teori dibangunkan.

3.5.1.1 Perisian NVivo 11

Terdapat pelbagai perisian yang tersedia untuk penyelidikan kualitatif, di mana salah satunya adalah perisian NVivo. Perisian NVivo merupakan salah satu perisian analisis data yang paling popular dan canggih setakat ini. Penyelidik sengaja memilih perisian NVivo dalam penyelidikan ini disebabkan ia boleh mengurus, menyimpan, menganalisis dan berkongsi data yang lebih banyak seperti file audio/video dan juga transkrip temubual. Perisian NVivo telah digunakan secara meluas untuk analisis data dalam penyelidik kualitatif dan setakat ini perisian NVivo sudah mencapai siri 11. Penggunaan NVivo 11 untuk analisis data boleh meningkatkan ketegasan dan kedalaman analisis dalam projek penyelidikan kualitatif (Sincovic & Alfonso, 2012). Penyelidik mencuba menjelaskan sebab-sebab untuk memilih perisian NVivo 11, sesuai fungsi yang telah digunakan dalam penyelidikan ini.

Kecekapan teknikal dalam penggunaan perisian NVivo 11 diperolehi oleh penyelidik semasa menghadiri pelbagai bengkel dan juga perundingan dengan pelbagai individu-individu yang kerap menggunakan perisian NVivo 11. Selain pedoman teknikal, sejumlah penerbitan juga memberikan pelbagai panduan terhadap kaedah

dalam penggunaan perisian NVivo 11 pada projek penyelidikan kualitatif (Bazeley 2009; Bazeley 2013, QSR International, 2010). Berbeza dengan kaedah pengekodan manual, perisian NVivo 11 telah menyediakan rekod yang mudah, telus dan boleh dicapai melalui hierarki nod, kandungan coding pada nod dan juga keputusan pengekodan yang membolehkan penyelidik untuk meneliti dan meniru prosesnya. Hal ini membolehkan dua atau lebih pengguna untuk bebas pengekodan kandungan dan menyimpan memo yang boleh dilihat.

Perisian NVivo 11 secara automatik menjana laporan ringkasan projek yang menunjukkan tarikh dan masa projek dibuat oleh penyelidik. Di samping itu, perisian NVivo 11 juga membolehkan laporan nod dihasilkan semasa projek untuk semakan dan proses perbincangan. Tidak seperti kaedah pengekodan manual, Perisian NVivo 11 membolehkan bahagian-bahagian teks yang akan dikodkan dan disimpan dalam pelbagai nod. Hal ini memberikan cerminan bahawa NVivo 11 merupakan alat analisis canggih untuk pilihan *query* dan memudahkan pengekstrakan maklumat serta berkaitan dengan kuantiti data yang besar. Satu pertanyaan carian teks, membolehkan penyelidik untuk mencari dengan cepat dan *contextualise query*, frasa konsep dalam projek tertentu. Fungsi kekerapan *query* membolehkan penyelidik untuk menentukan perkataan atau frasa tertentu dalam projek ini. Pelbagai pilihan *coding query* membolehkan pengekstrakan data yang disimpan pada nod dipilih, gabungan nota atau nod dengan nilai atribut tertentu. Coding *query* juga membolehkan penyelidikan ini untuk menyiasat gerak hati terhadap hubungan antara nod dengan membolehkan pengekstrakan serta penerokaan kandungan berkod di berbilang nod yang dipilih. *Matriks coding query* merupakan pilihan yang membolehkan penyelidikan ini menentukan kekerapan rujukan yang dikodkan untuk

nod tertentu pada seluruh partisipan. Perisian NVivo 11 juga menyediakan pelbagai *visualisations* data untuk membantu analisis termasuk jalur kepadatan coding, carta, peta pokok, perkataan awan, tag kekerapan, pokok perkataan, hierarki nod dan laporan. *Coding matriks* boleh dijana untuk membandingkan bilangan rujukan daripada seluruh nod dengan nilai dan sifat yang berbeza. Model visual menunjukkan nod *parent* dan *child* yang boleh cepat dijana daripada data yang telah disimpan dalam projek penyelidikan. Bagaimanapun terdapat batasan kecil dalam perisian NVivo 11 yang perlu diambil perhatian semasa analisis data adalah seperti berikut :


1. Matrix coding merupakan hasil kajian yang menunjukkan kekerapan tanpa mengambil kira pelbagai sampel pada sub-kumpulan yang diwakili dalam matriks.
2. Model visual yang dihasilkan oleh NVivo 11 mesti diselaraskan secara manual untuk mendekatkan proposi data yang diwakili oleh setiap komponen daripada model.

Tindakan yang harus dilakukan oleh penyelidik adalah peringkat-peringkat dalam penggunaan perisian NVivo 11 merupakan satu usaha untuk menganalisis data-data daripada dapatan kajian, adapun ia seperti berikut :

3.5.1.2 Membuat Projek

Permulaan yang harus dilakukan adalah membuat struktur awal dalam menyimpan butiran projek dan juga data yang berkaitan dengan sumber serta nod. *Folder* harus dibina oleh penyelidik sebagai usaha memudahkan dalam mengatur data seperti temu

bual, artikel, memo, gambar dan visual. *Folder* juga dibuat untuk para peserta yang telah ditemubual oleh penyelidik. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lihat tangkapan skrin pada Rajah 3.2 yang menunjukkan contoh daripada beberapa *folder* yang telah dibuat oleh penyelidik semasa membina projek ini adalah seperti berikut :



The screenshot shows the NVivo Pro software interface with the following details:

- Toolbar:** FILE, HOME, CREATE, DATA, ANALYZE, QUERY, EXPLORE, LAYOUT, VIEW.
- Clipboard:** Cut, Copy, Paste, Merge.
- Format:** Bold, Italic, Underline, Alignment, Paragraph.
- Styles:** ABC, Spelling.
- Editing:** PDF Selection, Select, Insert, Replace, Delete.
- Proofing:** ABC, Spelling.
- Sources:** Internal (Artikel, Gambar, Social Media, Temuduga), External (Video, Memos), Framework Matrices.
- Search Bar:** Look for: Temuduga.
- Table Headers:** Name, Nodes, References, Created On, Created By, Modified On, Modified By.
- Table Data:** A list of 23 items (K1-K11, M1-M11, N1-N11, U1-U3) with their respective details.

Name	Nodes	References	Created On	Created By	Modified On	Modified By
K1	7	11	29/02/2016 14.23	SY	28/08/2016 20.19	MUL
K2	8	8	29/02/2016 14.23	SY	27/08/2016 01.49	MUL
K3	8	8	29/02/2016 14.24	SY	27/08/2016 01.49	MUL
K4	10	12	29/02/2016 14.24	SY	27/08/2016 01.49	MUL
K5	16	35	29/02/2016 14.24	SY	28/08/2016 20.24	MUL
K6	15	36	14/03/2016 20.24	MUL	28/08/2016 20.24	MUL
M1	11	34	05/03/2016 08.39	AGUS	28/08/2016 20.19	MUL
M2	11	32	05/03/2016 08.17	AGUS	28/08/2016 20.19	MUL
M3	11	30	05/03/2016 08.19	AGUS	28/08/2016 20.19	MUL
M4	12	32	05/03/2016 08.20	AGUS	28/08/2016 20.19	MUL
M5	12	27	05/03/2016 08.21	AGUS	24/10/2016 00.52	MUL
M6	11	27	05/03/2016 08.21	AGUS	27/08/2016 01.49	MUL
M7	12	26	05/03/2016 08.22	AGUS	27/08/2016 01.49	MUL
N1	10	22	26/01/2016 02.21	AGUS	24/10/2016 00.53	MUL
N2	10	26	26/01/2016 02.21	AGUS	26/07/2016 01.34	MUL
N3	9	26	26/01/2016 02.21	AGUS	26/07/2016 00.55	MUL
N4	10	26	26/01/2016 02.21	AGUS	26/07/2016 00.55	MUL
N5	11	25	26/01/2016 02.21	AGUS	24/10/2016 01.51	MUL
U1	8	8	29/02/2016 14.22	SY	27/08/2016 01.49	MUL
U2	8	8	29/02/2016 14.22	SY	27/08/2016 01.49	MUL
U3	8	8	29/02/2016 14.23	SY	27/08/2016 01.49	MUL

Rajah 3.2
Petikan sumber folder
Sumber : QRS NVivo 11

3.5.1.3 Import Data Ke Dalam Projek

Import data adalah satu fasa dalam usaha mengimport ciri demografi peserta ke dalam *folder* sesuai klasifikasi nod. Selain itu mengimport pelbagai transkip audio/video daripada perbualan fokus group dan temu bual peserta ke dalam *folder*.

3.5.1.4 Klasifikasi Sumber Dan Partisipan

Klasifikasi daripada sumber dan partisipan merupakan salah satu fasa untuk memudahkan menganalisis secara mendalam terhadap nilai atribut yang telah diberikan kepada semua sumber data. Sumber data adalah diklasifikasikan mengikut kepada nod kenalan (*iaitu focus group atau temu bual peserta*). Para peserta telah juga dikelaskan menurut nilai atribut seperti yang telah ditunjukkan dalam tangkapan skrim daripada Rajah 3.3 seperti berikut :

The screenshot shows the NVivo Pro interface with the title 'Kesan Pengurusan Bencana Di Aceh 1.nvp - NVivo Pro'. The menu bar includes DATA, ANALYZE, QUERY, EXPLORE, LAYOUT, and VIEW. The toolbar has icons for Properties, Edit, Paste, Cut, Copy, Merge, Clipboard, Format, Paragraph, Styles, Select, PDF Selection, Insert, Find, Replace, Delete, and Spelling. Below the toolbar is a search bar with fields for 'Look for', 'Search In', 'Case Classification', 'Find Now', 'Clear', and 'Advanced Find'. The main area displays a table titled 'Case Classifications' with columns: Name, Created On, Created By, Modified On, and Modified By. The first row shows 'Name' as '10/04/2016 06.42', 'Created By' as 'MUL', 'Modified On' as '10/04/2016 06.47', and 'Modified By' as 'MUL'. The second row shows a collapsed node 'Name' with five child nodes: 'Sex', 'Age Group', 'Occupation', 'Country of Birth', 'Type', 'Created On', 'Created By', 'Modified On', and 'Modified By'. The 'Sex' node is expanded, showing its type as 'Text', created on '10/04/2016 06.42', created by 'MUL', modified on '10/04/2016 06.42', and modified by 'MUL'. The other four child nodes ('Age Group', 'Occupation', 'Country of Birth') also have their respective details listed.

Rajah 3.3

Petikan atribut yang diberikan kepada nod peserta.


Sumber : QRS NVivo 11

3.5.1.5 Pengekodan (*Coding*)

Pengekodan adalah satu fasa dalam mengkaji transkrip, ia juga sebagai satu usaha mengenalpasti pelbagai topik, idea dan konsep yang berkaitan dengan persoalan kajian yang sedang diselidik. Bahagian-bahagian teks yang relevan dengan konsep dalam kajian yang telah dikodkan dan harus disimpan dalam tema "nod" (Bazely,

2009). Sebuah nod boleh dikonseptkan sebagai sumber yang berkaitan dengan tema, orang, tempat, organisasi atau kawasan lain yang menarik sesuai dengan kajian yang sedang diselidik" (QSR International, 2010, p.110). Matlamat pengekodan (*coding*) adalah untuk mengenal pasti tema. Prinsip yang dipakai semasa peringkat pengekodan adalah tidak ada kod yang salah. Setiap transkrip telah dikaji beberapa kali sehingga penyelidik telah berpuas hati.

Pelbagai pengekodan yang dilakukan sebagai usaha untuk memudahkan mendapatkan bahagian-bahagian pada teks relevan dengan nod. Pengekodan jalur (*coding stripes*) dan menonjolkan ciri-ciri telah digunakan untuk memudahkan proses pengekodan dan mengkaji semula pengekodan sebelumnya. Nota-nota di bahagian tertentu pada teks disimpan dalam bentuk penjelasan. Pemerhatian (*observations*), refleksi peribadi yang diperolehi semasa proses penyelidikan dan disimpan dalam bentuk memo. Untuk lebih jelasnya tangkapan skrim, sila lihat Rajah 3.4 seperti berikut :



Rajah 3.4
Petikan coding jalur dan penjelasan teks
Sumber : QRS NVivo 11

3.5.1.6 Pembentukan Hierarki Nod

Pembentukan hierarki nod merupakan fasa dalam pembentukan dan menentukan nod baru (*konstruk pada kategori*) dan progresif menganjurkan nod ke dalam sebuah struktur nod hierarki yang lebih umum, nod yang lebih tinggi perintah (*parent-nods*) dan lebih khusus sub-nod (*child-nod*). Panduan persoalan dalam menganjurkan nod kepada sebuah struktur hierarki adalah “adakah nod ini satu bentuk (*nod kedudukan yang lebih tinggi*)”. Sebagai struktur nod hierarki, kandungan nod sedia ada dikaji semula dan transkrip harus disemak semula kepada memastikan semua rujukan yang berkaitan telah ditangkap dalam nod yang paling sesuai. Hal ini memerlukan setiap transkrip harus dikaji semula beberapa kali di pelbagai peringkat dalam proses analisis. Struktur nod telah secara progresif ditapis dengan menyusun semula nod dalam struktur yang paling sesuai. Gambar di bawah menunjukkan hierarki nod akhir yang terdiri daripada empat nod utama. Sila lihat Rajah 3.5 seperti berikut :

The screenshot shows the NVivo Pro interface with the title 'Kesaran Pengurusan Bencana Di Aceh 1.nvp - NVivo Pro'. The 'VIEW' tab is selected. The main area displays a hierarchical list of nodes under the heading 'Nodes'. The nodes are categorized by color: blue for 'Pengurusan Bencana', grey for 'Fasa Pencegahan Bencana', light blue for 'Fasa Tindak Balas Kecemasan', light grey for 'Fasa Pemulihan Selepas Bencana', and orange for 'Fasa Pembinaan Semula Jadi'. The table provides details for each node, including its name, sources, references, creation date, and creator.

Name	Sources	References	Created On	Created By
Pengurusan Bencana	14	109	05/03/2016 07.51	AGUS
Fasa Pencegahan Bencana	5	15	05/03/2016 09.42	AGUS
Amaran Awal	5	15	05/03/2016 10.39	AGUS
Fasa Tindak Balas Kecemasan	14	38	05/03/2016 09.42	AGUS
Penyelaras Bantuan	11	24	05/03/2016 10.48	AGUS
Penglibatan Tentera	7	14	05/03/2016 10.48	AGUS
Fasa Pemulihan Selepas Bencana	13	42	05/03/2016 09.43	AGUS
Kos Sarra Hidup	9	20	05/03/2016 10.49	AGUS
Kesempatan Kerja	12	22	05/03/2016 10.49	AGUS
Fasa Pembinaan Semula Jadi	9	14	05/03/2016 09.43	AGUS
Penerima Manfaat	5	6	05/03/2016 10.49	AGUS
Kualiti Binaan	5	8	05/03/2016 10.50	AGUS


Rajah 3.5

Petikan struktur hirarki pada nod utama

Sumber : QRS NVivo 11

3.5.1.7 Kedalaman Analisis

Kedalaman analisis merupakan fasa untuk meneroka dan menyoalsiasat data dalam menggunakan alat analisis di NVivo 11, seperti carian perkataan, kekerapan perkataan dan pelbagai jenis pengkodan. Semua keputusan *queries* disimpan dalam projek, sehingga boleh untuk semakan kepada penelitian kemudian. Matrix coding *queries* sebagai usaha menentukan kekerapan rujukan terhadap topik tertentu oleh peserta yang berbeza. *Advanced coding queries* sebagai usaha untuk membolehkan pengekstrakan rujukan berkod pada nod dipilih, sehingga membolehkan penyelidik untuk menguji hipotesis dan hubungan antara nod. *Screenshot* di bawah ini memberikan rekod pada queris yang telah dijalankan serta sebagai sampel matriks *coding enquiry* yang menunjukkan bilangan pada rujukan untuk kepentingan analisis. Kandungan pada sel matriks adalah secara langsung boleh dilihat dengan mengklik dua kali. Gambar di bawah ini menunjukkan matrik *coding query*. Untuk lebih jelasnya tangkapan skrim, sila lihat Rajah 3.6 seperti berikut :



The screenshot shows the NVivo 11 software interface with the following details:

- Top Bar:** Kesan Pengurusan Bencana Di Aceh 1.nvp - NVivo Pro, DATA, ANALYZE, QUERY, EXPLORE, LAYOUT, VIEW.
- LAYOUT Tab:** Dock All (checked), Zoom, Layout (dropdown), List View, Coding Stripes, Highlight, Annotations, See Also Links, Relationships, Node, Node Matrix, Framework Matrix, Classification, Report, Previous, Next, Color Scheme, Reference, Visualization.
- Search Bar:** Look for [text input], Search In [dropdown] (set to Queries), Queries [button], Find Now, Clear, Advanced Find.
- Left Panel:** Queries tree view showing categories like Fasa Pencegahan, Fasa Tindak balas Kecemasan, Pengedaran Perbualan Partisipan, Pengurusan Bencana, Positif dan Negatif berdasarkan Node, Positif dan Negatif berdasarkan Subte, Subtema Pembinaan, Subtema Pemulihan, and Taburan Perbualan Partisipan.
- Right Panel:** A matrix titled "Pengurusan Bencana - Results" with columns G : M1, H : M2, I : M3, J : M4, K : M5. The rows list numbered items from 1 to 12, each with a dropdown arrow. The matrix contains numerical values such as 15, 13, 7, 10, 7, 2, 3, 0, 1, 0, 0, 2, 3, 1, 2, 4, 4, 6, 4, 2, 1, 2, 2, 4, 4, 2, 2, 2, 3, 0, 0, 2, 2, 2, 1, 1, 0, 1, 0, 0, 1.


Rajah 3.6

Petikan matrix coding queries

Sumber : QRS NVivo 11

Perisian NVivo 11, boleh menjana visual dalam bentuk laporan nod, carta, perkataan awan, perkataan pokok dan model. Laporan nod membolehkan penyelidik melihat perbincangan pada struktur coding dan mengenal pasti nod yang paling banyak. Perkataan awan mendedahkan perkataan yang kerap digunakan dalam projek ini. Pokok perkataan seperti yang terdapat di bawah ini membolehkan penyelidik untuk mengenal pasti dan juga memudahkan akses kepada bahagian-bahagian teks yang berkaitan dengan penggunaan perkataan atau frasa yang disampaikan oleh peserta.

Untuk lebih jelasnya tangkapan skrin, sila lihat Rajah 3.8 seperti berikut :



Rajah 3.8
Petikan pencarian query perkataan
 Sumber : QRS NVivo 11

3.5.1.8 Keputusan Laporan

Tindakan terakhir yang dilakukan oleh penyelidik adalah membuat keputusan laporan, bermula memperhatikan nod utama dan struktur hierarki nod. Ia boleh menyediakan satu rangka kerja yang berguna dalam memberikan satu laporan daripada dapatan kajian. Akhir daripada hierarki nod iaitu digunakan untuk mengenal

pasti sokongan nod yang paling banyak dikodkan. Keputusan penting yang telah ditunjukkan melalui penggunaan fungsi visual seperti carta, pokok perkataan dan juga model. Semua visual boleh dieksport daripada perisian NVivo 11 kepada program pemprosesan perkataan untuk satu keputusan laporan dalam kajian ini.

3.6 Kesimpulan

Bab tiga telah mendedahkan pelbagai asas dan kaedah-kaedah yang dilakukan dalam penyelidikan serta selaras dengan soalan-soalan dan objektif kajian ini. Penyelidikan kualitatif dengan kaedah etnografi telah dipilih oleh penyelidik dengan mengambil pertimbangan sensitiviti kawasan yang disiasat dan kualiti maklumat. Hal ini sudah tentu boleh membawa satu kemudahan kepada penyelidik untuk mendapatkan pelbagai isu dan fenomena yang berlaku dalam persekitaran yang di siasat. Selain itu pengalaman dan penglibatan penyelidik sebagai salah seorang mangsa tsunami boleh menambah satu kekuatan dalam dapatan kajian sehingga penyelidik telah sangat faham terhadap kejadian yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana di Aceh.

Oleh itu kaedah kajian yang direka oleh penyelidik adalah cara yang paling sesuai untuk dilaksanakan disebabkan isu dan fenomena yang berlaku di Aceh memiliki keunikan. Namun demikian ada terdapat kelemahan tertentu dalam kaedah ini seperti memakan masa dan proses pelaporan dengan menggunakan NVivo 11 merupakan satu hal yang baharu, tetapi penyelidik telah dapat mengatasinya. Hasil yang diperolehi pada perisian NVivo 11 boleh dijadikan asas untuk pelaporan dalam dapatan kajian ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab empat menjelaskan dapatan kajian yang telah dibina berdasarkan data-data yang diperolehi semasa proses temubual dengan partisipan dan dapatan data menengah semasa melakukan penyelidikan serta pemerhatian penyelidik di kawasan yang disiasat. Perbincangan bermula dengan profil kawasan yang diselidiki dan seterusnya perbahasan terhadap dapatan kajian yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian NVivo 11. Untuk memudahkan penjelasan, penyelidik telah mengagihkan kepada tujuh seksyen, iaitu seksyen 4.1 pengenalan daripada bab empat; Seksyen 4.2 menjelaskan profil kawasan yang disiasat; Seksyen 4.3, 4.4, 4.5, 4.6 dan 4.7 merupakan huraihan daripada pelbagai dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan perisian NVivo 11. Terakhir seksyen 4.8 merupakan kesimpulan daripada bab empat dalam kajian ini.

4.2 Profil Kawasan Penyelidikan

Acheh merupakan satu provinsi yang terdapat dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia dan terletak di hujung barat Kepulauan Sumatera. Secara geografi, Acheh terletak pada titik paksi $1^{\circ} 40' - 30'$ darjah utara dan $94^{\circ} 40' - 98^{\circ} 30'$ darjah timur, dengan keluasan mencecah $58.375.63 \text{ km}^2$. Dari segi pentadbiran, Provinsi Acheh memiliki 24 Kabupaten (*daerah*), 276 Kecamatan (*sub-district*), 755 Mukim dan 6423 kampung (*Lihat lampiran B6-1*). Berasaskan laporan Badan Statistik Acheh

(2014), penduduk Aceh daripada tahun 2014 telah mencecah seramai 4,486,570 dengan butiran 2,243,578 adalah lelaki dan 2,242,992 adalah perempuan. Kawasan Aceh memiliki lapan suku, seperti suku Aceh, Alas, Aneuk Jame, Gayo, Kluet, Simeulue dan etnik Singkil serta suku Tamiang. Hal ini memberikan satu gambaran bahawa Aceh memiliki multi budaya yang disebabkan oleh pelbagai adat dan norma budaya yang sangat berbeza-beza antara satu sama lainnya. Sumber utama pendapatan asli di Aceh adalah sektor minyak dan gas serta industri-industri yang berhubungan dengannya. Adapun sumber minyak dan gas telah menyumbang mencecah 40% daripada GRDP (*Gross Regional Domestic Product*) setiap tahun. Namun demikian, selaras dengan semakin berkurangan pengeluaran minyak dan gas, maka GRDP untuk Aceh kebelakangan ini telah menurun. (*Lihat lampiran B6-2*).

Aceh merupakan salah satu provinsi yang mendapat pelbagai hak keistimewaan dalam mengatur dan mengurus pentadbirannya sendiri daripada pihak Kerajaan Pusat. Hal ini berasaskan daripada Undang-Undang Nombor 44 Tahun 1999 terhadap Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Ia juga telah dikukuhkan dengan Undang-Undang Nombor 18 Tahun 2001 terhadap Otonomi Khusus kepada Provinsi Daerah Istimewa Aceh dengan sebutan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Oleh itu pihak Kerajaan Negeri Aceh merupakan salah satu daerah yang telah melaksanakan pelbagai hukum Syariat Islam secara *legal formal* kepada masyarakat. Untuk kejayaan pelaksanaan Syariah Islam di Aceh maka pihak Kerajaan Negeri Aceh telah menujuhkan pelbagai intitusi seperti Majlis Permusyawaratan Ulama (*MPU*), Mahkamah Syariah, Baitul Maal, Jabatan Syariat Islam dan Satuan Polisi Wilayatul Hisbah.

Pada penghujung tahun 2004 kawasan Aceh telah menjadi pusat perhatian di seluruh dunia disebabkan oleh kejadian bencana gempa bumi dan gelombang tsunami. Sebanyak 173,741 mangsa mati dan 63,512 orang yang dinyatakan hilang serta dijangka 703,518 orang kehilangan tempat tinggal serta seramai 750,000 orang yang mendadak menjadi penganggur akibat kehilangan pekerjaan. Selain itu, kerosakan juga dialami pada prasarana seperti 142,371 rumah hancur dan 13,828 unit kapal nelayan hilang serta 27,593 hektar kolam air payau rosak. Selain itu sektor awam juga mengalami kerosakan seperti kerosakan 669 buah binaan kerajaan, 517 buah klinik kesihatan dan ratusan prasarana pendidikan.

Bencana gelombang tsunami yang berlaku di Provinsi Aceh hanya terkena kepada lima daerah daripada 23 daerah, seperti daerah Banda Aceh, daerah Aceh Besar, daerah Aceh Jaya, daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue. Namun demikian, untuk tujuan kajian ini, penyelidik hanya memilih dua daerah sebagai kawasan penyelidikan, iaitu daerah Aceh Barat (*Meulaboh*) dan daerah Kepulauan Simeulue (*Sinabang*). Pemilihan kedua daerah tersebut dengan asas pertimbangan iaitu daerah Aceh Barat merupakan kawasan yang paling teruk terkena bencana tsunami dengan kerosakan mencecah 80.95% dan mencetus 12,873 mangsa mati. Sedangkan daerah Kepulauan Simeulue merupakan kawasan yang sangat sedikit mencetuskan mangsa mati tetapi ia merupakan kawasan paling dekat dengan punca gegaran gempa bumi dan gelombang tsunami pada penghujung tahun 2004. Berasaskan kepada pelbagai asas pertimbangan dan keunikan yang berlaku membuatkan penyelidik menetapkan kedua-dua daerah sebagai kawasan untuk penyelidikan terutama dalam menjawab kesan pengurusan bencana akibat penyertaan *NGO* dan Ulama dalam memberi bantuan serta keterdedahan yang berlaku di Aceh.

4.2.1 Profil Aceh Barat (*Meulaboh*)

Daerah Aceh Barat terletak di hujung barat Provinsi Aceh yang berjarak 250 Km dari pusat Kerajaan Aceh. Secara astronomi, posisi Aceh Barat terletak antara $04^{\circ} 06' - 04^{\circ} 47'$ paksi utara dan $95.52' - 96.30'$ pada paksi Timur, dengan luas kawasan mencecah $2,927.95\text{ Km}^2$. Dari aspek pentadbiran, daerah Aceh Barat memiliki 12 Sub daerah, 33 mukim dan 322 kampung. Menurut laporan BPS Aceh (2014), jumlah penduduk Aceh Barat pada tahun 2014 mencecah 190,244 dengan butiran 96,528 lelaki dan 93,716 perempuan (*lihat lampiran B6-10*). Daerah Aceh Barat bersempadan dengan Pidie Jaya dan Aceh Jaya sebelah utara, sebelah selatan dengan Nagan Raya dan Lautan dalam Samudera Hindia, sebelah timur dengan kawasan Aceh Tengah dan Nagan Raya, seterusnya sebelah barat dengan lautan dalam Samudera Hindia.

Daerah Aceh Barat merupakan satu kawasan yang paling teruk terjejas bencana tsunami pada tahun 2004 berbanding empat kawasan lainnya. Menurut laporan Satlak PBP (2005), cakupan kawasan yang rosak akibat kejadian bencana tsunami mencecah 80.95% dengan mangsa mati mencapai 12,873 orang dan mangsa yang hilang mencecah 2,403 orang dan 73,915 orang yang berpindah (*Lihat lampiran B6-11*). Selain mangsa mati dan hilang, ia juga turut merosakkan pelbagai infrastruktur, penempatan penduduk dan kemudahan, seperti sekolah, klinik kesihatan, pasar, masjid serta binaan kerajaan. Menurut data Satlak PBP Aceh (2005), kerosakan daripada prasarana seperti lebuh raya mencecah 558 km dan kerosakan titi jambatan mencecah 179. Selain itu ia juga telah merosakkan pelbagai prasarana ekonomi seperti kedai, sektor perbankan dan kawasan pertanian serta perikanan.

Dalam kajian ini penyelidik hanya melakukan usaha penyiasatan kepada kawasan-kawasan seperti Kampung Blang Beurandang, Kampung Leuhan dan juga Kampung Ujung Tanoh Darat. Ketiga-tiga kawasan yang disiasat merupakan tempat penampungan mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami di daerah Aceh Barat. Pemilihan kepada ketiga-tiga kawasan ini sebagai objek dalam kajian ini disebabkan keseluruhan mangsa dan masyarakat yang kehilangan rumah telah di tempatkan oleh pihak kerajaan. Mulanya ia hanya penampungan sementara tetapi disebabkan pelbagai kawasan yang terjejas bencana tsunami, maka pihak kerajaan bersama pihak *NGO* telah menjadikan ketiga-tiga kawasan ini sebagai kawasan utama penampungan tetap kepada para mangsa dan masyarakat yang kehilangan rumah di daerah Aceh Barat.

4.2.2 Profil Kepulauan Simeulue (*Sinabang*)

Daerah Kepulauan Simeulue merupakan salah satu daerah yang terdapat di Provinsi Aceh. Daerah Kepulauan Simeulue terletak pada lautan dalam Samudera Hindia atau berjarak 150 batu daripada daratan Aceh. Secara astronomi, posisi daerah Kepulauan Simeulue terletak antara $02^{\circ} 15' 03''$ $02^{\circ} 55' 04''$ paksi Utara dan $95^{\circ} 40' 15''$ $96^{\circ} 30' 45''$ pada paksi Timur dengan luas kawasan mencelah 183,809.50 Ha². Dari aspek pentadbiran, daerah Kepulauan Simeulue memiliki 10 Sub di 29 mukim dan juga 138 kampung. Menurut laporan BPS Aceh (2014), jumlah penduduk Kepulauan Simeulue pada tahun 2014 mencelah 88,963 orang dengan butiran 45,797 lelaki dan 43,166 perempuan (*lihat lampiran B6-12*). Daerah Kepulauan Simeulue secara keseluruhan bersempadan dengan lautan dalam Samudera Hindia, baik daripada sebelah utara, selatan, timur dan juga sebelah barat.


Daerah Kepulauan Simeulue merupakan kawasan yang paling dekat dengan pusat gegaran gempa bumi dan juga sebagai punca dalam mencetuskan gelombang tsunami pada penghujung tahun 2004 atau tepatnya terletak pada $3^{\circ},298$ paksi Utara dan $95^{\circ},779$ paksi timur, dengan jarak pusat gegaran hanya 60 batu. Jika dilihat berdasarkan jarak dengan pusat gegaran gempa, maka daerah Kepulauan Simeulue adalah kawasan paling terdedah gelombang tsunami berbanding dengan daratan di Aceh. Mengikut laporan daripada Satlak PBP Aceh (2005), cakupan kawasan yang rosak daripada kejadian bencana tsunami mencecah 83.75%, dengan mencetuskan kerosakan prasarana, tempat tinggal dan juga kemudahan seperti sekolah, tempat kesihatan, pasar, masjid serta binaan-binaan kerajaan (*Lihat lampiran B6-14*). Namun demikian, mangsa mati yang disebabkan oleh bencana tsunami hanya tujuh orang berbanding 18,543 orang yang menghuni di daerah Kepulauan Simeulue.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya melakukan penyiasatan kepada masyarakat dan juga para Ulama yang memiliki kefahaman terhadap kejadian tsunami yang berlaku pada penghujung tahun 2004 di daerah Kepulauan Simeulue. Pemilihan salah satu peserta seperti Ulama sebagai subjek dalam kajian ini disebabkan oleh peranan Ulama dalam menanamkan nilai dan tradisi kepada masyarakat sebagai salah satu usaha pengurangan risiko bencana. Oleh itu penyelidik perlu mendapatkan maklumat lebih jelas daripada para Ulama yang terkumpul dalam Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) di Kepulauan Simeulue. Untuk menambah maklumat dalam kajian ini, penyelidik juga meminta sumbangan daripada mangsa dan pihak kerajaan di daerah Kepulauan Simeulue sebagai menambah rujukan terhadap usaha pengurangan risiko bencana yang dilakukan di Kepulauan Simeulue.

4.3 Tema Pertama : Pengurusan Bencana

Berasaskan kepada soalan pertama, maka objektif kajian adalah mengenalpasti pelbagai kesan yang berlaku semasa pengurusan bencana dalam fasa pencegahan, fasa tindak balas kecemasan, fasa pemulihan dan pembinaan di Aceh. Menurut pemerhatian langsung, hampir tiada bekas kerosakan yang disebabkan oleh bencana tsunami di Aceh. Ketiadaan bekas kerosakan seolah-olah kawasan yang disiasat seperti tidak pernah berlaku satu bencana besar yang telah membuat gegar masyarakat Antarabangsa di penghujung tahun 2004. Hal ini salah satunya disebabkan proses pengurusan bencana yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bersama komuniti Antarabangsa dan *NGO* adalah sangat cepat. Penyelidik yang juga salah seorang mangsa tsunami merasakan bahawa kawasan yang terjejas gelombang tsunami telah sangat berkembang dan lebih maju berbanding sebelum berlakunya bencana gempa bumi dan gelombang tsunami di penghujung tahun 2004.

Namun demikian pengurusan bencana yang dilakukan daripada permulaan tahun 2005 sehingga penghujung tahun 2009 telah juga mencetuskan pelbagai isu dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh terutama daerah Aceh Barat. Untuk mengetahui isu-isu akibat pengurusan bencana tsunami, maka perlu dilakukan satu penyelidikan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Berasaskan analisis dalam perisian NVivo 11 bahawa tema kesan pengurusan bencana telah mendapatkan tiga subtema dan tiga kategori. Selain itu dapatan kajian telah mendapatkan pelbagai sentimen positif dan negatif terhadap pengurusan bencana tsunami yang dilaksanakan. Untuk maklumat lebih jelas terhadap dapatan kajian dalam tema pengurusan bencana, sila rujuk Rajah 4.1



Rajah 4.1
Tema Pengurusan Bencana Mengikut Fasa-Fasanya Di Aceh
 Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.1, tema pengurusan bencana mengikut fasa-fasanya di Aceh telah mendapatkan tiga subtema dan tiga kategori. Untuk memudahkan penjelasan analisis daripada dapatan kajian, maka diagihkan kepada tiga bahagian, iaitu : 1) Analisis terhadap subtema fasa pencegahan dalam satu kategori; 2) Analisis terhadap subtema fasa tindak balas kecemasan dalam satu kategori; 3) Analisis terhadap subtema fasa pemulihan dan pembinaan dalam satu kategori. Untuk maklumat lebih jelas dapatan kajian terhadap tema pengurusan bencana, sila rujuk Jadual 4.1


Jadual 4.1

Matriks Coding pada Tema Pengurusan Bencana di Aceh

Bil	Subtema	Kategori	Rujukan	Sumber
1.	Fasa Pencegahan	a. Amaran Awal	20	23
2.	Fasa Tindak Balas Kecemasan	b. Penyelarasan Bantuan	20	
3.	Fasa Pemulihan dan Pembinaan	c. Penerima Manfaat	19	
	Jumlah		59	23

Sumber : Analisis Penyelidik

Jadual 4.1, matrik coding pada tema pengurusan bencana mengesahkan bahawa subtema fasa pencegahan mengikut kategorinya mendapat 20 rujukan dari 23 sumber data yang telah diselidik. Manakala, subtema fasa tindak balas kecemasan mengikut kategorinya juga mendapat 20 rujukan dari 23 sumber data yang telah diselidiki. Seterusnya, subtema fasa pemulihan dan pembinaan mengikut kategorinya mendapat 19 rujukan dari 23 sumber data yang telah diselidik. Keseluruhan 59 rujukan yang didapati dalam tema pengurusan bencana merupakan hasil temu bual, memo penyelidikan, video dan foto seperti yang terdapat pada Rajah 4.1. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap data pengedaran perbualan para peserta yang telah di temu bual oleh penyelidik, sila rujuk Rajah 4.2



Rajah 4.2

Coding Referensi pada Tema Pengurusan Bencana di Aceh


Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.2, *coding referensi* pada tema pengurusan bencana mengesahkan bahawa subtema fasa pencegahan, subtema fasa tindak balas kecemasan dan subtema fasa pemulihan dan pembinaan telah mendapati tiga kategori. Ketiga-tiga kategori yang didapati adalah hasil daripada usaha temubual dengan para peserta seperti M1, M2, M3, M4, M5, M6, M7, N1, N2, N3 N4, N5, K5, K6. Keseluruhan peserta yang telah dilakukan proses temubual semasa penyelidikan kerap mengemukakan isu yang didapati dalam ketiga-tiga fasa pengurusan bencana, seperti isu ketiadaan amaran awal, isu penyelarasan bantuan dan isu penerima manfaat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu yang didapati dalam ketiga-tiga subtema, sila lihat penjelasan yang telah diuraikan mengikut proses analisis sesuai dengan dapatan dalam perisian NVivo 11.

4.3.1 Subtema Fasa Pencegahan Bencana

Fasa pencegahan merupakan salah satu subtema yang didapati pada tema pengurusan bencana di Aceh. Fasa pencegahan dalam pengurusan bencana adalah satu fasa yang dilakukan untuk mencegah mahupun mengelakkan daripada satu kejadian yang boleh membawa satu impak bahaya kepada orang ramai (Healt Disaster Management, 2002; Hon Anna, 2010). Tindakan dalam mengurangkan risiko bencana adalah usaha membina sistem pencegahan bencana seperti memberikan satu kefahaman kepada masyarakat terhadap bahaya bencana yang boleh berlaku. Namun demikian terkadang usaha itu tidak mudah dilakukan oleh sebab tidak adanya kefahaman pihak kerajaan dalam usaha pengurangan risiko bencana seperti yang berlaku di Aceh. Pengalaman penyelidik sendiri mendapati selepas kejadian gempa bumi masih terdapat orang ramai yang masih tidak percaya dengan datangnya gelombang tsunami. Hal ini disebabkan kurang memiliki kefahaman dan rujukan terhadap bahaya gelombang tsunami selepas gempa bumi.

Dalam kajian ini penyelidik hanya meneroka pelbagai kesan yang kerap dirasakan oleh para mangsa, *NGO* dan juga pihak kerajaan terhadap usaha pengurusan bencana tsunami di Aceh. Oleh itu, penyelidikan ini telah mengumpulkan pelbagai data menengah dan melakukan temubual dengan para peserta di kawasan bencana tsunami daerah Aceh Barat. Peserta yang dipilih merupakan peserta yang memiliki kefahaman dan merasakan bagaimana sebelum berlaku kejadian gelombang tsunami dan pengurusan bencana yang dilakukan di daerah Aceh Barat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan para peserta pada subtema fasa pencegahan dalam pengurusan bencana, sila rujuk Rajah 4.3



Rajah 4.3


Coding Referensi Pada Subtema Fasa Pencegahan

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.3, *coding referensi* pada subtema fasa pencegahan mendapati satu kategori iaitu kategori amaran awal. Kategori amaran awal yang didapati merupakan salah satunya sumber semasa proses temubual dengan para peserta seperti K5, M1, M2, M3, dan M4. Keseluruhan peserta kerap mengemukakan ketiadaan amaran awal mahupun notis daripada pihak kerajaan terhadap bahaya gelombang tsunami selepas gegeran gempa bumi. Untuk maklumat lebih jelas terhadap ketiadaan amaran awal yang dibina oleh pihak kerajaan dalam usaha pengurangan risiko bencana seperti bahaya gelombang tsunami, sila lihat penjelasan daripada kategori amaran awal yang terdapat dalam subtema fasa pencegahan pada tema pengurusan bencana di Aceh terutama kejadian yang berlaku di daerah Aceh Barat.

4.3.1.1 Amaran Awal

Amaran awal dalam fasa pencegahan merupakan satu usaha yang direka dan dibina untuk memaklumkan kepada orang ramai terhadap pelbagai bahaya bencana yang boleh berlaku secara tiba-tiba. Tindakannya adalah memberikan maklumat dan amaran terhadap bahaya bencana seperti amaran letusan gunung api, banjir, taufan dan gelombang tsunami. Matlamat dari amaran awal adalah satu percubaan supaya orang ramai boleh menyedari bahaya bencana yang boleh berlaku secara tiba-tiba (International Strategi For Disaster Reduction, 2006). Berasaskan dapatan kajian, peserta kerap mengemukakan perkataan ketiadaan amaran awal semasa proses temu bual. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk pokok perkataan terhadap perkataan amaran awal daripada Rajah 4.4



Rajah 4.4
Pokok Perkataan pada Amaran Awal
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.4 pokok perkataan amaran awal menjelaskan bagaimana para peserta seperti M1, M2, M3 dan M4 kerap mengemukakan perkataan amaran awal dalam pengurangan risiko bencana. Berasaskan memo penyelidikan, ketiadaan amaran awal

merupakan salah satu sebab orang ramai tidak cepat untuk menyelamatkan diri daripada gelombang tsunami selepas gempa bumi. Hal ini sesuai dengan perbualan peserta M2 yang bertindak balas seperti berikut:

“ Kami tidak pernah mendapatkan maklumat mahupun amaran dari pihak kerajaan terhadap bahaya tsunami dan kami juga sama sekali tidak tahu apa itu tsunami...kurangnya kefahaman telah membuat kami tidak segera mengelak daripada kawasan pantai sehingga semasa gelombang tsunami datang kami tidak boleh berbuat apa-apa”(perbualan/M2/2015/11-01).

Perbualan dengan peserta M2 mendapati kurangnya kefahaman terhadap fenomena seperti gelombang tsunami selepas gempa bumi telah membuat orang ramai tidak boleh menyedari bahawa ada bahaya yang boleh menimpanya. Hal ini berpunca daripada ketiadaan amaran awal dalam usaha pengurangan risiko bencana daripada pihak kerajaan, maka telah membuat orang ramai tidak berasa risau selepas gempa bumi. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M1 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Saya masih ingat masa itu sama sekali pihak kerajaan tidak pernah mengeluarkan sebarang notis ataupun amaran awal terhadap bahaya gelombang tsunami selepas gempa bumi...jadi saya fikir selepas gempa bumi tidak akan ada bahaya lain” (perbualan/M1/2015/10-01)”.

Perbualan dengan peserta M1 memaklumkan bahawa pihak kerajaan sama sekali tidak pernah melakukan pelbagai tindakan dalam usaha pengurangan risiko terhadap bahaya gelombang tsunami. Oleh itu berasaskan contoh perbualan dengan peserta M1 dan M2, jelaslah bahawa pihak kerajaan sama sekali tidak merancang mahupun membina satu tindakan pengurangan risiko bencana seperti contoh memberikan satu amaran awal sebagai salah satu tindakan permulaan kepada masyarakat agar sedar

tentang bahaya bencana. Sebagaimana perbualan bersama peserta M4 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Saya fikir ini merupakan satu kesilapan pihak kerajaan...sudah sepatutnya mereka membina satu sistem usaha pencegahan bencana dalam pengurangan risiko bahaya bencana terlebih lagi kawasan Aceh merupakan salah satu kawasan yang kerap berlaku gempa bumi...dengan ada pelbagai maklumat dan amaran awal terhadap bencana boleh membuat orang ramai lebih waspada dan cepat mengelak daripada kawasan yang memiliki potensi seperti gelombang tsunami ”(perbualan/M4/2015/14-01).

Dalam hubungan yang sama dengan peserta M4, peserta M3 juga bertindak balas dalam memberikan jawapan seperti berikut :

“ Pihak kerajaan sama sekali tidak bertindak sebelum berlakunya bencana gelombang tsunami....saya melihat sendiri tidak ada satupun usaha yang dilakukan dalam memberikan perlindungan kepada orang ramai untuk boleh menjauhi kawasan-kawasan bahaya daripada gelombang tsunami...ini membuktikan bahawa pihak kerajaan tidak sama sekali memiliki satu racangan dalam melindung orang ramai dari bahaya bencana dan ini merupakan salah satu kelemahan pihak kerajaan terutama dalam usaha pengurangan risiko bahaya bencana” (perbualan M3/2015/12-01).

Perbualan dengan peserta M4 dan M3 mendapati mereka merasa kesal dengan pihak kerajaan yang sama sekali tidak melakukan usaha dan tindakan dalam memberikan amaran awal terhadap bahaya gelombang tsunami kepada masyarakat. Peserta kerap mengemukakan jikalau ada amaran awal maka sudah tentu ramai orang yang boleh diselamatkan. Maka, tidaklah hairan jikalau kejadian tsunami di Aceh menyebabkan 173,741 mangsa mati terutama daerah Aceh Barat yang mencecah 12,873 mangsa mati. Untuk itu penyelidik merasakan perlu untuk mengetahui bagaimana tanggapan pihak kerajaan terhadap ketiadaan amaran awal sebelum berlakunya gelombang tsunami. Sebagai contoh perbualan dengan peserta K5 yang bertindak balas, seperti berikut :

“ Pihak kerajaan bukanlah tidak berupaya dalam usaha pengurangan risiko bahaya bencana...tetapi kejadian gelombang tsunami selepas gempa bumi merupakan di luar jangkaan...hal ini yang membuat kami tidak sama sekali tidak memberi notis mahupun amaran awal kepada orang ramai supaya menjauhkan diri daripada kawasan pantai...disebabkan kami juga baharu mengetahui apa itu gelombang tsunami ” (perbualan K5/2015/25-05).

Perbualan dengan peserta K5 telah mengesahkan bahawa pihak kerajaan memang tidak memiliki satu rujukan terhadap bahaya bencana seperti gelombang tsunami selepas gempa bumi. Hal ini disebabkan tidak ada satu rujukan yang pernah berlaku di daratan Acheh terhadap bencana seperti gelombang tsunami dan ianya merupakan pengalaman pertama dirasakan keseluruhan masyarakat di Acheh. Ketiadaan rujukan dan pengalaman terhadap bahaya bencana gelombang tsunami telah membuatkan pihak kerajaan sama sekali tidak memberikan satu notis bahaya mahupun amaran awal kepada masyarakat untuk boleh menjauhi kawasan pesisir pantai. Namun demikian menurut pemerhatian penyelidik, sistem pencegahan dalam usaha pengurangan risiko bencana memang sama sekali tidak pernah dibina oleh pihak kerajaan. Hal ini dijelaskan oleh peserta K5 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Memang kejadian bencana tsunami yang berlaku di Acheh merupakan satu pengalaman pertama yang dirasakan sehingga kami juga sama sekali tidak membina satu sistem dalam usaha pengurangan risiko seperti yang berlaku di Acheh maka dengan adanya pengalaman ini telah membuat pihak kerajaan boleh lebih siap dalam membina sistem pencegahan bermula daripada amaran dan notis bahaya kepada masyarakat sebelum kejadian bencana berlaku” (perbualan K5/2015/25-05).

Perbualan peserta K5 mengesahkan bahawa pihak kerajaan tidak memiliki satu persiapan dalam usaha pengurangan risiko bencana. Hal ini disebabkan sistem pencegahan bencana dan sumber daya telah menjadi satu faktor kurang siapnya pihak kerajaan dalam usaha pengurangan risiko bencana. Namun demikian kejadian bencana yang berlaku di penghujung tahun 2004 telah membuka mata pihak

Kerajaan Pusat untuk membuat satu sistem pencegahan seperti pembinaan amaran awal dalam usaha pengurangan risiko bencana di masa hadapan. Hal ini bermula dengan pembinaan prasarana pencegahan dan sosialisasi kepada masyarakat terhadap bentuk bahaya bencana yang boleh berlaku tiba-tiba dalam persekitaran masyarakat.

Keseluruhan contoh perbualan peserta seperti M1, M2, M3 dan M4 mengesahkan bahawa ketiadaan amaran awal dan notis terhadap bahaya daripada pihak kerajaan dalam pengurangan risiko bencana telah menjadi salah satu punca ramai orang tidak mengelak bahaya seperti kejadian tsunami di Aceh Barat. Ketiadaan amaran awal telah menyebabkan orang ramai telah menjadi mangsa mati yang disebabkan tidak cepat mengelak daripada kawasan pesisir pantai, sehingga semasa gelombang tsunami datang telah membuat orang ramai tidak boleh berbuat apa-apa. Ketiadaan amaran awal menjadi sorotan yang kerap disampaikan oleh para peserta dan rasa kekecewaan terhadap kurangnya usaha pihak kerajaan dalam melakukan tindakan pencegahan. Jikalau usaha pencegahan berkesan seperti adanya amaran awal terhadap bahaya, sudah tentu ramai orang yang boleh selamat daripada kejadian bahaya gelombang tsunami.

Namun demikian peserta K5 mengesahkan bahawa kes yang berlaku di Aceh merupakan satu pengajaran dan juga sebagai rujukan yang sangat penting. Oleh itu kejadian bencana gelombang tsunami telah membuat kesedaran pihak kerajaan untuk melakukan pembinaan terhadap usaha pencegahan bencana seperti pembinaan sistem amaran awal dari bahaya bencana. Matlamat pembinaan sistem amaran awal supaya keseluruhan masyarakat memiliki kefahaman dan menyedari bentuk bahaya bencana yang boleh berlaku bila-bila masa. Kontradiksinya kejadian yang berlaku di daratan


Acheh sangat berbeza dengan kejadian yang pernah berlaku di Kepulauan Simeulue, di mana masyarakatnya telah memiliki satu sistem amaran awal yang disaluti dalam bentuk kearifan tempatan terhadap usaha pengurangan risiko bencana. Untuk maklumat lebih jelasnya, sila rujuk objektif kajian kedua daripada tema penyertaan komuniti dalam subtema penyertaan Ulama.

4.3.2 Subtema Fasa Tindak Balas Kecemasan

Fasa tindak balas kecemasan merupakan salah satu subtema yang terdapat dalam tema pengurusan bencana. Fasa tindak balas kecemasan adalah satu siri aktiviti yang dilaksanakan selepas kejadian bencana seperti aktiviti pencarian, penyelamatan, penyediaan tempat penampungan dan pemberian bantuan kepada mangsa dalam masa hanya enam bulan selepas bencana (Ishak, 2004). Menurut laporan pihak Satlak PBP Aceh (2005), usaha yang dilakukan pada fasa tindak balas kecemasan bermula dengan kehadiran bala bantuan askar-askar asing seperti *US Army*, *Australia Army* dan juga kumpulan askar *ASEAN* (*Lihat lampiran B6-2*). Kehadiran bantuan daripada luar negara telah memudahkan pihak kerajaan terutama Satuan Pelaksana Penanggulangan Bencana (*Satlak PB*) dalam melaksanakan aktiviti pertolongan kepada mangsa. Satlak PB merupakan agensi yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan Pusat untuk melaksanakan usaha penyelamatan mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami di Aceh. Asas hukum penubuhan Satlak PB adalah surat Keputusan Menteri Dalam Negeri Nombor 131 tahun 2005.

Dalam kajian ini penyelidik hanya meneroka pelbagai kesan yang kerap dirasakan oleh bekas pekerja *NGO* dan juga mangsa terhadap tindakan yang dilaksanakan oleh

pihak kerajaan melalui Satuan Pelaksanaan Penanggulangan Bencana (*Satlak PB*) semasa fasa tindak balas kecemasan. Untuk itu penyelidikan ini telah mengumpulkan data menengah dan usaha temubual dengan para peserta yang terdapat di kawasan bencana. Peserta yang dipilih adalah peserta yang pernah terlibat dan juga merasakan tindakan pihak Satlak PB terutama pada fasa tindak balas kecemasan di daerah Aceh Barat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan para peserta pada subtema fasa tindak balas kecemasan, sila rujuk Rajah 4.5




Rajah 4.5
Coding Referensi Pada Subtema Fasa Tindak Balas Kecemasan
 Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.5, *coding* referensi pada subtema fasa tindakbalas kecemasan mendapati satu kategori iaitu kategori penyelarasan bantuan. Kategori penyelarasan bantuan merupakan hasil daripada proses temubual dengan para peserta seperti K5, K6, N1, N2, N3, N4 dan N5. Keseluruhan peserta kerap mengemukakan isu sukarnya usaha penyelarasan bantuan yang dilaksanakan oleh pihak Satlak PB semasa fasa tindak balas kecemasan di daerah Aceh Barat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu

sukarnya penyelarasan bantuan semasa fasa tindak balas kecemasan yang dilaksanakan oleh pihak Satlak PB, sila lihat penjelasan daripada kategori penyelarasan bantuan yang terdapat pada subtema fasa tindak balas kecemasan dalam tema pengurusan bencana di Aceh terutama tindakan yang dilaksanakan oleh pihak Satlak PB di daerah Aceh Barat.

4.3.2.1 Penyelarasan Bantuan

Penyelarasan bantuan merupakan kategori yang terdapat dalam subtema fasa tindak balas kecemasan pada tema pengurusan bencana. Penyelarasan memiliki erti iaitu satu aktiviti dalam menggerakkan kumpulan dengan memberikan pekerjaan yang tepat supaya boleh dilaksanakan secara segera dan sejajar serta selaras. Sedangkan penyelarasan bantuan adalah usaha yang selari dan teratur dengan masa yang pantas dalam memandu usaha pelaksanaan untuk mendapatkan satu tindakan yang segera dan sesuai dengan sasaran yang telah ditetapkan selaras dengan pandangan Hasibuan (2007). Matlamat penyelarasan bantuan adalah satu usaha dalam mempercepatkan proses pelaksanaan bantuan kemanusiaan kepada mangsa yang terjejas bencana tsunami. Namun demikian merujuk kepada dapatan kajian, peserta kerap mengemukakan isu seperti sukarnya usaha penyelarasan bantuan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui Satlak PB semasa fasa tindak balas kecemasan di Aceh. Hal ini terjadi di daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue. Untuk lebih jelasnya, sila rujuk pokok perkataan terhadap perkataan penyelarasan bantuan yang kerap disampaikan oleh peserta seperti pada Rajah 4.6



Rajah 4.6
Pokok Perkataan Penyelarasan Bantuan
 Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.6, pokok perkataan penyelarasan bantuan menjelaskan bagaimana para peserta seperti N1, N2, N3, N4 dan N5 kerap mengemukakan perkataan penyelarasan bantuan dalam fasa tindak balas kecemasan. Berasaskan memo penyelidikan, tindakan penyelarasan bantuan yang dilaksanakan oleh pihak Satlak PB semasa fasa tindak balas kecemasan kadangkala terlambat sukar dan banyak peraturan yang membuat orang ramai merasa kecewa. Hal ini dijelaskan oleh peserta N2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Ketika kami merancang usaha pengagihan bantuan kepada mangsa-mangsa tsunami di Meulaboh...pihak Satlak PB kerap meminta kepada kami laporan dan mereka sebut sebagai usaha penyelarasan bantuan sehingga bantuan tidak pertindihan...jikalau kita tidak mematuhi maka tidak mendapatkan satu kebenaran dalam mengedarkan sebarang bantuan kepada mangsa tsunami” (perbualan/N2/2015/20-02).


Perbualan dengan peserta N2 menjelaskan bahawa pihak Satlak PB kerap meminta kepada pihak pemberi bantuan untuk membuat laporan bantuan yang telah diagihkan kepada mangsa bencana. Namun demikian jika tidak melaporkan kepada pihak

Satlak PB maka pihak pemberi bantuan tidak boleh mendapatkan kebenaran untuk mengagihkannya kepada mangsa tsunami. Berasaskan pengalaman penyelidik, sebarang tindakan yang dilakukan Satlak PB disebabkan Aceh semasa itu merupakan kawasan konflik sehingga semua aktiviti dilakukan harus mendapatkan kawalan daripada pihak askar dari Tentara Nasional Indonesia (*TNI*). Tindakan yang dilakukan telah mencetuskan proses pengagihan bantuan semakin kompleks sehingga melambatkan usaha pengagihan bantuan kepada mangsa tsunami. Hal ini dilihat daripada pelbagai peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan melalui Satlak PB, seperti membuat laporan, keseluruhan bantuan harus dimasukkan dalam penampungan persediaan tentera dan semasa proses pengagihan bantuan harus ada petunjuk pihak Satlak PB. Pelbagai peraturan yang ditetapkan telah menjelaskan banyaknya birokrasi yang harus dilaksanakan oleh pemberi bantuan sehingga pelbagai peraturan yang dilakukan merupakan salah satu faktor yang menghalang percepatan pertolongan kepada mangsa tsunami. Selain itu kesan tercetus telah membuat beribu-ribu tan bekalan bantuan banyak tersekat di lapangan terbang dan terminal feri. Seterusnya menyebabkan banyak bantuan yang telah tamat tempoh pengunaannya (*expired*). Masalah ini dijelaskan oleh peserta N3 yang bertindak balas, seperti berikut :

“ Pelbagai peraturan yang ditetapkan oleh pihak Satlak PBP Aceh telah membuat banyak bekalan bantuan menjadi lebih lama tertahan dan hal ini menyebabkan banyak bantuan seperti makan dan susu tidak boleh digunakan disebabkan tamat tempoh.” (perbualan/N3/2015/21-02)

Perbualan dengan peserta N3, menjelaskan bahawa pelbagai peraturan yang ditetapkan oleh pihak Satlak PB semasa fasa tindak balas kecemasan telah menjadi salah satu punca lambatnya pengagihan bantuan kepada mangsa tsunami di daerah

Acheh Barat. Hal ini kerap disampaikan oleh peserta seperti N1, N2, N3, N4 dan N5 yang merupakan realiti daripada pengalaman yang dirasakan sebagai bekas pekerja *NGO* di Aceh. Permasalahan lainnya yang dihadapi semasa pengagihan bantuan adalah keseluruhan bantuan kemanusiaan harus diedarkan melalui pihak Satlak PB. Tindakan ini sudah tentu mendapat bantahan dari pelbagai komuniti salah satunya pihak *NGO* yang teringin mengagihkan sendiri dan beriteraksi secara langsung dengan mangsa. Merujuk perbualan dengan peserta, maka penyelidik meminta maklumat daripada pihak kerajaan terhadap isu penyelarasan bantuan yang terkesan sangat sukar. Pihak kerajaan menjelaskan bahawa sebarang tindakan yang harus dilakukan adalah sebagai usaha keselamatan para pemberi bantuan dan juga pihak *NGO* daripada bentuk gangguan penceroboh iaitu Gerakan Aceh Merdeka (*GAM*). Mengingatkan pada masa itu belum ada satu kesepakatan damai antara pihak *GAM* dengan pihak Tentera Nasional Indonesia (*TNI*). Sebagai contoh perbualan dengan peserta K5 yang bertindak balas, seperti berikut :



“ Tindakan penyelarasan bantuan yang dilakukan oleh pihak Satlak PB pada prinsipnya supaya keseluruhan bantuan boleh diagihkan sampai kepada para mangsa tanpa ada apa-apa gangguan keamanan daripada pihak *GAM*...selain itu sebagai usaha keselamatan kepada pihak pemberi bantuan daripada bentuk ancaman luar yang sukar dijangka” (perbualan/K5/2015/25-05).

Perbualan dengan peserta K5, menjelaskan pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak Satlak PB di daerah Aceh Barat bermatlamat proses semasa fasa tindak balas kecemasan boleh berkesan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Pusat. Selain itu mempertimbangkan faktor keamanan yang belum stabil telah membuat Satlak PB di bawah perintah askar dari Tentara Nasional Indonesia (*TNI*) harus mengambil pelbagai proses pengagihan bantuan kepada mangsa bencana

yang terdapat di daerah Aceh Barat. Selain itu tindakan yang dilakukan supaya proses pengagihan bantuan boleh dilaksanakan secara adil kepada seluruh mangsa tsunami yang merebak di pelbagai tempat di daerah Aceh Barat dan juga di daerah Kepulauan Simeulue. Hal ini juga dijelaskan oleh peserta K6 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Kami meminta kepada pihak keseluruhan *NGO* untuk boleh bekerjasama dengan pihak Satlak PB dalam proses pengagihan bantuan kemanusiaan tindakan ini sebagai salah satu usaha mengelakkan daripada berlakunya pertindihan bantuan yang diagihkan kepada mangsa serta sebagai usaha bantuan juga boleh dirasakan kepada seluruh mangsa dan masyarakat yang tersebar di beberapa kawasan pedalaman” (perbualan/K6/2015/05-07).

Petikan perbualan dengan peserta K6, mendapati pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak Satlak PB semata-mata untuk memastikan keseluruhan bantuan boleh diagihkan secara saksama dan tepat pada sasaran serta bantuan juga boleh mencapai kepada kawasan yang sukar daripada ancaman pihak penceroboh *GAM*. Selain itu, usaha penyelarasan bantuan yang dibina oleh Satlak PB merupakan salah satu proses supaya pemberian pertolongan kepada mangsa tsunami boleh dilaksanakan dalam masa enam bulan sebagaimana surat keputusan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Pusat.

Keseluruhan perbualan dengan peserta seperti N1, N2, N3, N4 dan N5 mengesahkan bahawa pelbagai usaha penyelarasan bantuan yang dilaksanakan oleh Satlak PB telah menjadi salah satu punca penyebab banyaknya bekalan bantuan menjadi tertahan di pelbagai jeti dan lapangan terbang. Selain itu pelbagai peraturan yang ditetapkan oleh Satlak PB telah menjadikan proses mempercepatkan pertolongan menjadi lambat. Kesan lain yang tercetus adalah banyak bekalan bantuan seperti makanan

tidak boleh digunakan disebabkan oleh tamat tempohnya (*expired*). Namun demikian merujuk kepada perbualan dengan peserta K5 dan K6, tindakan penyelarasan bantuan perlu dilaksanakan dengan asas pertimbangan kompleksiti yang berlaku pada kawasan tsunami ditambah dengan faktor keamanan telah menyebabkan pihak Satlak PB harus melakukan pelbagai tindakan secara berhati-hati. Tindakan yang terkesan ketat disebabkan masih ada ancaman dan gangguan keamanan sehingga membuat kawasan tsunami tidak aman. Maka pihak Satlak PB perlu memberikan satu tindakan usaha perlindungan kepada pemberi bantuan. Berasaskan memo penyelidik, keadaan masa itu memang sangat pelik dan tidak memungkinkan pihak mana-mana dan *NGO* boleh melakukan secara bebas disebabkan masih terdapat pertembungan antara askar TNI dengan askar GAM di Aceh terutama di daerah Aceh Barat.

4.3.3 Subtema Fasa Pemulihan dan Pembinaan


Fasa pemulihan dan pembinaan merupakan salah satu subtema yang terdapat pada tema pengurusan bencana di Aceh. Fasa pemulihan dan pembinaan adalah satu fasa yang dilakukan untuk membina semula kehidupan mangsa dan masyarakat secara fizikal maupun bukan fizikal selepas kejadian bencana (Ishak, 2004). Menurut data menengah daripada World Bank (2007), tindakan semasa fasa pemulihan dan pembinaan yang dilakukan selepas kejadian bencana tsunami telah melebihi daripada 100 peratus atau melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Oleh hal yang demikian, tidak ada alasan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami tidak mendapatkan faedah bantuan terutama bantuan rumah yang diagihkan oleh *NGO* dan pihak kerajaan melalui BRR Aceh. Tetapi selepas tamat pengurusan bencana

tsunami masih terdapat mangsa dan masyarakat yang tidak memperolehi faedah bantuan rumah seperti kes yang berlaku di daerah Aceh Barat.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya meneroka kesan yang kerap dirasakan oleh para mangsa dan pihak kerajaan semasa fasa pemulihan dan pembinaan yang dilaksanakan di daerah Aceh Barat. Oleh itu penyelidikan ini telah mengumpulkan data menengah dan melakukan temubual dengan peserta yang ikut merasakan dan mendapatkan pelbagai bantuan terutama faedah daripada bantuan rumah semasa fasa pemulihan dan pembinaan di daerah Aceh Barat. Peserta yang dipilih adalah peserta yang mengetahui pelbagai usaha yang dilaksanakan dalam fasa pemulihan dan pembinaan terutama proses pengagihan bantuan rumah kepada mangsa tsunami.

Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan para peserta, sila rujuk

Rajah 4.7



Rajah 4.7


Coding Referensi Dalam Subtema Fasa Pemulihan Dan Pembinaan
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.7, *coding referensi* pada subtema fasa pemulihan dan pembinaan telah mendapati satu kategori iaitu kategori penerima manfaat. Kategori penerima manfaat merupakan hasil daripada proses temubual dengan peserta seperti M1, M2, M3, M4, dan K5. Keseluruhan peserta kerap mengemukakan isu penerima manfaat daripada faedah bantuan rumah yang diagihkan oleh pihak *NGO* asing dan pihak kerajaan semasa fasa pemulihan dan pembinaan di Aceh. Untuk maklumat yang lebih jelas terhadap isu penerima manfaat, sila rujuk penjelasan daripada kategori penerima manfaat yang terdapat dalam subtema fasa pemulihan dan pembinaan pada tema pengurusan bencana di Aceh, terutama yang berlaku pada persekitaran mangsa dan masyarakat di daerah Aceh Barat.

4.3.3.1 Penerima Manfaat

Penerima manfaat merupakan orang yang memperolehi bantuan mahupun faedah daripada orang lain atau kumpulan (Collins, 2003). Berasaskan pemerhatian, selepas pengurusan bencana tamat masih terdapat mangsa dan masyarakat yang sama sekali tidak mendapatkan faedah daripada bantuan rumah. Namun demikian, data menengah daripada pihak Bappenas (2010) mengesahkan bahawa pembangunan rumah untuk mangsa tsunami pada fasa pemulihan dan pembinaan telah mencecah 217,819 rumah di Aceh. Hal ini bermakna rumah yang dibina oleh pihak kerajaan dan pihak *NGO* telah melebihi daripada binaan rosak yang mencecah 142,371 rumah atau melebihi 153 %. Begitu juga pembangunan rumah untuk mangsa tsunami di daerah Aceh Barat mencecah 43,563 rumah daripada binaan yang rosak mencecah 37,187 rumah atau melebih 117 %. Tetapi, berasaskan temubual dengan peserta, mereka kerap mengemukakan isu penerima manfaat daripada bantuan rumah

semasa fasa pemulihan dan pembinaan. Untuk lebih jelas, sila rujuk pokok perkataan terhadap perkataan penerima manfaat daripada Rajah 4.8



Rajah 4.8

Pokok Perkataan Penerima Manfaat

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.8, pokok perkataan penerima manfaat menjelaskan bagaimana para peserta seperti K5, K6, M1, M2, M3 dan M4 kerap menyampaikan perkataan tentang penerima manfaat faedah bantuan rumah semasa fasa pemulihan dan pembinaan. Berasarkan daripada pemerhatian semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami, penerima manfaat bantuan rumah telah menjadi isu utama dalam persekitaran mangsa dan masyarakat disebabkan masih ramai mangsa dan masyarakat yang tidak sama sekali mendapatkan rumah. Namun demikian pihak kerajaan telah menjelaskan bahawa pembinaan yang dilakukan adalah sesuai dengan data terhadap rumah yang harus dibina kepada mangsa tsunami di Aceh. Sebagai contoh ulasan peserta K6 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Rumah yang dibina telah mencecah 217,819 rumah dengan butiran 118,861 untuk penerima manfaat bantuan rumah baharu dengan dibina pada tempat asal...selepas itu 98,958 untuk penerima manfaat bantuan rumah baharu yang dibina kepada kawasan-kawasan yang telah di tetapkan oleh pihak kerajaan” (perbualan K6//2015/05-07).

Perbualan dengan peserta K6 mendapati bahawa pembinaan rumah untuk mangsa tsunami telah melebihi daripada asas sebelum berlakunya bencana tsunami di Aceh. Jadi tidak ada alasan kepada mangsa dan masyarakat yang tidak mendapatkan faedah bantuan rumah. Namun begitu merujuk kepada memo penyelidik, masih terdapat laporan daripada mangsa dan masyarakat yang tidak sama sekali mendapatkan bantuan rumah. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M4 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Saya tidak faham mengapa selepas pengurusan bencana tamat tidak mendapatkan bantuan rumah...hal ini sudah ditanya kepada pihak kerajaan mengapa yang bukan mangsa boleh mendapatkan bantuan rumah...sedangkan saya sebagai mangsa tidak mendapatkan bantuan rumah...sampai setakat ini pihak kerajaan tidak ada memberikan satu kejelasan terhadap bantuan rumah untuk saya.”(perbualan//M4//2015/).

Perbualan dengan peserta M4 mengesahkan bahawa pihak kerajaan seperti menutup mata terhadap permasalahan bantuan rumah yang masih ramai mangsa dan masyarakat tidak mendapatkannya. Selari dengan perbualan peserta M4, peserta M1 dan M2 mengemukakan bahawa banyak bantuan rumah telah dikuasai oleh pihak yang tidak bertanggung jawab atau mengambil keuntungan daripada bantuan rumah. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M1 yang bertindakbalas, seperti berikut :

“ Banyak didapat pihak yang menguasai bantuan rumah lebih dari dua dan mereka juga mengedarkan kepada kerabat dan keluarganya...kita telah tunjuk perasaan kepada pihak kerajaan terhadap tindakan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itu” (perbualan//M1//2015/11-01).

Perbualan dengan peserta M1 menjelaskan bahawa bantuan rumah telah ramai dikuasai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga selepas fasa pemulihan dan pembinaan yang dilakukan telah mencetuskan kepada ramai mangsa dan

masyarakat yang tidak memiliki rumah. Berasaskan pemerhatian memang kerap didapati bantuan rumah dikuasai oleh orang yang bukan mangsa tsunami. Permasalahan ini membuat penyelidik menanyakan kepada pihak pihak kerajaan. Sebagai contoh perbualan dengan peserta K5 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kita sedari masih ada mangsa tsunami yang sama sekali tidak mendapatkan rumah...ini sebenarnya tidak berlaku jikalau pihak jawatankuasa pembinaan yang ditubuhkan oleh kerajaan bersama *NGO* melaksanakan secara ketelusan sehingga tidak ada permainan dari pihak-pihak yang mencari keuntungan dalam keadaan bencana yang berlaku.” (perbualan//K5/2015/05-05).

Perbualan dengan peserta K5, bahawa pihak kerajaan memperakui bahawa terdapat ramainya mangsa tsunami yang tidak mendapatkan bantuan rumah. Selain itu pihak kerajaan juga menyedari bahawa ada permainan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab semasa pembangunan rumah untuk mangsa tsunami. Tindakan yang dilakukan telah mencetuskan kesan seperti mangsa yang seharusnya sebagai penerima manfaat tidak sama sekali mendapatkannya. Tetapi pihak kerajaan juga telah menyampaikan bahawa ada satu bentuk keanehan yang berlaku disebabkan data rumah yang rosak telah melebihi daripada asas sebenarnya. Sebagai contoh perbualan dengan peserta K5 yang bertindakbalas, seperti berikut :

“ Bukan kita kurang tanggap terhadap tuntutan mangsa tsunami yang tidak mendapatkan bantuan rumah...permasalahannya adalah kita harus mendapatkan maklumat dan data yang sahih untuk boleh mengambil kembali rumah yang dikuasai pihak yang tidak bertanggungjawab...perlu juga saudara tahu banyak masyarakat mengakui sebagai mangsa tetapi sebenarnya mereka bukanlah mangsa sehingga menjadikan permasalahan kepada kami.” (perbualan K6//2015/05-07)

Perbualan dengan peserta K5 mengesahkan pihak kerajaan mengalami kesulitan terhadap banyaknya bantuan rumah yang belum diterima oleh mangsa tsunami

sebagai penerima manfaat. Namun demikian pihak kerajaan terus berusaha untuk melakukan penilaian terhadap bantuan rumah dan menarik kembali bantuan rumah yang dikuasai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab serta akan diedarkan kembali kepada mangsa sebagai penerima manfaat sebenarnya. Berasaskan maklumat daripada bekas pekerja *NGO* bahawa pihak *NGO* hanya membina rumah mengikut data yang diberikan oleh Jawatankuasa Pembangunan. Hal ini sesuai dengan perbualan dengan peserta seperti M1, M2, M3 dan M4 bahawa pengagihan bantuan rumah berasaskan data yang telah disemak oleh Jawatankuasa Pembangunan. Hal ini diungkapkan oleh peserta M3 yang bertindakbalas, seperti berikut:

“ Pihak *NGO* asing hanya membina bantuan rumah tsunami dan terhadap sistem pengagihan telah diserahkan kepada pihak yang telah ditubuhkan oleh pihak penghulu bersama kerajaan...oleh itu sebelum pembinaan dilakukan usaha mengesahkan data berapa rumah yang harus dibina...jadi *NGO* tidak berhadapan dengan para mangsa dan masyarakat sebagai penerima manfaat daripada bantuan rumah ”(perbualan//M3/2015/22-02).

Perbualan dengan peserta M3 mengesahkan bahawa semua pihak *NGO* semasa pembinaan rumah tidak sama sekali berhadapan dengan para mangsa atau penerima manfaat dari bantuan rumah. Hal ini disebabkan proses pendataan pembangunan rumah telah diserahkan sepenuhnya kepada pihak Jawatankuasa Pembangunan yang dibantu oleh penghulu kampung. Oleh itu pihak *NGO* sebagai penyedia dan penyokong dalam pembangunan seperti memberikan dana dan tenaga untuk mempercepatkan proses pembinaan rumah kepada mangsa tsunami.

Perbualan dengan peserta M1, M3 dan M4 mengesahkan bahawa pengagihan bantuan rumah yang dilakukan tidak sesuai dengan data yang diterima. Pihak *NGO* hanya sebagai penyokong dana dan tenaga untuk proses pembinaan rumah kepada

mangsa tsunami. Tetapi pihak *NGO* tidak bertanggungjawab terhadap mangsa yang belum mendapatkan bantuan rumah, semuanya merupakan urusan pihak kerajaan. Namun demikian, perbualan dengan peserta K5 dan K6 memaklumkan bahawa pembangunan untuk bantuan rumah telah melebihi asas yang telah dibina dan sesuai dengan data yang diterima daripada jawatankuasa pembangunan.


Namun demikian masih ramai mangsa yang tidak mendapatkan bantuan rumah sehingga setakat ini. Fenomena ini diperakui oleh pihak kerajaan dan juga mengemukakan terdapat perilaku masyarakat yang teringin untuk mendapatkan rumah dengan cara percuma yang kemudian dijual kembali kepada pihak lain. Berasaskan pemerhatian, punca permasalahan ramai mangsa yang tidak mendapat faedah bantuan rumah adalah disebabkan oleh proses mula pendataan yang dilakukan pihak Jawatan Pembangunan yang tidak sahih. Selain itu pihak kerajaan tidak melakukan usaha semakan dan menyerahkan sepenuhnya kepada Jawatankuasa Pembangunan yang di dalamnya adalah kumpulan orang yang tidak memiliki kredibiliti.

4.4 Tema Kedua : Penyertaan Komuniti

Berasaskan kepada soalan kedua, maka objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tindakan penyertaan komuniti seperti *NGO* dan Ulama semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh. Penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana merupakan satu penglibatan orang mahupun kumpulan terhadap pelbagai usaha perkhidmatan kemanusiaan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas musibah atau bencana. Penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana tsunami tidak sahaja memberikan

tenaga dalam memberikan bantuan kemanusiaan tetapi juga turut melibatkan diri daripada usaha mengurangkan risiko bahaya yang boleh dihadapi oleh mangsa dan masyarakat. Menurut pemerhatian penyelidik, penyertaan komuniti merupakan salah satu pelakon yang sangat penting dalam usaha pengurusan bencana tsunami terutama yang pernah berlaku di Aceh terutama di daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue. Oleh itu, kehadiaran pelbagai penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana tsunami telah membantu usaha mengembalikan asas kehidupan mangsa yang terjejas bencana.

Namun demikian, penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana tsunami juga boleh mencetuskan pelbagai isu yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh terutama di daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeuelu. Untuk mengetahui isu-isu yang berlaku semasa pengurusan bencana terhadap penyertaan komuniti, perlu dilakukan penyelidikan terutama penyertaan komuniti yang langsung pernah terlibat di persekitaran mangsa dan masyarakat dalam kawasan yang terjejas bencana tsunami. Berasaskan daripada analisis perisian NVivo 11 bahawa tema penyertaan komuniti mendapatkan dua sub-tema dan dua kategori. Selain itu dapatan kajian juga mendapatkan pelbagai sentimen positif dan negatif terhadap penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana tsunami yang dilakukan di Aceh terutama di Aceh Barat dan Kepulauan Simeulue. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap dapatan kajian dalam tema penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana tsunami, sila rujuk Rajah 4.9.



Rajah 4.9
Tema Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Bencana Tsunami
 Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.9, tema penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana tsunami mendapati dua subtema dan dua kategori. Supaya memudahkan menjelaskan analisis daripada dapatan kajian, maka diagihkan kepada dua bahagian iaitu : 1) Analisis terhadap subtema penyertaan *NGO* dalam satu kategori; 2) Analisis terhadap subtema penyertaan Ulama dalam satu kategori. Untuk maklumat lebih jelas terhadap dapatan kajian dalam tema penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana tsunami di Aceh, sila rujuk Jadual 4.2


Jadual 4.2

Matrik Coding pada Tema Penyertaan Komuniti

Bil	Subtema	Kategori	Rujukan	Sumber
1.	Penyertaan <i>NGO</i>	a. Pemeriksaan Masyarakat	27	23
2.	Penyertaan Ulama	b. Kearifan Tempatan	25	
Jumlah			52	23

Sumber : Analisis Penyelidik

Jadual 4.2, matrik *coding* pada tema penyertaan komuniti mengesahkan bahawa kedua subtema seperti subtema penyertaan *NGO* dalam kategorinya mendapati 27 rujukan daripada 23 sumber data yang telah diselidiki. Manakala subtema penyertaan Ulama dalam kategorinya mendapati 25 rujukan daripada 23 sumber data yang telah diselidiki. Keseluruhan 52 rujukan yang didapati dalam tema penyertaan komuniti merupakan hasil temu bual, memo penyelidikan dan photo seperti yang didapati daripada Rajah 4.9. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap data pengedaran perbualan para peserta yang telah di temu bual dalam penyelidikan ini, sila dilihat daripada Rajah 4.10



Rajah 4.10

Coding Referensi pada Tema Penyertaan Komuniti


Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.10, *coding referensi* pada tema penyertaan komuniti mengesahkan bahawa kedua-dua subtema seperti subtema penyertaan *NGO* dan subtema penyertaan Ulama telah terbahagi kepada dua kategori. Kedua-dua kategori ini merupakan hasil daripada temubual dengan peserta seperti K2, K4, K5, K6, N1, N2, N3, N4, N5, M1, M2, M3, M4, M5, M6, M7, U3, U4 dan U5. Keseluruhan peserta yang telah dilakukan proses temubual semasa penyelidikan kerap mengemukakan isu-isu seperti usaha pemerkaasan masyarakat yang kerap dilakukan oleh pihak *NGO* terutama *NGO* asing di daerah Aceh Barat dan juga kearifan tempatan dalam pengurangan risiko bencana yang salah satunya dibina oleh para Ulama dalam persekitaran masyarakat di daerah Kepulauan Simeulue. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu yang terdapat dalam kedua-dua subtema, sila lihat penjelasan yang telah diuraikan mengikut proses analisis sesuai dengan dapatan dalam perisian NVivo 11.

4.4.1 Subtema Penyertaan *NGO*

Penyertaan *NGO* merupakan salah satu subtema yang terdapat pada tema penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana di Aceh. *NGO* adalah satu organisasi bukan kerajaan yang tidak mencari keuntungan materi atau mencari kepentingan kumpulan. Usaha yang kerap dilakukan *NGO* adalah dengan melakukan pelbagai perkhidmatan kepada masyarakat sebagai bentuk rasa kemanusiaan. Kumpulan *NGO* ditubuhkan secara sukarela oleh pelbagai masyarakat baik secara tempatan maupun antarabangsa dengan matlamat utama iaitu untuk mengangkat kebajikan masyarakat (Roka, 2012). Menurut Bappenas (2006), penyertaan *NGO* semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh berasal daripada penyertaan *NGO* tempatan dan *NGO* asing. Kehadiran *NGO* asing ke Aceh merupakan satu bentuk rasa kemanusiaan dalam menyediakan pertolongan dan mengagihkan sebarang bantuan serta turut membantu proses pemulihan kepada mangsa tsunami.

Dalam kajian ini, penyelidikan ini hanya meneroka kesan yang kerap dirasakan oleh mangsa dan bekas pekerja *NGO* asing semasa pengurusan bencana di daerah Aceh Barat. Oleh itu penyelidikan ini telah mengumpulkan data menengah dan melakukan temubual dengan para peserta yang terdapat dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana serta pelaku daripada bekas pekerja *NGO* asing di daerah Aceh Barat. Peserta yang dipilih merupakan peserta yang pernah merasakan dan terlibat semasa proses aktiviti kemanusiaan terutama yang dilakukan pada kawasan yang terjejas bencana tsunami seperti di daerah Aceh Barat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan para peserta pada subtema penyertaan *NGO*, sila rujuk Rajah 4.11.



Rajah 4.11


Coding Referensi dalam Subtema Penyertaan NGO

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.11, *coding referensi* pada subtema penyertaan *NGO* mendapati satu kategori iaitu kategori pemerkaasan masyarakat. Kategori pemerkaasan masyarakat yang didapati merupakan salah satu sumber daripada proses temubual dengan para peserta, seperti M1, M2, M3, M4, N1, N2, N3, N4 dan N5. Keseluruhan peserta kerap mengemukakan usaha pemerkaasan masyarakat yang kerap dilaksanakan oleh pihak *NGO* dalam persekitaran mangsa dan masyarakat semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh. Untuk maklumat lebih jelas terhadap usaha pemerkaasan masyarakat yang dilaksanakan oleh pihak *NGO* terutama *NGO* Asing, sila lihat penjelasan daripada kategori pemerkaasan masyarakat yang terdapat dalam subtema penyertaan *NGO* pada tema penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana di Aceh, khususnya yang dilaksanakan pada persekitaran mangsa dan masyarakat di daerah Aceh Barat.

4.4.1.1 Pemerksaan Masyarakat

Pemerksaan masyarakat adalah usaha dalam menyediakan dan menyebarkan kekuatan kepada masyarakat supaya boleh berdikari serta bangkit dalam mengatasi pelbagai kekurangan mahupun kelemahan yang didapat daripada individu mahupun kumpulan (Hidayat, 2010). Pemerksaan masyarakat kerap dilakukan oleh pihak *NGO* terutamanya *NGO* asing semasa usaha memulihkan kehidupan para mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami di Aceh Barat. Matlamat utama daripada pemerksaan masyarakat adalah sebagai percubaan supaya masyarakat boleh turut terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh pihak *NGO* dan sebagai usaha membolehkan para mangsa kembali hidup seperti sediakala. Berasaskan dapatan kajian, pihak *NGO* terutama *NGO* asing semasa pengurusan bencana kerap melaksanakan aktiviti seperti membantu, menolong dan melatih kemahiran para mangsa. Untuk lebih jelasnya sila lihat pokok perkataan pemerksaan masyarakat seperti Rajah 4.12.



Rajah 4.12
Pokok Perkataan Pemerksaan Masyarakat
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.12, pokok perkataan pemerkasaan masyarakat menjelaskan bagaimana para peserta seperti M1, M2, M3, M4, N1, N2, N3, N4 dan N5 kerap mengemukakan perkataan pemerkasaan masyarakat yang dibina oleh *NGO*. Sebelum menjelaskan isu pemerkasaan masyarakat telebih dahulu perlu menjelaskan permulaan penyertaan *NGO* terutama *NGO* asing dalam pengurusan bencana tsunami di Aceh. Berasaskan data menengah, *NGO* asing yang menginjak kaki di kawasan bencana tsunami di Aceh terutama daerah Aceh Barat adalah *NGO Caritas Germany, CRS, IOM* dan *Oxfam*. Tindakan permulaan yang kerap dilakukan oleh pihak *NGO* tersebut ialah mengumpulkan pelbagai data daripada para mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Hal ini diungkapkan oleh peserta M2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Saya kerap melihat ramai orang asing yang datang ke tempat kami untuk menanyakan pelbagai pekara seperti apa-apa sahaja yang diperlukan oleh mangsa dan menanyakan apa-apa keinginan para mangsa yang paling utama selain daripada pelbagai bantuan makanan, pakaian dan tempat perlindungan ” (perbualan M2//2015/11-01)

Perbualan dengan M2, memaklumkan bahawa kehadiran pihak *NGO* terutama *NGO* asing bermula dengan kedatangan secara langsung kepada para mangsa untuk pengumpulan data terhadap keperluan yang diinginkan oleh para mangsa bencana tsunami. Pengumpulan data yang dilakukan oleh pihak *NGO* merupakan salah satu usaha untuk memudahkan dalam mendapatkan pelbagai maklumbalas sesuai dengan keadaan yang sedang dihadap oleh mangsa dan masyarakat. Selain itu tindakan yang dilakukan adalah memastikan bentuk bantuan kepada mangsa sehingga bantuan yang akan diagihkan boleh meringankan penderitaan mangsa. Seterusnya, pihak *NGO* juga bertindak untuk mengetahui pelbagai bentuk permasalahan yang sedang dihadap oleh mangsa dan masyarakat semasa di tempat penampungan sementara yang diberikan

oleh pihak kerajaan. Hal ini dikemukakan oleh peserta N1 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kebiasaan yang kerap kami lakukan bersama rakan-rakan daripada pihak *NGO* adalah bermula melakukan pelbagai usaha pengumpulan data terhadap permasalahan dan bentuk bantuan yang boleh kami agihkan kepada mangsa bencana tindakan ini merupakan salah satu standar yang kerap dilakukan oleh mana-mana kumpulan dan tidak sahaja kepada kumpulan kami...sehingga sasaran yang di matlamatkan boleh tepat serta bantuan-bantuan yang diagihkan boleh berkesan kepada kehidupan semula daripada mangsa bencana (perbualan N1//2015/19-2).

Perbualan dengan N1 mengesahkan bahawa pihak *NGO* terutama *NGO* asing dalam melaksanakan pelbagai aktiviti terlebih dahulu melakukan usaha pengumpulan pelbagai data daripada kawasan yang akan dibantu. Tindakan ini merupakan salah satu piawai yang dimiliki oleh beberapa pihak *NGO* terutama *NGO* asing sehingga usaha pengagihan bantuan kepada mangsa boleh sesuai dengan keinginan mangsa bencana. Perbualan dengan peserta M2 dan N1 mengesahkan bahawa tindakan permulaan yang kerap dilakukan oleh pihak *NGO* merupakan salah satu usaha untuk mendapatkan maklumat terhadap pelbagai permasalahan yang dihadap oleh mangsa dan masyarakat, sehingga tindakan yang boleh diambil tidak menyimpang serta boleh pantas. Memasuki alur pokok perkataan yang didapati pada rajah 4.17, bahawa para peserta kerap mengemukakan usaha pemerkasaan masyarakat yang dibina *NGO* dalam persekitaran mangsa. Penglibatan *NGO* juga kerap menyediakan perkhidmatan dan sokongan supaya mangsa boleh bangkit daripada kesengsaraan. Sebagai contoh perbualan dengan N3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Mangsa pada masa itu dalam kondisi powerless (*lemah*), mereka kehilangan keluarga dan harta bendanya yang disebabkan oleh bencana...oleh itu kami kerap melibatkan mereka sebagai usaha pemerkasaan masyarakat dalam membantu mereka boleh bertahan hidup dan juga menata kembali kehidupannya (perbualan N3//2015/21-02). ”

Perbualan dengan N3 mengesahkan bahawa selain menyediakan bantuan seperti makanan, pakaian, ubat-ubatan dan tempat penampungan sementara, pihak *NGO* kerap juga memberikan perkidmatan dan sokongan kepada mangsa untuk boleh membangkitkan rasa percaya diri selepas kejadian bencana tsunami. Adapun usaha pemerkasaan yang dilakukan oleh *NGO* iaitu membantu dalam meringankan penderitaan yang sedang dihadapi mangsa dan masyarakat seperti membina kehidupan ekonomi. Sebagaimana perbualan dengan N2 yang bertindakbalas seperti berikut:

“ Kami kerapnya melibatkan para mangsa dan masyarakat tempatan terhadap usaha kepada pemulihan ekonomi dengan tindakan mula melakukan musyawarat supaya mendapatkan satu keputusan...tindakan ini salah satu menampung pelbagai maklumat dan mencari suara terbanyak daripada kumpulan masyarakat sehingga proses pemulihan kehidupan ekonomi dalam kawasan yang terjejas bencana boleh dilaksanakan dengan baik” (perbualan//N2/2015/20-02).

Perbualan dengan N2 mengesahkan bahawa usaha pihak *NGO* sebelum melakukan pelbagai tindakan kerap melibatkan masyarakat sebagai usaha mendapatkan satu gambaran terhadap proses pemulihan ekonomi dalam kehidupan persekitaran mangsa dan masyarakat. Pihak *NGO* tidak sahaja melakukan pembinaan prasarana seperti rumah, pasar dan kedai tetapi turut bersama dalam usaha untuk membantu dalam peningkatan produksi masyarakat seperti menyediakan bantuan hibah peralatan pertanian dan perikanan dalam meningkatkan produksinya. Pemberian bantuan hibah seperti peralatan pertanian seperti traktor dan pelbagai mesin penunjang produksi merupakan salah satu usaha pemulihan kehidupan ekonomi masyarakat. Selain pemberian bantuan hibah, pihak *NGO* asing juga menyediakan bantuan modal usaha kepada persendirian. Sebagai contoh perbualan dengan N4 yang memberikan jawapan seperti berikut :

“ Pihak *NGO* juga menyediakan bantuan modal usaha kepada masyarakat dengan jumlah RM 700 /orang...bantuan modal usaha ini digunakan kepada masyarakat dalam memajukan tempat usaha yang dimiliki secara persendirian sehingga boleh lebih berkembang dan sebagai usaha pemulihan kehidupan ekonomi.” (perbualan N4//2015/).

Perbualan dengan N4 mengesahkan bahawa selain menyediakan bantuan hibah pihak *NGO* kerap memberikan bantuan modal usaha kepada para mangsa dan masyarakat secara persendirian. Keseluruhan tindakan adalah sebagai usaha pemulihan kehidupan ekonomi masyarakat dengan nominal bantuan modal usaha telah ditentukan besarnya oleh pihak *NGO*. Matlamat memberikan bantuan hibah dan bantuan modal usaha adalah untuk memperbaiki keadaan ekonomi dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Untuk mempermudahkan tindakan yang dilakukan oleh pihak *NGO* semasa memberikan bantuan hibah dan modal usaha, ia dilaksanakan dengan kaedah berbasis masyarakat (*community based approach*). Hal ini sebagai salah satu usaha untuk mendapatkan maklumat terhadap masyarakat yang sebelumnya pernah memiliki tempat usaha. Tindakan ini dilakukan untuk membantu perbaikan pendapatan dan ekonomi kepada masyarakat yang sempat punah disebabkan oleh bencana. Sebagai contoh ulasan peserta N1 yang yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Saya bersama rekan-rekan *NGO* kerap melakukan pemberian bantuan hibah secara langsung kepada masyarakat...matlamatnya adalah supaya bantuan hibah dan modal diterima boleh dikembangkan dan sebagai usaha meningkatkan pendapatan masyarakat...adapun besaran modal yang kita berikan kepada masyarakat antara IDR. 2,000 sehingga IDR.5,000/kumpulan” (perbualan N1//2015/19-2).

Perbualan dengan peserta N1 mengesahkan bahawa bantuan hibah yang disediakan oleh pihak *NGO* asing merupakan salah satu usaha untuk menghidupkan kembali sendi-sendi ekonomi dalam masyarakat. Mekanisma penyediaan bantuan hibah dan

modal usaha hanya diberi kepada kumpulan masyarakat yang beranggotakan daripada empat sehingga enam orang dan keseluruhan masyarakat yang pernah memiliki tempat usaha atau tempat sarana produksi. Pada asasnya kepemilikan sarana produksi boleh merupakan milik persendirian. Namun demikian sebagai permulaan dalam menggerakkan usaha maka pembekalan barang sebagai sarana produksi diberi kepemilikan atau kegunaan secara bersama di antara para ahli kumpulan (*common facilities*). Bantuan boleh digunakan sebagai dana hibah padanan (*matching grant fund*) bila kumpulan memerlukan sarana produksi yang bernilai lebih besar maka akan diagihkan sebesar RM. 4,500/kumpulan sebagai usaha pengembangan usaha. Selain bantuan hibah yang diberikan secara kumpulan, pihak *NGO* asing juga menyediakan pelbagai kemudahan dalam pemberian pinjaman bank kepada masyarakat sebagai peniaga kecil, menengah dan besar. Kemudahan yang disediakan adalah dalam bentuk persyaratan pinjaman kepada pihak bank tanpa diberikan subsidi bunga kepada masyarakat yang dicadangkan oleh pihak *NGO*. Sebagai contoh perbualan dengan peserta N2 yang bertindakbalas, seperti berikut :

“ Pihak kami juga telah memberikan kemudahan kepada masyarakat yang terdapat dalam kumpulan untuk boleh mendapatkan pinjaman dana daripada pihak Bank dengan surat sokongan yang kami berikan kepada mereka dan kemudahaannya dana yang diberikan tanpa bunga pinjaman (perbualan//N2/2015/20-02)

Perbualan dengan peserta N2 mengesahkan bahawa pihak *NGO* asing juga menyediakan perkhimatan kepada masyarakat untuk mendapatkan kemudahan dalam pinjaman dana kepada pihak Bank. usaha ini kerap dilakukan untuk membantu masyarakat yang memiliki usaha baik secara skala kecil dan menengah dalam mengembangkan usahanya sehingga membantu dalam pemulihan ekonomi selepas kejadian bencana. Berasaskan pemerhatian, usaha pemerkasaan masyarakat dalam

usaha pemulihan kehidupan ekonomi oleh pihak *NGO* asing meminta kepada masyarakat supaya membentuk satu forum seperti Badan Keswadayaan Masyarakat (*BKM*). Forum yang dibentuk adalah berfungsi sebagai tempat penampung keinginan masyarakat sehingga pihak *NGO* asing boleh merancang kepada pembiayaan dan kawalan terhadap pengelolaan bantuan kepada masyarakat yang dibantu. Sebagai contoh ulasan daripada peserta N5 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kita masa itu mengharapkan semua masyarakat yang dibantu harus melalui satu forum...hal ini bermatlamatkan untuk memudahkan kita boleh mengidentifikasi dan mengetahui mangsa dan masyarakat yang sebelumnya pernah memiliki tempat usaha yang berasaskan daripada tempat tinggal...selain itu kita juga akan mudah menentukan usaha yang boleh dibina dalam masyarakat.” (perbualan N5//2015/)

Perbualan dengan peserta N5 mengesahkan bahawa dengan adanya forum yang dibentuk boleh memudahkan pihak *NGO* mengenalpasti pelbagai keperluan dan bantuan yang boleh diagihkan kepada penerima faedah. Oleh itu, bantuan yang diagihkan oleh pihak *NGO* dibentuk dalam tiga kumpulan seperti bantuan dalam aktiviti ekonomi, pelaburan prasarana dan sosial. Namun demikian, pelbagai usaha pemerkasaan masyarakat salah satunya dalam bentuk pemulihan ekonomi telah mencetuskan permasalahan kepada kemandirian masyarakat. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Saya melihat dana-dana bantuan yang mengalir masuk ke Aceh dalam usaha pemulihan kehidupan ekonomi kepada masyarakat begitu banyak...bantuan-bantuan itu memang sangat membantu tetapi kesan yang berlaku adalah masyarakat semakin malas dan hanya mengharapkan adanya bantuan sahaja...coba saudara fikir selepas bantuan itu tidak lagi diberikan oleh *NGO* maka ini boleh mempengaruhi daripada mental masyarakat itu sendiri.”(perbualan/M2/2015/11-01/)

Perbualan dengan peserta M2 mengesahkan bahawa banyak bantuan yang disalurkan kepada masyarakat secara langsung ada pengaruhnya terhadap perubahan ekonomi masyarakat. Tetapi kesan yang terjadi adalah membuatkan masyarakat semakin malas dan hanya mengharapkan kepada bantuan *NGO* sahaja. Pada asasnya bantuan hibah dan modal yang diagihkan oleh *NGO* sebagai usaha memulihkan semangat mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami untuk boleh bangkit daripada kesukaran. Namun demikian, ramai masyarakat yang menjadikan bantuan bukan untuk menyokong dalam membina usaha tetapi sudah membuat sebagai usaha mencari keuntungan secara peribadi. Hal ini disebabkan bantuan yang begitu banyak telah membuat masyarakat tidak perlu melakukan usaha dan kerja. Kesan yang berlaku sudah di luar harapan pihak *NGO*. Hal ini terbukti bahawa keseluruhan binaan tempat usaha ataupun bantuan modal usaha yang sudah diagihkan oleh pihak *NGO* kesemuanya tidak berjalan lagi atau ditutup.

Namun demikian, usaha yang dilakukan oleh pihak *NGO* asing adalah satu tindakan dalam membantu mangsa dan masyarakat untuk boleh kembali hidup secara normal. Tetapi kesan yang tercetus daripada usaha pemerkasaan masyarakat dalam usaha pemulihan kehidupan ekonomi seperti bantuan hibah dan modal usaha telah menyebabkan ramai mangsa dan masyarakat malas dan terlena dengan bantuan dan kemudahan yang diterima. Hal ini menyediakan satu gambaran bahawa usaha pemerkasaan masyarakat sudah seharusnya tidak dengan cara mengagihkan bantuan modal tetapi dengan cara memberikan kemahiran dan memotivasi mangsa dan masyarakat untuk lebih kuat dalam memajukan usaha. Maka tidak hairan jikalau dilihat dalam kawasan yang terjejas bencana, kerap didapati orang-orang yang hanya mengharapkan bantuan tanpa muhuk bekerja.


Perbualan dengan peserta M2, M3, N1, N2, N3 dan N4 mengesahkan bahawa usaha pemerkasaan masyarakat yang dilakukan oleh pihak *NGO* terutama *NGO* asing kerap dilakukan dengan bermula musyawarat supaya mendapatkan maklumat yang diinginkan *NGO* daripada masyarakat. Proses tersebut telah memberikan kesempatan penuh kepada masyarakat untuk boleh menentukan usaha yang dilakukan sebagai pemulihan ekonomi melalui bantuan hibah dan modal usaha. Pemerkasaan yang dibina oleh *NGO* telah memberi faedah kepada mangsa dan masyarakat dalam kelangsungan hidup di masa hadapan. Namun demikian kesan yang tercetus adalah pelbagai usaha pemerkasaan masyarakat telah mencetuskan permasalahan baharu dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Permasalahan utama yang berlaku ialah wujudnya masyarakat yang semakin malas dan kerap hanya mengharapkan daripada bantuan tanpa perlu melakukan usaha.

Selain itu, berasaskan pemerhatian penyelidik di lapangan, usaha pemerkasaan masyarakat yang kerap dilaksanakan pihak *NGO* dengan usaha pemulihan kehidupan ekonomi melalui bantuan hibah dan modal usaha pada asasnya sangat baik. Tetapi bantuan hibah dan modal usaha dalam proses pemulihan kehidupan ekonomi di kawasan yang terjejas bencana telah mencetuskan kepada lunturnya kemandirian dalam kehidupan masyarakat. Selain itu, kemudahan dan sokongan yang diberikan pihak *NGO* semasa fasa pemerkasaan masyarakat telah menyebabkan pelbagai konflik sesama masyarakat, disebabkan tercetus kecemburuan antara masyarakat yang mendapatkan bantuan dengan masyarakat yang tidak mendapatkan bantuan.

4.4.2 Subtema Penyertaan Ulama

Penyertaan Ulama merupakan salah satu subtema yang terdapat pada tema penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana di Aceh. Ulama adalah orang yang memiliki pengetahuan agama Islam dan peranannya kerap membina kehidupan masyarakat yang seimbang, harmonis dan sepadu serta mengesyorkan masyarakat untuk boleh mengelakkan daripada perkara-pekerja yang tidak baik. Tindakan para Ulama juga kerap memperkuatkan persatuan umat Islam supaya umat Islam boleh mengekalkan diri daripada pelbagai bahaya yang ingin merosakkan akidah Islam dan membawa bencana kepada kehidupan masyarakat (Taher, 2000). Menurut laporan BPS Aceh, (2010), Aceh merupakan satu kawasan yang memiliki ramai Ulama dengan jumlah mencapai 14,806 Ulama (*Tengku*) dan tersebar kepada 23 daerah. Penglibatan Ulama dalam masyarakat sejak tempoh dahulu telah mampu membawa perubahan dalam sosiobudaya yang lebih Islamik di Aceh.

Dalam kajian ini, penyelidki hanya meneroka kesan yang kerap dirasakan oleh masyarakat dan para Ulama semasa kejadian bencana gelombang tsunami di Kepulauan Simeulue. Pemilihan Kepulauan Simeulue sebagai salah satu kawasan yang disiasat disebabkan kawasan Kepulauan Simeulue paling sedikit mencetuskan mangsa mati berbanding dengan lima kawasan yang terjejas oleh kejadian bencana gelombang tsunami. Oleh itu penyelidikan ini telah mengumpulkan pelbagai data menengah dan temubual dengan para peserta yang terdapat di Kepulauan Simeulue. Peserta dipilih merupakan peserta yang ikut melihat dan merasakan kejadian bencana tsunami. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap perbualan dengan peserta pada subtema penyertaan Ulama, sila rujuk Rajah 4.13.



Rajah 4.13

Coding Referensi dalam Subtema Penyertaan Ulama

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.13 *coding referensi* menunjukkan bahawa subtema penyertaan Ulama terdapat satu kategori iaitu kategori kearifan tempatan. Kategori kearifan tempatan merupakan hasil daripada proses temubual dengan peserta seperti K2, K6, M5, M6, M7, U3, U4, dan U5. Keseluruhan peserta yang disiasat kerap mengemukakan isu kearifan tempatan yang telah membantu masyarakat untuk mengelak daripada bahaya bencana gelombang tsunami di penghujung tahun 2004. Kearifan tempatan yang tumbuh dalam persekitaran masyarakat merupakan satu tradisi yang dimiliki oleh masyarakat di Kepulauan Simeulue dalam usaha pencegahan daripada bahaya gelombang tsunami. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu kearifan tempatan yang terbina dalam kehidupan masyarakat di Kepulauan Simeulue, sila rujuk penjelasan penyelidik terhadap kategori kearifan tempatan dalam subtema penyertaan Ulama pada tema penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh.

4.4.2.1 Kearifan Tempatan

Kearifan tempatan adalah satu bentuk budaya yang terdapat dalam persekitaran masyarakat secara turun menurun dan telah menjadi satu tradisi dalam kehidupan orang-orang pada satu kawasan yang berinteraksi dengan persekitaran di mana mereka tinggal (Wangkaewhiran, 2012). Kearifan tempatan yang berlaku dalam masyarakat di Kepulauan Simeulue adalah satu kebiasaan dalam usaha pengurangan risiko bahaya bencana seperti gelombang tsunami. Tradisi yang terdapat dalam persekitaran masyarakat telah membuat orang ramai selamat dari kejadian bencana di penghujung tahun 2004. Oleh itu penyelidikan ini cuba untuk meneroka bentuk kearifan tempatan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat di Kepulauan Simeulue. Berasaskan dapatan kajian, kerap peserta mengemukakan kearifan tempatan yang terbina di Kepulauan Simeulue telah membawa keselamatan kepada orang ramai daripada bahaya gelombang tsunami pada penghujung tahun 2004. Untuk maklumat lebih jelas, sila rujuk pokok perkataan terhadap perkataan kearifan tempatan daripada Rajah 4. 14.



Rajah 4.14
Pokok Perkataan Kearifan Tempatan
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.14, pokok perkataan kearifan tempatan menjelaskan bagaimana para peserta seperti K6, M5, M6, M7, U3, U4 dan U5 kerap mengemukakan perkataan kearifan tempatan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Berasaskan pemerhatian bahawa kearifan tempatan yang terbina disebut oleh masyarakat di Kepuluan Simeulue sebagai tradisi smong. Tradisi smong merupakan satu tradisi dalam usaha pengurangan risiko bencana yang tumbuh berasaskan dari pengalaman orang tempoh dahulu secara turun menurun sehingga setakat ini. Tradisi Smong boleh kekal dalam kehidupan masyarakat Simeulue salah satunya disebabkan oleh ada pelaku dan media untuk menyebarkan kepada keseluruhan masyarakat seperti contoh melalui cerita rakyat yang berupa nasihat dan amaran. Hal ini disampaikan oleh peserta M5 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Saya sangatlah bersyukur kepada cerita-cerita terhadap smong yang saya dengar dari kedua orang tua saya dan juga para ulama yang kerap disampaikan melalui mimbar agama serta majelis keagamaan yang dilaksanakan di tempat tinggal saya sehingga cerita dan nasihat tersebut telah membuat saya kerap teringat terhadap bahaya seperti gelombang tsunami jikalau selepas gempa bumi ” (perbualan//M5/2015/02-07).

Perbualan dengan M5 mengesahkan bahawa pelaku dan media yang dibina telah membuat tradisi smong telah melekat dalam kehidupan masyarakat, sehingga masyarakat lebih faham terhadap bahaya gelombang tsunami. Dalam kaitan yang sama dengan petikan perbualan dengan peserta M5, peserta M6 juga memberikan jawapan seperti berikut :

“ Memang masa itu kalau tidak faham terhadap smong boleh jadi saya sebagai salah satu mangsa....ini tidak lain disebabkan ada peranan daripada pengetua masyarakat dan Ulama...mereka kerap memberikan nasihat supaya berwaspada jikalau berlakunya gempa dan juga pertanda alam lainnya yang boleh membawa bencana seperti tsunami...maka masyarakat harus bersiap-siap untuk mencari tempat-tempat aman yang lebih tinggi daripada permukaan laut ” (perbualan M6//2015/03-07).

Perbualan dengan peserta M5 dan peserta M6 mengesahkan bahawa terbinanya kearifan tempatan atau yang disebut tradisi smong terhadap usaha pengurangan risiko bencana tidak tumbuh sendirinya dalam kehidupan masyarakat di Kepulauan Simeulue. Tetapi ada pelbagai peranan salah satunya ada penglibatan para Ulama yang kerap memberikan pelbagai nasihat dan amaran kepada masyarakat supaya selalu menjaga keseimbangan alam di Kepulauan Simeulue. Bentuk kearifan tempatan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat merupakan satu bentuk kefahaman terhadap mengenal pelbagai ciri datangnya bencana seperti gelombang tsunami. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M7 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Jikalau pertanda tsunami datang maka air laut terasa sudah berbau asin yang sangat kuat dan binatang-binatang seperti lembu, biri-biri, burung-burung dan binatang lainnya ikut berlarian menjauhi dari pesisir pantai serta terdengar suara air laut yang sangat bising maka itu merupakan tanda-tanda alam yang membawa gelombang-gelombang tsunami ”
(perbualan M7//2015/04-07)

Perbualan dengan peserta M7 mengesahkan bahawa apabila terdapat ciri-ciri yang disampaikan maka itu merupakan tanda alam akan tercetusnya bahaya seperti gelombang tsunami. Maka diminta kepada keseluruhan masyarakat yang tinggal di pesisir pantai di Kepulauan Simeulue untuk boleh menjauhi dan segera mencari tempat yang lebih tinggi dengan matlamat utama adalah untuk tidak terkena daripada gelombang tsunami. Oleh itu tradisi yang terbina atau disebut tradisi smong telah sangat melekat dalam kehidupan masyarakat di Kepulauan Simeulue. Berasaskan perbualan dengan pihak kerajaan bahawa semasa berlakunya bencana gempa dan gelombang tsunami pada penghujung tahun 2004, hanya tujuh mangsa mati daripada

88,963 orang yang selamat di Kepulauan Simeulue. Sebagai contoh perbualan dengan peserta K6 yang bertindakbalas, seperti berikut :

“ Kejadian gelombang tsunami pada 2004 hanya menyebabkan kepada tujuh mangsa mati berbanding puluhan ribu orang yang selamat di Kepulauan Simeulue...kenapa hal ini boleh berlaku disebabkan tidak lain daripada ada terbina satu bentuk kearifan tempatan dalam usaha pengurangan risiko bencana di persekitaran masyarakat atau yang disebut dengan tradisi smong iaitu tradisi yang memberikan bentuk kefahaman kepada masyarakat terhadap usaha pencegahan daripada bahaya bencana seperti gelombang tsunami ” (perbualan K6//2015/05-07).

Perbualan dengan peserta K6, bahawa tradisi smong yang tumbuh dalam masyarakat telah membawa satu keselamatan kepada keseluruhan kehidupan masyarakat di Kepulauan Simeulue. Namun demikian tradisi yang terbina tidak secara kebetulan tetapi bermula dari kejadian yang pernah berlaku sebelum tsunami pada tahun 2004. Hal ini diungkapkan oleh peserta K2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kepulaun Simeulue sebelum kejadian gelombang tsunami pada penghujung tahun 2004 telah pernah berlaku kejadian yang sama pada tahun 1907 maka dari asas dan pengalaman orang-orang terdahulu telah membuat masyarakat yang tinggal di Kepulauaan Simeulue memiliki bentuk kefahaman terhadap bahaya gelombang tsunami...makanya kejadian pada tahun 1907 menjadikan satu rujukan dalam terbinanya satu tradisi sebagai usaha untuk mengingat kembali daripada kejadian bencana tsunami pada masa tempoh yang lalu ” (perbualan//K2/2015/05-07)

Perbualan dengan peserta K2 mengesahkan bahawa keseluruhan masyarakat yang tinggal di Kepulauan Simeulue telah lama memiliki satu kefahaman terhadap bahaya seperti gelombang tsunami. Data sejarah memberikan satu penjelasan bahawa pengalaman orang-orang terdahulu daripada masa berlakunya bencana pada tahun 1907 telah membuat masyarakat lebih siap jika berlaku bahaya bencana gelombang tsunami. Namun demikian kearifan tempatan atau yang disebut tradisi


smong oleh masyarakat di Kepulauan Simeulue tidak dimiliki masyarakat yang tinggal di kawasan Aceh daratan. Seperti contoh perbualan dengan peserts K6 yang memberi jawapan seperti berikut :

“ Hampir semua masyarakat yang tinggal di Aceh daratan sama sekali tidak mendapatkan satu bentuk kefahaman terhadap bahaya seperti gelombang tsunami...kejadian ini sangat berbeda dengan masyarakat yang tinggal di Kepulauan Simeulue mereka telah memiliki satu kearifan tempatan atau yang disebut tradisi smong sehingga membuat masyarakat lebih faham terhadap bahaya gelombang tsunami ” (perbualan K6//2015/01-07)

Perbualan dengan peserta K6, menjelaskan bahawa masyarakat yang tinggal di Aceh daratan sama sekali tidak memiliki satu kefahaman terhadap tsunmai, tidak seperti yang dimiliki oleh masyarakat di Kepulauan Simeulue. Hal ini disebabkan tidak ada nilai atau tradisi yang tumbuh dalam masyarakat dalam membentuk satu kefahaman dalam pengurangan risiko bencana. Maka tidak hairan jikalau yang tinggal di Aceh daratan ramai mangsa mati semasa berlakunya bencana tsunami di penghujung tahun 2004. Berasaskan pemerhatian, kekalnya tradisi smong dalam persekitaran masyarakat salah satunya disebabkan ada nilai-nilai yang ditanamkan oleh para Ulama melalui media dakwah dan untaian syair yang dimainkan melalui bentuk kesenian rakyat. Media dakwah dan syair yang disampaikan oleh Ulama telah membuat masyarakat lebih mudah faham terhadap usaha pengurangan risiko bencana. Sebagai contoh perbualan dengan peserta U4 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kita kerap sampaikan dakwah di masjid-masjid supaya masyarakat boleh menjaga keseimbangan alam dan tidak untuk merosaknya...selain itu kita juga mengingatkan bagaimana kejadian bencana tsunami yang boleh menimpa masyarakat tempoh dahulu dan untuk itu masyarakat harus belajar daripada pengalaman tersebut” (perbualan U4//2015/05-07)

Perbualan dengan peserta U4 mengesahkan bahawa pesanan dan nasihat yang disampaikan oleh para Ulama merupakan bentuk usaha pengurangan risiko bencana. Kembali perlu penyelidik menjelaskan bahawa pengalaman yang pernah berlaku pada tempoh dahulu telah membuat masyarakat sangat mengetahui terhadap gejala-gejala alam sebelum datang gelombang tsunami. Namun demikian kekalnya kearifan tempatan ini tidak serta-merta tetapi adanya yang kerap mengingatkan kepada masyarakat iaitu salah satunya para Ulama. Para peserta seperti M5, M6, M7, K2 dan K6 mengemukakan bahawa Ulama tidak sahaja memiliki tugas dan tanggungjawab untuk menyampaikan syiar Agama Islam tetapi membawa khabar gembira, memberi amaran dan juga mengajak umat untuk tidak menafikan kepada perintah Allah SWT. Salah satunya adalah memberikan nasihat supaya masyarakat tidak merosakkan alam dan menjaga keseimbangan alam. Pesan dan nasihat para Ulama kerap disampaikan melalui dakwah di masjid, surau mahupun di aktiviti keagamaan lainya. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M5 yang bertindakbalas seperti berikut :



“ Peranan Ulama di tempat tinggal saya tidak sahaja memberikan terhadap pengetahuan agama Islam tetapi juga memberikan pemhamaman terhadap menjaga dan memelihara persekitaran daripada bahaya bencana...pesan-pesan ini kerap disampaikan melalui mimbar-mimbar agama...selain itu para ulama kerap memasukan pesan dan nasihat dalam untaian syair yang nantinya dibawakan dalam bentuk kesenian rakyat dan dimainkan oleh masyarakat setiap majelis perkawainan dan sunnah rasul dalam persekitaran masyarakat.” (perbualan M5//2015/09-07)

Perbualan dengan peserta M5 mengesahkan bahawa peranan ulama tidak sahaja memberikan kefahaman kepada masyarakat terhadap pengetahuan agama Islam tetapi juga memberikan pengetahuan penting kepada masyarakat untuk kerap menjaga alam sekitar dan belajar daripada pengalaman. Tindakan yang dilakukan oleh para Ulama sebagai usaha agar masyarakat boleh menjaga dan menghargai alam ciptaan Allah SWT. Pelbagai pesan dan nasihat yang disampaikan oleh Ulama

melalui dakwah juga telah dijadikan satu bentuk untaian syair yang dimainkan pada majlis istiadat dalam persekitaran masyarakat. Syair yang dimainkan mengandungi nasihat, pesan dan kisah kejadian bencana masa tempoh dahulu. Sebagai contoh perbualan dengan peserta U3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Syair yang dimainkan oleh masyarakat dalam kesenian merupakan nasihat-nasihat yang disampaikan Ulama supaya masyarakat untuk jangan membuat perkara yang boleh mendatangkan kepada bala atau musibah...selain untain syair juga mengandung nilai-nilai supaya masyarakat belajar daripada pengalaman masyarakat tempoh dahulu yang boleh selamat daripada bahaya gelombang besar yang pernah menimpa kepada mereka” (perbualan U3//2015/07-07)

Perbualan dengan peserta U3 menjelaskan bahawa media dakwah merupakan salah satu cara yang paling berkesan dalam menyampaikan pesan dan nasihat kepada masyarakat terhadap usaha pengurangan risiko bencana. Memberikan amaran dan nasihat supaya masyarakat tidak merosak dan berbuat perilaku yang boleh mencetuskan musibah dan bencana. Berasaskan pemerhatian, pesan dan nasihat yang disampaikan para Ulama telah membentuk kepada untaian syair dan mengandungi nilai dalam usaha pengurangan risiko bahaya bencana. Sebagai contoh perbualan dengan peserta U5 yang menghuraikan untaian syair seperti berikut :

“ Smong dumek-dumek mo (*Gelombang-gelombang itu air mandimu*)
Linon uwak uwak mo (*Gempa ayunanmu*)
Elaik keudang-keudang mo (*Petir kendang-kendangmu*)
Kilek suluh-suluh mo (*Halilintar lampu-lampumu*)”
(perbualan//U5/2015/09-07)

Untaian syair yang disampaikan oleh peserta U5 mengesahkan bahawa masyarakat harus boleh membaca pertanda alam yang berlaku dan diminta untuk kerap

berwaspada. Pertanda alam yang boleh berlaku merupakan satu fenomena yang boleh datang bila-bila masa. Oleh itu, makna salah satu untaian syair yang disampaikan agar masyarakat harus boleh faham akan pertanda alam sehingga boleh terhindar daripada bala musibah. Selain itu peserta U5 membacakan untaian syair terhadap usaha mengingatkan masyarakat bahaya gelombang tsunami, seperti berikut :

“ Enggel mon sao curito (*Dengarlah satu cerita*)
Inang maso semonan (*Pada zaman dahulu*)
Manoknop sao fano (*Tenggelam satu kampung*)
Uwi la da sesewan (*begitulah mereka ceritakan*)
Unen ne alek linon (*bermula daripada gempa*)
Fesangbakat ne mali (*selepas itu data gelombang besar*)
Manoknop sao hampong (*tenggelam seleuruh negeri*)
Tibo-tibo mawi (*tiba-tiba sahaja*)
Anga linon ne mali (*Jikalau gempanya kuat*)
Uwek suruik sahuli (*Disusul air laut yang surut*)
Mahey miyawali (*segeralah cari*)
Fano me singa tenggi (*Tempat kalian yang lebih tinggi*)
Ede smong kahanne (*Itulah smong namanya*)
(perbualan//U5/2015/09-07)

Berasaskan untaian syair di atas, terdapat satu nilai bahawa masyarakat di Kepulauan Simeulue sudah sangat mengetahui pertanda bencana yang boleh berlaku selepas gempa bumi iaitu gelombang tsunami. Nilai kefahaman tersebut boleh dilihat daripada tindakan masyarakat dalam melihat dan merasakan terhadap pertanda alam yang boleh mencetuskan bahaya gelombang tsunami iaitu jikalau air laut surut dan ikan-ikan ke daratan serta binatang-binatang yang berlarian menjauhi pantai maka sesuai nilaian yang sudah tertanam melalui syair yang mengandung pesan dan nasihat maka diminta kepada masyarakat untuk boleh menjauhi dan mencari

kawasan yang paling tinggi daripada permukaan laut. Untaian syair yang mengandungi nasihat dan pesan tidak sahaja berbentuk cerita tetapi juga dimainkan dalam bentuk kesenian yang disebut kesenian nandong. Kesenian nandong adalah satu kesenian yang dimainkan dengan alat muzik disertai nyanyian-nyanyian yang mengandungi nasehat dan pesat terhadap usaha pengurangan risiko bahaya seperti gelombang tsunami.

Kesenian nandong merupakan satu keseniaan yang terbentuk daripada tradisi smong atau kearifan tempatan yang ada dalam masyarakat. Kesenian nandong adalah implikasi daripada tradisi smong yang terbentuk dalam masyarakat dengan memainkan alat muzik berikutan syair-syair yang disampaikan oleh Ulama. Syair-syair yang disampaikan memiliki nilai-nilai yang membuat masyarakat boleh memiliki kefahaman betapa penting bersahabat dengan alam dan juga menjaga persekitaran untuk tidak merosakkan alam seperti menebang pokok yang terdapat di pesisir pantai. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa kearifan tempatan yang dimainkan oleh masyarakat tidak sahaja difahami oleh orang dewasa tetapi juga kepada anak-anak yang terdapat di Kepulauan Simeulue. Hal ini disebabkan oleh kebiasaan masyarakat yang kerap memainkan kesenian rakyat yang disebut nandong dalam setiap majlis istiadat dan aktiviti keagamaan yang terdapat dalam persekitaran masyarakat. Namun demikian kesenian rakyat yang ada dalam persekitaran masyarakat di Kepulauan Simeulue tidak berlaku dalam masyarakat Aceh daratan. Sebagaimana data menengah menunjukkan daerah Kepulauan Simeulue merupakan kawasan yang keseluruhan wilayahnya dikelilingi oleh laut dalam dengan ombak tinggi dan angin yang kencang. Oleh sebab itu, masyarakat kerap menjaga alam dengan tidak menebang pokok yang terdapat di sepanjang pesisir pantai serta tidak

mengeksplorasi alam secara berlebihan. Hal ini yang kerap disampaikan oleh para Ulama dan masyarakat di Kepulauan Simeulue. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M7 yang bertindakbalas, seperti berikut :

“ Pesan daripada leluhur masyarakat dan Ulama kepada masyarakat supaya menanam pelbagai pokok di sepanjang pesisir pantai sebagai penghalang daripada ombak-ombak besar yang datang sehingga masyarakat boleh cepat untuk menyelamatkan diri...Jikalau kita menebang pokok yang terdapat di pesisir pantai maka boleh mempercepat ombak-obak tersebut masuk ke daratan ” (perbualan M7//20150/4-07).

Perbualan dengan peserta M7, masyarakat harus boleh menjaga keseimbangan alam tanpa harus merosaknya, jikalau tidak maka boleh membawa musibah yang menimpa kepada dirinya. Berasaskan pemerhatian, pelbagai tindakan yang dilakukan oleh Ulama di Kepulauan Simeulue kerap melalui nasihat dan amaran yang di hala kepada masyarakat. Pesan dan nasihat yang disampaikan supaya mengingatkan kepada masyarakat untuk tidak membuat pelbagai kerosakan alam sekitar yang boleh membawa kepada bala ataupun musibah. Intihannya para Ulama telah menanamkan nilai-nilai dalam kehidupan masyarakat sehingga kearifan tempatan yang tumbuh boleh kekal sehingga setakat ini. Hal ini memberikan bukti bahawa Ulama memiliki peranan dalam usaha melindungi masyarakat dari bentuk risiko terhadap bahaya bencana. Oleh itu sudah sepantasnya pihak kerajaan memberikan ruang khas kepada para Ulama dalam sistem pengurusan bencana terutama dalam fasa pencegahan supaya masyarakat boleh mengelak daripada pelbagai bentuk bencana salah satunya bahaya gelombang tsunami.

Perbualan peserta seperti K2, K6, M6, M7, U3, U4 dan U5 mengesahkan bahawa kearifan tempatan dalam pengurangan risiko bencana boleh berlaku jikalau ada


pelbagai peranan daripada masyarakat seperti penglibatanpara Ulama. Hal ini dibuktikan penglibatan Ulama dalam memberikan amaran dan nasihat kepada masyarakat di daerah Kepulauan Simeule, telah membuat satu rujukan kepada masyarakat supaya boleh mengelak daripada musibah seperti gelombang tsunami. Ia disebabkan Ulama telah menanamkan nilai-nilai dalam kearifan tempatan sehingga menjadi asas utama kepada masyarakat. Nilai-nilai yang ditanamkan oleh Ulama adalah perlunya manusia untuk bersahabat dan juga menjaga keseimbangan alam sekitar. Nasihat dan amaran yang disampaikan merupakan pesan yang terdapat dalam kearifan tempatan atau yang disebut tradisi smong terhadap usaha mengelak dari bahaya bencana seperti gelombang tsunami.

Namun demikian kearifan tempatan atau yang disebut tradisi smong hanya berlaku dalam kehidupan masyarakat di Kepulauan Simeulue dan tidak berlaku kepada masyarakat yang tinggal di Aceh Daratan. Oleh itu jikalau dilihat daripada letak geografi Kepulauan Simeulue daripada punca gempa, maka seharusnya keseluruhan Kepulauan Simeulue boleh menjadi kawasan yang ramai mencetuskan mangsa mati. Tetapi nyatanya, di kepulauan Simeulue hanya tujuh mangsa mati berbanding dengan masyarakat yang tinggal di Aceh daratan. Oleh yang demikian sudah seharusnya pihak Kerajaan Aceh boleh mengaplikasikan bentuk kearifan tempatan yang terdapat dalam masyarakat di Kepulauan Simeulue untuk dilaksanakan kepada masyarakat yang tinggal di pesisir pantai di Aceh daratan. Selain itu tumbuhnya kearifan tempatan boleh terlaksana jikalau para Ulama boleh difungsikan oleh pihak kerajaan sebagai usaha sosialisasi dalam pengurangan risiko bencana dengan media dakwah dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat.

4.5 Tema Ketiga : Bantuan Kemanusiaan

Berasaskan kepada soalan ketiga, maka objektif kajian adalah untuk menegenalpasti bantuan kemanusiaan dalam bentuk program yang dilaksanakan oleh pihak *NGO* terutama di persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Bantuan kemanusiaan yang dilihat adalah bentuk program yang dilaksanakan oleh pihak *NGO* asing. Menurut data menengah, terdapat banyak program yang ditawarkan oleh pihak *NGO* asing semasa pengurusan bencana di Aceh, tidak sahaja hanya terhad kepada program dalam mengagihkan bantuan logistik dan perubatan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana. Tetapi pihak *NGO* juga kerap melaksanakan pelbagai bentuk program dalam usaha pemulihan kehidupan mangsa selepas kejadian bencana tsunami. Pelbagai bentuk program yang dilaksanakan telah banyak membantu dan meringankan pelbagai kesengsaraan yang dihadapi oleh mangsa dan masyarakat di Aceh terutama daerah Aceh Barat.

Namun demikian pelbagai bantuan kemanusiaan dan program-program tersebut telah juga mencetuskan pelbagai isu dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Untuk mengetahui isu-isu yang berlaku terhadap program yang dilaksanakan oleh pihak *NGO*, maka perlu dilakukan penyiasatan di kawasan yang terjejas bencana seperti daerah Aceh Barat. Berasaskan daripada analisis perisian NVivo 11 bahawa tema bantuan kemanusiaan telah mendapatkan dua subtema dan dua kategori. Selain itu dapatan kajian juga mendapat pelbagai sentimen positif dan sentimen negatif terhadap tema bantuan kemanusiaan yang dilaksanakan di daerah Aceh Barat. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap dapatan kajian dalam tema bantuan kemanusiaan semasa pengurusan bencana, sila rujuk Rajah 4.15.



Rajah 4.15
Tema Bantuan Kemanusian Dalam Pengurusan Bencana
 Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.15, tema bantuan kemanusiaan dalam pengurusan bencana telah mendapatkan dua subtema dan dua kategori. Bagi memudahkan dalam menjelaskan dapatan kajian, maka telah diagihkan kepada dua bahagian iaitu : 1) Analisis terhadap subtema bantuan kewangan dan satu kategori; 2) Analisis terhadap subtema bantuan psikologis dan satu kategori. Untuk maklumat lebih jelas terhadap dapatan kajian dalam tema bantuan kemanusiaan semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh, sila rujuk Jadual 4.3.

Jadual 4.3


Matrik Coding pada Tema Bantuan Kemanusiaan di Aceh

Bil	Subtema	Kategori	Rujukan	Sumber
1.	Bantuan Kewangan	a. Program <i>Cash For Work</i>	27	23
2.	Bantuan Psikologis	b. Program Kaunseling	17	
Jumlah			44	23

Sumber : Analisis Penyelidik

Universiti Utara Malaysia

Jadual 4.3, matrik *coding* pada tema bantuan kemanusiaan mengesahkan bahawa subtema bantuan kewangan dalam kategorinya mendapat 27 rujukan daripada 23 sumber data yang telah diselidiki. Manakala subtema bantuan psikologis dalam kategorinya mendapat 17 rujukan daripada 23 sumber data yang telah diselidiki. Keseluruhan 44 rujukan yang terdapat dalam tema bantuan kemanusiaan merupakan hasil daripada temu bual, memo penyelidikan, foto dan video seperti yang terdapat daripada Rajah 4.16. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap data pengedaran perbualan para peserta yang telah ditemubual, sila rujuk Rajah 4.16.



Rajah 4.16

Coding Referensi Pada Tema Bantuan Kemanusiaan


Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.16, *coding referensi* tema bantuan kemanusiaan mengesahkan bahawa subtema bantuan kewangan dan subtema bantuan psikologis telah dibahagikan kepada dua kategori. Kedua-dua kategori ini salah satunya merupakan hasil daripada temubual dengan peserta seperti N1, N2, N3, N4, N5, M1, M2, M3 dan M4. Keseluruhan peserta yang telah dilakukan proses temubual semasa penyelidikan kerap mengemukakan isu-isu yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat seperti isu yang terdapat dalam program *cash for work* dan juga yang terdapat dalam program kaunseling. Kedua-dua program tersebut keseluruhannya dilaksanakan oleh pihak *NGO* terutama *NGO* asing dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana gelombang tusnami. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu yang didapat dalam kedua-dua subtema, sila lihat penjelasan yang telah dihuraikan mengikut proses analisis sesuai dengan dapatan dalam perisian NVivo 11.

4.5.1 Subtema Bantuan Kewangan

Bantuan kewangan merupakan salah satu subtema yang terdapat pada tema bantuan kemanusiaan. Bantuan kewangan diertikan sebagai satu bentuk pertolongan dan bantuan yang kebanyakannya adalah diagihkan kepada kumpulan dan perorangan yang sedang mengalami kemelut kewangan atau memerlukan satu pertolongan dari segi pendapatan (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2008). Sebagaimana data menengah yang telah dihuraikan sebelumnya bahawa bantuan kewangan semasa pengurusan bencana di Aceh telah direkod mencecah AS \$ 6.4 bilion dengan butiran pihak *NGO* telah menyalurkan bantuan kewangan sebesar AS \$ 1.9 bilion, Kerajaan Antarabangsa telah menyalurkan bantuan kewangan sebesar AS \$ 2.2 bilion dan Pihak penderma lainnya telah menyalurkan bantuan kewangan mencecah AS \$ 2.3 bilion. Berdasarkan pemerhatian, bantuan kewangan merupakan salah satu bentuk bantuan kemanusiaan dan diagihkan oleh pelbagai pihak untuk usaha pemulihan dan pembinaan semasa pengurusan bencana di Aceh.

Dalam kajian ini, penyelidikan hanya meneroka kepada kesan daripada bantuan kewangan semasa pengurusan bencana dan dirasakan oleh mangsa serta bekas pekerja *NGO* asing. Oleh itu penyelidikan ini telah mengumpulkan pelbagai data menengah dan melakukan usaha temubual dengan para peserta di tempat penampungan mangsa dan pelaku seperti bekas pekerja *NGO* asing. Peserta yang dipilih merupakan peserta yang pernah merasakan pelbagai bantuan kewangan dan turut terlibat dalam program kemanusiaan bersama *NGO* asing. Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan dengan peserta pada subtema bantuan kewangan, sila rujuk Rajah 4.17.



Rajah 4.17


Coding Referensi pada Subtema Bantuan Kewangan

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.17, *coding referensi* pada subtema bantuan kewangan mendapati satu kategori iaitu kategori program *cash for work*. Kategori program *cash for work* yang didapati merupakan salah satu sumber daripada proses temubual dengan para peserta seperti M1, M2, M3, M4, N1, N2, N3, N4 dan N5. Keseluruhan para peserta kerap mengemukakan isu yang berlaku dalam bantuan kewangan yang disaluti dalam program *cash for work* dan dilaksanakan oleh pihak *NGO* asing kepada persekitaran mangsa semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu yang terdapat dalam program *cash for work* yang dilaksanakan oleh *NGO* asing di persekitaran kehidupan mangsa dan masyarakat, sila lihat penjelasan daripada kategori *cash for work* yang terdapat dalam subtema bantuan kewangan pada tema bantuan kemanusiaan di Aceh terutama aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terdapat di daerah Aceh Barat.

4.5.1.1 Program Cash For Work

Program *cash for work* merupakan salah satu bentuk bantuan kewangan yang dipopularkan oleh pihak *NGO* terutama *NGO* asing semasa pengurusan bencana. Program *cash for work* merupakan salah satu program yang mengagihkan wang kepada mangsa dan masyarakat semasa pengurusan bencana di Aceh. Dalam kajian ini, penyelidik hanya melihat kesan daripada program *cash for work* terhadap mangsa dan masyarakat. Oleh itu usaha penyelidikan telah melaksanakan pelbagai kutipan data menengah dan usaha temu bual dengan para peserta yang terdapat di daerah Aceh Barat. Program *cash for work* dibina oleh *NGO* asing bermatlamat memulihkan pendapatan mangsa dan masyarakat dengan pelbagai aktiviti bersama seperti gotong-royong yang dilaksanakan dalam persekitaran mangsa. Sistem kerja program *cash for work* adalah pemberian wang tunai kepada mangsa dan masyarakat selepas melakukan aktiviti gotong royong. Untuk lebih jelasnya sila lihat pokok perkataan terhadap perkataan program *cash for work* pada Rajah 4.18.



Rajah 4.18
Pokok Perkataan Program Cash For Work
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.18, pokok perkataan terhadap program *cash for work* menjelaskan bagaimana para peserta seperti : M1, M2, M3, M4, N1, N2, N4 dan N5 kerap mengemukakan perkataan *cash for work* yang dilaksanakan oleh pihak *NGO* asing. Berasaskan data menengah bahawa program *cash (money) for work* merupakan salah satu program unggulan *NGO* asing dalam memberikan bantuan kepada mangsa dan masyarakat semasa pengurusan bencana di Aceh. Program *cash for work* adalah program jangka pendek yang memberikan faedah kepada mangsa dalam menyerap tenaga kerja dengan usaha memberikan wang sebagai pemenuhan kebutuhan hidup. Program *cash for work* boleh terlaksana jikalau ada pelbagai peranan masyarakat dalam bersama-sama melakukan usaha pemulihan dan pembinaan dengan cara gotong-royong. Gotong-royong merupakan satu kebiasaan yang terdapat dalam kehidupan masyarakat dengan matlamat untuk saling membantu atau mengusahakan secara bersama-sama. Hal ini sudah menjadi satu kebiasaan yang terdapat di persekitaran masyarakat sejak tempoh dahulu dan ia kerap dilihat dalam persekitaran masyarakat kampung. Namun demikian pelaksanaan gotong-royong yang dibina oleh pihak *NGO* asing melalui *program cash for work* adalah menggerakkan persekitaran masyarakat untuk bersama-sama melakukan aktiviti dengan mendapatkan ganjaran wang secara langsung selepas aktiviti selesai dilaksanakan. Sebagaimana contoh perbualan dengan M3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kami kerap diminta oleh salah satu *NGO* untuk melaksanakan gotong-royong seperti membersihkan persekitaran pada rumah kami dari bekas sampah tsunami...selepas itu kami juga diberikan berupa wang secara langsung dan dikatakan sebagai usaha menambah semangat dan sebagai menambahkan pendapatan kami.” (perbualan M3//2015/12-01)

Perbualan dengan peserta M3 mengesahkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan merupakan salah satu cara pihak *NGO* supaya masyarakat boleh ikut membantu

bersama-sama dalam aktiviti gotong-royong terhadap proses pemulihan selepas berlakunya bencana tsunami. Ganjaran wang merupakan tindakan pihak *NGO* untuk menumbuhkan semangat daripada mangsa dan masyarakat supaya boleh membantu proses membersihkan bekas-bekas sampah dan juga membersihkan bangkai disebabkan oleh gelombang tsunami. Perbedaan gotong royong yang dibina oleh *NGO* dengan konvensional adalah setiap aktiviti yang dilaksanakan kerap mendapatkan ganjaran berupa wang. Usaha mengerakkan masyarakat dengan motif wang dengan sebab supaya mempercepatkan proses pemulihan dan pembinaan semasa pengurusan bencana. Sebagai contoh perbualan dengan N5 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Masa itu memang kita memerlukan tenaga daripada masyarakat untuk usaha mendukung program yang sedang dilaksanakan...maka itu kita membuat namanya program *cash for work* sebagai salah satu memberikan satu solusi semangat kepada mangsa dan masyarakat untuk boleh bekerja dengan adanya ganjaran wang sebagai bantuan kewangan dalam menyokong kehidupan mereka ”(perbualan N5//2015/23-02)

Universiti Utara Malaysia

Perbualan dengan peserta N5 mengesahkan bahawa pihak *NGO* asing semasa itu sangat memerlukan adanya peranan daripada masyarakat untuk mempercepatkan proses pelaksanaan pemulihan dan pembinaan di persekitaran yang terjejas bencana. Oleh itu pihak *NGO* memberikan pekerjaan yang bersifat gotong-royong kepada masyarakat dengan ganjaran wang sebagai bentuk bantuan kewangan kepada masyarakat. Pemberian wang telah menjadikan program *cash for work* sangat popular dalam persekitaran mangsa dan masyarakat serta telah memberikan satu lapangan kerja. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa kejadian bencana tsunami telah menyebabkan ratusan ribu orang kehilangan lapangan pekerjaan sehingga program *cash for work* yang dibina oleh *NGO* sangat mudah diterima dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Program *cash for work* telah

menjadi pilihan yang sangat logik semasa pengurusan bencana iaitu dengan memberikan kesempatan kepada mangsa dan masyarakat supaya terlibat dalam pelbagai aktiviti bersama pihak *NGO* yang memberikan satu keuntungan kepada ekonomi mangsa dan masyarakat. Namun demikian berasaskan kepada pemerhatian, program *cash for work* hanya bersifat sementara dalam usaha menyelesaikan permasalahan yang terdapat semasa pengurusan bencana tsunami. Tindakan yang dilaksanakan dalam program *cash for work* pada asasnya memberikan bantuan kewangan dengan melibatkan masyarakat supaya boleh bekerja dalam menyelesaikan permasalahan seperti sampah bekas tsunami. Sebagai contoh perbualan dengan M4 yang bertindakbalas, seperti berikut :

“ Banyak *NGO* datang meminta kepada masyarakat untuk melakukan usaha gotong-royong dalam membersih sampah bekas tsunami dalam persekitaran...mereka juga memberikan kesempatan kepada masyarakat untuk boleh bekerja dengan ganjaran wang perhari walaupun hanya membersihkan persekitarannya sendiri. (perbualan M4//2015/14-01)”

Perbualan dengan peserta M4 mengesahkan bahawa pihak *NGO* kerap mengajak masyarakat untuk boleh bersama-sama dalam melakukan perbersihan dengan cara gotong-royong. Merujuk data daripada BPBD Aceh bahawa program *cash for work* yang dibina oleh pihak *NGO* terutama *NGO* asing telah mengatasi pelbagai permasalahan seperti sampah bangkai kapal, bahan pertanian, parit saliran dan sampah yang menutupi jalan serta sampah dalam persekitaran rumah masyarakat (*Lihat lampiran B6-9*). Selain itu, program *cash for work* telah memberikan kesempatan kerja kepada mangsa dan masyarakat sehingga mereka tidak lagi memikirkan beban yang dirasakan selepas kejadian bencana. Namun demikian bantuan kewangan seperti program *cash for work* telah mencetuskan perlbagai permasalahan baharu dalam persekitaran masyarakat. Permasalahan yang kerap

berlaku dalam persekitaran adalah bentuk ganjaran wang yang terdapat dalam program *cash for work* telah menjadi sebab orang-orang yang tidak bertanggung jawab mencari keuntungan. Sebagaimana yang berlaku di kawasan Blang Beurandang tempat penampungan mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Didapat banyak dana dari program *cash for work* telah dimanfaatkan oleh pelaku-pelaku dengan cara memotong dana yang seharusnya diberikan kepada para mangsa dan masyarakat. Sebagai contoh perbualan dengan M2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kami sudah terima wang yang diberikan oleh pihak *NGO* selepas melaksanakan aktiviti tetapi ada juga didapat usaha pemotongan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertangungjawab dengan sengaja datang kepada kami untuk meminta pemotongan antara sejumlah 100 ribu rupiah sehingga 200 ribu rupiah per keluarga setiap bulannya (perbualan M2//2015/11-01)”

Perbualan peserta M2 menegesahkan bahawa permasalahan ada pemotongan wang yang telah diberikan oleh *NGO* asing semasa program *cash for work* merupakan salah satu kejadian yang berlaku dalam persekitaran mangsa. Pemotongan wang yang dilakukan tidak sama sekali diketahui oleh pihak *NGO* semasa program *cash for work* dilaksanakan. Tindakan yang dilakukan oleh beberapa pelaku telah mencetuskan rasa kekecewaan kepada mangsa dan masyarakat serta ditambah dengan keadaan semasa itu sangat perlu adanya pendapatan tambahan. Kaitan yang sama antara perbualan dengan M2, peserta M1 juga mengemukakan seperti berikut :

“ Kami diminta 100 ribu per keluarga perbulanya dan mereka sengaja datang ke tempat-tempat penampungan sementara mangsa selepas penyeraahan wang daripada pihak *NGO*...tindakan yang dilakukan oleh para pelaku tersebut telah sangat mengecewakan sebab kami sangat memerlukan wang dalam memenuhi keperluan hari-hari.” (perbualan M1//2015/10-01).

Perbualan dengan peserta M1 mengesahkan bahawa ada terdapat pihak yang dengan sengaja memotong wang selepas masyarakat melaksanakan aktiviti program *cash for work*. Tindakan ini merupakan gambaran yang berlaku semasa usaha pemulihan dan pembinaan yang berlaku di daerah Aceh Barat terutama pada kawasan Kampung Blang beurandang. Selain itu permasalahan yang berlaku adalah semasa pelaksanaan program *cash for work* terdapat juga para pekerja hantu iaitu para pekerja yang namanya terdata tetapi mereka tidak sama sekali bekerja namun mendapatkan ganjaran wang dari pihak *NGO*. Tindakan ini dilakukan oleh masyarakat untuk boleh mendapatkan wang lebih semasa program *cash for work*. Sebagai contoh perbualan dengan N1 yang bertindakbalas, seperti berikut:

“ Menurut saya program *cash for work* itu sangat baik...tetapi kadangkala kami juga dikecewakan dengan perilaku masyarakat yang kadangkala mereka memberikan nama-nama yang bekerja kepada kami tetapi kenyataannya mereka tidak bekerja namun tetap meminta bayaran sebagai aktiviti yang diperakui telah dilakukan.” (perbualan N1//2015/19-02)

Perbualan dengan peserta N1 mengesahkan bahawa pihak *NGO* juga merasakan kekecewaan terhadap perilaku masyarakat yang ikut program *cah for work* di mana nama-nama yang diagihkan kepada *NGO* tidak bekerja tetapi tetap meminta bayaran. Permasalahan itu kerap dirasakan oleh pihak *NGO* semasa program *cash for work* yang dilaksanakan pada persekitaran masyarakat di daerah Aceh Barat. Namun demikian, pelbagai permasalahan yang dirasakan semasa usaha pemulihan dan pembinaan tidak begitu terasa impaknya di masa itu. Kesan yang dirasakan ialah selepas pengurusan bencana tamat dimana pudarnya nilai-nilai kebersamaan antara masyarakat, seperti kurangnya rasa kekeluargaan dan hilangnya semangat gotong-royong. Pudarnya nilai-nilai tersebut disebabkan oleh kebiasaan yang dilakukan

pihak *NGO* asing semasa program *cash for work* yang kerap menjadikan wang sebagai alat untuk memotivasi masyarakat. Tindakan ini mulanya tidak menampakkan impak yang besar tetapi selepas tamatnya pengurusan bencana telah mencetuskan pudarnya nilai-nilai gotong-royong. Hal ini disebabkan masyarakat hanya mahu melakukan gotong-royong jikalau ada ganjaran wang. Selain itu mesyuarat yang diadakan sebagai usaha membincangkan permasalahan dalam persekitaran tidak mendapat kepedulian lagi oleh masyarakat. Pada asasnya tindakan *NGO* dalam menggunakan wang agar masyarakat hadir mesyuarat pada asasnya adalah positif, namun demikian, impak yang tercetus adalah masyarakat telah menjadi sangat berkira-kira (*perilaku materialistik*). Oleh itu, peserta seperti K5, M1, M2, M3, M4, N2 dan N4 kerap mengemukakan bahawa program *cash for work* yang dibina oleh *NGO* boleh merosakkan modal sosial yang telah terbina dalam kehidupan masyarakat. Pihak kerajaan juga memperakui bahawa setakat ini sangat susah untuk mendapatkan penglibatan masyarakat bagi melakukan aktiviti seperti gotong royong.

Sebagaiman contoh perbualan dengan K5 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Sebelum kejadian bencana tsunami aktiviti gotong-royong merupakan aktiviti yang biasa dilakukan oleh masyarakat tetapi semasa adanya program *cash for work* dengan melibatkan masyarakat untuk melakukan gotong-royong dengan memberikan bayaran maka selepas pengurusan bencana tamat membuat masyarakat jikalau diminta hadir kerap bertanya ada tidak wang yang diberikan” (perbualan K5//2015/25-05)

Perbualan dengan peserta K5 mengesahkan bahawa suatu ketika dahulu pembersihan persekitaran masyarakat dilakukan secara percuma, tetapi semasa adanya program *cash for work* telah membentuk suatu masyarakat yang bersifat materialistik. Kesan ini tercetus selepas pengurusan bencana tamat, di mana didapati masyarakat sangat sukar untuk diajak melakukan aktiviti kebersamaan meskipun itu adalah untuk kepentingan bersama seperti gotong-royong dalam membersihkan saliran parit di

depan rumah dan persekitarannya. Padahal sebelum berlaku bencana tsunami, kebersamaan dalam aktiviti gotong royong kerap dilakukan sebulan sekali dan ramai yang datang dengan membawa pelbagai minuman serta makanan untuk bersama-sama dimakan selepas aktiviti gotong-royong. Namun, selepas pengurusan bencana tamat tradisi tersebut telah hilang. Sebagaimana perbualan dengan peserta K5 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Sayangnya selepas tidak ada lagi program *cash for work* telah membuat masyarakat setakat ini sangat berhitung...jikalau tidak ada yang memerikan wang maka ramai masyarakat tidak akan datang tetapi jika ada yang memberikan wang maka sebaliknya ramai masyarakat datang untuk ikut membantu,” (perbualan K5//2015/25-05)

Senada dengan perbualan dengan peserta K5 dan peserta M1 mengesahkan perubahan perilaku masyarakat yang sangat berkira-kira hasil program *cash for work*. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa program *cash for work* hanya dilaksanakan sampai penghujung tahun 2009. Hal ini disebabkan masa yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Pusat telah tamat tempoh. Tetapi kesan yang tercetus terhadap program *cash for work* tersebut telah membuat tradisi sosial antara sesama masyarakat dalam kebersamaan dan saling membantu telah hilang. Sebagai contoh perbualan dengan M1 yang bertindak balas, seperti berikut :

“ Setakat ini jikalau masyarakat diajak untuk musyawarat pastilah mereka fikir kemudahan yang diapat...fenomena ini telah berlaku sehingga setakat ini...masyarakat tidak akan datang jikalau tidak ada keuntungan padahal musyawarat yang dilakukan adalah dilakukan untuk keperluan bersama.,” (perbualan M1//2015/10-01).

Perbualan peserta M1 mengesahkan program *cash for work* telah mencetuskan kesan seperti semakin susah masyarakat untuk diajak dalam melakukan mesyuarat bagi membahas pelbagai keperluan dalam persekitarannya. Berasaskan pemerhatian,

fenomena yang berlaku merupakan kebiasaan yang diterima masyarakat semasa pengurusan bencana sehingga membuat masyarakat kerap dimanjakan dengan pelbagai kemudahan dan bantuan terutama semasa dilaksanakan program *cash for work*. Hal ini diperakui oleh pihak kerajaan bahawa kebiasaan yang diterima mangsa dan masyarakat semasa pengurusan bencana telah membuat perubahan yang berlaku dalam masyarakat seperti hilangnya bentuk dan nilai-nilai kebersamaan. Sebagaimana perbualan dengan peserta K5 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Saya akui semasa pengurusan bencana masyarakat sangat dimanjakan dengan banyak bantuan dan juga pemberian wang yang dilakukan oleh pihak NGO...maka tidak hairan semasa kita mengajak masyarakat pasti akan ditanyakan apa ada wang yang akan diagih,”(perbualan K5//2015/25-05)”.

Perbualan dengan peserta K5 mengesahkan bahawa kebiasaan yang diterima oleh masyarakat semasa pengurusan bencana terutama dalam program *cash for work* telah mencetuskan kesan kepada kerosakan nilai dan tradisi dalam kehidupan masyarakat seperti lunturnya tradisi gotong royong dan jiwa kebersamaan masyarakat. Oleh itu, bantuan kewangan seperti yang terdapat dalam program *cash for work* terkadang tidak sesuai dengan tradisi dan budaya di Aceh, sehingga bantuan kewangan yang diberikan secara langsung harus diperhatikan kembali disebabkan boleh membuat perubahan dalam perilaku dalam kehidupan masyarakat di Aceh. Fenomena ini tercetus selepas tamatnya pengurusan bencana dan selepas NGO asing keluar daripada kawasan bencana seperti di daerah Aceh Barat.

Berasaskan contoh perbualan dengan peserta seperti K5, M1, M3, M2, M4, N1 dan N5, bahawa program *cash for work* yang dibina oleh NGO adalah satu solusi dalam menggerakkan masyarakat untuk terlibat dalam usaha pengurusan bencana. Program


cash for work telah menyebabkan masyarakat melakukan usaha pembersihan persekitaran daripada bekas-bekas sampah tsunami. Dengan memberikan ganjaran wang kepada masyarakat yang melakukan aktiviti oleh *NGO* telah membuat masyarakat bersemangat. Selain itu, program *cash for work* juga sebagai salah satu cara untuk menambahkan pendapatan tambahan kepada masyarakat. Oleh itu, program *cash for work* sangat disukai oleh mangsa dan masyarakat di Aceh. Namun demikian, peserta K5 mengemukakan bahawa program *cash for work* telah juga mencetuskan pelbagai permasalahan seperti hilangnya tradisi sosial dan lunturnya jiwa kebersamaan masyarakat dalam persekitaran.

Berasaskan pemerhatian, hilangnya rasa sosial dalam kehidupan masyarakat Aceh juga boleh disebabkan oleh aktiviti masyarakat yang ingin memulihkan ekonomi selepas kejadian bencana. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa masyarakat Aceh tidak hanya dihadapkan dengan permasalahan bencana tetapi juga dihadapkan dengan permasalahan konflik perang antara pihak GAM dan TNI yang kesannya telah membuat kerugian yang sangat besar. Maka tidak hairan jikalau setakat ini ada pengeseran perilaku dalam kehidupan masyarakat terutama selepas akses semakin terbuka di Aceh yang sebelumnya sangat tertutup. Namun demikian, program yang dilakukan oleh *NGO* seperti program *cash for work* adalah salah satu yang membentuk perubahan perilaku masyarakat yang sangat berkira-kira. Hal ini boleh dilihat dalam persekitaran masyarakat di Aceh sehingga setakat ini.

4.5.2 Subtema Bantuan Psikologis

Bantuan psikologis merupakan salah satu subtema yang terdapat pada tema bantuan kemanusiaan. Bantuan psikologis diertikan sebagai satu bentuk pertolongan yang diberikan kepada kumpulan dan orang yang sedang mengalami krisis mental atau memerlukan sokongan untuk boleh memulihkan kehidupan yang lebih baik (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2008). Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa impak bencana gelombang tsunami yang berlaku daripada penghujung tahun 2004 telah membuat rasa traumatis yang sangat dalam kepada orang ramai di Aceh. Hal ini berpunca daripada pelbagai kerosakan dan hilangnya harta benda berikutnya ramainya mangsa yang mati. Kejadian ini telah membuat rasa trauma yang sangat mendalam kepada keseluruhan masyarakat di Aceh. Rasa tertekan mahupun trauma terhadap bencana semakin parah apabila mereka ikut kehilangan pendapatan dan pekerjaan selepas berlakunya kejadian bencana tsunami.

Dalam kajian ini, penyelidikan hanya meneroka kesan daripada bantuan psikologis yang kerap dirasakan oleh mangsa serta juga bekas pekerja *NGO* asing semasa pengurusan bencana di Aceh. Oleh itu, penyelidikan ini telah mengumpulkan data menengah dan melakukan temubual dengan para peserta yang terdapat pada kawasan tsunami di daerah Aceh Barat. Peserta yang dipilih merupakan peserta yang pernah merasakan pelbagai bentuk bantuan kemanusiaan dan juga pernah terlibat dalam melaksanakan pelbagai program kemanusiaan bersama pihak *NGO* asing. Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan dengan peserta pada subtema bantuan kewaangan, sila rujuk Rajah 4.19.



Rajah 4.19

Coding Referensi dalam Subtema Bantuan Psikologis

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.19, *coding referensi* pada subtema bantuan psikologis menunjukkan satu kategori iaitu kategori program kaunseling. Kategori program kaunseling yang didapati merupakan salah satu sumber daripada proses temubual dengan peserta, seperti M1, M3, M4, N2, N3, N4 dan K5. Keseluruhan peserta kerap mengemukakan isu dalam program kaunseling yang dilaksanakan oleh *NGO* asing pada persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami di Aceh. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu pada program kaunseling yang dilaksanakan oleh pihak *NGO* asing, sila lihat penjelasan terhadap kategori program kaunseling yang didapati dalam subtema bantuan psikologis daripada tema bantuan kemanusiaan di Aceh, terutama aktiviti yang dilaksanakan pada persekitaran mangsa dan masyarakat di daerah Aceh Barat.


4.5.2.1 Program Kaunseling

Program kaunseling merupakan salah satu bentuk bantuan kemanusiaan yang bersifat pemberian bantuan melalui proses hubungan timbal balik antara individu untuk memecahkan pelbagai permasalahan yang dihadapai oleh individu tersebut (Prayitno, 2004). Program kaunseling dilakukan untuk membantu para mangsa dalam mengurangkan pelbagai penderitaan dan beban hidup selepas kejadian bencana. Matlamat program kaunseling adalah memberikan bantuan kepada mangsa supaya boleh mendapatkan kembali rasa percaya diri disebabkan bencana tsunami (Fromm, 1999). Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa Aceh adalah satu kawasan yang sedang berkonflik. Konflik yang berlaku telah menyebabkan ramai masyarakat menjadi mangsa sehingga kejadian bencana tsunami telah membuat semakin bertambahnya penderitaan kepada masyarakat. Melihat daripada latar belakang kejadian yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Aceh tentu membuat ramai pihak *NGO* teringin untuk memberikan bantuan psikologis seperti program kaunseling. Untuk maklumat lebih jelasnya, sila lihat pokok perkataan terhadap perkataan program kaunseling dalam Rajah 4.20.



Rajah 4.20
Pokok Perkataan Program Kaunseling
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.20, pokok perkataan di atas menjelaskan bagaimana para peserta seperti M1, M3, M4, N2, N3, N4 dan K5 kerap mengemukakan perkataan kaunseling dalam usaha pemulihan psikologis kepada mangsa bencana. Berasaskan pemerhatian bahawa bantuan psikologis seperti program kaunseling kerap dilaksanakan oleh *NGO asing* dalam persekitaran mangsa tsunami di Aceh. Program kaunseling adalah salah satu bentuk daripada bantuan psikologis yang bertujuan memulihkan mental mahupun trauma kepada mangsa. Kejadian bencana gempa bumi dan gelombang tsunami pada penghujung tahun 2004 telah menyebabkan ramainya masyarakat mendapat tekanan jiwa seperti stres dan trauma. Hal itu wajar dialami oleh siapapun jikalau berhadapan dengan bencana yang berlaku di luar jangkaan sehingga menyebabkan satu goncangan kestabilan jiwa setiap orang yang mengalaminya. Kejadian tersebut menyebabkan ramai mangsa yang tidak mampu bertahan dalam kesedihan hidup, kesendirian dan ketidakpastian. Sebagaimana contoh perbualan peserta dengan M1 yang bertindakbalas seperti beikut :



“ Ramai keluarga saya yang menjadi mangsa mati semasa kejadian bencana tsunami dan membuat harta benda yang saya memiliki semua punah...cobaan seperti ini membuat saya sangat frustasi serta stress berat disebabkan tumpuan untuk hidup saya tidak ada lagi maka untuk menjalani kehidupan rasanya saya tidak mampu lagi (perbualan M1//2015/10-01)

Perbualan dengan peserta M1 merupakan satu ungkapan rasa putus asa daripada peserta terhadap keadaan yang sedang menimpanya. Oleh itu kejadian bencana tsunami yang berlaku telah menyebabkan ramai mangsa dan masyarakat mengalami tekanan jiwa yang boleh membuat luka batin yang sangat dalam. Kerap para peserta seperti M1, M3 dan M4 menyampaikan bahawa kejadian seperti bencana tsunami telah membuat masyarakat mengalami tekanan jiwa dan kekecewaan yang begitu besar. Tetapi kejadian ini tidak berlangsung lama disebabkan ramainya komuniti

asing dan *NGO* asing yang datang ke Aceh dalam usaha memberikan bantuan kemanusiaan. Kehadiran pelbagai komuniti asing dan *NGO* asing telah memberikan satu harapan kepada keseluruhan mangsa dan masyarakat di Aceh.

Bantuan kemanusiaan yang datang merupakan daripada seluruh penjuru dunia, ia menandakan bahawa kemanusiaan masih menghargai rasa kasih sayang antara sesama manusia. Dalam konteks tersebut tidak ada lagi halangan budaya dan agama serta status sosial ekonomi. Jikalau dicermati, usaha bantuan kemanusiaan yang dilaksanakan adalah seperti pemberian makanan, air minum, pakaian, tempat penampungan dan kesihatan. Menurut pihak kerajaan, terdapat dua kondisi psikologis yang sangat berat yang dirasakan oleh para mangsa bencana yang selamat daripada bencana tsunami. Sebagaimana contoh perbualan dengan peserta K5 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Mereka yang selamat memang bisa dikatakan sangat beruntung, tetapi di sebalik keberuntungan itu masing-masing menanggung beban psikologis yang tidak ringan disebabkan mereka kini harus hidup dengan rasa trauma kehilangan keluarga dan orang-orang yang dicintainya”, (perbualan K5//2015/25-05)

Perbualan dengan peserta K5 mengesahkan bahawa kehilangan orang yang sangat bermakna dalam hidupnya boleh dirasakan sebagai satu pukulan psikologis yang berat. Tidak semua orang sanggup menanggung penderitaan dipisahkan secara paksa dari orang-orang yang dicintainya. Di sisi lain, mereka kini juga kehilangan pekerjaan untuk meneruskan kehidupan. Seluruh binaan hancur rata dengan tanah dan tidak meninggalkan apa pun untuk memulai usaha baharu. Selain itu modal untuk usaha juga sudah musnah ditelan gelombang. Kedua, dalam kondisi yang serba sukar tersebut, mereka harus mampu segera boleh bangkit dan melakukan penguatan

diri sendiri, mengambil hikmah dari seluruh musibah itu untuk modal asas kepada permulaan kehidupan baharu. Namun demikian rasa trauma dan tekanan tidak boleh hilang begitu sahaja disebabkan kejadian bencana yang berlaku sangatlah dahsyat sehingga perlu dilakukan usaha pemulihan kepada psikologis dan mental para mangsa dan masyarakat melalui program kaunseling. Pihak Kerajaan Aceh tidak memiliki tenaga yang boleh memberikan bantuan psikologis kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana di Aceh. Sebagaimana perbualan dengan peserta K5 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Pihak kerajaan masa itu berhadapan kekurangan tenaga untuk melakukan usaha seperti memberikan bantuan kepada mangsa dan masyarakat yang mengalami gangguan mental atau depresi terhadap bencana yang berlaku...kita teringin untuk melakukan pelbagai usaha pemulihan daripada psikologis namun disebabkan tenaga pakar dalam memberikan usaha kaunseling sangat kurang maka sangat mengharapkan adanya bantuan psikologis kepada mangsa daripada pihak luar (perbualan K5//2015/25-02)

Perbualan dengan peserta K5 menjelaskan bahawa pihak kerajaan pada masa itu sangat kekurangan tenaga pakar yang boleh memberikan bentuk bantuan psikologis kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana. Maka dengan adanya bantuan daripada pihak asing dan *NGO* telah sangat membantu usaha pemulihan dan pembinaan terhadap mental mangsa dan masyarakat yang mengalami tekanan disebabkan kesan bencana. Keterbatasan tenaga pakar daripada pihak kerajaan telah membuat pihak *NGO* asing melakukan kerjasama dengan pihak kerajaan supaya boleh turut memberikan bantuan psikologis kepada mangsa melalui program kaunseling. Sebagaimana perbualan dengan peserta N3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Impak bencana tsunami boleh bersifat short term mahupun long term kalau short term contohnya mangsa mengalami susah tidur dan selalu cemas sedang long term mangsa kerap merasakan depresi dan terkadang boleh berlaku secara tiba-tiba yang membuatnya tidak terkendali...maka itu kejadian bencana seperti tsunami, konflik, gempa bumi yang berlaku sudah tentu boleh mencetuskan impak yang sangat besar kepada mangsa...jadi kerjasama yang dilakukan merupakan satu usaha pemuliharaan mental kepada mangsa tsunami di Aceh ,”(perbualan N3//2015/21-02)

Perbualan dengan peserta N3 mengesahkan bahwa kejadian bencana boleh membawa kepada dua kesan iaitu trauma berjangka pendek mahupun trauma berjangka panjang. Trauma jangka pendek hanya merasakan luka batin yang sifatnya hanya sementara dan tidak berimpak kepada gangguan kejiwaan, tetapi trauma berjangka panjang merupakan impak yang boleh menyebabkan kepada gangguan kejiwaan sehingga boleh membuat mayarakat itu tidak boleh hidup secara normal. Oleh itu, memperhatikan kepada kesan yang berlaku dalam kehidupan para mangsa membuat pihak *NGO* memberikan bantuan psikologis terutama seperti program kaunseling. Program kaunseling pada asasnya diberikan kepada mangsa selamat yang mengalami rasa trauma, baik golongan orang tua mahupun golongan anak-anak. Namun demikian, anak-anak sangat diutamakan untuk membangunkan harapan baharu dengan keadaan yang baharu pula. Sedangkan kepada orang tua, program kaunseling untuk membantu mereka memahami dan menerima kenyataan hidup dan melupakan semua tragedi yang pernah berlaku. Tindakan ini boleh dilaksanakan jikalau pihak pemberi bimbingan boleh memperhatikan persekitaran mangsa disebabkan kaedah yang dilakukan tidak menumbuhkan rasa kecurigaan. Namun demikian, tindakan yang dilakukan oleh pihak *NGO* dalam memberikan program kaunseling sangat berbeza-beza sehingga hasilnya juga berbeza sesuai dengan keinginan oleh pihak *NGO* itu sendiri. Sebagaimana perbualan dengan peserta N4 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Memang setiap *NGO* asing dalam melaksanakan bantuan psikologis seperti program kaunseling kepada mangsa tsunami di Aceh kerap tidak sama...hal disebabkan kaedah yang dilakukan berbeda-beza jadi tidak aneh jika hasilnya tidak sama dengan *NGO* satu dengan yang lain, ” (perbualan N4//2015/22-02).

Perbualan dengan peserta N4 menjelaskan bahawa setiap *NGO* memiliki kaedah yang tidak sama dalam melaksanakan usaha pemulihan mental kepada masyarakat.

Terdapat *NGO* yang melakukannya dengan memberikan hiburan, permainan dan juga dengan pendidikan. Berasaskan pemerhatian, ada kaedah yang kerap dilakukan oleh pihak *NGO* iaitu kaedah individual, khususnya untuk mangsa yang tingkat tekanannya berat, sementara itu kepada mangsa yang beban psikologisnya masih pada taraf sedang boleh dilakukan dengan kaedah kumpulan. Kaedah kaunseling secara kumpulan boleh menjadi lebih efektif disebabkan dengan adanya kumpulan tersebut mereka seolah-olah menemukan "keluarga baru" yang boleh dijadikan tempat untuk saling membantu daripada pelbagai permasalahan dan kesulitan yang dirasakan semasa anggotanya. Kaedah-kaedah yang dilakukan pada asasnya hanya memberikan bantuan untuk pemulihan mental kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana. Tetapi jika dilihat daripada kawasan Aceh yang mengamalkan budaya Islam yang kuat dan keseluruhan masyarakatnya adalah orang Islam, maka kaedah keagamaan merupakan penyelesaian yang lebih baik. Sebagaimana perbualan dengan peserta M4 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Memang banyak *NGO* asing yang memberikan bantuan kaunseling kepada masyarakat tetapi menurut saya kaedah keagamaan sangatlah tepat disebabkan masyarakat Aceh merupakan keseluruhan beragama Islam tetapi sebenarnya kita yang selamat sudah seharusnya mensyukuri apa yang ada...sekarang saya hanya ingin ingin memperbanyak ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT,” (perbualan M4//2015/14-01).

Perbualan dengan peserta M4 merumuskan bahawa seharusnya pihak *NGO* asing dalam memberikan bantuan psikologis terutama perkhidmatan kaunseling harus lebih menumpukan kepada kaedah keagamaan, bukan dengan hiburan dan permainan dalam memulihkan mental masyarakat. Membina kehidupan yang bermakna perlunya ketegaran jiwa dan keyakinan kuat terhadap kebesaran Allah diikuti dengan usaha yang tidak mengenal lelah. Program kaunseling pada asasnya sangat bermanfaat dalam membantu para mangsa untuk mampu memecahkan pelbagai masalah secara kreatif melalui hubungan timbal balik dan dukungan persekitarannya. Selain itu juga untuk menstabilkan keadaan emosional mangsa selepas kejadian bencana.

Berasaskan data menengah, ramai *NGO* asing yang datang ke Aceh memberikan bantuan psikologis terutama program kaunseling kepada mangsa dan masyarakat di Aceh. Namun demikian, melihat keadaan mangsa sudah semakin baik maka hanya ada beberapa *NGO* yang masih tinggal untuk terus membantu usaha pemulihan kepada mangsa dan masyarakat supaya boleh kembali hidup seperti sediakala seperti seperti *Mercy Corps, Christian Children's Fun, International Chatolic Migration Commision, Caholic Relief Service, OXFAM, Caritas Australia, World Relief* dan *World Vision*. Namun demikian bantuan psikologis yang diberikan seperti program kaunseling telah terdapat usaha penyimpangan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Berasaskan pada pengalaman para peserta, ramai komuniti asing dan *NGO* asing memberikan bantuan tidak semata-mata kemanusiaan tetapi ada niat lain yang tidak sesuai dengan protokol tambahan Konvensi Geneva pada tahun 1977, iaitu bantuan kemanusiaan diagihkan tidak boleh memihak, tidak

membeza dan merugikan mana-mana pihak. Sebagaimana perbualan dengan peserta M3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Ada terdapat beberapa *NGO* menjadikan program kaunseling untuk melakukan tindakan yang tidak sesuai seperti memberikan kefahaman yang berbeza dengan keyakinan agama mangsa dan setiap bantuan yang diberikan kerap dimasukan pelbagai pesan yang mengandung nilai-nilai daripada keyakinan agama lain, ” (perbualan M3//2015/12-01).

Perbualan dengan peserta M3 menjelaskan bahawa terdapat beberapa *NGO* yang melakukan usaha kaunseling kepada masyarakat dengan memberikan kefahaman yang berbeza dengan keyakinan agama mangsa dan masyarakat di Aceh. Selain itu juga terdapat pesan-pesan yang bertujuan untuk mempengaruhi mental mangsa dan masyarakat. Hal ini kerap didapati semasa pengurusan bencana. Ramainya komuniti asing dan *NGO* datang ke Aceh untuk melakukan misi kemanusiaan. Tetapi di sebalik itu menumbuhkan keimbangan terhadap misi kemanusiaan tersebut. Sebagai contoh, salah seorang doktor yang datang ke Aceh dan meninggalkan pekerjaan sebelumnya hanya kerana teringin membantu mangsa tsunami. Sebagaimana perbualan dengan M2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Ada seseorang doktor dari Amerika Syarikat yang ikut bergabung dengan salah satu *NGO* ketika saya tanya apa yang memotivasi dia untuk meninggalkan pekerjaannya dan memikirkan kepada kehidupan mangsa-tsunami...dia hanya mengatakan dua patah kata yang bermakna sangat dalam "Kasih Tuhan," (perbualan M2//2015/11-01).

Perbualan dengan peserta M2 menjelaskan bahawa kejadian yang berlaku di Aceh telah membuat ramai orang asing tertarik memberikan pertolongan dan membantu para mangsa tetapi mereka menyebutkan ini merupakan panggilan daripada

keyakinannya. Berasaskan pemerhatian semasa pengurusan bencana terdapat sukarelawan yang memiliki perbezaan agama dengan keseluruhan mangsa dan masyarakat. Hal ini telah terbukti dengan adanya pelbagai tindakan yang dilakukan semasa program kaunseling di mana kerap mangsa mendapatkan nasihat dan permainan yang sangat bercanggah dengan akidah Islam. Sebagaimana perbualan dengan peserta N2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Saya sebagai saksi bagaimana *NGO* semasa memberikan bantuan dan juga memberikan perkhimatan semasa kaunseling kerap memberikan pertanyaan-pertanyaan kepada anak-anak “apakah tuhan kamu ada memberikan bantuan seperti ini” tentu pertanyaan ini membuat anak-anak menjawab tidak...selain itu ada bantuan yang di dalamnya terdapat kitab injil atau salip serta pesan-pesan keagamaan,”(perbualan N2//2015/20-02).


Perbualan dengan peserta N2 menjelaskan bahawa ada beberapa pelaku daripada salah satu *NGO* menjadikan kejadian tsunami di Aceh untuk memberikan satu kefahaman yang berbeza kepada mangsa dan masyarakat di Aceh. Tindakan-tindakan ini sudah tentu tidak menggambarkan lagi nilai kemanusiaan seperti memasukkan pelbagai pesan keagamaan yang tidak sesuai dengan keyakinan keagamaan mangsa dalam bentuk bantuan. Tindakan tersebut sudah tentu sangat sensitif dan boleh berbahaya, ditambah ianya dilakukan pada keadaan mangsa dan masyarakat yang sedang lemah. Oleh itu sudah seharusnya pihak kerajaan memberi perhatian yang sangat serius terhadap tindakan-tindakan yang dilakukan terutama semasa memberikan program kaunseling semasa pengurusan bencana. Berasaskan pemerhatian, tidak semua *NGO* asing yang melakukan tindakan seperti yang disampaikan oleh peserta N2 tetapi terdapat pelaku yang melakukan usaha merosak akidah mangsa. Namun demikian tindakan yang dilakukan para pelaku tersebut tidak secara terang-terangan dalam persekitaran mangsa.

Perbualan dengan peserta seperti M1, M2, M3, M4, N1, N2, N3, N4 dan N5 mengesahkan bahawa program kaunseling yang dilaksanakan oleh beberapa *NGO* telah menjadi satu penyelesaian dalam mengatasi permasalahan tekanan dan trauma kepada mangsa tsunami di Aceh. Usaha yang dilaksanakan dalam program kaunseling adalah dengan memberikan pemulihan mental melalui permainan, hiburan, pendidikan dan bantuan lainnya sebagai satu usaha untuk melupakan pelbagai impak bencana tsunami. Tindakan yang dilakukan melalui hiburan, permainan dan pendidikan memang boleh membawa mangsa melupakan kesan daripada bencana. Tindakan yang dilakukan merupakan salah satu penyelesaian yang diberikan oleh pihak *NGO* dalam membentuk semangat baharu kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana. Namun demikian para peserta tidak menafikan bahawa bantuan psikologis seperti program kaunseling yang dilaksanakan oleh beberapa *NGO* asing telah juga mencetuskan pelbagai permasalahan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Program kaunseling terkadang kala tidak sesuai dengan ciri dan budaya yang terdapat dalam kehidupan masyarakat Aceh terutama di kalangan penduduk yang keseluruhannya beragama Islam. Banyak program kaunseling lebih menekankan kepada bentuk hiburan dan juga permainan dalam memulihkan psikologis mangsa. Namun kesan yang tercetus daripada bentuk hiburan telah menyimpang kepada kehidupan sosial mangsa dan masyarakat di Aceh. Kesan lain yang terdapat dalam program kaunseling adalah banyak bantuan yang diberikan semasa program kaunseling kepada mangsa terdapat pelbagai pesan yang tidak sesuai dengan keagamaan keseluruhan masyarakat di Aceh. Oleh itu sudah seharusnya pihak kerajaan mengambil kira terhadap usaha kaunseling yang tidak sesuai dengan tradisi dan budaya serta keyakinan keseluruhan mangsa dan masyarakat di Aceh.

4.6 Tema Keempat : Keterdedahan

Berasaskan kepada soalan keempat, maka objektif kajian adalah untuk mengenalpasti keterdedahan yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana tsunami tamat di Aceh. Merujuk data menengah, bencana tsunami telah menyebabkan kerosakan daripada pelbagai sektor, seperti sektor perumahan, sektor produktif, sektor sosial dan juga sektor prasarana awam serta lainya. Kesan bencana tsunami, selain mencetuskan mangsa mati telah juga menyebabkan orang ramai kehilangan pendapatan sehingga menyebabkan tingginya kadar pengangguran. Tetapi, semenjak kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing dalam pengurusan bencana telah membuka kembali harapan kehidupan kepada mangsa dan masyarakat. Hal ini disebabkan komuniti asing dan *NGO* asing telah membawa pelbagai bantuan dan sumber kewangan terhadap usaha pemulihan dan pembinaan dalam pengurusan bencana tsunami.

Namun demikian kehadiran komuniti asing dan *NGO* terutama *NGO* asing semasa pengurusan bencana tidak sahaja membawa kepada kesan positif tetapi telah juga membawa kesan negatif yang mencetuskan kepada bentuk keterdedahan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Untuk mengetahui bentuk keterdedahan yang berlaku disebabkan oleh kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing, maka perlu dilakukan penyelidikan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di kawasan bencana. Berasaskan daripada analisis perisian NVivo 11 bahawa tema keterdedahan mendapatkan dua subtema dan dua kategori. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap tema keterdedahan selepas pengurusan bencana tamat terutama di daerah Aceh Barat, sila rujuk Rajah 4.21.



Rajah 4.21

Tema Keterdedahan Selepas Pengurusan Bencana Tamat

Sumber : Analisis Penyelik


Rajah 4.21, tema keterdedahan selepas pengurusan bencana tamat telah mendapatkan dua subtema dan dua kategori. Supaya memudahkan dalam menjelaskan analisis daripada dapatan kajian ini, maka telah diagihkan kepada dua bahagian, iaitu : 1) Analisis terhadap subtema keterdedahan sosioekonomi dalam satu kategori; 2) Analisis terhadap subtema keterdedahan sosiobudaya dalam satu kategori. Untuk maklumat lebih jelas terhadap dapatan kajian dalam tema keterdedahan, sila rujuk Jadual 4.4

Jadual 4.4
Matrik Coding pada Tema Keterdedahan

Bil	Subtema	Kategori	Rujukan	Sumber
1.	Keterdedahan Sosioekonomi	a. Kekaratan Akidah	22	23
2.	Keterdedahan Sosiobudaya	b. Kedangkalan Akidah	23	
Jumlah			45	23

Sumber : Analisis Penyelidik

Jadual 4.4, matrik *coding* di atas mengesahkan bahawa subtema keterdedahan sosioekonomi dalam kategorinya telah mendapatkan 22 rujukan daripada 23 sumber data yang telah diselidik. Manakala subtema keterdedahan sosiobudaya dalam kategorinya telah mendapatkan 23 rujukan daripada 23 sumber data yang diselidik. Keseluruhan 45 rujukan yang terdapat dalam tema keterdedahan selepas pengurusan bencana merupakan hasil daripada temubual, memo penyelidikan, foto dan video seperti yang terdapat daripada rajah 4.21. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap data pengedaran perbualan para peserta yang telah di temu bual, sila lihat Rajah 4.22 seperti berikut :



Rajah 4.22

Coding Referensi pada Tema Keterdedahan di Aceh


Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.22, *coding referensi* pada tema keterdedahan didapati dua subtema seperti subtema keterdedahan sosioekonomi dan subtema keterdedahan sosiobudaya telah mendapatkan dua kategori. Kedua-dua kategori merupakan hasil daripada temubual dengan peserta seperti K1, K3, K5, K6 M1, M2, M3, M4, U1, U2, U3 dan U4. Keseluruhan peserta yang telah dilakukan proses temubual semasa penyelidikan kerap mengemukakan isu-isu yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Antaranya adalah isu terhadap kekaratan akidah dan isu terhadap kedangkalan akidah yang berlaku selepas pengurusan bencana tamat di daerah Aceh Barat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu yang terdapat dalam kedu-dua subtema, sila lihat penjelasan yang telah dihuraikan mengikut proses analisis sesuai dengan dapatan dalam perisian NVivo 11.

4.6.1 Subtema Keterdedahan Sosioekonomi

Keterdedahan sosiekonomi merupakan satu subtema yang terdapat pada tema keterdedahan semasa dan selepas pengurusan bencana di Aceh. Keterdedahan sosioekonomi adalah kerapuhan ekonomi pada kehidupan seperti kekurangan dalam kesejahteraan masyarakat yang boleh meningkatkan kemiskinan dan boleh mencetuskan risiko yang membawa bencana (Kasperton, 2005). Seperti contoh, golongan orang miskin yang kurang bernasib baik akan mudah mendapatkan bahaya disebabkan tidak cukup keupayaan dalam kewangan sehingga boleh cepat terdedah daripada satu perubahan yang berlaku. Sebagaimana penjelasan sebelumnya, kesan bencana tsunami tidak sahaja daripada fizikal tetapi juga bukan fizikal, seperti kejatuhan ekonomi masyarakat di Aceh. Sebagaimana dimaklumkan bahawa kejadian tsunami telah membuat ramai orang kehilangan sumber pendapatan dan pekerjaan yang membawa kepada tekanan. Namun demikian kejadian itu tidak lama berlanjut disebabkan pelbagai bantuan dari komuniti asing dan *NGO* asing telah cepat memulihkan keadaan. Tetapi, pelbagai bantuan tidak selalu membawa kesan positif, ia juga membawa kesan negatif semasa dan selepas pengurusan bencana di Aceh.

Dalam kajian ini, penyelidikan hanya meneroka kesan yang kerap dirasakan oleh masyarakat terhadap perubahan yang berlaku selepas pengurusan bencana. Oleh itu, penyelidikan ini telah mengumpulkan data menengah dan temubual dengan para peserta yang ada di daerah Aceh Barat. Peserta yang dipilih merupakan peserta yang mengetahui bentuk perubahan yang berlaku disebabkan keterdedahan sosioekonomi dalam persekitaran masyarakat di daerah Aceh Barat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan para peserta pada subtema keterdedahan sosioekonomi, sila dilihat Rajah 4.23



Rajah 4.23

Coding Referensi dalam Subtema Sosioekonomi

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.23, *coding referensi* pada subtema sosioekonomi didapati satu kategori iaitu kategori kekaratan akidah. Kategori kekaratan akidah merupakan hasil daripada proses temubual dengan peserta, seperti K1, K3, M1, M2, M3, M4, U1, dan U2. Keseluruhan peserta kerap mengemukakan terhadap isu kekaratan akidah yang berlaku dalam kehidupan masyarakat seperti perubahan moral dan mental masyarakat yang lebih mencari keuntungan atau motif kewangan semasa pengurusan bencana yang dilaksanakan di Aceh. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu kekaratan akidah yang disebabkan oleh keterdedahan sosioekonomi dalam persekitaran kehidupan masyarakat semasa pengurusan bencana, sila lihat penjelasan daripada kategori kekaratan akidah yang terdapat dalam subtema keterdedahan sosioekonomi pada tema keterdedahan semasa dan selepas pengurusan bencana tamat di Aceh, terutama perubahan yang berlaku dalam persekitaran kehidupan mangsa dan masyarakat di daerah Aceh Barat dan daerah Kepulauan Simeulue.

4.6.1.1 Kekaratan Akidah

Kekaratan akidah adalah satu keadaan kerapuhan dalam kehidupan masyarakat disebabkan oleh satu perubahan yang berlaku sehingga membuat perilaku, moral dan mental menyimpang daripada norma-norma secara amnya. Merujuk kepada data menengah yang didapati daripada BPBD Aceh, kerosakan dan kerugian yang disebabkan bencana tsunami telah mencecah RM 19,070,475,000.00 atau sama dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (*KDNK*) Aceh daripada tahun 2003. Namun demikian, bajet pemulihan dan pembinaan yang dirancang mencecah sejumlah RM 27,855,750,000.00 atau telah melebihi daripada perkiraan kerosakan. Terdapat 2,200 aktiviti projek kemanusiaan yang dilaksanakan oleh komuniti asing dan *NGO* asing semasa pengurusan bencana tsunami. Namun demikian, selepas pengurusan bencana tsunami tamat telah berlaku pelbagai permasalahan baharu yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Berasaskan dapatan kajian, kerap peserta mengemukakan berlakunya kekaratan akidah selepas pengurusan bencana tsunami tamat. Untuk maklumat lebih jelas sila lihat pokok perkataan terhadap kekaratan akidah daripada Rajah 4.24



Rajah 4.24
Pokok Perkataan Kekaratan Akidah
Sumber : Analisis Penyelidik


Rajah 4.24, pokok perkataan kekaratan akidah menjelaskan bagaimana para peserta, seperti K1, K3, K5, M1, M2, M3 dan M4 kerap mengemukakan perkataan kekaratan akidah yang berlaku dalam kehidupan masyarakat disebabkan perubahan sosioekonomi di Aceh. Perubahan sosioekonomi telah membuat pergeseran perilaku dan moral masyarakat semasa dan selepas pengurusan bencana yang dilaksanakan daripada tahun 2005 sehingga 2009. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa kesan bencana tsunami yang berlaku pada penghujung tahun 2004 telah menyebabkan orang ramai kehilangan pendapatan dan pekerjaan sehingga membawa kepada tinggi kadar pengangguran di Aceh. Hal ini sebagaimana disampaikan oleh peserta K5 bertindakbalas seperti berikut :

“ Kejadian tsunami telah membuat ramai orang kehilangan pendapatan dan pekerjaan...saya rasa kadar pengangguran mencecah angka lebih 600,000 orang hal ini disebabkan kerosakan daripada sektor ekonomi dan juga tempat-tempat usaha,” (perbualan K5//2015/05-07).

Perbualan dengan peserta K5 menjelaskan bahawa kerosakan daripada sektor ekonomi seperti prasarana usaha telah mencetuskan tingginya kadar penganguran di Aceh. Hal ini disebabkan orang ramai kehilangan pendapatan dan pekerjaan sehingga masyarakat pada masa itu tidak memiliki pendapatan tetap sebagai jaminan hidup. Untuk lebih jelasnya sila lihat perbualan dengan peserta M3 seperti berikut :

“ Keadaan selepas bencana telah membuat saya sedikit rasa kecewa disebabkan tidak ada pekerjaan dan pendapatan sehingga saya hanya mengharapkan daripada pertolongan orang lain...sebelumnya saya bekerja sebagai nelayan tetapi disebabkan daripada boat saya telah rosak telah membuat saya tidak lagi bekerja sebagai nelayan,”(perbualan M3//2015/12-01).

Perbualan dengan peserta M3 menjelaskan bahawa selepas kejadian tsunami telah membuat ramai orang tidak lagi bekerja disebabkan rosaknya prasarana dan tempat usaha. Kejadian yang berlaku telah membuatkan keadaan sangat membimbangkan serta ditambah dengan beban hidup semakin tinggi yang disebabkan pelbagai harga barang yang tinggi selepas bencana. Namun demikian, keadaan tersebut hanya bersifat sementara disebabkan semasa proses pengurusan bencana ramai komuniti asing dan *NGO* asing datang ke Aceh telah memberi satu harapan yang baharu. Kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing semasa pengurusan bencana di Aceh secara langsung telah membawa satu perubahan khususnya dalam segi ekonomi kepada masyarakat di Aceh. Banyaknya bantuan dan kesempatan bekerja telah memberi satu kesempatan kepada masyarakat untuk mendapatkan pekerjaan semasa pengurusan bencana. Hal ini kerap disampaikan oleh peserta seperti M1, M2, dan M4. Sebagai contoh perbualan dengan peserta M4 yang bertindakbalas seperti berikut :



“ Tidak boleh dipertikaikan sejak adanya *NGO* telah membuat ramai orang ramai mendapat pekerjaan bermula dari pekerja biasa sehingga membuat keputusan...pihak *NGO* membuka seluas luasnya kesempatan kepada masyarakat yang ingin bekerja dalam proses pemulihan dan pembinaan kepada kawasan yang terjejas oleh bencana tsunami.” (perbualan M4//2015/21-2).

Perbualan dengan peserta M4 mengesahkan bahwa sejak kehadiran *NGO* terutamanya *NGO* asing telah memberikan peluang besar kepada orang ramai untuk terlibat dalam usaha pengurusan bencana di Aceh. Kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing telah membuka kesempatan kepada masyarakat untuk mendapatkan pekerjaan. Namun demikian, kehadiran ramai komuniti asing dan *NGO* asing telah memberi satu kesempatan untuk mencari keuntungan sehingga melupakan kebiasaan

sosial dan nilai dalam tradisi kehidupan masyarakat Aceh. Seperti contoh hilangnya rasa kekeluargaan dan sosial yang disebabkan lebih mengutamakan kepentingan *NGO* asing daripada memikirkan nasib para mangsa tsunami yang sangat memerlukan perhatian. Hal ini disebabkan oleh motif ekonomi yang menguntungkan dengan adanya kerjasama dengan pihak *NGO* sehingga menghilangkan rasa kepedulian kepada mangsa dan masyarakat yang memerlukan bantuan. Tercetusnya perilaku tersebut disebabkan oleh kebiasaan pihak *NGO* asing yang kerap menjadikan wang sebagai media dalam mempermudah segala urusan semasa pengurusan bencana sehingga membuat perubahan persepsi dalam cara berfikir masyarakat. Maka tidak hairan kesan tersebut telah mencetus kepada kekaratan akidah dalam kehidupan masyarakat seperti sifat materialistik, sifat tamak dan serakah. Keadaan yang berlaku memang tidak boleh dikawal, tetapi kebiasaan yang dibawa oleh komuniti asing dan *NGO* asing secara langsung mahupun tidak langsung telah membuat perubahan dalam kehidupan masyarakat di Aceh. Sebagaimana perbualan dengan peserta M2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Memang selepas ramainya komuniti asing dan *NGO* asing datang ke Aceh telah membuat masyarakat mudah mendapatkan pekerjaan dan juga penghasilan...tetapi permasalahan yang tercetus adalah masyarakat telah terslena dengan pelbagai keuntungan daripada *NGO* dan tidak lagi memfikirkan siapa yang seharusnya harus diberikan usaha pertolongan,” (perbualan M2//2015/11-01).

Perbualan dengan peserta M2 menjelaskan bahawa kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing telah membawa satu berkah dan keuntungan kepada orang ramai semasa pengurusan bencana di Aceh. Namun demikian, ia telah membuatkan proses pertolongan kepada mangsa terabai disebabkan oleh kesibukan dalam memikirkan keuntungan kerjasama dengan pihak komuniti asing dan *NGO* asing. Berasaskan

pemerhatian, kerjasama yang dilakukan adalah seperti contoh menyewakan kereta dan rumah kepada pihak komuniti asing dan juga *NGO* asing. Selain itu ramai orang bertindak sebagai pengantara atau orang tengah dalam semua aktiviti yang dilakukan oleh komuniti asing dan *NGO* asing. Hal ini dilakukan disebabkan tingkat bayaran atau gaji yang sangatlah tinggi berbanding bekerjasama dengan pihak kerajaan mahupun pihak *NGO* tempatan. Oleh itu kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing telah membuat orang ramai mudah mendapatkan wang dengan jumlah yang besar sehingga yang tercetus adalah orang kaya semakin kaya dan orang miskin semakin tidak berdaya. Seperti contoh orang yang tidak terkena bencana dan memiliki rumah lebih daripada satu telah menyewakan rumah kepada pihak komuniti asing dan *NGO* asing dengan harga yang tidak wajar. Harga yang mahal tidak menjadi masalah kerana pihak *NGO* asing memiliki dana yang besar. Ianya berbeza dengan masyarakat biasa yang teringin untuk menyewa rumah tetapi tidak mampu membayarnya. Sebagaimana perbualan dengan peserta M1 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Hampir kesemua rumah masyarakat yang tidak terjejas daripada bencana tsunami kerap disewakan kepada komuniti asing dan *NGO* dengan harga yang sangat tinggi...harga yang disewakan kalau menurut saya memang tidak masuk diakal tetapi kepada komuniti asing dan *NGO* tidak menghiraukan dengan harga sewa tersebut tetapi kesan yang berlaku adalah menyebabkan masyarakat yang tidak memiliki rumah dan ingin menyewanya tidak sanggup membayarnya,” (perbualan M1//2015/10-01).

Perbualan dengan peserta M1 mengesahkan bahawa pada masa pengurusan bencana rumah-rumah masyarakat yang tidak terjejas bencana kerap disewakan kepada pihak *NGO* asing sebagai tempat kerja. Pada waktu yang sama harga sewa yang dikenakan adalah sangat tinggi dan tidak logik sehingga kesan yang berlaku adalah masyarakat

yang tidak memiliki rumah tidak sanggup memenuhi harga sewa seperti yang dikenakan kepada pihak *NGO*. Hal ini telah mewujudkan satu jurang antara masyarakat yang tidak terkena bencana dengan masyarakat yang terkena bencana. Masyarakat yang tidak terkena bencana mendapatkan keuntungan yang besar, di sebaliknya masyarakat yang terkena menjadi menjadi kurang berasib baik dengan keadaan yang berlaku pada masa itu. Keadaan tersebut berterusan dari tahun 2005 sehingga 2009. Sebagaiman penjelasan sebelumnya bahawa aliran dana yang mengalir dan masuk ke Aceh sangat besar sehingga membuat keseluruhan masyarakat teringin mengambil bahagian dalam pertarungan meraih dana bantuan. Berasaskan pengalaman, keseluruhan masyarakat yang tidak terjejas bencana teringin mendapatkan bantuan dan keuntungan semasa pengurusan bencana. Namun yang menyediikan terdapat masyarakat yang tidak terkena bencana mengaku sebagai mangsa tsunami. Hal ini telah menjelaskan bagaimana mental dan moral masyarakat pada masa itu yang mengambil kesempatan di sebabkan motif ekonomi. Perubahan sosioekonomi juga telah menyebabkan ramai orang yang memiliki pekerjaan seperti contoh petani mahupun nelayan telah meninggalkan pekerjaan demi untuk bekerja dengan pihak *NGO* asing sehingga menyebabkan banyak lapangan pekerjaan lama terbengkalai disebabkan sibuk mencari keuntungan yang lebih besar. Kejadian ini juga berlaku dalam persekitaran akademik seperti pensyarah dan para pelajar yang terpengaruh untuk ikut mengambil bahagian dalam bekerjasama dengan pihak *NGO* asing dalam usaha pengurusan bencana di Aceh. Keseluruhan pekara ini boleh berlaku disebabkan adanya motif untuk mendapatkan pendapatan yang lebih besar dan pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh pihak *NGO* asing semasa pengurusan bencana di Aceh. Berasaskan pemerhatian, masyarakat yang bekerja dengan *NGO* asing kerap mendapatkan gaji tinggi dan mendapatkan kemudahan rumah dan kereta

untuk beroperasi. Oleh itu tidak hairan mengapa orang ramai sangat berminat untuk bekerja dengan pihak *NGO* asing semasa pemulihan dan pembinaan di Aceh. Sebagaimana perbualan dengan peserta M3 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Masa itu memang kalau tidak bekerja dengan *NGO* maka sangat susah mendapatkan gaji yang tinggi...saya dulunya sebagai pelajar pada universiti semua kawan-kawan saya semua bekerja dengan *NGO* begitu juga pensyarah-pensyarah di universiti maka itu saya bekerja walaupun saya tahu itu hanya sementara,” (perbualan M3//2015/12-01).

Perbualan dengan peserta M3 mengesahkan bahawa motif ekonomi telah menyebabkan keseluruhan kalangan seperti contoh pihak kerajaan, akademik mahupun masyarakat yang telah memiliki pekerjaan tetap telah terpengaruh untuk bekerja dengan pihak *NGO* dengan gaji yang besar. Namun demikian, pekerjaan yang diberikan oleh *NGO* asing tidak selamanya sehingga selepas pengurusan bencana tamat dan berikutan *NGO* asing keluar telah menyebabkan banyak yang kehilangan pekerjaan. Kesan lainnya daripada perubahan sosioekonomi selepas pengurusan bencana tamat adalah tingginya beban hidup yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa kebiasaan mendapatkan pendapatan yang tinggi telah membuat konsumsi masyarakat juga semakin besar. Namun demikian selepas pengurusan bencana tamat dan dalam waktu yang sama pihak komuniti asing dan *NGO* asing keluar telah menyebabkan konsumsi masyarakat semakin menurun disebabkan berkurangnya pendapatan. Keadaan ini telah membuat ramai masyarakat mengalami tekanan jiwa dan kekecewaan yang disebabkan beban hidup yang tinggi serta tidak terkawal. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa kos hidup di Aceh sangat besar berbandingkan dengan provinsi lain. Kesan yang tercetus adalah kerap didapati pelbagai kes yang berlaku

dalam persekitaran masyarakat, seperti contoh tingginya kes jenayah dan kes perceraian yang berlaku dalam persekitaran masyarakat disebabkan oleh faktor ekonomi. Hal ini disampaikan dalam perbulan dengan peserta K1, yang bertindak balas seperti berikut :

“ Selepas pengurusan bencana tamat dan seiringan dengan keluarnya *NGO* asing telah ramai didapat kes-kes perceraian yang berlaku dalam persekitaran masyarakat di Acheh...motif perceraian salah satunya disebabkan oleh faktor ekonomi...yang sebelumnya mereka memiliki kemampuan kewangan yang mampan...namun dengan tidak ada lagi pendapatan dan ditambah kos sara hidup yang tinggi telah membuat mereka mengalami stres yang berujung dengan permasalahan dalam rumah tangga,”(perbualan//K1/2015/).

Perbualan dengan peserta K1 mengesahkan bahawa isu-isu yang berlaku selepas pengurusan bencana tamat disebabkan oleh perubahan sosioekonomi boleh mencetuskan kekaratan akidah. Selepas pengurusan bencana kesan seperti kes jenayah dan kes perceraian yang berlaku dalam masyarakat disebabkan oleh permasalahan daripada faktor ekonomi. Merujuk data yang diterima daripada Jabatan Kemajuan Syariah Islam (*Dinas Syariah Islam*) Acheh Barat bahawa kes perceraian daripada tahun 2014 telah mencecah 302 dan kes tersebut terus meningkat setiap tahunnya. Tingginya kes perceraian dalam persekitaran masyarakat salah satunya disebabkan oleh beban hidup yang tinggi selepas pengurusan bencana tamat. Selain itu tingginya kes jenayah yang berlaku dalam persekitaran masyarakat salah satunya adalah disebabkan oleh faktor ekonomi.

Keseluruhan contoh perbualan dengan peserta seperti M1, M2, M3, M4, K1 dan K3 mendapati bahawa kategori kekearatan akidah dalam subtema keterdedahan sosioekonomi mengesahkan bahawa kehadiran pelbagai komuniti dan *NGO* asing


telah menyebabkan berlakunya satu perubahan kepada ekonomi dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Namun demikian perubahan ekonomi yang berlaku semasa pengurusan bencana telah juga mencetuskan isu kekaratan akidah dalam persekitaran kehidupan masyarakat. Hal ini disebabkan ramai masyarakat telah mengesampingkan nilai-nilai adat dan tradisi disebabkan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan sebesar-besarnya semasa pengurusan bencana. Tetapi selepas pengurusan bencana tamat dan berakhirnya *NGO* asing di Aceh telah membuat ramai masyarakat mengalami tekanan jiwa dan kekecewaan kerana menurunnya pendapatan dan juga hilangnya lapangan kerja. Kesan yang tercetus telah menyebabkan pelbagai kes yang berlaku dalam persekitaran masyarakat yang disebabkan oleh beban hidup yang semakin tinggi di Aceh.

Berasaskan kepada memo penyelidik bahwa kehadiran *NGO* asing semasa pemulihan telah menjadi satu kesempatan kepada masyarakat untuk mendapatkan rezeki dan juga lapangan pekerjaan. Fenomena bekerja dengan komuniti asing dan *NGO* asing disebabkan gaji yang tinggi serta kemudahan yang mewah telah membuat hampir keseluruhan kalangan seperti kakitangan kerajaan, pensyarah dan juga pelajar terpengaruh untuk turut bekerja dengan *NGO* asing. Namun demikian kerap mereka melupakan tanggung jawab kepada pekerjaan lama semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Oleh itu keterdedahan sosioekonomi telah mencetuskan kekaratan akidah di mana kerap terdapat masyarakat yang melupakan nilai sosial dan tanggungjawab disebabkan oleh motif ekonomi yang lebih besar.

4.6.2 Subtema Keterdedahan Sosiobudaya

Keterdedahan sosiobudaya merupakan salah satu subtema yang terdapat pada tema keterdedahan semasa dan selepas pengurusan bencana. Keterdedahan sosiobudaya boleh diertikan sebagai satu keadaan kerapuhan masyarakat dalam menghadapi pelbagai ancaman yang boleh membawa kerosakan kepada tradisi dan keyakinan dalam kehidupannya. Berasaskan pemerhatian bahawa perubahan yang berlaku di Aceh tidak boleh dipisahkan terhadap kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing semasa pengurusan bencana di Aceh. Menurut laporan pihak Bappenas (2006), penyertaan komuniti asing semasa pengurusan bencana di Aceh mencecah 133 negara, 435 *NGO* dan 4,478 tentera asing. Sedangkan pelawat asing yang masuk ke Aceh menurut Badan Statistik Aceh (2010) telah berlaku peningkatan daripada tahun 2005 sehingga tahun 2009, iaitu mencecah 18,589 orang (*lihat Lampiran B6-18*). Kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing ke Aceh sudah tentu berkaitan dengan usaha pengurusan bencana. Namun demikian, kehadiran pelbagai komuniti tersebut terutamanya komuniti asing tidak selalu membawa kesan positif tetapi juga kesan negatif yang boleh mencetuskan keterdedahan dalam kehidupan sosiobudaya masyarakat di Aceh.

Dalam kajian ini, penyelidikan hanya meneroka pelbagai kesan yang kerap dirasakan oleh masyarakat, Ulama dan pihak kerajaan terhadap perubahan yang berlaku semasa pengurusan bencana di Aceh. Oleh itu, penyelidikan ini telah mengumpulkan data menengah dan melakukan usaha temubual dengan para peserta yang terdapat di daerah Aceh Barat. Peserta yang dipilih merupakan peserta yang ikut merasakan dan mengetahui bentuk perubahan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap taburan perbualan dengan para peserta pada subtema keterdedahan sosiobudaya, sila rujuk Rajah 4.25



Rajah 4.25


Coding Referensi dalam Subtema Sosiobudaya

Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.25, *coding referensi* pada subtema keterdedahan sosiobudaya mendapati satu kategori iaitu kategori kedangkalan akidah. Kategori kedangkalan akidah merupakan hasil daripada proses temubual dengan para peserta, seperti K1, K3, M1, M2, M3, M4, U1, dan U2. Keseluruhan peserta kerap mengemukakan isu kedangkalan akidah daripada perubahan yang berlaku dalam masyarakat selepas pengurusan bencana tamat. Untuk maklumat lebih jelas terhadap isu kedangkalan akidah yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat, sila lihat penjelasan terhadap kategori kedangkalan akidah dalam subtema keterdedahan sosiobudaya pada tema keterdedahan di Aceh, terutama perubahan yang berlaku di daerah Aceh Barat sebagai kawasan yang teruk terkena bencana tsunami.

4.6.2.1 Kedangkalan Akidah

Kedangkalan akidah merupakan satu keadaan kerapuhan masyarakat terhadap kepercayaan mahupun keyakinan kepada agamanya disebabkan oleh adanya pengaruh daripada orang asing yang sengaja merosakkan akidah. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa kehadiran komuniti asing dan *NGO* keagamaan telah mencetuskan rasa bimbang terhadap pergeseran keyakinan masyarakat. Hal ini disebabkan percampuran keyakinan kepada mangsa dan masyarakat yang merupakan majoriti beragama Islam. Interaksi antara kedua perbezaan keyakinan secara langsung mahupun tidak langsung boleh mencetuskan kepada keterdedahan sosiobudaya dalam persekitaran masyarakat di Aceh. Oleh itu, penyelidik perlu meneroka isu keterdedahan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat terutama di Aceh Barat dan Kepulauan Simeulue. Berasaskan dapatan kajian, keterdedahan sosiobudaya yang kerap disampaikan oleh peserta adalah isu kedangkalan akidah. Untuk maklumat jelasnya, sila lihat daripada pokok perkataan terhadap perkataan kedangkalan akidah pada Rajah 4.26.




Rajah 4.26
Pokok Perkataan Kedangkalan Akidah
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah, 4.26, pokok perkataan kedangkalan akidah diatas menjelaskan bagaimana para peserta seperti : K1, K3, M1, M2, M3, M4, U1, dan U2 kerap menyampaikan perkataan kedangkalan akidah yang kerap berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana. Berasaskan pemerhatian, kedangkalan akidah boleh cepat berlaku dengan adanya pengaruh globalisasi yang dibawa oleh pihak asing semasa pengurusan bencana. Pengaruh globalisasi yang dibawa tersebut telah menjadi satu virus kepada budaya dan ia boleh mencetus kepada kedangkalan akidah masyarakat. Terutama kedangkalan akidah yang merasuki kepada persekitaran remaja Acheh yang mudah terikut dengan budaya barat. Selain itu, tidak ada perasaan takut terhadap kemurkaan Allah yang boleh membawa kepada bencana. Pihak Jabatan Syariah Islam Acheh yang merupakan jabatan yang ditubuhkan pihak Kerajaan Acheh dalam melaksanakan Syariah Islam memperakui bahawa kerap didapati pelbagai pelanggaran Syariah Islam dalam persekitaran masyarakat selepas pengurusan bencana tamat. Pihak Jabatan Syariah Islam Acheh sentiasa memberikan amaran kepada masyarakat supaya tidak melanggar Syariah Islam, tetapi sehingga ini masih kerap didapati pelbagai pelanggaran syariah Islam. Merosotnya akhlak dalam masyarakat tidak terlepas dari kesan yang dibawa oleh komuniti asing dan *NGO* asing semasa usaha pengursan bencana. Hal ini kerap disampaikan oleh peserta seperti U1 dan U2. Sebagaimana contoh perbualan dengan peserta U2 yang bertindak balas seperti berikut :

“ Memalukan kalau kita dengar ada pelbagai kes yang berlaku seperti kes khawat dalam persekitaran masyarakat...ini memberikan satu penjelasan bahawa masyarakat telah berubah terutama terhadap moral daripada kalangan remaja di Acheh yang setakat ini semakin mudah terdedah dan kepada kedangkalan akidah...ini menunjukkan semakin semakin lemahnya akidah masyarakat di Acheh, ”(perbualan U2/2015/05-07).

Perbualan dengan peserta U2 mengesahkan bahawa perubahan yang berlaku dalam persekitaran masyarakat selepas pengurusan bencana tamat adalah sangat membimbangkan terutama dalam kalangan remaja. Berasaskan pemerhatian, perubahan yang kerap didapati adalah tindakan remaja yang tidak lagi mematuhi larangan dalam Syariah Islam seperti tata cara berpakaian sebagai seorang muslim. Masalah mengenai berpakaian adalah soal kebiasaan yang tidak tertulis dan telah diatur lama sebelum penerapan Syariah Islam di Aceh. Kebiasaan dalam berpakaian untuk orang Aceh adalah sangat penting. Hal ini disebabkan orang Aceh kerap berpakaian sesuai dengan ajaran Islam yang tidak bercanggah dengan norma dan istiadat di Aceh. Sebagaimana pepatah lama yang tertanam dalam kehidupan orang-orang Aceh “adat dan agama itu seperti zat dan sifat”, yang bermakna keduanya tidak boleh dipisahkan. Permasalahan berpakaian merupakan perkara kecil tetapi ianya mencerminkan bahawa masyarakat Aceh selepas pengurusan bencana telah berlaku kedangkalan dalam akidah.



Permasalahan kedangkalan akidah merupakan satu isu utama yang sangat membimbangkan terutama terhadap kemampunan Islam di Aceh. Seperti contoh telah terdapat beberapa masyarakat yang telah berpindah agama Islam kepada agama Kristian. Kes ini boleh terungkap selepas adanya tangkapan ke atas empat orang mangsa tsunami yang telah dibaptis oleh salah satu keluarga Amerika dalam persekitaran mangsa di daerah Aceh Barat. Penangkapan ini merupakan hasil laporan masyarakat kepada Jabatan Polis Syariah Islam daerah Aceh Barat bahawa terdapat satu aktiviti yang sangat mencurigakan dan dilakukan oleh empat orang dalam persekitaran mangsa tsunami. Berasaskan laporan masyarakat pihak Jabatan Polis Syariah Islam bersama pihak Kerajaan Aceh terutama Kerajaan Aceh Barat

segera membuat siasat untuk menangkap empat orang tersebut. Kes kedangkan akidah berhubungan dengan pindahnya agama empat mangsa tsunami dari sebelumnya agama Islam kepada agama Kristian disebabkan adanya interaksi secara langsung dari pemberi bantuan kepada mangsa tsunami. Kesan yang berlaku adalah kerap komuniti asing dan unsur salah satu *NGO* memasukkan pelbagai fikiran dan pemahaman keyakinan yang berbeza kepada mangsa tsunami. Pekara ini kerap dijelaskan oleh peserta K1 dan K3, sebagai contoh perbualan dengan peserta K3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Masalah adanya pelbagai usaha kedangkan akidah dalam persekitaran mangsa tsunami disebabkan oleh pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak misionaris yang dengan sengaja menjalankan penyebaran satu pemahaman menganai satu keyakinan yang berbeza kepada mangsa bencana tsunami dengan salah satunya melalui bentuk pesan keselamatan, ”(perbualan//K3/2015/01-07).

Perbualan dengan peserta K3 mengesahkan bahawa tindakan yang diambil oleh pelaku daripada komuniti asing dan *NGO* asing bermatlamat untuk mengajak mangsa untuk pindah dari keyakinan agama yang dianutinya kepada agama yang baharu. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa semasa pengurusan bencana telah membuat ramai komuniti asing dan *NGO* mudah memasuki kawasan Aceh dengan matlamat kemanusiaan kepada mangsa dan masyarakat terjejas bencana tsunami. Kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing dengan pelbagai bantuan, sumber kewangan dan sokongan telah sangat diterima oleh masyarakat di Aceh. Hal ini juga disebabkan oleh tabiat orang Aceh yang kerap memperlakukan orang asing atau tetamu dengan istiadat pemulia Jame (*penghormatan tetamu*). Kebiasaan orang Aceh telah dijadikan sebagai satu peluang oleh komuniti asing dan *NGO* asing yang bertujuan melakukan pelbagai usaha kedangkan akidah di dalam persekitaran

mangsa dan masyarakat, ia tidak terkecuali juga kepada anak-anak mangsa tsunami di Aceh. Merujuk data menengah terdapat 40 kes kedangkalan akidah yang berlaku terutama kes orang yang telah dibaptis di daerah Aceh Barat. Pekara ini telah bermula semenjak daripada awal pengurusan bencana yang dilakukan. Sebagaimana contoh perbualan dengan peserta K1 seperti berikut :

“ Kita sudah mengumpulkan pelbagai data terhadap mangsa tsunami yang telah berpindah keyakinan dan kepercayaan daripada agama Islam...sesuai data ada 40 orang yang telah pindah agama Islam disebabkan usaha kedangkalan akidah yang dilakukan sangat tertutup...ini adalah satu kelemahan kurangnya pihak Kerajaan Aceh dalam mengawasi pihak asing semasa beraktiviti di Aceh Barat,”(perbualan K1/2015/30-06).

Perbualan dengan peserta K1 mengesahkan bahawa kes kedangkalan akidah yang berlaku tidak boleh dipisahkan dengan ramainya pihak komuniti asing dan *NGO* asing semasa pengurusan bencana. Ramai komuniti asing dan *NGO* asing teringin untuk membuat satu perubahan dalam kehidupan masyarakat Aceh dengan memberikan pemahaman-pemahaman yang lebih terbuka dan kritis. Tindakan itu pada prinsipnya adalah baik tetapi ia telah merosak tradisi dan moral masyarakat yang pada masa itu sedang melakukan pemulihan selepas bencana tsunami. Oleh itu, ramai pihak yang kecewa terhadap tindakan yang dilakukan oleh pelbagai komuniti dan *NGO* asing, sehingga membawa kepada keresahan masyarakat terutama umat Islam di Aceh. Berasaskan pemerhatian, mudahnya tindakan kedangkalan akidah adalah disebabkan kerap komuniti asing dan *NGO* asing menggunakan alasan visi kemanusiaan yang dilakukan di Aceh. Pada peringkat awal, komuniti asing dan *NGO* asing kerap membuat satu surat rayuan kepada pihak Kerajaan Aceh supaya kehadiran mereka boleh dibenarkan dalam persekitaran mangsa. Seperti perbualan dengan peserta K3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Pihak mereka kerap mula mengemukakan satu surat rayuan kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan kebenaran kepada mereka untuk boleh melakukan aktiviti-aktiviti kepada persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami...berasaskan surat rayuan yang kami terima...banyak menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah untuk membantu dan juga membuat pelbagai perubahan kehidupan kepada masyarakat dan juga kurang usaha untuk menjadi lebih baik daripada selepas bencana tsunami,” (perbualan K3/2015/02-07).

Perbualan dengan peserta K3 mengesahkan bahawa visi dan misi yang terkandung dalam surat rayuan daripada salah satu *NGO* asing menyebabkan pihak kerajaan di daerah Aceh Barat tidak memiliki satu sebab untuk tidak membenarkan pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh komuniti asing dan *NGO* asing itu di kawasan Aceh Barat (*terlampir B5-5 contoh surat rayuan*). Hal ini juga diasaskan sebagaimana yang terdapat dalam Peraturan Kerajaan Pusat Nombor 2 Tahun 2006 mengenai prosedur dan aktiviti-aktiviti semasa pemulihan serta pembinaan yang dilakukan di Aceh. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada surat kebenaran yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan telah membuat pihak komuniti asing dan *NGO* asing mudah untuk melakukan pelbagai aktiviti kemanusiaan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh terutama seperti di daerah Aceh Barat. Selain itu, supaya tidak mendapatkan banyak halangan, pihak komuniti asing dan *NGO* asing kerap mencari simpati kepada masyarakat tempatan dengan cara memberikan satu pekerjaan ditambah gaji yang besar. Hal ini sebagai salah satu usaha untuk menumbuhkan rasa keakraban dengan masyarakat, sebagaimana yang dijelaskan oleh peserta M1, M2, M3, M4, dan salah satu contoh perbualan dengan peserta M2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Pihak *NGO* asing senantiasa memberikan perkhidmatan kami dengan sangat ramah dan mereka juga sangat prihatin dengan pelbagai permasalahan hidup yang sedang kami hadapi...mereka juga senantiasa berupaya untuk membantu dan memudahkan supaya kami selalu selesa dengan kehadiran mereka semasa pemulihan dan pembinaan yang dilakukan pada tempat kami dan juga mereka kerap memberikan kami pekerjaan dengan gaji yang besar,” (perbualan M2/2015/11-01).

Perbualan dengan peserta M2 mengesahkan tindakan yang dilakukan oleh pihak komuniti asing dan *NGO* yang sentiasa memberikan satu perhatian secara khas kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tsunami. Tindakan itu telah mendapatkan rasa simpati yang sangat besar daripada mangsa dan masyarakat semasa kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing di Aceh. Namun demikian, tanpa disedari oleh mangsa dan masyarakat, pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak komuniti asing tidak selalunya memberi kesan positif tetapi juga memberikan kesan negatif yang menjurus kepada kedangkalan akidah. Merujuk laporan Majlis Ulama Aceh bahawa pihak komuniti asing dan *NGO* asing yang bergerak dalam bidang pendidikan, ekonomi dan pembangunan telah juga didapati melakukan usaha yang menyimpang dari nilai kemanusiaan seperti tindakan misionaris yang dilakukan dalam persekitaran mangsa. Peserta U1 dan U2 kerap mengemukakan tindakan misionaris yang dilakukan oleh komuniti asing dan *NGO* asing dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di daerah Aceh Barat. Sebagaimana contoh perbualan dengan peserta U2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kami mendapatkan banyak bukti daripada usaha kedangkalan akidah yang dibuat oleh komuniti asing dan juga salah satu *NGO* asing semasa pengurusan bencana...secara purata kita telah mencari pelbagai bukti yang dilaksanakan dalam persekitaran mangsa mengenai usaha yang ingin merosak akidah kepada mangsa dan masyarakat...ini tidak terkecuali kepada anak-anak sekolah rendah hingga menengah...menurut saya ada tindakan yang sangat berbahaya yang dilakukan oleh komuniti asing dan *NGO* asing yang boleh membawa rosaknya kepada generasi di Aceh,” (perbualan U2/2015/05-05).

Perbualan dengan peserta U2 mengesahkan bahawa pelbagai tindakan yang dilakukan oleh komuniti asing dan *NGO* asing sudah sangat berbahaya kepada kemampunan agama Islam di daerah Aceh Barat. Tindakan itu dilakukan melalui sistem pendidikan yang diberikan oleh guru-guru yang dengan sengaja dibawa oleh pihak komuniti asing ataupun *NGO* asing ke Aceh. Praktik yang dilakukan bermula dari tindakan guru yang kerap memberikan sistem pengajaran dan permainan kepada anak-anak sekolah agar boleh menjadi senang. Selepas itu para guru tersebut meminta supaya anak-anak sekolah untuk kerap menggambarkan salah satu simbol yang terdapat dalam agama tertentu. Sebagaimana contoh perbualan dengan peserta K3, seperti berikut :

“ Kami kerap mendengar daripada pelbagai masyarakat bahawa didapat budak-budak sekolah kerap disuruh oleh gurunya untuk menggambar tiang-tiang bendera yang berwujud seperti simbol-simbol dalam agama Nasrani...selain itu juga para budak-budak sekolah juga kerap dilarang untuk membaca Bismillah sebelum makan dan juga di larang untuk membaca kitab Al Qur'an, ” (perbualan K3//2015/02-07).

Perbualan dengan peserta K3 menjelaskan bahawa tindakan yang membiasakan anak-anak sekolah untuk mengenali simbol agama lain dan melarang memberikan salam semasa memasuki bilik kelas. Hal ini merupakan sesatu usaha yang dilakukan oleh guru yang dibawa oleh pihak komuniti asing dan *NGO* asing dalam memberikan perkhidmatan pendidikan. Bukti adanya usaha kedangkalan akidah dalam bantuan pendidikan boleh dilihat daripada kes yang berlaku dalam salah satu kawasan di daerah Aceh Barat. Terdapat usaha guru yang memberikan pengajaran bahasa Inggeris kepada anak-anak sekolah rendah yang membiasakan mereka untuk menyanyikan lagu-lagu yang mengandungi puji-pujian kepada salah satu agama. Menyanyikan lagu yang mengarah kepada memuja salah satu agama tertentu adalah

tindakan yang tidak boleh dilakukan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Sebagaimana contoh perbualan dengan peserta U1 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Banyak budak sekolah kerap menyampaikan kepada bapa dan ibu bahawa mereka kerap disuruh untuk menyanyikan lagu dalam berbahasa inggris...berasaskan laporan orang tua bahawa kita melakukan carian dengan menterjemah kepada lagu-lagu yang dinyanyikan oleh budak-budak sekolah itu...penemuan yang kita dapat bahawa lagu yang di nyanyikan telah menyimpang daripada agama Islam dan ia menjurus kepada memuja salah satu tuhan dalam agama lain....tindakan yang dilakukan ini sangat berbahaya dan jelas sekali melakukan usaha misionaris di daerah Aceh Barat,” (perbualan U1//2015/04-07).

Perbualan dengan peserta U1 mengesahkan bahawa tindakan yang dilakukan oleh komuniti asing dan salah satu *NGO* asing adalah sangat terancang sehingga membuat usaha kedangkan akidah sangat susah dikesan secara umum. Merujuk kepada data menengah, terdapat kes kedangkan akidah yang telah berlaku di luar kawasan persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas tsunami. Pekara ini tidak semata-mata melalui sistem pendidikan tetapi melalui bentuk bantuan makanan dan minuman yang diagihkan oleh para guru kepada anak-anak sekolah. Hal ini dijelaskan oleh pihak Polis Wilayah Hisbah (*Pol-WH*), sebagai contoh perbualan dengan peserta K1 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kami juga mendapatkan bentuk makanan seperti bubur dan minuman yang berwarna biru dan dihidangan kepada budak-budak sekolah yang mengikut pengajaran yang di ajarkan oleh salah satu guru....selepas diberikan bubur maka budak-budak disajikan minuman biru sehingga ramai budak-budak berasa pening, mual, dan seperti kebingungan....pada hari selanjutnya para guru itu datang untuk berjumpa kepada bapa dan ibu budak sekolah untuk menanyakan apakah anak bapa ada mengalami gejala-gejala seperti termenung,” (perbualan K1//2015/02-07).

Perbualan dengan peserta K1 mengesahkan pelbagai tindakan yang dilakukan merupakan satu keanehan dan tidak biasa dirasakan oleh masyarakat dengan pemberian bantuan makanan dan minuman secara langsung kepada anak-anak sekolah. Pekara itu adalah salah satu unsur daripada pihak komuniti asing dan *NGO* asing dalam melakukan usaha kedangkalan akidah di Aceh. Oleh itu, berdasarkan laporan daripada orang ramai maka pihak pihak Polis Wilayah Hisbah telah mencari bukti dan mengambil pelbagai tindakan sebagai usaha pencegahan. Sebagai contoh perbualan dengan peserta K3 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kedangkalan akidah itu mula terungkap apabila ada orang tua pelajar sekolah melaporkan ada keanehan yang berlaku di sekolahnya...Bapa dan ibu sangat terkejut semasa mendengar anaknya bercerita tentang kehidupan dan kematian yang boleh dialami oleh seluruh makhluk hidup di muka bumi...maka membuat bapa dan ibu terperanjat adalah semasa si anak mengakhiri ceritanya dengan mengatakan bahawa ada tiga dan juga tuhan itu boleh mati...oleh itu bapa dan ibu merasa tidak selesa dengan cerita yang didapat daripada anaknya sehingga mereka menanyakan di mana cerita itu didapat...dengan jujur anaknya memberi jawapan daripada guru-guru di sekolah, ” (perbualan K3//2015/30-06).

Perbualan dengan peserta K3 mengesahkan bahawa usaha kedangkalan akidah yang dibuat oleh guru-guru salah satu sekolah rendah kerap melalui cerita yang menyenangkan dan ini merupakan salah satu media yang paling berkesan dan mudah digunakan dalam persekitaran anak-anak. Kesan yang tercetus telah membuat orang tua melihat perubahan yang berlaku kepada anak, seperti contoh sepulang dari sekolah anak kerap di bilik tidur dan masuk rumah tidak pernah mengucap salam. Kebiasaan tersebut telah mencetuskan rasa kecurigaan kepada orang tua. Sebagaimana penjelasan sebelumnya bahawa usaha kedangkalan akidah kerap dilakukan melalui sistem pendidikan terutama dalam pengajaran bahasa Inggeris. Supaya tindakannya tidak dicurigai oleh pihak masyarakat dan kerajaan maka kerap

pihak komuniti asing dan *NGO* asing membuat satu kumpulan dengan nama kumpulan yang boleh diterima masyarakat seperti contoh Center Mulia Hati (*CMH*), Pelangi Anak-Anak (*PAA*) dan lainnya. Hal ini dilakukan untuk memudahkan dalam melakukan kedangkalan akidah kepada masyarakat. Berasaskan pemerhatian, kedangkalan akidah yang dilakukan oleh pihak misionaris di Aceh Barat adalah lebih ramai kepada anak-anak sekolah dan masyarakat yang tidak memiliki keupayaan. Hal ini pernah berlaku di kawasan seperti contoh kawasan mukim Panton Reu di daerah Aceh Barat. Para misionaris melakukannya di kawasan yang jauh daripada pemerhatian orang ramai dan jauh daripada pusat bandar. Melihat kes yang berlaku, maka pihak Majlis Ulama Aceh meminta kepada pihak Kerjaan Aceh Barat untuk segera menghentikan semua aktiviti yang dilakukan oleh komuniti asing mahupun daripada kumpulan *NGO* asing. Sebagaimana contoh perbualan dengan peserta U2 yang bertindakbalas seperti berikut :

“ Kami memiliki pelbagai bukti terhadap usaha kedangkalan akidah yang berlaku di Aceh Barat seperti contoh buku-buku dan bantuan-bantuan yang diagihkan oleh salah satu *NGO* asing kepada anak-anak sekolah rendah serta masyarakat tempatan...setiap buku dan batuan yang p kami dapat memiliki lambang atau pesan terhadap satu kefahaman dan keyakinan yang tidak sesuai dengan agama Islam,” (perbualan U2//2015/05-07).

Perbualan dengan peserta U2 mengesahkan pelbagai bukti yang didapati oleh Majlis Permusyawaratan Ulama cawangan Aceh Barat menjelaskan bahawa bukti mengenai kedangkalan akidah yang telah dikaji seperti buku-buku dan bantuan lain yang diberikan komuniti asing dan *NGO* asing dalam persekitaran mangsa tsunami. Pekara ini telah menarik perhatian para Ulama Aceh terutama kawasan Aceh Barat yang terkumpul dalam Majlis Permusyawaratan Ulama. Sebagai contoh perbualan dengan peserta U1, bertindakbalas seperti berikut :

“ Saya meyakinkan bahawa masyarakat di Aceh Barat boleh menjadi saksi terkait adanya usaha kedangkalan akidah yang menjurus kepada misionaris yang berlaku pada kawasannya...ramai orang memang melihat adanya praktik-praktik yang dilakukan secara terselubung oleh pihak *NGO* asing pada setiap sekolah-sekolah pada daerah Aceh Barat...supaya hal ini tidak mencetuskan permasalahan baharu dan konflik dalam persekitaran masyarakat maka kami minta kepada pihak Kerajaan Aceh untuk segala usaha menghentikan seluruh aktiviti-aktiviti daripada komuniti asing dan *NGO* yang tidak sesuai dengan tradisi dan budaya di Aceh Barat, ” (perbualan U1//2015/04-07).

Perbualan dengan peserta U1 mengesahkan bahawa Majlis Permusyawarat Ulama (*MPU*) Aceh Barat mendapati pelbagai buku pelajaran yang diberikan kepada anak sekolah secara menyalahi undang-undang tidak diketahui oleh guru maupun Jabatan Pendidikan Aceh Barat. Buku pengajaran yang diajarkan di sekolah memiliki materi dan simbol agama yang bertentangan dengan keyakinan agama Islam. Masuknya materi pengajaran dalam persekitaran sekolah disebabkan ramai *NGO* yang memberikan bantuan tanpa terlebih dahulu dilakukan pemeriksaan oleh Jabatan Syariat Islam dan Jabatan Pendidikan. Oleh itu, pihak kerajaan bersama *MPU* harus boleh melihat kesan-kesan yang disebabkan oleh pihak *NGO*, sehingga tidak membuat permasalahan baharu dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Namun demikian usaha kedangkalan akidah mudah berlaku di kawasan yang terjejas bencana disebabkan daripada pihak kerajaan dan masyarakat semasa pengurusan bencana disibukkan dengan usaha pemulihan dan pembinaan. Oleh itu, kesibukan yang dirasakan oleh masyarakat dan pihak kerajaan telah membuat pihak-pihak yang teringin merosak akidah mudah melakukan misinya sehingga selepas pengurusan bencana tamat didapati telah banyak kes kedangkalan akidah dalam persekitaran masyarakat. Hal ini sudah menjadi satu pengalaman dan satu pengajaran bahawa tidak semua bantuan dan tindakan yang dilakukan oleh pihak komuniti asing dan *NGO* asing kerap membawa kesan positif tetapi juga boleh membawa kesan negatif.


Keseluruhan contoh perbualan dengan peserta U1, U2, M2, K1 dan K3 mengesahkan bahawa usaha kedangkalan akidah mudah dilakukan disebabkan ada peluang yang terbuka luas dan ditambah lagi dengan kebiasaan masyarakat Aceh yang begitu ramah dengan orang asing. Selain itu, adanya pemberian daripada pihak kerajaan dengan memberikan satu kebenaran melalui surat izin telah menjadi satu kesempatan pihak tertentu untuk melakukan agenda tersembunyi. Hal ini tidak terlepas daripada tidak adanya kawal terhadap aktiviti yang dilakukan oleh pihak komuniti asing atau *NGO* itu. Pekara ini boleh dilihat daripada banyaknya *NGO* beraktiviti tidak berdaftar dengan pihak kerajaan di daerah Aceh Barat. Selain itu, adanya usaha pengaburan nama *NGO* merupakan salah satu usaha untuk mengaburkan pelbagai aktiviti yang dilakukan, sehingga orang ramai lebih yakin tidak ada satu usaha yang akan melanggar akidah Islam. Oleh itu, pihak kerajaan harus lebih berwaspada dengan pelbagai tindakan yang dilakukan oleh pihak asing sehingga kejadian yang pernah berlaku tidak lagi mudah terulangi.

Universiti Utara Malaysia

Namun demikian, peserta K1 dan K3 mengesahkan bahawa tidak semua *NGO* asing semasa pengurusan bencana melakukan aktiviti kedangkalan akidah kepada mangsa tsunami di Aceh Barat. Banyak komuniti asing dan *NGO* yang telah melakukan pelbagai aktiviti dalam memulihkan dan membina masyarakat untuk lebih baik di masa hadapan. Bantuan kemanusiaan yang diagihkan kepada mangsa dan masyarakat oleh semua pihak adalah sebagaimana usaha dalam membangkitkan kembali kehidupan masyarakat Aceh disebabkan bencana tsunami. Tetapi ada juga terdapat para pelaku daripada komuniti asing dan *NGO* asing yang memanfaatkan pelbagai keadaan untuk kepentingan tertentu dan tindakan tersebut telah mencoreng nilai kemanusiaan.

4.7 Sentimen Positif dan Negatif

Berasaskan daripada analisis kepada 23 peserta yang diselidiki, terdapat pelbagai perkataan yang mempunyai sentimen positif dan sentimen negatif. Untuk maklumat lebih jelas terhadap sentimen positif dan negatif daripada pelbagai perkataan para peserta, sila rujuk Rajah 4.27.



Rajah 4.27

Coding Referensi Sentimen Positif dan Negatif pada Kesan Pengurusan Bencana
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 4.27, *coding referensi* sentimen positif dan negatif mengesahkan bahawa terdapat tujuh kategori iaitu Amaran awal, Penyelarasan bantuan, Penerima manfaat, Pemerkaaan masyarakat, Kearifan tempatan, Program Cash For Work dan Program Kaunseling. Sedangkan dua kategori seperti kekaratan akidah dan kedangkalan akidah merupakan bentuk kesan negatif yang telah tercetus selepas pengurusan bencana tamat. Ketujuh-tujuh kategori yang didapati merupakan hasil yang di

analisis melalui perisian NVivo 11. Berasaskan analisis yang telah dilakukan, setiap kategori yang didapati telah memiliki perkataan sentimen positif dan sentimen negatif terhadap pengurusan bencana Tsunami di Aceh. Untuk maklumat lebih jelas terhadap sentimen yang didapati, sila rujuk Jadual 4.5.

Jadual 4.5

Sentimen Positif dan Negatif pada Kesan Pengurusan Bencana

Kod Partisipan	Tema	Sub tema	Kategori	Positif	Negatif
M1, M2, M3, M4,	Pengurusan Bencana mengikut fasa-fasanya	Fasa Pencegahan Fasa Tindak Balas Kecemasan	Amaran Awal	<ul style="list-style-type: none"> - Tsunami di Aceh telah menjadi satu rujukan; 	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak adanya amaran terhadap bahaya bencana - Kurangnya adnya kefahaman mengenai tsunami; - Tidak dibina sistem pengurangan risiko bencana.
M2, M3, M5, M6, M7, N1, N2, N3, N4, N5, K5, K6			Penyelarasan Bantuan	<ul style="list-style-type: none"> - Penyelaran untuk mempermudah aktiviti. - Adanya sistem perintah dalam usaha percepatan pengagihan bantuan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kerap membatasi pergerakan ; - Banyaknya birokrasi. - Terlampau kaku dalam bertindak
M1, M2, M4, M5, N2, N4, K5, K6	Penyertaan Komuniti dalam Pengurusan Bencana	Fasa Pemulihian dan Pembinaan	Penerima Manfaat	<ul style="list-style-type: none"> - Adanya peluang mendapatkan bantuan rumah secara percuma; - Bantuan yang dibina telah melebihi aras rumah yg rosak 	<ul style="list-style-type: none"> - Masih adanya mangsa yang tidak mendapat bantuan rumah - Kurang adanya transparansi - Adanya permainan data untuk bantuan rumah
K5, M1, M2, M3, M4, N1, N2, N3, N4, N5		Penyertaan NGO	Pemerkaasan Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> - Pemerkaasan masyarakat utk memberikan kemahiran - Adanya bantuan hibah dan modal usaha. - Terbukanya bidang kerja yang besar; 	<ul style="list-style-type: none"> - Banyak usaha yang tidak berjalan - Sangat bergantung dengan bantuan - Menumbuhkan sifat malas dan lunturnya tradisi social dalam masyarakat..
K2, K6, M5, M6, M7, U3, U4, U5	Penyertaan Ulama	Kearifan Tempatan		<ul style="list-style-type: none"> - Terbinanya tradisi dalam usaha pengurangan bencana. - Kearifan tempatan telah menjadi satu rujukan; - Tradisi telah di masukkan dalam wujud kesenian. - Untuk tidak merosak alam 	<ul style="list-style-type: none"> - Kearifan tempatan tidak dimiliki kawasan lain, - Kurang adanya publikasi. - Ulama kurang memiliki peranan semasa usaha pengurusan bencana terutama dalam fasa pemulihan dan pembinaan

M1, M2, M3, M4, M5, M6, M7, K5, K6	Bantuan Kemanausiaan dalam Pengurusan Bencana	Bantuan Kewangan	Program <i>Cash For Work</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Terbukanya kesempatan mendapatkan pekerjaan; - Menghasilkan pendapatan yang lebih; 	<ul style="list-style-type: none"> - Pudarnya nilai dan tradisi sosial - Kerap didapat pekerja hantu yang tidak bekerja mendapatkan bayaran; - Menjadi masyarakat yang materialistik;
M2, M3, M5, M6, M7, N1, N2, N3		Bantuan Psikologis	Program Kounseling	<ul style="list-style-type: none"> - Banyak memberikan bentuk permainan dan hiburan serta pendidikan - Memberikan sokongan dan motivasi; - Menjadikan kumpulan kounseling sebagai keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak sesuai dengan nilai dan budaya masyarakat; - Kurang adanya usaha pemulihan melalui kounseling keagamaan; - Adannya tindakan yang bercanggah dengan akidah Islam.

Sumber : Analisis Penyelidik

Jadual 4.5, sentimen positif dan negatif yang telah ditapis di atas mengesahkan setiap kategori yang didapati daripada subtema dalam tema yang diselidik mendapati pelbagai kesan, adapun seperti berikut :

1. Tema pengurusan bencana pada subtema fasa pencegahan, para peserta seperti M1, M2, M3 dan M4 kerap mengemukakan sentimen negatif seperti kurang adanya usaha daripada pihak kerajaan dalam memberikan pemahaman kepada masyarakat terhadap pencegahan daripada bahaya bencana. Selepas itu, peserta juga mengemukakan perkataan seperti tidak ada usaha pihak kerajaan memberikan maklumat atau notis terhadap amaran bahaya bencana tsunami selepas gempa bumi, sehingga membuat ramai orang tidak boleh berbuat apa-apa semasa gelombang tsunami datang. Sentimen positif yang disampaikan oleh peserta bahawa kejadian yang berlaku di Aceh telah menjadi satu rujukan kepada pembinaan sistem usaha pencegahan bencana dan pengurangan risiko bahaya bencana tsunami di masa hadapan.

2. Tema pengurusan bencana pada subtema fasa tindak balas kecemasan, para peserta seperti K5, K6, M2, M3, M5, M6, M7, N3 dan N5 kerap mengemukakan sentimen positif dalam kategori penyelarasan bantuan seperti terdapat regulasi proses pengagihan bantuan kepada mangsa tsunami yang bersifat top down. Usaha itu dilakukan agar bantuan boleh mencapai sasaran. Namun demikian, sentimen negatif adalah pihak berkuasa masih tidak menaruh kepercayaan kepada pihak *NGO* asing dalam mengagihkan bantuan secara langsung. Seterusnya, tidak adanya peraturan yang pasti mengenai pelbagai bantuan telah membuat bantuan ramai tertahan sehingga menyebabkan bantuan banyak yang lulus tarikh penggunannya (*expire*). Selain itu, tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Satlak PB kerap dirasai kaku dalam mengambil satu kepastian.

3. Tema pengurusan bencana pada subtema fasa pemulihan dan pembinaan, para peserta seperti M1, M2, M4, M5, M6, M7, N2, N3, N4, K5 dan K6 bahawa perkataan yang mengandungi sentimen positif iaitu terbukanya peluang kepada seluruh mangsa dan masyarakat di Aceh mendapatkan rumah secara percuma daripada *NGO* dan BRR Aceh. Namun demikian, perkataan yang mengandungi sentimen negatif adalah selepas pengurusan bencana tamat masih terdapat mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana yang tidak mendapat rumah daripada bantuan *NGO* dan kerajaan. Hal ini disebabkan oleh tidak adanya ketelusan semasa pengagihan bantuan dan juga ramai masyarakat yang mengakui sebagai salah satu mangsa tsunami dan juga terdapat permainan daripada pihak yang tidak bertanggung jawab dalam proses bantuan rumah kepada mangsa tsunami.

4. Tema penyertaan komuniti pada subtema penyertaan *NGO*, para peserta seperti K5, M1, M2, M3, M4, N1, N2, N3, N4 dan N5 kerap mengemukakan sentimen positif seperti usaha pemerkasaan masyarakat telah membuat permasalahan-permasalahan yang dihadapi masyarakat boleh diselesaikan. Selain itu, adanya bantuan hibah dan modal usaha dalam pemulihan kehidupan ekonomi mangsa dan masyarakat. Seterusnya, pemerkasaan masyarakat telah membuka lapangan pekerjaan yang besar kepada masyarakat, ia tidak sahaja kepada masyarakat tempatan tetapi juga masyarakat luar. Sentimen negatif bahawa pemerkasaan masyarakat yang dibina oleh *NGO* telah menyebabkan masyarakat sangat bergantung pada bantuan sahaja. Perkara ini disebabkan tindakan yang kerap dilakukan *NGO* asing dalam mengerakkan masyarakat dengan memberikan kemudahan bantuan telah membawa perubahan dalam cara berfikir masyarakat.
5. Tema penyertaan komuniti pada subtema penyertaan Ulama, para peserta seperti K2, K6, M5, M6, M7, U3, U4, dan U5 kerap mengemukakan bahawa sentimen positif seperti kearifan tempatan yang terbina telah menjadi satu tradisi dalam usaha pengurangan risiko bencana. Hal ini disebabkan adanya peranan Ulama dalam mengekalkan kearifan tempatan sehingga menjadi satu tradisi dalam persekitaran masyarakat. Sentimen negatif adalah kearifan tempatan hanya berlaku di Kepulauan Simeulue dan tidak difahami oleh masyarakat Aceh daratan. Selain itu ulama tidak berperanan dalam usaha pengurusan bencana terutama dalam fasa pemulihan dan pembinaan.
6. Tema bantuan kemanusiaan pada subtema bantuan kewangan, para peserta seperti M1, M2, M3, M4, N1, N2, N3, N4 dan N5 kerap mengemukakan

sentimen positif bahawa program *cash for work* telah memberikan kesempatan luas kepada masyarakat untuk mendapatkan pekerjaan semasa proses pemulihan dan pembinaan. Selain itu program *cash for work* sebagai usaha bantuan oleh *NGO* dalam menghasilkan pendapatan kepada masyarakat dalam mencukupi keperluan hari-hari. Namun demikian sentimen negatif adalah semasa program *cash for work* telah mencetuskan kesan masyarakat menjadi lebih berkira-kira atau bersikap materialistik dan merosakkan tradisi sosial dalam persekitaran masyarakat.

7. Tema bantuan kemanusiaan pada subtema bantuan psikologis, para peserta seperti M1, M3, M4, N2, N3, N4 dan K5 kerap mengemukakan sentimen positif bahawa program kaunseling telah memberikan sokongan dan motivasi kepada para mangsa untuk boleh semangat menjalani kehidupan serta menjadikan para mangsa yang ada dalam program kaunseling sebagai satu keluarga. Kerap memberikan hiburan, permainan dan juga pendidikan kepada para mangsa. Namun demikian sentimen negatif adalah aktiviti kaunseling tidak sesuai dengan karakteristik masyarakat Aceh yang majoriti bergama Islam. Selain itu terdapat tindakan yang bercanggah dengan akidah Islam.

Berasaskan pelbagai sentimen yang didapati daripada tujuh subtema dalam tiga tema utama, maka kesan yang tercetus adalah membawa satu bentuk keterdedahan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Keterdedahan yang berlaku adalah satu perubahan dirasakan oleh mangsa dan masyarakat semasa pengurusan bencana tsunami yang dilakukan tanpa ada kawalan daripada pihak kerajaan, sehingga boleh kesan yang berlaku boleh mencetus kepada kakaratan akidah dan kedangkalan akidah di persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh.

4.8 Kesimpulan

Berasaskan kepada empat objektif kajian, terdapat empat tema, sembilan subtema dan sembilan kategori yang merupakan kesan yang dirasakan oleh mangsa dan masyarakat semasa dan selepas pengurusan bencana. Kesan pertama pada tema pengurusan bencana adalah ketiadaan amaran awal menyebabkan salah satu punca orang ramai tidak memiliki kefahaman terhadap bentuk bencana yang boleh berlaku. Seterusnya, penyelarasan bantuan yang banyak birokrasi telah menyebabkan proses pengagihan bantuan kerap lambat dan terhalang. Terakhir, penerima manfaat bantuan rumah yang kerap didapati mangsa yang belum mendapat rumah, disebabkan proses pendataan yang tidak sahih dan adanya pelaku yang mencari keuntungan. Kesan pada tema penyertaan komuniti adalah penyelarasan bantuan yang dibina oleh *NGO* telah membantu masyarakat menyelesaikan pelbagai masalah, tetapi kesan lainnya telah menyebabkan masyarakat sangat bergantung dengan bantuan. Seterusnya kearifan tempatan yang terbina oleh peranan Ulama dalam pengurangan risiko bahaya bencana telah membantu ramai orang yang selamat, tetapi hanya berlaku di Kepulauan Simeulue. Kesan pada tema bantuan kemanusiaan adalah program *cash for work* telah mengeserkan perilaku masyarakat kepada motif ekonomi (*money oriented*), Seterusnya, program kaunseling telah membuat pengikisan kepada budaya yang disebabkan tindakan pihak *NGO* untuk menjadikan mangsa sebagai objek dalam programnya. Kesan keterdedahan seperti kekaratan akidah disebabkan oleh perubahan yang berlaku dalam persekitaran yang dibawa oleh pihak asing. Selain itu kedangkalan akidah dalam kehidupan masyarakat disebabkan adanya tindakan pihak asing yang melakukan percangahan kepada akidah dan juga merubah kepada keyakinan mangsa dan masyarakat di Aceh.

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Penjelasan

Bab lima menjelaskan perbincangan, model konseptual, implikasi dan cadangan kajian untuk masa hadapan serta diakhiri dengan kesimpulan daripada keseluruhan lima bab. Secara umum dalam bab ini, penyelidik cuba menerangkan bahawa keseluruhan dapatan kajian yang telah dilakukan adalah sesuai dengan objektif kajian. Untuk memudahkan penjelasan, maka diagihkan kepada empat seksyen, seperti : Seksyen 5.2 menjelaskan terhadap rekapitulasi pada dapatan kajian. Seksyen 5.3 menjelaskan model konseptual yang dibina. Seksyen 5.4 menjelaskan cadangan kajian mengikut saranan dan nasihat bagi kajian di masa hadapan. Seksyen 5.5 merupakan kesimpulan pada bab lima.

5.2 Perbincangan

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif yang digunakan semasa penyelidikan adalah mengumpulkan data sekunder, temubual dan pemerhatian yang keseluruhan dilakukan dengan kaedah etnografi. Pemilihan peserta dalam penyelidikan ini adalah menggunakan persampelan bermatlamat (*purposive sampling*) iaitu penyelidikan ini sengaja memilih para peserta yang memiliki kefahaman terhadap keadaan yang berlaku semasa dan selepas bencana tsunami. Tindakan temubual yang digunakan adalah untuk mendapatkan pelbagai pemahaman mengenai tindakan yang dilakukan semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami. Selain itu untuk mengenalpasti

tindakan yang dilakukan NGO asing dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Seterusnya, untuk memastikan pelbagai bentuk tindakan para Ulama dalam usaha pengurangan risiko bencana yang dilakukan di daerah Kepuluaan Simeulue. Seterusnya, untuk memastikan bentuk bantuan kemanusiaan yang diagihkan oleh *NGO* asing seperti pelbagai program yang dilaksanakan semasa pengurusan bencana tsunami dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di daerah Aceh Barat dan daerah Kepuluaan Simeulue. Terakhir, mengenalpasti bentuk keterdedahan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami dalam kehidupan masyarakat di Aceh.

Kajian ini juga menggunakan protokol penyelidikan sebagai alat untuk memudahkan proses temubual dengan para peserta (*lihat lampiran B2*), manakala penyelidik turut menjalin susulan soalan temubual untuk mencapai objektif kajian. Semua temubual yang dilakukan direkodkan dengan menggunakan pita rakaman. Selepas itu, hasil temubual dianalisis sebagai panduan langkah demi langkah untuk proses data pengekodan. Pada peringkat awal, pengekodan telah digunakan sebagai pengekodan terbuka oleh penyelidik. Seterusnya, kajian ini menerima pakai kod pada tahap kedua iaitu untuk memperbaiki lagi data-data dan juga mengkategorikan tema utama dalam kajian. Tahap ketiga ialah pengekodan yang bermatlamat untuk memperbaiki tema yang telah dikumpulkan daripada pengekodan tahap kedua. Tema-tema yang didapati dihaluskan lagi pada tahap ketiga sehingga pengekodan menjadi lebih relevan dengan soalan dan objektif kajian. Oleh itu, data-data daripada pengekodan tahap ketiga telah digunakan oleh penyelidik untuk melakukan analisis dengan perisian NVivo 11 sebagai rujukan dalam dapatan kajian. Untuk proses perbincangan dalam bab lima, penyelidik telah mengagihkan sesuai dengan dapatan kajian.

5.2.1 Kesan Pengurusan Bencana Mengikut Fasanya

Pengurusan bencana adalah satu tindakan terhadap usaha yang dilakukan untuk mengurangkan pelbagai risiko bahaya yang bermula daripada usaha menghalang, mempersiapkan, tindak balas kecemasan serta pemulihan dan pembinaan. Matlamat pengurusan bencana adalah untuk mengelakkan pelbagai potensi kejadian bencana dengan memberikan jaminan, seperti memberikan bantuan kepada mangsa dan masyarakat dengan mengambil tindakan pencegahan, tindak balas kecemasan, pemulihan dan pembinaan. Usaha untuk mengurangi risiko bencana tersebut boleh dilakukan dengan merancang satu pembinaan sistem amaran awal. Berasaskan dapatan kajian semasa fasa pencegahan didapati bahawa ketidaksiapan pihak kerajaan dalam memberikan perlindungan kepada masyarakat daripada bahaya bencana disebabkan tidak adanya amaran awal. Ketidaksiapan pihak kerajaan tersebut telah menyebabkan orang ramai tidak mengetahui bahawa selepas gempa bumi akan boleh mendatangkan gelombang tsunami. Hal ini membuatkan masyarakat tidak berupaya untuk segera mengelak mahupun menjauhi kawasan yang berpotensi bencana. Oleh itu kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pihak kerajaan untuk dapat merancang satu sistem amaran awal ataumemberikan pemahaman kepada masyarakat agar selalu membaca keadaan yang bila-bila masa membawa bencana. Hal ini sangat sesuai dengan persepektif Islam dalam Al-Qur'an pada Surah Al-Alaq Ayat 1-5, mengesahkan bahawa semua umat Islam diminta untuk selalu membaca dan memahami isi terhadap kandungan dalam Al-Qur'an. Membaca bukan semata-mata membaca apa yang tertulis dalam Al-Qur'an sahaja, tetapi juga harus boleh memahami bagaimana alam semesta dan membaca kehidupan yang sedang berlaku.

Fasa tindakbalas kecemasan dalam pengurusan bencana merupakan satu tindakan pencarian, penyelamatan, penyediaan makanan, tempat tinggal dan pemberian bantuan. Hal ini merupakan peringkat awal dalam memberikan usaha pertolongan kepada mangsa selepas bencana. Berasaskan daripada dapatan kajian, semasa fasa tindakbalas kecemasan bahawa kesan yang tercetus adalah penyelarasan bantuan yang dilakukan terhalang oleh banyak birokrasi sehingga melambatkan usaha pertolongan kepada mangsa tsunami. Permasalahan ini tidak seharusnya berlaku jika semua pihak memahami bahawa pelbagai aktiviti yang dilakukan adalah usaha untuk memberikan pertolongan kepada mangsa yang terkena bencana. Sebagaimana dalam Al-Qur'an pada Surah Al-Maidah ayat 2 mengesahkan bahawa setiap manusia tidak pernah akan rugi selama mereka masih mahu menegakkan nilai saling tolong-menolong. Saling tolong menolong dalam persaudaraan harus menjadi satu sifat orang mukmin dalam membantu orang yang perlu pertolongan.

Fasa pemulihan dan pembinaan merupakan tindakan dalam membina kembali kehidupan para mangsa seperti semulajadi. Matlamatnya adalah melakukan usaha pemulihan dan pembangunan seperti membina kembali tempat tinggal mangsa yang terjejas bencana. Dapatan kajian mengesahkan fasa pemulihan dan pembinaan didapati kesan penerima manfaat terhadap bantuan yang diterima. Ramai mangsa yang tidak mendapatkan bantuan tempat tinggal, ia disebabkan ramai penerima manfaat yang tidak sesuai data. Hal ini seharusnya tidak berlaku apabila adanya kefahaman semasa masyarakat untuk lebih mengutamakan kepada mangsa tidak memiliki rumah disebabkan oleh gelombang tsunami. Kejadian ini boleh disebabkan tidak adanya data yang signifikan sehingga ramai mangsa tidak terdata dan kesan yang berlaku sehingga sekarang masih didapati mangsa yang tidak memiliki rumah.

5.2.2 Kesan Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Bencana

Penyertaan komuniti boleh ditakrifkan sebagai penglibatan orang atau satu kumpulan dalam menyokong pencapaian matlamat serta ikut bertanggungjawab kepada kumpulannya. Penyertaan komuniti perlu memiliki satu kemahiran, ketelusan dan juga saling membina komunikasi yang lebih baik serta perlu adanya kesaksamaan yang terbahagi sama rata. Penyertaan komuniti dalam pengurusan bencana di Aceh telah menjadi salah satu fokus penyelidikan terutama penyertaan *NGO* dan penyertaan Ulama. Penyertaan *NGO* merupakan satu kumpulan formal yang bebas daripada campur tangan atau penglibatan pihak kerajaan dan bukan mencari keuntungan serta pertubuhannya bersifat sukarela dalam menganalisis pelbagai isu-isu, seperti contoh pembinaan masyarakat sampai kepada akar umbi dan menyokong masyarakat untuk boleh berdikari.

Kesan penyertaan *NGO* semasa pengurusan bencana adalah kesan pemerkasaan masyarakat. Pemerkasaan masyarakat yang kerap dilakukan oleh *NGO* terutama *NGO* asing adalah memberikan dan menyebarkan kekuatan kepada masyarakat supaya boleh berdikari serta bangkit mengatasi kekurangan mahupun kelemahan selepas kejadian bencana. Pemerkasaan yang dilakukan adalah dengan penglibatan mangsa dan masyarakat dalam segala aktiviti yang dilakukan bersama *NGO* semasa pengurusan bencana. Pada prosesnya telah memberikan kesempatan penuh kepada masyarakat untuk menentukan usaha yang dilakukan sebagai usaha pemulihan ekonomi melalui bantuan hibah dan modal usaha. Pemerkasaan yang dibina oleh *NGO* boleh memberikan manfaat kepada para mangsa dan masyarakat terhadap kelangsungan hidup di masa hadapan. Namun demikian, kesan sampingan yang

tercetus adalah banyak bantuan hibah dan modal usaha yang diagihkan seperti peralatan pertanian dan perikanan tidak berguna dan tidak boleh dipakai. Kesan sampingan lainnya adalah bantuan hibah dan modal usaha sebagai satu usaha pemerkasaan masyarakat telah membuat masyarakat sangat berharap banyak kepada bantuan yang diberikan oleh *NGO*. Hal ini telah mencetuskan sifat malas dan hilangnya rasa kepedulian sesama serta pudarnya nilai-nilai gotong-royong.

Penyertaan Ulama dalam pengurusan bencana terkadang telah dinafikan oleh banyak pihak, ia disebabkan Ulama hanya memiliki ahli pengetahuan Agama dan tidak memiliki kefahaman terhadap bencana. Pandagan tersebut seharusnya tidak berlaku jikalau kita fahami bahawa Ulama tidak terhad dalam mengajarkan Al-Quran tetapi juga boleh menuntun masyarakat agar terhindar daripada pelbagai permasalahan dan bencana. Penyertaan Ulama dalam pengurusan bencana telah dibuktikan dengan tindakan dan perbuatan para Ulama di daerah Kepulauan Simeuelue, yang kerap memberikan nasihat dan amaran supaya menghargai alam sekitar. Hal ini dilakukan oleh para Ulama dengan membacakan syair yang mengandung amaran dan nasehat, syair yang disampaikan telah menjadi satu tradisi atau kearifan tempatan dalam masyarakat di daerah Kepulauan Simeuelue. Kearifan tempatan seperti tradisi smong boleh tumbuh dan terbina adalah hasil daripada para Ulama yang selalu belajar daripada pengalaman masyarakat tempoh dahulu, sehingga pengalaman ini telah menjadi asas yang perlu disampaikan kepada masyarakat. Nasihat dan amaran yang disampaikan sudah tentu mengekalkan kearifan tempatan yang ada dalam kehidupan masyarakat. Namun demikian, kesan yang tercetus bahawa kearifan tempatan hanya berlaku di Kepulauan Simeuelue dan tidak berlaku dalam masyarakat di Aceh Daratan.

Oleh itu, jika dilihat letak geografis Kepulauan Simeulue daripada punca gempa yang berlaku pada tahun 2004, maka Kepulauan Simeulue boleh menjadi kawasan yang ramai mencetuskan mangsa mati. Tetapi, nyatanya kepulauan Simeulue hanya tujuh mangsa mati berbanding dengan masyarakat yang tinggal di Aceh daratan. Hal ini membuktikan bahawa peranan Ulama dalam mengkekalkan kearifahan tempatan dalam usaha pengurangan risiko bencana sudah seharusnya menjadikan satu rujukan kepada pihak kerajaan. Oleh itu, pihak kerajaan sudah seharusnya melibatkan pihak Ulama sebelum, semasa dan selepas dalam usaha pengurusan bencana. Penglibatan Ulama sudah tentu untuk melindungi, menjaga dan menuntun atau membimbing ummah supaya tidak melakukan perbuatan yang boleh mencetuskan kepada bencana di masa hadapan. Namun terkadang Ulama kerap hanya sebagai simbol dan kerap dijadikan sebagai satu kepentingan politik oleh para pemimpin di Aceh.

5.2.3 Kesan Bantuan Kemanusiaan Dalam Pengurusan Bencana

Bantuan kemanusiaan merupakan satu usaha pertolongan yang diberikan baik dalam bentuk sarana, tenaga, wang dan juga bentuk lainnya dan dikumpulkan daripada pelbagai pihak untuk diagihkan kepada pihak yang memerlukan. Matlamat bantuan kemanusiaan adalah untuk melindungi nyawa dan mengurangkan pelbagai penderitaan masyarakat serta melindungi maruah manusia yang tersentuh selepas krisis kemanusiaan dengan matlamat berpandukan kepada kesaksamaan. Bantuan kemanusiaan berbeza dengan bantuan pembinaan yang bermatlamat untuk mengendalikan faktor asas sosioekonomi. Bantuan kemanusiaan diagihkan dalam tempoh masa enam bulan kepada mangsa dan masyarakat yang terjejas oleh satu kejadian krisis. Bantuan kemanusiaan diagihkan tidak boleh memihak supaya tidak

membeza dan merugikan satu pihak. Sebagaimana dicadangkan oleh Henckaerts, (2005) bahawa mengagihkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa dan masyarakat harus melihat budaya tempatan yang merupakan satu tindakan yang harus menjadi perhatian untuk menghindari permasalahan baharu. Kesan bantuan kemanusiaan yang berlaku di Aceh, selain bantuan logistik juga terdapat bantuan kewangan dan bantuan psikologis. Bantuan kewangan diertikan sebagai satu bentuk pertolongan dan bantuan yang kebanyakannya adalah diberikan kepada kumpulan dan juga perorangan yang sedang mengalami krisis kewangan atau memerlukan satu pertolongan dari segi pendapatan. Bantuan kewangan yang kerap dilakukan oleh pihak *NGO* adalah melalui program *cash for work* iaitu salah satu bentuk bantuan yang diberikan kepada masyarakat dengan melibatkan mereka dalam aktiviti gotong royong dan kemudian diberikan wang secara tunai. Program *cash for work* merupakan satu program yang di laksanakan oleh pihak *NGO* terutama *NGO* asing dalam menggerakkan masyarakat untuk ikut terlibat dalam fasa pemulihan semasa pengurusan bencana. Matlamat daripada program *cash for work* adalah usaha menambahkan pendapatan masyarakat dalam memenuhi pelbagai keperluan. Berasaskan data yang didapati, program *cash for work* telah banyak membantu usaha pembersihan sampah seperti bangkai, bahan pertanian, parit saliran, jalan dan juga pembersihan persekitaran rumah. Namun demikian, kesan sampingan yang berlaku daripada program *cash for work*, telah mencetuskan kepada perubahan persepsi masyarakat yang lebih materialistik. Penglibatan masyarakat oleh pihak *NGO* asing dengan cara membiasakan pemberian wang secara tunai telah mencetuskan budaya materialistik. Kesan sampingan yang berlaku masih dirasakan sehingga hari ini seperti contoh masyarakat tidak akan mudah diajakn jika aktiviti yang dilakukan tidak diberikan wang sebagai satu motivasi.

Sementara bantuan psikologis merupakan satu bentuk pertolongan yang diberikan kepada kumpulan atau orang yang sedang mengalami krisis mental dan memerlukan sokongan untuk boleh memulaikan kehidupan yang lebih baik. Program kaunseling yang dilakukan semasa pengurusan bencana kerap dilaksanakan oleh pihak *NGO* asing. Program kaunseling pada mulanya sangat membantu untuk mengisi kekosongan terutama kepada anak-anak melalui hiburan dan permainan serta melalui pendidikan. Namun demikian, program kaunseling yang dibawa oleh *NGO* asing merupakan satu aktiviti yang tidak biasa dilakukan selama ini dalam persekitaran masyarakat Aceh. Tetapi pelbagai pihak melihat program kaunseling perlu dilakukan agar boleh menghilangkan rasa trauma selepas bencana. Berasaskan dapatan kajian bahawa program kaunseling pada mulanya sangat baik, tetapi terkadang aktiviti yang dilakukan tidak sesuai dengan tradisi dan budaya tempatan yang majoriti beragama Islam. Seharusnya program kaunseling boleh dilakukan dengan lebih baik dengan cara memberikan materi yang sesuai kepada nilai yang terdapat dalam agama Islam, sehingga ia boleh berkesan. Kesan sampingan daripada program kaunseling adalah adanya tindakan menyimpang seperti merosak nilai dan kebiasaan yang telah lama tumbuh dalam mangsa dan masyarakat tempatan.

5.2.4 Kesan Keterdedahan Selepas Pengurusan Bencana Tamat

Keterdedahan boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang ditentukan oleh pelbagai faktor seperti faktor fizikal, faktor sosial, faktor ekonomi dan faktor persekitaran yang proses berlakunya akan membawa kelemahan kepada mangsa dan masyarakat. Konsep itu digunakan dalam bidang risiko, bahaya dan dalam bidang perubahan global alam sekitar ditambah dalam kajian terhadap kesan pembinaan seperti di cadangkan oleh Cannon (2000). Keterdedahan boleh berpunca daripada keadaan

persekitaran seperti keadaan fizikal, sosial dan ekonomi yang melekat padanya, sehingga mudah berlaku satu tekanan dinamik secara dalaman maupun luaran. Kehilangan harta benda, kerosakan prasarana, luka fizikal dan juga psikologis yang disebabkan oleh bencana sungguh sangat besar. Hal ini sesuai seagaimana dicangkan oleh Green (2004) bahawa kehilangan rumah, harta benda, kelaparan, kesihatan yang menurun, dan kehilangan mata pencarian boleh membawa risiko yang impak bahaya kepada individu dan masyarakat.


Kesan keterdedahan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tamat di Aceh telah mencetuskan kepada keterdedahan sosioekonomi dan keterdedahan sosiobudaya. Keterdedahan sosioekonomi adalah satu keadaan daripada kerapuhan ekonomi pada kehidupan seperti kekurangan dalam kesejahteraan masyarakat selepas bencana sehingga meningkatkan kemiskinan yang mencetuskan risiko bencana baharu. Sebagaimana dibincangkan oleh Kaperson (2005), keterdedahan sosioekonomi kerap bersepada dengan satu perubahan yang berlaku boleh disebabkan oleh politik dan pembangunan yang boleh membawa kesan kepada masyarakat. Kesan keterdedahan sosioekonomi yang berlaku dalam masyarakat Aceh adalah proses pengurusan bencana tsunami adalah pelbagai bantuan dan sumber kewangan yang melimpah telah membawa perubahan corak kehidupan masyarakat dan ia telah mencetus kepada rosaknya nilai dan tradisi sehingga kepada kekaratan akidah. Ramai masyarakat disibukkan untuk mencari keuntungan semasa pengurusan bencana sehingga tidak lagi memperhatikan nilai dan tradisi yang membuat masyarakat lebih serakah dan tamak. Kesan daripada keterdedahan sosioekonomi telah juga menciptakan perilaku hedonisme daripada masyarakat yang disebakan oleh pendapatan tinggi yang sebelumnya telah membuat masyarakat lena

tidak memikir bahawa kesan tersebut hanya sementara. Perubahan sosioekonomi semasa pengurusan bencana telah membuat ramai orang melepaskan tanggungjawab disebabkan nilai ekonomi yang tinggi didapati semasa dengan *NGO* asing. Namun demikian, kesan sampingan yang tercetus selepas pengurusan bencana tamat adalah telah menyebabkan masyarakat yang kerapnya mendapatkan pendapatan tinggi telah mengalami kekurangan pendapatan. Kejadian ini telah mencetuskan kepada gangguan mental masyarakat dan ada yang menjurus kepada kekaratan akidah dalam usaha pemenuhan pendapatan seperti yang didapati sebelumnya.

Keterdedahan sosiobudaya berlaku apabila satu pgeseran nilai-nilai tradisi yang ada dalam masyarakat yang boleh membawa keburukan dan bencana, sesuai dengan penyampaian Pelling dan Uitto (2002). Keterdedahan sosiobudaya adalah satu keadaan kerapuhan masyarakat dalam menghadapi pelbagai ancaman yang boleh membawa kerosakan kepada tradisi dan keyakinan dalam kehidupannya. Berasaskan dapatan kajian, kesan keterdedahan sosiobudaya yang berlaku telah mencetuskan kepada kedangkalan akidah dalam persekitaran masyarakat disebabkan oleh perilaku masyarakat yang mulai bercanggah dengan pelaksanaan syariah Islam. Selain itu ada usaha yang dilakukan oleh komuniti asing dalam melakukan tindakan yang mengarah kepada kedangkalan akidah. Tindakan ini tentu sangat bertentangan dengan Qanun Nombor 5 Tahun 2000 terhadap pelaksanaan Syariah Islam di Aceh. Selain itu telah melanggar Surat Keputusan Menteri Agama Indonesia dan Menteri Dalam Negeri Indonesia terhadap aturan larangan penyebaran agama tidak boleh dilakukan kepada orang dan kumpulan yang sudah memeluk atau memiliki agama lain dengan cara memberikan barang mahupun apa bentuk bantuannya.

5.2.5 Model Konseptual

Selepas tahap 1, 2 dan 3 yang telah dibina maka selanjutnya adalah memasuki kepada tahap 4 iaitu membina model konseptual yang sesuai dan mengikut dapatan kajian dalam penyelidikan ini. Merujuk kepada proses yang telah dilakukan bahawa tema, subtema dan kategori yang merupakan kesan dalam dapatan kajian ini, harus kembali disemak dalam usaha untuk membina teori yang bersesuaian, sehingga boleh dibuatkan satu reka bentuk konseptual. Untuk maklumat lebih lanjut terhadap reka bentuk konseptual yang telah dibina, sila rujuk Rajah 5.1



Rajah 5.1
Kerangka Konseptual
Sumber : Analisis Penyelidik

Rajah 5.1, rekabentuk konseptual yang tergambar merupakan satu proses berfikir secara induksi yang berasaskan daripada kesimpulan umum dengan pengetahuan yang diperolehi mengikut fakta-fakta khusus. Oleh itu, menurut rekabentuk konseptual terdapat satu pembolehubah bersandar dan tiga pembolehubah bebas. Pembolehubah bersandar adalah pengurusan bencana sedangkan pembolehubah bebas adalah penyertaan komuniti, bantuan kemanusiaan dan keterdedahan. Pada pembolehubah bersandar iaitu pengurusan bencana terdapat tiga sub tema, seperti fasa pencegahan, fasa tindak balas kecemasan dan fasa pemulihan dan pembinaan. Sedangkan pembolehubah bebas penyertaan komuniti menunjukkan terdapat dua sub tema iaitu penyertaan *NGO* dan penyertaan Ulama. Seterunya, pembolehubah bebas bantuan kemanusiaan menunjukkan terdapat dua sub tema iaitu bantuan kewangan dan bantuan psikologis. Terakhir, pembolehubah bebas keterdedahan menunjukkan terdapat dua sub tema iaitu keterdedahan sosioekonomi dan keterdedahan sosiobudaya.

Pembolehubah bersandar memberikan tahapan yang harus dilakukan semasa pengurusan bencana, seperti fasa pencegahan iaitu usaha untuk membina satu sistem pencegahan agar masyarakat boleh mengelak mahupun mencegah pelbagai bahaya yang berlaku. Merujuk dapatan kajian, ketiadaan amaran awal terhadap bahaya bencana merupakan salah satu sebab ramainya mangsa yang mati seperti contoh yang berlaku di Aceh. Oleh itu, kategori amaran awal dalam fasa pencegahan bencana merupakan satu tindakan yang wajib dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun pihak yang bertanggungjawab terhadap usaha pencegahan bencana. Tahapan seterusnya adalah fasa tindakbalas kepada mangsa serta masyarakat yang terjejas bencana. Merujuk kepada dapatan kajian, usaha penyelarasaran bantuan dalam memberikan

pertolongan kepada mangsa kadangkala terlampau sukar disebabkan oleh banyaknya birokrasi ataupun prosedur yang dibina oleh pihak kerajaan sehingga usaha mempercepatkan pemulihan mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana menjadi terhalang. Oleh itu, kategori penyelarasan bantuan harus juga diperhatikan semasa fasa tindakbalas kecemasan sehingga tidak menjadi salah satu penghambat dalam memberikan penyelamatan kepada mangsa dan masyarakat yang memerlukan pertolongan segera. Tahapan terakhir adalah fasa pemulihan dan pembinaan iaitu sediakala dengan memberikan pelbagai bantuan seperti tempat tinggal dan fasiliti yang menyokong kehidupan mangsa. Merujuk kepada dapatan kajian, penerima manfaat daripada fasa pemulihan dan pembinaan terkadangkala menghadapi pelbagai permasalahan seperti contoh ramai mangsa yang tidak menerima bantuan. Hal ini disebabkan proses pendataan terhadap penerima manfaat tidak sesuai dan kerap dipermainkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab demi mendapatkan keuntungan. Oleh itu, kategori penerima manfaat semasa fasa pemulihan dan pembinaan harus juga diperhatikan kembali oleh pihak kerajaan sehingga semua mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana sebagai penerima manfaat seharusnya boleh mendapatkan faedah sebenarnya.

Pengurusan bencana tidak boleh berjalan dengan baik jikalau tidak adanya penyertaan komuniti. Merujuk Rajah 5.1 bahawa pembolehubah bebas seperti penyertaan komuniti memiliki peranan penting dalam pengurusan bencana. Ia bermatlamat untuk menyokong aspirasi dan menggali pelbagai potensi masyarakat serta mengekalkan keberterusan sistem dalam pengurusan bencana. Berasaskan dapatan kajian bahawa penyertaan komuniti seperti *NGO* memiliki peranan penting dalam mempercepat proses pemulihan dan pembinaan. Selain memberikan bantuan,

tindakan yang kerap dilakukan adalah pemerkasaan masyarakat dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh mangsa dan masyarakat. Namun demikian, upaya pemerkasaan perlu juga mencegah kesan-kesan yang tercetus seperti terlalu bergantung kepada bantuan.

Penyertaan Ulama dalam pengurusan bencana sangat penting, selain menjaga keutuhan umat Islam juga boleh menanamkan budaya-budaya dalam mengurangi risiko bahaya bencana seperti yang berlaku di Kepulauan Simeulue melalui kearifan tempatan. Penyertaan Ulama dalam pengurusan bencana seharusnya memiliki peranan penting. Ia boleh mengawal supaya masyarakat tidak mencetuskan bahaya di masa hadapan. Oleh itu, sudah seharusnya penglibatan Ulama diberikan perhatian secara meluas dalam upaya pengurusan bencana di masa hadapan.

Selain itu, pembolehubah bebas seperti bantuan kemanusiaan merupakan salah satu bentuk usaha dalam pengurusan bencana. Bantuan kemanusiaan merupakan satu bentuk pertolongan yang diberikan kepada mangsa dalam bentuk seperti sarana, tenaga, wang dan psikologi yang dilakukan oleh pelbagai pihak dengan matlamat mengurangkan penderitaan mangsa. Bantuan kemanusiaan tidak boleh memihak atau membezakan sehingga ia boleh menyebabkan kerugian kepada orang yang sangat memerlukan pertolongan. Bantuan kemanusiaan kerap digunakan terutamanya semasa krisis atau masa-masa kecemasan yang harus diagihkan berasaskan kepada prinsip-prinsip kemanusiaan, neutral, ketidakberpihakan dan kemandirian. Bantuan kemanusiaan yang kerap dilakukan adalah bantuan kewangan dan bantuan psikologis. Bantuan kewangan seperti program *cash for work* adalah satu bentuk bantuan dengan matlamat untuk membantu para mangsa dan masyarakat supaya

boleh pulih perekonomiannya. Namun demikian program *cash for work* juga harus mengambilkira tradisi dan budaya tempatan sehingga tidak boleh membawa impak yang negatif di masa hadapan. Selain itu program kaunseling merupakan salah satu bentuk bantuan yang bersifat pemberian motivasi dan juga sokongan kepada mangsa sehingga tidak mengalami rasa trauma. Namun demikian program kaunseling harus juga memerhatikan kebiasaan masyarakat sehingga tidak bercanggah dengan nilai dan tradisi tempatan.

Terakhir pembolehubah bebas keteterdedahan. Penguruasan bencana dilakukan untuk mengurangi keterdedahan dalam masyarakat seperti kematian, kelaparan dan krisis kemanusiaan yang disebabkan oleh bencana. Tetapi keterdedahan juga boleh disebabkan oleh satu perubahan pembinaan, ekonomi, sosial, budaya dan juga persekitaraan. Keterdedahan kerap berlaku dengan adanya perubahan dalam masyarakat iaitu keterdedahan sosiekonomi dan juga keterdedahan sosiobudaya. Keterdedahan sosioekonomi adalah satu keadaan yang dihadapi oleh masyarakat daripada perubahan mata pencarian atau pendapatan yang boleh membawa kekuatan mahupun kerapuhan ekonomi pada kehidupan masyarakat. Perubahan sosioekonomi juga boleh mencetuskan kepada kekaratan akidah. Ini disebabkan oleh perubahan yang membuat perilaku, moral dan mental masyarakat telah menyimpang daripada norma-norma secara amnya disebabkan oleh keuntungan atau motif ekonomi. Sedangkan keterdedahan sosiobudaya merupakan satu keadaan kerapuhan masyarakat dalam menghadapi pelbagai ancaman yang datang daripada luar dengan matlamat untuk membawa kerosakan kepada tradisi dan keyakinan dalam kehidupan masyarakat. Kedua-dua bentuk keterdedahan ini sudah tentu boleh menyumbang kepada bencana.

Berasaskan kerangka konseptual yang dibina, dapatlah dirumuskan bahawa setiap kejadian bencana yang berlaku di muka bumi tidak terlepas daripada perilaku manusia itu sendiri. Oleh itu, usaha pengurangan risiko bencana harus dilakukan secara berkesan yang bermula daripada tindakan dalam fasa pencegahan, tindakbalas kecemasan, pemulihan dan pembinaan. Tindakan ini akan boleh berhasil apabila adanya pelbagai penglibatan komuniti seperti *NGO* dan juga Ulama. Penglibatan *NGO* sangat penting dalam mempercepat proses pemulihan mangsa dan masyarakat terjejas bencana. Sedangkan penglibatan Ulama tidak dinafikan boleh menyelesaikan pelbagai permasalahan dalam persekitaran masyarakat yang terjejas bencana seperti contoh mencegah upaya merosakkan akidah oleh pihak asing yang secara sengaja ingin membawa satu perubahan yang tidak sesuai dengan Akidah Islam. Pada asanya pengurusan bencana bermatlamat untuk mengurangi keterdedahan daripada satu bencana. Oleh itu, setiap proses pengurusan bencana harus memerhatikan pelbagai kesan yang dibawa daripada penyertaan komuniti dan bantuan kemanusiaan yang diagihkan kepada mangsa dan masyarakat sehingga tidak membawa keterdedahan.

5.3 Implikasi Kajian

Hasil daripada analisis data yang dibuat oleh penyelidik melalui pemerhatian, temubual dan bukti dokumen telah banyak membawa implikasi yang penting kepada seluruh proses pengurusan bencana. Perbincangan terhadap kajian pengurusan bencana merupakan satu perkara yang kerap pakar mengkjinya, terlebih lagi setakat ini kerap berlaku bencana alam. Namun demikian, matlamat daripada penyelidikan ini adalah untuk mengetahui pelbagai kesan pengurusan bencana tsunami di Aceh mengikut fasa-fasanya seperti fasa pencegahan, fasa tindak balas kecemasan, fasa

pemulihan dan pembinaan. Selain itu, untuk mengetahui pelbagai kesan dari penyertaan komuniti seperti *NGO* asing dan Ulama semasa pengurusan bencana berikutan bentuk bantuan kemanusiaan dan keterdedahan yang tercetus dalam kehidupan masyarakat selepas pengurusan bencana tsunami tamat. Masih terdapat kurangnya rujukan terhadap pelbagai kesan pengurusan bencana tsunami di Aceh terutama terhadap kesan penyertaan *NGO* asing dan Ulama. Seterusnya masih kurang penjelasan terhadap kesan bantuan dan keterdedahan yang berlaku selepas pengurusan bencana tsunami tamat di Aceh. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting yang nantinya boleh menjadi rujukan kepada pihak yang memerlukanya.

Tidak banyak kajian terhadap kesan pengurusan bencana akibat penyertaan komuniti semasa pengagihan bantuan dalam persekitaran mangsa di Aceh. Hanya terdapat satu kajian yang menjelaskan bahawa pengurusan bencana berikutan penyertaan komuniti seperti *NGO* asing telah membawa kesan positif kepada sosioekonomi masyarakat di Aceh. Selain itu, didapat pelbagai ulasan lepas seperti blog, surat khabar dan sumber daripada internet yang menjelaskan bahawa penyertaan komuniti seperti *NGO* asing dalam pengurusan bencana telah juga membawa satu perubahan pada kehidupan persekitaran masyarakat di Aceh. Kajian ini boleh menambah satu rujukan terhadap gambaran yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami di Aceh, berikutan penglibatan Ulama dalam usaha menanamkan nilai kepada masyarakat agar terhindar daripada kejadian bencana tsunami. Rujukan terhadap penyertaan Ulama dalam pengurusan bencana sama sekali tidak mendapatkan satu bentuk karya saintifik. Namun demikian, terdapat maklumat daripada peserta yang boleh dijadikan satu rujukan terhadap kerjayanya para Ulama

dalam menyelamatkan masyarakat daripada bahaya gelombang tsunami di Kepuluan Simeulue. Oleh itu, penyertaan Ulama merupakan satu pelakon yang boleh membawa pengurusan bencana lebih baik di masa hadapan terutama di Aceh. Maka, dapatan kajian ini boleh juga digunakan oleh pakar dalam membina skema pengurusan bencana di masa hadapan. Selain itu, dapatan kajian ini boleh menambahkan lagi rujukan kepada pihak akademik dalam usaha penambahbaikan kepada proses pembinaan teori dan juga konsep pengurusan bencana.

5.4 Cadangan Kajian

1. Dapatan kajian ini telah meletakkan usaha pengurusan bencana bermula daripada fasa pencegahan, fasa tindakbalas kecemasan, fasa pemulihan dan pembinaan. Tindakan tersebut tidaklah berjaya dan berkesanan jikalau penyertaan pelbagai komuniti tidak dilibatkan oleh pihak kerajaan. Namun demikian, penyertaan komuniti tanpa satu kawalan boleh mencetuskan pelbagai keterdedahan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat. Untuk menguji pelbagai kesan dan keterdedahan semasa pengurusan bencana di Aceh. Penyelidik telah menggunakan kaedah etnografi dengan penyelidik sebagai salah satu instrumen dalam kajian ini. Tindakan ini dilakukan mengingat penyelidik juga sebagai satu mangsa tsunami sehingga boleh memahami keadaan yang pernah berlaku di Aceh. Dapatan kajian ini boleh menjadi asas rujukan kepada sesiapa yang berminat untuk menyelidik pelbagai kesan dan keterdedahan yang berlaku semasa dan selepas pengurusan bencana tamat di Aceh.

2. Kajian ini menggunakan model analisis yang berasaskan pemikiran model Hahn, (2008). Ia boleh memberikan gambaran jelas terhadap analisis data kualitatif yang digunakan dalam penyelidikan ini. Model Hahn (2008) telah juga menekankan bahawa pembinaan tema dan kategori boleh digunakan dengan satu perisian iaitu NVivo 11. Kajian lanjutan boleh dibuat dengan menggunakan pelbagai model lain sesuai dengan kaedah kualitatif.
3. Kajian ini hanya memilih pelbagai peserta seperti mangsa tsunami, para bekas pekerja *NGO* asing, Ulama Aceh dan juga pihak Kerajaan Aceh untuk mengetahui kesan semasa dan selepas pengurusan bencana. Pemilihan peserta dilakukan oleh penyelidik dengan menggunakan kaedah persampelan bermatlamat (*Purposive Sampling*) iaitu penyelidik telah mengenalpasti para peserta yang memiliki kualiti maklumat. Tindakan pemilihan persampelan bermatlamat dilakukan dengan mempertimbangkan tingkat sensitiviti persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Namun demikian, untuk kajian selanjutnya boleh memberikan fokus kepada tindakan dan usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan penyertaan komuniti seperti Ulama dalam usaha pencegahan keterdedahan selepas pengurusan bencana tamat di persekitaran mangsa dan masyarakat.
4. Kajian ini hanya untuk mengetahui kesan yang kerap disampaikan oleh peserta semasa dan selepas pengurusan bencana. Sebagaimana yang sedia maklum bahawa pengurusan bencana mengikut fasa-fasanya juga boleh mengetahui fenomena yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana. Sedangkan kehadiran komuniti asing dan *NGO* asing tidak selalu membawa kesan positif teapi juga boleh mencetus kepada keterdedahan

dalam kehidupan mangsa dan masyarakat. Peranan Ulama sudah seharusnya lebih diutamakan oleh pihak kerajaan terutama dalam usaha pengurangan risiko bencana. Kajian lanjutan masih perlu dilakukan disebabkan masih banyak kesan yang tidak terungkap. Oleh itu, pelbagai rujukan dalam kajian ini nantinya boleh menjadi sumber kepada yang berminat dalam melakukan penyelidikan terhadap keadaan di Aceh.

5. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kualitatif, tetapi kajian ini boleh dilanjutkan dengan menggunakan kaedah kuantitatif untuk mengukur secara statistik hubungan-hubungan antara pembolehubah besandar dengan pembolehubah bebas seperti model rekabentuk konseptual. Pembolehubah bebas seperti keterdedahan boleh diuji sebagai satu pembolehubah penyederhana kepada pembolehubah bebas seperti penyertaan komuniti dan bantuan kemanusiaan terhadap pembolehubah bersandar iaitu pengurusan bencana. Seperti contoh penyertaan komuniti mahupun bantuan kemanusiaan boleh berpengaruh terhadap keterdedahan sosioekonomi dan sosiobudaya dalam pengurusan bencana.

Penyelidik berharap agar hasil kajian dan cadangan yang telah dikemukakan boleh mendatangkan manfaat serta dapat membuka minda pelbagai pihak yang memiliki tanggungjawab untuk mencari penyelesaian yang sesuai bagi memastikan usaha pengurusan bencana boleh berjalan dengan baik di masa depan serta mencegah tercetusnya kesan yang dapat membawa kepada bencana.

5.5 Kesimpulan

Kajian ini merupakan satu gambaran terhadap kesan semasa dan selepas pengurusan bencana tsunami akibat penyertaan komuniti seperti *NGO* asing dan Ulama dalam memberikan perkhidmatan bantuan kemanusiaan serta wujud keterdedahan yang berlaku dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh. Kajian ini boleh menjadi satu rujukan dalam mengisi jurang teori utama terhadap kesusasteraan yang mana tiap-tiap negara memiliki perbezaan dalam usaha pengurusan bencana. Berasaskan dapatan kajian, bahawa tema pertama terhadap kesan pengurusan bencana mengikut fasa-fasanya mendapat ketidaksiapan pihak kerajaan terutama dalam fasa pencegahan untuk mengurangkan risiko seperti ketiadaan amaran awal kepada masyarakat terhadap bahanaya gelombang tsunami selepas gempa bumi. Selain itu, sukarnya proses pengagihan bantuan kepada mangsa dan masyarakat yang disebabkan oleh penyelarasian bantuan yang dibina oleh pihak kerajaan melalui Satlak PB telah menjadi permasalahan semasa fasa tindak balas kecemasan. Sedangkan dalam fasa pemulihan dan pembinaan kerap didapati mangsa dan masyarakat yang terjejas bencana tidak mendapatkan agihan bantuan rumah.

Berkaitan dengan penyertaan komuniti bahawa penyertaan *NGO* asing telah banyak membantu proses semasa pengurusan bencana. Tetapi usaha yang dilakukan telah juga mencetuskan kepada perubahan dalam masyarakat disebabkan bantuan hibah dan modal usaha bukan sahaja membina masyarakat yang lebih baik namun telah menyebabkan masyarakat semakin malas, suka mengharapkan bantuan serta juga hilangnya semangat gotong-royong. Sedangkan penyertaan Ulama dalam pengurusan bencana seharusnya tidak boleh dinafikan telah memberikan satu peranan penting

dalam memberikan perlindungan kepada masyarakat. Hal ini dibuktikan dengan pelbagai tindakan yang dilakukan dalam persekitaran masyarakat di Kepulaauan Simeulue dalam usaha pengurangan risiko bencana seperti gelombang tsunami melalui satu kearifan tempatan yang terbina dalam kehidupan masyarakat. Para Ulama yang kerap menjaga tradisi tersebut dengan cara memberikan nasihat dan amaran kepada masyarakat supaya boleh menjaga keseimbangan alam sekitar.

Semasa pengurusan bencana terdapat banyak bantuan kemanusiaan yang diagihkan kepada mangsa dan masyarakat di Aceh seperti bantuan kewangan melalui program *cash for work* iaitu memberikan bantuan secara tunai selepas mengikuti aktiviti yang dibina oleh *NGO*. Namun kesan yang tercetus adalah membuat masyarakat semakin materialistik (*motif ekonomi*) sehingga berimpak hilangnya rasa kepedulian. Selain itu bantuan psikologis yang dilakukan oleh *NGO* dalam pemulihan mental masyarakat adalah melalui satu program yang disebut kaunseling. Program kaunseling yang dilaksanakan kerap melalui hiburan, permainan dan pendidikan, tetapi terkadang aktiviti tersebut tidak sesuai dengan budaya masyarakat Aceh yang majoriti beragam Islam dan kerap bercanggah dengan Syariah Islam. Pelbagai kesan-kesan yang berlaku semasa pengurusan bencana dan penglibatan komuniti berikut bantuan telah mencetuskan pelbagai kesan positif, tetapi juga membawa kesan negatif yang boleh membawa keterdedahan dalam persekitaran masyarakat di Aceh.

Keterdedahan pertama adalah perubahan sosioekonomi dalam kehidupan masyarakat seperti perilaku masyarakat yang serakah untuk mendapatkan keuntungan dengan mengesampingkan nilai-nilai agama dan tradisi. Keterdedahan kedua adalah terhadap sosiobudaya yang disebabkan adanya interaksi daripada dua budaya asing yang

masuk dan telah merosakkan budaya tempatan sehingga mencetuskan kepada perubahan perilaku masyarakat yang bercanggah dengan pelaksanaan Syariah Islam. Keterdedahan sosiobudaya yang sangat mengkhawatirkan adalah didapati usaha kedangkalan akidah dalam persekitaran mangsa dan masyarakat yang dilakukan oleh pihak asing, supaya boleh berpindah daripada kepercayaan sebelumnya. Kesan-kesan yang berlaku merupakan isu dan fenomena semasa dan selepas pengurusan bencana Tsunami di Aceh. Maka dapatan kajian ini boleh menjadi satu rujukan kepada pihak Kerajaan Aceh terutama terhadap kesan negatif yang tercetus daripada kehadiran pihak komuniti asing dan *NGO* asing semasa mengagihkan bantuan. Sebagaimana diketahui bahawa penyertaan *NGO* asing semasa pengurusan bencana telah banyak memberikan kesan positif, tetapi juga boleh membawa kesan negatif yang boleh membuat rosaknya kemampunan Islam dalam persekitaran masyarakat di Aceh.



RUJUKAN

- Alcantara Ayala, I. (2002). Geomorphology , natural hazards , vulnerability and prevention of natural disasters in developing countries. *Geomorphology*, 47, 107–124.
- Ali Maschan Moesa. (2007). *Nasionalieme Kyai : Konstruksi Berbasis Agama* (p. 358). Yogyakarta, Indonesia: LKis dan IAIN Sunan Ampel. Retrieved Retrieved July 23, 2014, from <http://books.google.com.my/>
- Anggun Susilo. (2007). The Ineffectiveness of Aid in Aceh Redevelopment Projects. *International Relations Depatement Brawijaya University*, 33–42.
- Arida Sahputra. (2012). Agenda besar misionaris di aceh. <http://aridasahputra.blogspot.com/2012/09/agenda-besar-misionaris-di-aceh.html>.
- Austrian Development Agency. (2009). *International humanitarian aid* (p. 22). Vienna. Retrieved from www.entwicklung.at
- Aziz, S. A. (2013). Perkukuh rohani, jasmani ummah tempuh 2014. *Berita Harian*, p. 26. Malaysia. Retrieved Agustus 03, 2014 from <http://www.bharian.com.my>
- B.Setiawan. (2007). *Pelajaran Dari Yogyo Dan Aceh : Kapasitas Tata Kelola Resiko Bencana* (pp. 1–114). Yogyakarta: Patnership for Government Reform.
- Bappenas. (2006). *Preliminary damage and loss assessment; The December 26, 2004 Natural Disaster* (p. 128).
- Basit, T. N. (2003). Manual or electronic? The role of coding in qualitative data analysis. *Educational Research*, 45(2), 143–154.
- Basyar, M. H. (2007). Dinamika Peran Ulama dalam Perpolitikan Nasional Pasca-Orde baru. In *Revitalisasi Peran Politik Ulama dan Kiai dalam kancah Perpolitikan Nasional*. Banjar, Indonesia: STAI Darussalam Martapura.

Baxter, P., & Jack, S. (2008). Qualitative case study methodology: Study design and implementation for novice researchers. *The Qualitative Report*, 13(4), 544–559.

Benson, C., & Twigg, J. (2007). *Tools for Mainstreaming Disaster Risk Reduction : Guidance Notes For Development Organisations*. (ProVention Consortium Secretariat, Ed.) (pp. 1–184). Geneva, Switzerland: The International Federation of Red Cross.

Berg, B. L. (2001). *Qualitative research methods for the social sciences* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.

Bjorgo, E. (2013). *Mainstreaming space technologies for effective disaster management* (p. 17). Swizetland.

Blaikie, N. (2000). *Designing Social Research: The Logic of Anticipation*. Cambridge: Polity.

Blaikie, P. ., Cannon, T., Davis, I., & Wisner, B. (1994). *At Risk : natural Hazards, People Vulnerability and Disaster* (1st ed.). London: Routlege.

Bowen, G. A. (2006). Grounded theory and sensitizing concepts. *International Journal of Qualitative Methods*, 5(3), 1–9.

BPS Aceh. (2010). *Jumlah pondok pesantren, santri dan tenaga pengajar menurut kabupaten/kota*.

Brady, M., & Loonam, J. (2010). Exploring the use of entity-relationship diagramming as a technique to support grounded theory inquiry. *Qualitative Research in Organizations and Management: An International Journal*, 5(3), 224–237.

Brewer, G. A., Selden, S. C., & Facer II, R. L. (2000). Individual conceptions of public service motivation. *Public Administration Review*, 60(3), 254–264.

Brink, P. J., & Edgecombe, N. (2003). What is becoming of ethnography. *Qual. Health Res*, 13(7), 1028–1030.

Bryman, A., & Bell, E. (2007). *Business Research Methods* (2nd ed.). New York: Oxford University Press.

Bungin, B. (2001). *Metodologi Penelitian Kualitatif; Dilema Multikulturalisme di Indonesia*. Jakarta, Indonesia: Rajawali Press.

Cannon, T. (2000). *Vulnerability Analysis and Disasters*. (D. J. Park, Ed.)*Floods: Routledge*.

Cardona, O. D. (2003). *Indicators for Disaster Risk Management* (pp. 1–38). Manizales, Colombia.

Cornwall, A. (2011). *The participation reader*. London: Zed Books.

Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks: Sage Publications.

Crofts, K., & Bisman, J. (2010). Interrogating accountability: An illustration of the use of Leximancer software for qualitative data analysis. *Qualitative Research in Accounting & Management*, 7(2), 180–207.

Cutler, A. (2004). Methodical failure: The use of case study method by public relations researchers. *Public Relations Review*, 30, 365–375.

Dani, S. (2015). Aceh Taget Misionaris. *Serambi Indonesia*, 2015. Retrieved from www.aceh.tribunnews.com

Deputi Sekretaris Kabinet Bidang Hukum. (2008). *Peraturan Presiden Republik Indonesia Nomor 47 Tahun 2008 Tentang Perubahan Atas Peraturan Presiden Nomor 30 Tahun 2005 Rencana Induk Rehabilitasi Dan Rekonstruksi Wilayah Dan Kehidupan Masyarakat Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Dan Kepulauan Nias Sumat*. Jakarta, Jakarta.

Di Gregorio, S., & Davidson, J. (2007). Research design, units of analysis and software supporting qualitative analysis. *Advances in Qualitative Computing*, 1(1), 1–10.

Diamond, L. (2001). *What Civil Society Can Do To Reform , Deepen , And Improve Democracy By* (pp. 1–18). Stanford.

Dwininggrum, S. I. A. (2011). *Desentralisasi dan partisipasi masyarakat dalam pendidikan* (p. 334). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Edward, M. (2000). *NGOs Rights And Responsibilities, A New Deal For Global Governance*. London: Foreign Policy Center.

French, S. (2009). Action research for practising managers. *Journal of Management Development*, 28(3), 187–204.

Fu̇ssel, H.-M., & Klein, R. J. . (2006). Climate change vulnerability assessments: an evolution of conceptual thinking. *Climatic Change*, 75(3), 301–329.

Gentile, P. A. (2009). *Ensuring the American dream: Perceptions of New Jersey community college residents on fundraising as an alternative revenue source to preserve access and affordability*. University of Nebraska, Nebraska, USA.

Ginige, K., Amaratunga, D., & Haigh, R. (2009). Mainstreaming gender in disaster reduction: why and how? *Disaster Prevention and Management*, 18(1), 23–34. doi:10.1108/09653560910938510

Goede, R., & De Villiers, C. (2003). The applicability of grounded theory as research methodology in studies on the use of methodologies in IS practices. Retrieved July 22, 2014, from http://groupware.les.inf.puc-rio.br/groupware/temp/denise/metodologia/ACM/groundedTheoryIS_p208-goede.pdf

Golafshani, N. (2003). Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research. *The Qualitative Report*, 8(4), 597–606. Retrieved from <http://www.nova.edu/ssss/QR/QR8-4/golafshani.pdf>

Goulding, C. (2005). Grounded theory, ethnography and phenomenology: A comparative analysis of three qualitative strategies for marketing research. *European Journal of Marketing*, 39(3), 294–308.

Groenewald, T. (2004). A Phenomenological Research Design Illustrated. *International Journal of Qualitative Methods*, 3(1), 1–26. Retrieved Agustus 04, 2014 from http://www.ualberta.ca/-iiqm/backissues/3_1/pdf/groenewald.pdf

Hahn, C. (2008). *Doing Qualitative Research Using Your Computer*. Londong: Sage.

Harahap, S. W. (2011). AIDS di Banda Aceh : Yang Rawan Perilaku Sebagian Penduduk. Retrieved June 03, 2011, from <http://www.kompasiana.com/posts/type/raport/>

Hartmann, T., Fischer, M., & Haymaker, J. (2009). Implementing information systems with project teams using ethnographic-action research. *Advanced Engineering Informatics*, 23(1), 57–67.

Hasan, H. binti H. (2010). Sejarah Migrasi Penduduk Aceh ke Kedah "Dalam Konteks Hubungan Kedah-Aceh, (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah), 1–30.

Hatta Abdul Malik. (2010). DA “ I Sebagai Pewaris Nabi. *Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 4(2), 86–87.

Healt Disaster Management. (2002). *Conceptual framework of disasters* (Vol. 17, pp. 31–55).

Henckaerts, J. (2005). Studi (kajian) tentang Hukum Humaniter Internasional Kebiasaan: Sebuah sumbangan bagi pemahaman dan penghormatan terhadap tertib hukum dalam konflik bersenjata. *International Humanitarian Law*, 87, 1–44.

Heyzer, N. (2004). *Women, War and Peace : Mobilizing for Security and Justice in the 21st Century*. (E. Noma, Ed.) (pp. 1–58). San Diego, California: University od San Diego.

Hidayat, T. (2010). *Isu-isu aktual penelitian pemberdayaan masyarakat* (pp. 1 –11). Banjarbaru, Indonesia.

Hon Anna, B. M. (2010). Disaster Management Strategic Policy Framework. *State Disaster Management Group*, (1), 1–20.

Hossain, A. (2013). Community Participation in Disaster Management: Role of Social Work to Enhance Participation, 9, 159–171.

Househ, M. S. (2008). *A case study in knowledge translation: Developing a conceptual framework to evaluate the role of information and communication technology on linkage and exchange processes in distant drug policy groups*. University of Victoria, British Columbia, Canada.

International Strategi For Disaster Reduction. (2006). Developing Early Warning Systems : A Checklist. *Early Warming Conference*, 3(March), 1–13.

Ishak, R. (2004). Special Report : Disaster Planning And Management. *NCD Malaysia*, 3(2), 47–51.

Iwasaki, Y. (2008). The methodological applications of modern historical science to qualitative research. Retrieved July 22, 2014, from https://ir.ide.go.jp/dspace/bitstream/2344/732/3/ARRIDE_Discussion_No.143_iwasaki.pdf

Jabar, M. A., Sidi, F., Selamat, M. H., Abdul Ghani, A. A., & Ibrahim, H. (2009). An investigation into methods and concepts of qualitative research in information system research. *Computer and Information Science*, 2(4), 47–54.

Jusmaliani. (2008). Bencana Dalam Pandangan Islam. *Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia*, 34(1), 1–23.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2008). Bencana. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved June, 05, 2014 from <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Bencana>

Karunasena, G., & Rameezdeen, R. (2010). Post-disaster housing reconstruction: Comparative study of donor?vs owner-driven approaches. *International Journal of Disaster Resilience in the Built Environment*, 1(2), 173–191. doi:10.1108/17595901011056631

Katsir, Imaduddin Abu Fida' Ismail bin, *Misbahul Munir fi Tahdzib Tafsir Ibnu Katsir*, Riyadh : Darussalam, 2000

Kasperson, J. X. (2005). Risk Analysis Corporations and the Globalization of Risk. *Social Contours of Risk*, 2(1), 245–285.

Klein, E. E., Tellefsen, T., & Herskovitz, P. J. (2007). The use of group support systems in focus groups: Information technology meets qualitative research. *Computers in Human Behavior*, 23(1), 2113–2132.

Kruahongs, W. (2008). *Community Participation In Tsunami Disaster Response And Recovery In Thailand*. University of Manitoba.

LaRocco, M. (2011). *International teaching assistance and the essence of the development of intercultural competence*. Retrieved June, 07, 2014 from <http://digitalcommons.ric/etd/edu/40>

Legg, C. F. (2010). *An ethnography of adults living with aphasia in Khayelitsha*. University of the Witwatersrand, Johannesburg, South Africa.

Lettieri, E., Masella, C., & Radaelli, G. (2009). Disaster management: findings from a systematic review. *Disaster Prevention and Management*, 18(2), 117–136. doi:10.1108/09653560910953207

M.Quraish Shihab. (2007). Bencana alam menurut perspektif al- qur'an, 1, 1–18.

Maarif, S. (2009). *Pedoman Bantuan Peralatan*. Jakarta, Indonesia.

Malina, M. A., Nørreklit, H. S. O., & Selto, F. H. (2011). Lessons learned: Advantages and disadvantages of mixed method research. *Qualitative Research in Accounting & Management*, 8(1), 59–71.

Mallick, B., Rahaman, K. R., & Vogt, J. (2011). Social vulnerability analysis for sustainable disaster mitigation planning in coastal Bangladesh. *Disaster Prevention and Management*, 20(3), 220–237. doi:10.1108/09653561111141682

Martin, N. (2005). The Asian tsunami An urgent case for improved government information systems and management. *Disaster Prevention and Management*, 16(2), 188–200. doi:10.1108/09653560710739513

Masyrafah, H., & McKeon, J. M. (2008). *Post-Tsunami Aid Effectiveness in Aceh. Wolfensohn Center For Development* (pp. 1–54). Indonesia.

McAdoo, B. G., Dengler, L., Prasetya, G., & Titov, V. (2006). Smong : How an Oral History Saved Thousands on Indonesia's Simeulue Island during the December 2004 and March 2005 Tsunamis. *Earthquake Spectra*, 22(S3), 661–669. doi:10.1193/1.2204966

McEntire, D. A. (2001). Triggering agents, vulnerabilities and disaster reduction: towards a holistic paradigm. *Disaster Prevention and Management*, 10(3), 189–96.

Meijer, P. C., Verloop, N., & Beijaard, D. (2002). Multi-method triangulation in a qualitative study on teachers' practical knowledge: An attempt to increase internal validity. *Quality & Quantity*, 36, 145–167.

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative data analysis* (2nd ed.). Thousand Oaks: Sage Publications.

Moch Syarif Hidayatullah. (2009). Bencana dan Qur'an. *blogspot*. Retrieved September, 10, 2015 from <http://eku2009.blogspot.com/2009/10/bencana-dan-quran.html>

Moe, T. L., & Pathranarakul, P. (2006). An integrated approach to natural disaster management: Public project management and its critical success factors. *Disaster Prevention and Management*, 15(3), 396–413. doi:10.1108/09653560610669882

Mohd Noor, K. B. (2008). Case study: A strategic research methodology. *American Journal of Applied Sciences*, 5(11), 1602–1604.

Mohhamad Iskandar. (2001). *Para Pengembang Amanah : Pergulatan Pemikiran Kiai dan Ulama di Jawa Barat, 1900-1950*. Yogyakarta, Indonesia: Matabangsa.

Muhammad Chirzin. (2010). *Ulama Dan Umara Dalam Perspektif Al- Qur'an*. (Sunan Kalijaga, Ed.) (pp. 45–47). Yogyakarta, Indonesia: Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.

Muhammad Gazali. (2000). *Persepsi al-Qur'an tentang ulama* (pp. 17–29). Khazanah.

Mustafa, M. M. E. (2007). *Disaster Preparedness And Risk Reduction In The Community. 2007* (pp. 1–196). United Kingdom.

Nasution, D. (2007). *Analisa dan Evaluasi UU No.24 Tahun 2007 tentang Penanggulangan Bencana* (pp. 1–78). Jakarta, Indonesia.

Ng, C. K. C., & White, P. (2005). Qualitative research design and approaches in radiography. *Radiography*, 11, 217–225.

Nurani, L. M. (2008). Critical review of ethnographic approach. *Jurnal Sosioteknologi*, 14(7), 441–447.

Ocha. (2008). *Disaster Response in Asia and the Pacific : A Guide to International Tools and Services*. (W. Stacey, Ed.) (pp. 1–87). Thailand.

Olmos, S. (2001). Vulnerability and adaptation to climate change: concepts, issues, assessment methods. *Climate Change Knowledge Network*. Retrieved July 23, 2014, from http://www.cckn.net/pdf/va_foundation

Osorio, N. ., & Hurich, J. (2004). Literature of disasters from the human factors point of view: a descriptive analysis. *Collection Building*, 23(2), 64–72.

Pandey, B., & Okazaki, K. (2005). *Community Based Disaster Management: Empowering Communities to Cope with Disaster Risks* (United Nat.). Japaan.

Pelling, M., & Uitto, J. I. (2002). Small island developing states : natural disaster vulnerability and global change. *Enviromental Hazard*, 3(2001), 49–62.

Quraish Shihab. (1994). *Membumikan Al-Qur'an* (pp. 1–382). Bandung, Indonesia: Mizan.

Roka, K. B. (2012). *Are NGOs Making A Difference? A Community To Measuring Non-Government Organizations (NGOS) Effectiveness In Nepal*. The Pennsylvania State University.

Şandru, C. (2009). Current outlook upon ethnography. *Bulletin of the Transilvania University of Braşov*, 2(51), 61–68.

Schellens, T., & Valcke, M. (2006). Fostering knowledge construction in university students through asynchronous discussion groups. *Computer & Education*, 46, 349–370.

Sekretariat Bina Desa. (1999). *Panduan penguatan manajemen lembaga swadaya masyarakat* (p. 33). Jakarta, Indonesia.

Shaluf, I. ., & Ahmadun, F. (2006). Disaster types in Malaysia: an overview. *Disaster Prevention and Management*, 15(2), 286–98.

Shaluf, I. ., Ahmadun, F., & Said, A. . (2003). A review of disaster and crisis. *Disaster Prevention and Management*, 12(1), 24–32.

Solihu, A. K. H. (2007). Making Sense of Natural Disasters: An Islamic Hermeneutics of Malevolent Phenomena in Nature and Its Implication for Sustainable Development. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 1(24).

Stoddard, A. (2003). Humanitarian NGOs: challenges and trends. *Overseas Development Intitute*, 44(12), 1–4.

Suharko. (2003). NGO, Goverment and Promotion od Democratic Goverment in Post-New Order Indonesia. *Forum of International Development Studies*, 1(1), 229–244.

Sumampouw, M. (2004). *Perencanaan Darat-Laut yang Terintegrasi dengan Menggunakan Informasi Spasial yang Partisipatif. Menata Ruang Laut Terpadu* (pp. 91–117). Jakarta, Indonesia: Pradnya Paramita.

Taher, T. (2000). *Jembatan, Umat, Ulama dan Umara* (pp. 1–55). Bandung, Indonesia: Genesa.

Tetnowski, J.A. & Damico, J. S. (2001). A demonstration of the advantages of qualitative methodologies in stuttering research. *Journal of Fluency Disorders*, 26(1), 17–42.

Teuku Erwansyah, Awang, A. H., & Hamzah Jusof. (2011). Pembangunan Sosioekonomi Pasca Tsunami: Peranan NGO Asing. In *Aceh Development International Conference* (Vol. 1, pp. 617–638).

Tollin, K., & Jones, R. (2009). Marketing logics for competitive advantage. *European Journal of Marketing*, 43, 523–550.

Tongco, M. D. C. (2007). Purposive Sampling as a Tool for Informant Selection. *Ethnobotany Research & Applications*, 158, 147–158.

Tsai, P. (2009). *Best practices of team teaching by native speaker teachers and non-native speaker teachers in Taiwanese junior high school English classes*. Alliant International University, California, USA.

Turner, M., & Fozdar, F. (2010). Dependency, partiality and the generation of research questions in refugee education. *Issues in Educational Research*, 20(1), 183–197.

Uthman, M. Z. (2005). *Ulama dan Umara: Peranan Dan Cabaran Dalam Menghadapi Alaf Baru*. Malaysia: Perputakaan Negara Malaysia.

Van Roy, A. (2000). “Good News” You May Be Out Of a Job : Refletion on The Past and Future 50 Years For Northern NGOs. *Development In Pratice*, 10(3 & 4), 300–317.

Vebry, M., Manu, C., & Berman, L. (2007). Community development approach in Aceh reconstruction: Reflecting on lessons learned for Yogyakarta. *International Seminar on Post-Disaster Reconstruction: Assistance to Local Governments and Communities*, (Yogyakarta, Indonesia).

Wangkaewhiran, T. (2012). Development of Local Wisdom Learning Management Model of ASEAN Focus School. In The International Academic Forum (Ed.), *The Asian Conference on Education* (pp. 119–129). Osaka, Japan.

Warfield, C. (2002). The Disaster Management Cycle. Retrieved Oktober, 09, 2015 from http://www.gdrc.org/uem/disasters/l-dm_cvcle.html

Weichselgartner, J. (2001). Disaster mitigation: the concept of vulnerability revisited. *Disaster Prevention and Management*, 10(2), 85–95. doi:10.1108/09653560110388609

Williams, D. (2005). Bridging the methodological divide in game research. *Simulation & Gaming*, 36(4), 1–17.

Williams, P. & Gunter, B. (2006). Triangulating qualitative research and computer transaction logs in health information studies. *Aslib Proceedings: New Information Perspectives*, 58(1/2), 129–139.

Yarwood, R. (2007). Getting just deserts? Policing, governance and rurality in Western Australia. *Geoforum*, 38, 339–352.

Yuknis, C. M. (2010). *A grounded theory of deaf middle school students' revision of their own writing*. University of Maryland, Maryland, USA.



SENARAI LAMPIRAN

UUM
Universiti Utara Malaysia

Lampiran B1 : Borang Persetujuan Penyelidikan



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Tajuk Penyelidikan : Kesan Pengurusan Bencana akibat Penyertaan NGO dan Ulama dalam Bantuan Tsunami di Aceh

Nama Penyelidik : Mulyagus Usman Muhammad

Ini merupakan satu borang persetujuan bagi orang-orang yang ikut mengambil bahagian dalam kajian penyelidikan ini. Anda dijemput untuk mengambil bahagian dalam kajian ini kerana anda merupakan seorang yang pernah melibatkan diri dalam pengurusan bencana di Aceh. Jika anda membuat keputusan untuk mengambil bahagian, penyelidik akan meminta anda untuk menandatangani satu borang persetujuan ini dan akan memberikan anda satu salinan untuk menyimpannya. Matlamat daripada penyelidikan ini untuk mengetahui pelbagai kesan pengurusan bencana di Aceh berikutan penyertaan komuniti dan bantuan kemanusiaan. Tempoh yang diharapkan daripada temu bual akan mengambil masa kira-kira satu jam. Temu bual akan dirakam dengan audio dan sehingga penyelidik boleh mengkaji semula maklumat yang didapat. Anda akan diminta untuk mengisi borang maklumat biografi pendek (*misalnya latar belakang pendidikan dan pengalaman bekerja*). Kerahasiaan anda akan dilindungi oleh penyelidik. Dapatan penyelidikan ini boleh diterbitkan, tetapi nama anda tidak akan dibentangkan. Audio-pita, transkripsi yang dihasilkan daripada audio-pita dan maklumat sensitif lain akan dimusnahkan selepas lima tahun. Penyertaan anda dalam penyelidikan ini secara sukarela. Jika anda tidak mahu mengambil bahagian, anda memiliki hak untuk tarikan diri daripada penyelidikan ini setiap masa. Jika anda memiliki soalan mengenai penyelidikan ini, sila hubungi di (+60) 175338411 atau email mulyagus.msi @ gmail.com

Saya sudah membaca borang persematlamat dan saya bersetuju.

Nama Peserta:

Tanda Tangan peserta:

tarik

Lampiran B1-2 : Fomulir Persetujuan Penelitian



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Tajuk Penyelidikan : Efek Manajemen Bencana Akibat Partisipasi NGO dan Ulama dalam Bantuan Tsunami di Aceh

Nama Penyelidik : Mulyagus Usman Muhammad

Ini adalah Fomulir persetujuan kepada pihak yang ikut mengambil bagian dalam penelitian ini. Saudara di undang dalam penelitian ini karena saudara adalah orang yang pernah terlibat dalam penanggulangan bencana di Aceh. Apabila saudara setuju mengambil bagian, maka penenilti akan meminta saudara untuk menandatangani formulir persetujuan itu dan peneliti akan memberikan satu salinan untuk saudara simpan. Tujuan penelitian ini untuk mencari tahu terhadap dampak dari pada keterlibatan NGO asing beserta bantuannya dan sumbangan ulama di dalam penanggulangan bencana di Aceh. Partisipasi saudara akan membantu peneliti untuk mengetahui dampak dari pada partisipasi NGO asing itu dan juga akan memudahkan peneliti untuk mengetahui sumbangan ulama terhadap korban tsunami dan masyarakat di Aceh. Waktu yang diperlukan di dalam wawancara ini akan menyita kurang lebih satu jam. Wawancara akan direkam dengan audio yang nantinya peneliti akan dapat menganalisi informasi-informasi itu. Saudara juga akan diminta untuk mengisi formulir biografi pendek (misalnya latar belakang pendidikan dan pengalaman bekerja). Kerahasiaan saudara akan dilindungi. Hasil penelitian ini nantinya akan diterbitkan, tetapi nama saudara tidak akan ditampilkan. Audio-pita, transkrips yang dihasilkan daripada audio-pita, dan informasi sensitif lainnya akan dimusnahkan setelah lima tahun. Partisipasi saudara di dalam penelitian ini secara sukarelawan. Jika saudara keberatan mengambil bagian, saudara berhak untuk menarik diri dari pada penelitian ini setiap waktu.

Jika saudara memiliki persoalan akan penelitian ini, sila hubungi di (+62) 8227372-9000 / (+60) 175338411 atau email mulyagus.msi @ gmail.com

Saya sudah membaca seluruh isi dalam fomulir ini dan saya mengerti serta menyetujui untuk mengambil bagian di dalam penelitian ini

Nama Peserta:

Tanda Tangan peserta:

Tanggal :

Lampiran B1-3 : Surat Lam Peuneulitian



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Judul Peuneulitian : Efek Manajemen Bencana terhadap Partisipasi NGO asing dan Ulama dalam Bantuan Tsunami di Aceh

Nan Peuneulti : Mulyagus Usman Muhammad

Nyoe“ saboh surat izin untuk syehdara-syehdara yang ikot lam saboh peuneulitian yang teungoh lon peugot. Syehdara di lake“ ikot karena tom terlibat lam kegiatan bencana di Aceh. Misai“ jih syehdara setuju, lon lake“ syehdara untuk kemudahan hate“ menandatangan saboh surat nyoe“. Maksud peuneulitian nyoe“ untuk meu“kalon peu“-peu“ hai“ akibat yang tom pernah berlaku seulama dukungan dan bantuan yang tom di jok oleh NGO lua“. Ateuh roh drone“-droneuh sangat meubantu lon untuk menteupeu“ pakiban hase“ dari perubahan yang dipeubeut oleh NGO lua“ lam lingkungan dron-droneuh di Aceh. Wakte“ yang lon lake“ lam pertemuan tanyoe untuk marit hanya seulama si jeum. Hase“ dari tanyoe marit lon peugot saboh reukaman untuk meubantu lon peugot hase“ laporan. Nyoe lon lake u syehdara-syehdara untuk pasoe“ saboh biodata paneuk“ (misa“ jih sikulah dan peukerjaan). Nyoe hase“ lon jaga dan lon rahasiakan, ateuh hase“-hase“ peuneulitian nyoe lon peugot saboh laporan tapi nan-nan droneuh hana lon peu“ tamong. Habeh nyoe eunteuk lon peugadoh seuteulah limong ton dari jinoe“. Ateuh ikot syehdara lam peuneulitian nyoe“ dan ateuh keiklasan droneuh yang hana lon paksa.

Misai“ na-na sapu“ hai jeut hubungi lon di (+62) 8227372-9000 / (+60) 175338411 dan jeut di email mulyagus.msi@gmail.com. Lon kaleuh baca surat nyoe“, maka lon setuju untuk menandatangani saboh surat peneulitian nyoe“.

Nan Droneuh :

Tanda Tangan : tanggai“

Lampiran B2 : Protokol Penyelidikan

Lampiran B2-1 : Protokol Penyelidikan Pertama



Bagaimanakah kesan pengurusan bencana tsunami mengikut fasa-fasa (*pencegahan, tindak balas kecemasan dan pemulihan & pembinaan*) yang dilaksanakan di Aceh ?

SOALAN-SOALAN

A. Latar belakang peserta (*Mangsa, bekas staff NGO asing dan pihak kerajaan*)

1. Umur
2. Jantina
 Lelaki
 Perempuan
3. Pengajian
.....
.....

B. Tempat & Masa

Tempat : Tarikh :
Masa mula : Masa akhir :

C. Soalan-soalan selidik yang sebenarnya :

1. Coba saudara jelaskan keadaan sebelum dan selepas bencana tsunami ?
2. Bagaimana tanggapan saudara terhadap pengurusan bencana daripada mula fasa pencegahan, fasa tindak balas kecemasan, fasa pemulihan dan pembinaan di Aceh ?
3. Adakah tindakan-tindakan yang dilakukan sesuai dan pantas semasa pengurusan bencana dilaksanakan ?
4. Apakah kesan pengurusan bencana di Aceh ?

Lampiran B2-2 : Protokol Penyelidikan Kedua



Bagaimanakah kesan penyertaan komuniti semasa pengurusan bencana tsunami di Aceh ?

SOALAN-SOALAN

A. Latar Belakang Peserta (*Mangsa, bekas pekerja NGO, Ulama dan pihak kerajaan*)

1. Umur

2. Jantina

Lelaki

Perempuan

3. Pengajian

.....

.....

4. Pengalaman

.....

.....

B. Tempat & Masa

Tempat :

Masa mula :

Tarikh :

Masa akhir :

C. Soalan selidik yang sebenarnya

1. Apakah saudara terlibat secara langsung semasa pengurusan bencana di Aceh, (*kalau ada mohon penjelasannya*) ?

2. Cuba saudara jelaskan pelbagai tindakan yang dilakukan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat ?

3. Bagaimana tanggapan saudara terhadap proses pengurusan bencana yang dilakukan di Aceh ?

4. Bagaimana usaha saudara boleh bekerjasama dengan mangsa dan masyarakat?

Lampiran B2-3 : Protokol Penyelidikan Ketiga



Apakah bentuk bantuan kemanusiaan yang diagihkan dalam persekitaran mangsa tsunami di Aceh ?

SOALAN-SOALAN

A. Latar Belakang Peserta (*Mangsa, bekas pekerja NGO asing dan kerajaan*)

1. Umur

2. Jantina

- Lelaki
 Perempuan

3. Pengajian

.....

4. Pengalaman

.....

.....

B. Tempat & Masa

Tempat :

Tarikh :

Masa mula :

Masa akhir :

C. Soalan selidik yang sebenarnya

1. Bantuan apa sahaja yang pernah saudara agihkan dalam persekitaran mangsa dan masyarakat ?

2. Cuba saudara jelaskan bentuk program yang dilaksanakan bersama NGO asing dalam persekitaran mangsa dan masyarakat ?

3. Apakah program yang dilaksanakan oleh NGO asing memiliki halangan dan kendala pada persekitaran mangsa dan masyarakat ?

4. Apakah program bantuan yang dilaksanakan boleh mencetuskan kesan negatif kepada mangsa dan masyarakat di Aceh?

Lampiran B2-4 : Protokol Penyelidikan Keempat



Apakah kesan keterdedahan selepas pengurusan bencana tamat dalam persekitaran mangsa dan masyarakat di Aceh ?

SOALAN-SOALAN

D. Latar Belakang Peserta (*Mangsa, Ulama dan pihak kerajaan*)

1. Umur

2. Jantina

Lelaki

Perempuan

3. Pengajian

.....

.....

4. Pengalaman

.....

.....

E. Tempat & Masa

Tempat : Tarikh :

Masa mula : Masa akhir :

F. Soalan selidik yang sebenarnya

1. Bagaimana keadaan selepas pengurusan bencana tamat di Aceh ?

2. Apakah ada kesan perubahan kepada mangsa dan masyarakat selepas pengurusan bencana tamat seiring bantuan berakhir di Aceh ?

3. Cuba jelaskan faktor-faktor penyebab perubahan itu ?


4. Apakah perubahan yang berlaku itu boleh mencetuskan kesan negatif boleh membawa permasalahan baharu di Aceh ?

Lampiran B3 : Peta Provinsi Aceh




Sumber : Bappeda Provinsi Aceh (2015)

Lampiran B3-1 : Peta Daerah Aceh Barat



Sumber : Bappeda Kabupaten Aceh (2015)

Lampiran B3-2 : Peta Kepulauan Simeulue



Sumber : Bappeda Kabupaten Simeulue (2015)

Lampiran B3-3 : Peta Kepulauan Simeulue Terjejas Tsunami



Sumber : Badan Penanggulangan Bencana Daerah Aceh

Lampiran B4 : Diari dan Catatan Penyelidik

Tarik 26 Disember 2004, Pukul 07.30 am – 03.00 pm

Pada pagi Ahad penyelidik masih dalam bilik tidur, tetapi tiba-tiba merasakan gempa bumi yang kuat dan memaksakan penyelidik keluar daripada bilik tidur dan mencari ibu dan bapa penyelidik, penyelidik keluar dengan merangkak di atas tanah sehingga tamatnya gegaran. Gempa bumi itu dirasakan amat kuat dan membuat tidak ada keseimbangan badan penyelidik di atas tanah dan gegaran itu berlaku sehingga 10 minit. Selepas gegaran berhenti, penyelidik melihat keadaan tenang, kemudian penyelidik kembali ke rumah untuk menjumpai ibu dan bapa penyelidik, tetapi 15 minit kemudian penyelidik mendengar orang menjerit dan menyebutkan air laut naik. Penyelidik awal mula tidak merasai risau kerana air laut kerap berlaku pasang surut di kawasan penyelidik, tetapi bunyi jeritan semakin kuat dan membuat penyelidik pergi melihat, dan penyelidik terkejut melihat fenomena air laut dan membuat fikiran penyelidik kosong dan badan berasa lemah serta berlari bersendirian tanpa arah sehingga penyelidik terlilit wayer tiang elektrik. Selepas wayer gegelung elektrik longgar dari badan penyelidik, maka penyelidik mencari tempat yang aman seperti memanjat pokok kayu. Selepas itu, penyelidik nampak dari jauh kakak dan abang ipar penyelidik, kemudian penyelidik menyelamatkan mereka dan membawa kepada yang lebih aman, selanjutnya penyelidik mencari ibu dan bapa penyelidik, tetapi tidak dijumpai. Selepas air laut reda, penyelidik bertanya kepada saudara tentang ibu, bapa dan tiga keponakan penyelidik yang masih kecil, abang ipar penyelidik menjelaskan bahawa mereka telah terbawa-bawa oleh arus air laut. mendengar penjelasan mereka, berasa sedih dan memuat penyelidik semakin lemas.

Selepas satu jam di atas pokok, penyelidik telah memilih untuk turun dan mencari tempat yang lebih selamat dan pergi ke timur dengan matlamat mencari tempat saudara penyelidik. Namun air laut kembali naik ke darat dan membuat penyelidik dan saudara penyelidik kembali mencari tempat yang selamat supaya tidak terdedah kepada air laut dan kejadian ini terus selama tujuh kali. Selepas air laut surut ke belakang, penyelidik dan saudara penyelidik berjalan kembali ke timur, dan penyelidik melihat mayat bertaburan dan dipijak oleh orang ramai. Kebimbangan dan ketakutan telah hilang dan terus berjalan dengan mayat mati di sekeliling penyelidik. Hampir sembilan jam penyelidik berjalan dan berjuang daripada gelombang tsunami yang akhirnya sampai ke destinasi. Selepas itu, penyelidik disambut dengan laungan air mata dan pelukan, tiada kesedihan yang lebih dirasai kerana fikiran penyelidik seolah kosong. Tetapi dengan kekuatan iman, penyelidik merasa ikhlas terhadap apa yang berlaku dan percaya ada hikmah di sebalik segala-galanya. Bencana tsunami telah membuat penyelidik kehilangan bapa, ibu dan tiga anak saudara dan beberapa famili. Selepas minggu pertama hingga minggu ketiga, bala bantuan tidak datang ke tempat penyelidik, Tetapi minggu keempat baharu ada bala bantuan datang. penyelidik berterima kasih telah diselamatkan oleh mereka, dan kemudian penyelidik tinggal di kem-kem perlindungan sementara yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Aceh.

Januari 2005 – maret 2005 / fasa tindak balas kecemasan

Dalam tempoh enam bulan pertama penyelidik tinggal di kem-kem perlindungan sementara, dan pada masa itu penyelidik lihat ramai orang-orang daripada pelbagai luar negara (asing) melawat ke kawasan Aceh Barat. Mereka mula hanya membuat penilaian (survey) dan kemudian kembali dengan wujud kumpulan-kumpulan seperti *NGO* asing untuk memulaikan menjalankan aktivitinya di Aceh Barat. *NGO* asing yang boleh dirakam oleh penyelidik seperti *Oxfam, Caritas, World Vision, CRS* dan *NGO Mercy Corp* dengan program Cash Fork Work iaitu program memperkasakan masyarakat untuk boleh berkerja dan diberikan wang tunai dengan hanya membersihkan rumah, saliran, memungut sampah tsunami atau mengangkat bot terdampar ke pantai. Penyelidik melihat lelaki dan perempuan mengambil peluang untuk program ini, hanya untuk mendapatkan wang tunai antara Rp. 35,000 hingga Rp.50,000. Permulaan program Cash Fork Work ini sangat berguna, di mana mangsa-mangsa tsunami yang kehilangan ahli keluarga masih dalam keadaan sedih, tetapi dengan mengikuti program itu telah disibukkan dengan pekerjaan dan membuat penat sehingga pada

waktu malam boleh berehat dengan baik sekaligus mengurangkan tekanan dan trauma. Tetapi program itu, telah menghakis nilai-nilai dalam kehidupan masyarakat seperti contoh aktiviti gotong royong, di mana ia terbukti banyak penduduk di kawasan Aceh Barat jika akan melaksanakan satu aktiviti bersama untuk kepentingan kampung sentiasa bertanya apakah tersedia wang untuk kegiatan itu. Kejadian ini juga menimpa penyelidik ketika akan melakukan penyelidikan terhadap kajian yang sedang disiasat, sehingga penyelidik selalu menyediakan wang sebesar Rp. 50.000 untuk mendapatkan maklumat dalam kajian ini, ataupun dengan mengajak mereka untuk minum kopi sebagai upaya mendapatkan jasa dari peserta yang akan di temu dugaoleh penyelidik.

Seperti yang penjelasan sebelum ini oleh penyelidik, daripada mula terdapat beberapa *NGO* asing yang datang ke Aceh Barat hanya melaksanakan aktiviti-aktiviti penilaian untuk keperluan kepada mangsa tsunami di Aceh. Selepas itu mereka kemudian mereka pergi dan kembali lagi dengan aktiviti membuka pejabat-pejabat di Aceh Barat. Penyelidik merasakannya bagaimana harga sewa rumah melambung tinggi, daripada awal mula hanya Rp. 15 juta - Rp.20 juta setahun. Namun dengan ramainya *NGO* asing telah menjadi harga sewa Rp.150 juta - Rp.200 juta setahun. Walau bagaimanapun, *NGO* asing tidak mahu tahu dengan melambungnya harga sewa rumah, kerana mereka memerlukan pejabat-pejabat untuk dapat memulakan aktiviti pengurusan bencana di Aceh Barat. Terdapat beberapa *NGO* asing yang boleh dirakam oleh penyelidik awal mula membuka pejabat seperti *CRS* di Jalan Manekro, *World Vision* di Jalan Bakti Pemuda, *Caritas* di Padang Seurahet, Pasir dan Suak Indrapuri, *UNHCR* di depan Kantor Bupati, *UNDP* di belakang Masjid Agung, *Islamic Relief* di Jalan Nasional dan lainnya. Semua pejabat itu dibuka selepas enam bulan bencana tsunami di Aceh.

April 2005 – Desember 2009 / Fasa pemulihan dan fasa pembinaan

Selepas tamatnya fasa tindak balas kecemasan, baharu beberapa *NGO* mulai melaksanakan proses asesement untuk memula pembinaan rumah permanen masyarakat, namun sebelum ke arah itu beberapa *NGO* dan juga *Federasi Red Cross* berinisiatif membangun rumah sementara pengganti tenda, setelah enam bulan, Pemerintah Daerah melalui Gubernur Aceh, Mustafa Abu Bakar mulai mencanangkan bebas tenda, setelah sepuluh bulan program ini baru dapat diselesaikan, di mana *Federasi Red Cross* adalah yang paling besar jasa dan projeknya, mereka membeli hampir 500 ribu unit shelter yang terbuat dari rangka besi dan papan steam yang didatangkan dari Thailand dengan harga berkisar Rp. 42 juta/unit. Di samping itu beberapa *NGO* asing juga telah melakukan hal yang sama dengan membuat rumah sementara yang terbuat dari triplek seperti di Panggong, Arongan dll.

